

Kerjasama Serantau dan Ekonomi Digital

Kerjasama Serantau dan Ekonomi Digital

Ucapan Pilihan

DR. MAHATHIR MOHAMAD
Perdana Menteri Malaysia

Editor

Hashim Makaruddin

Penterjemah

**Rahayu Ibrahim
Suziana Abd. Aziz**



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD



UiTM

Buku **Kerjasama Serantau dan Ekonomi Digital** ini ialah terjemahan yang sah daripada buku **Regional Cooperation and the Digital Economy** terbitan Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 113307-W) 24 Jalan 20/16A, 46300 Petaling Jaya, Selangor DE.

Diterbitkan oleh
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (No. Syarikat: 276206-D)
Wisma ITNM, No. 2, Jalan 2/27E
Seksyen 10, Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur.
Malaysia.
Tel: 603-41497210 Faks: 603-41437215/41432939/41491535
E-mel: info@itnm.com.my Laman Web: www.itnm.com.my

Cetakan Pertama 2003
© Mahathir Mohamad

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada pemegang hak cipta.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mahathir bin Mohamad, Dato' Seri, 1925-

Kerjasama serantau dan ekonomi digital: ucapan pilihan
Dr. Mahathir Mohamad Perdana Menteri Malaysia / diedit oleh
Hashim Makaruddin ; penterjemah Rahayu Ibrahim, Suziana Abd. Aziz.
Mengandungi indeks
ISBN 967-61-1367-0
1. Malaysia--Foreign economic relations. 2. Electronic commerce--
Economic aspects. 3. Information technology--Economic aspects.
I. Hashim Makaruddin. II. Rahayu Ibrahim. III. Suziana Abd. Aziz.
IV. Judul.
337.595

337.595

mal

Dicetak oleh
PERCETAKAN CERGAS (M) SDN. BHD.
No. 29, Jalan 2/148A,
Tmn. Sg. Besi Industrial Park,
57100 Kuala Lumpur.

28 OCT 2003

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
APB 01114329

KANDUNGAN

PRAKATA	x
BAB 1 INDUSTRI TELEKOMUNIKASI TANPA WAYAR ABAD KE-21	1
UCAPAN YANG DISAMPAIKAN DI MAJLIS PEMBUKAAN SIMPOSIUM TANPA WAYAR DAN TELEKOMUNIKASI ANTARABANGSA 1999 DI SHAH ALAM, MALAYSIA, PADA 19 MEI 1999.	
BAB 2 PELAN TINDAKAN HANOI UNTUK PEMULIHAN EKONOMI	5
UCAPAN YANG DISAMPAIKAN DI SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-6 DI HANOI, VIETNAM, PADA 15 DISEMBER 1998.	
BAB 3 MSC DAN PERTUMBUHAN E-DAGANG	9
UCAPAN YANG DISAMPAIKAN DI PERSIDANGAN MEJA BULAT PAKAR EKONOMI DALAM MASYARAKAT ELEKTRONIK ASIA DI SERI KEMBANGAN, MALAYSIA, PADA 13 JANUARI 1998.	
BAB 4 DASAR 'MEMAKMURKAN JIRAN ANDA' UNTUK PEMULIHAN EKONOMI	15
UCAPAN YANG DISAMPAIKAN DI DIALOG PASIFIK KE-4 DI SERI KEMBANGAN, MALAYSIA, PADA 12 JANUARI 1998.	
BAB 5 PENGHORMATAN SEKTOR SWASTA KEPADA ASEAN	20
UCAPAN YANG DISAMPAIKAN DI PERSIDANGAN 'PENGHORMATAN SEKTOR SWASTA KEPADA ASEAN' DI PETALING JAYA, MALAYSIA, PADA 13 DISEMBER 1997.	
BAB 6 DI AMBANG REVOLUSI SIBER	27
UCAPAN YANG DISAMPAIKAN DI PERSIDANGAN PELABURAN KANADA DI OTTAWA, KANADA, PADA 21 NOVEMBER 1997.	

BAB 7	KERJASAMA SELATAN-SELATAN	37
	UCAPAN YANG DISAMPAIKAN DI MAJLIS PEMBUKAAN MESYUARAT PERINGKAT SIDANG KEMUNCAK KE-7 G15 DI SERI KEMBANGAN, MALAYSIA, PADA 3 NOVEMBER 1997.	
BAB 8	USAHA KERJASAMA EKONOMI ASEAN	42
	UCAPAN YANG DISAMPAIKAN DI MESYUARAT KE-29 MENTERI-MENTERI EKONOMI ASEAN DI PETALING JAYA, MALAYSIA, PADA 16 OKTOBER 1997.	
BAB 9	MEMBENTUK SEMULA MASA DEPAN BERSAMA	48
	UCAPAN YANG DISAMPAIKAN DI PERSIDANGAN MULTIMEDIA ASIA 1997 DI SERI KEMBANGAN, MALAYSIA, PADA 16 SEPTEMBER 1997.	
BAB 10	ASEAN YANG AMAN DAN MAKMUR	54
	UCAPTAMA YANG DISAMPAIKAN DI MAJLIS PEMBUKAAN MESYUARAT PERINGKAT MENTERI ASEAN KE-30 DI PETALING JAYA, MALAYSIA, PADA 24 JULAI 1997.	
BAB 11	KORIDOR RAYA MULTIMEDIA: JAMBATAN GLOBAL KE ABAD DUNIA	61
	UCAPAN TENTANG MSC: JAMBATAN GLOBAL DARI EROPAH KE ASIA UNTUK ABAD DUNIA YANG DISAMPAIKAN DI IMPERIAL COLLEGE DI LONDON, UNITED KINGDOM, PADA 20 MEI 1997.	
BAB 12	CYBERJAYA: WADAH KEMEKARAN KREATIVITI DAN DAYA CIPTA	70
	UCAPAN YANG DISAMPAIKAN DI UPACARA PECAH TANAH CYBERJAYA DI SEPANG, MALAYSIA, PADA 17 MEI 1997.	
BAB13	ABAD DIGITAL: PELUANG KERJASAMA MALAYSIA-JEPUN	75
	UCAPAN YANG DISAMPAIKAN DI SEMINAR PELABUR KORIDOR RAYA MULTIMEDIA DI FUKUOKA, JEPUN, PADA 28 MAC 1997.	
BAB 14	JAMBATAN GLOBAL KE ERA MAKLUMAT	81
	UCAPAN YANG DISAMPAIKAN DI SEMINAR PELABUR KORIDOR RAYA MULTIMEDIA DI UNIVERSITY OF CALIFORNIA, LOS ANGELES, PADA 15 JANUARI 1997.	
BAB 15	HIBURAN DIGITAL DALAM DUNIA BERANGKAIAN	94
	UCAPAN YANG DISAMPAIKAN DI MAJLIS MAKAN TENGAH HARI YANG DIHADIRI OLEH MASYARAKAT HIBURAN BEVERLY HILLS DI BEVERLY HILLS, LOS ANGELES, PADA 14 JANUARI 1997.	

KANDUNGAN

BAB 16	MEWUJUDKAN KOMUNITI APEC KERTAS KERJA YANG DIBENTANGKAN DI MAJLIS PENUTUP FORUM PERNIAGAAN APEC DI MANILA, FILIPINA, PADA 23 NOVEMBER 1996.	101
BAB 17	KORIDOR RAYA MULTIMEDIA: MEREALISASIKAN SEBUAH WAWASAN UCAPAN YANG DISAMPAIKAN DI MAJLIS PEMBUKAAN MULTIMEDIA ASIA 1996 TENTANG KORIDOR RAYA MULTIMEDIA DI KUALA LUMPUR, MALAYSIA, PADA 1 OGOS 1996.	107
BAB 18	KORIDOR RAYA MULTIMEDIA: PELUANG BAGI INDUSTRI JEPUN UCAPAN YANG DISAMPAIKAN DI PERHIMPUNAN PEMIMPIN PERNIAGAAN JEPUN TENTANG KORIDOR RAYA MULTIMEDIA DI TOKYO, JEPUN, PADA 15 MEI 1996.	117
BAB 19	EVOLUSI MASYARAKAT MAKLUMAT GLOBAL UCAPAN YANG DISAMPAIKAN DI PERSIDANGAN TELEPORT 1996 DI TOKYO, JEPUN, PADA 13 MEI 1996.	122
BAB 20	MEMBINA RANTAU MAKMUR YANG KURANG BERMASALAH DAN LEBIH BEKERJASAMA UCAPAN YANG DISAMPAIKAN DI DIALOG PASIFIK KE-2 DI KUALA LUMPUR, MALAYSIA, PADA 8 JANUARI 1996.	129
BAB 21	ASEAN; MEMBENTUK ORDE SERANTAU KERTAS KERJA YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN ASEAN KE-5 DI BANGKOK, THAILAND, PADA 14 DISEMBER 1995.	136
BAB 22	EKONOMI DIGITAL DAN DUNIA TANPA SEMPADAN UCAPAN YANG DISAMPAIKAN DI MAJLIS PEMBUKAAN RASMI PERSIDANGAN INFOTECH '95 DI KUALA LUMPUR, MALAYSIA, PADA 1 NOVEMBER 1995.	141
BAB 23	KERJASAMA PEMBANGUNAN SERANTAU ASIA DAN PASIFIK KERTAS KERJA YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT KERJASAMA PEMBANGUNAN SERANTAU ASIA DAN PASIFIK DI KUALA LUMPUR, MALAYSIA, PADA 28 MAC 1995.	146
BAB 24	PERCANGGAHAN DALAM PEMBANGUNAN UCAPAN YANG DISAMPAIKAN DI SIDANG KEMUNCAK DUNIA	152

PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU UNTUK PEMBANGUNAN SOSIAL DI COPENHAGEN, DENMARK, PADA 11 MAC 1995.

BAB 25	MALAYSIA DAN CHINA DALAM ABAD KE-21: KEMAKMURAN MELALUI KERJASAMA	156
	UCAPAN YANG DISAMPAIKAN DI PERSIDANGAN PERDAGANGAN DAN PELABURAN ANTARABANGSA DI KUALA LUMPUR, MALAYSIA, PADA 23 JANUARI 1995.	
BAB 26	PEMBANGUNAN ASIA TIMUR: PENCAPAIAN DAN CABARAN	163
	UCAPAN YANG DISAMPAIKAN DI DIALOG PASIFIK PERTAMA DI PULAU PINANG, MALAYSIA, PADA 13 NOVEMBER 1994.	
BAB 27	ERA PASIFIK: WAWASAN MASA DEPAN	171
	UCAPAN YANG DISAMPAIKAN DI MESYUARAT AGUNG ANTARABANGSAKE-27 MAJLIS EKONOMI LEMBANGAN PASIFIK (PBEC) DI KUALA LUMPUR, MALAYSIA, PADA 23 MEI 1994.	
INDEKS		178

PRAKATA

DENGAN berpegang teguh pada kerjasama serantau dan antarabangsa demi faedah bersama, Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, dalam himpunan ucapannya yang ditulis dan disampaikan pada tahun 1990-an, berkongsi pendapatnya tentang Asean, APEC, Kerjasama Selatan-Selatan dan peri pentingnya hubungan yang erat antara negara. Dalam menyokong penyepaduan ekonomi serantau dan antarabangsa, Dr. Mahathir percaya kerjasama sedemikian tidak dapat berkembang dalam rangka hubungan guru-murid. Sebaliknya, hubungan itu hendaklah dijalin atas dasar saling menghormati kedaulatan dan sensitiviti pihak lain.

Sejak sekian lama, sama ada kita mahu mengakuinya atau tidak, manusia dan negara dibelenggu oleh dasar 'memiskinkan jiran anda'. Kita tidak suka melihat orang lain senang, terutamanya jika mereka lebih berjaya daripada kita, malah kita tidak berusaha untuk membantu orang lain agar mereka benar-benar maju. Sebaliknya, kita mencuba sedaya upaya untuk mengalahkan dan menjatuhkan mereka. Dr. Mahathir, dalam himpunan ucapan ini, menyokong kuat dasar 'memakmurkan jiran anda'. Dengan menyokong pendekatan menang-menang bagi kerjasama serantau dan antarabangsa, beliau berharap dapat membuka laluan baru ke arah keamanan dan kemakmuran. Menurut beliau, berusaha untuk kebaikan bersama patut menjadi amalan masa depan. Sudah tiba masanya untuk kita semua, bukan sahaja di Asia tetapi juga di segenap pelosok dunia, untuk mengatasi ketaksabaran terhadap keuntungan segera jangka pendek dan beralih kepada sikap saling menghormati, setia kawan dan pengayaan yang sebenar.

Dr. Mahathir juga berkongsi pandangannya, melalui beberapa ucapannya, tentang kemajuan teknologi yang terus-menerus mengubah dunia masa kini; bagaimana ia mengubah cara hidup kita dan cara kita mengurus niaga. Beliau

percaya kita tidak mempunyai banyak pilihan selain terpaksa menerima pakai ekonomi Internet. Sekiranya kita menentang atau tidak mengendahkan kemajuan ini, kita sendiri yang akan menanggung risikonya dan ketinggalan dari segi ekonomi global. Malah, reaksi Malaysia untuk merebut peluang yang ditawarkan oleh masa depan digital ini adalah dengan mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang kini sedang giat dipromosikan oleh Malaysia.

HASHIM MAKARUDDIN
Editor

Bab 1

INDUSTRI TELEKOMUNIKASI TANPA WAYAR ABAD KE-21

IZINKAN saya memulakan ucapan ini dari sudut pandangan politik semasa yang tepat tentang telekomunikasi tanpa wayar. Ketika Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU atau *International Telecommunication Union*) ditubuhkan pada 1865, telegraf merupakan perintis teknologi. Pada 1876, Alexander Graham Bell membuat panggilan telefon pertama apabila beliau mengungkapkan dan menyampaikan kata-kata masyhur ini kepada pembantunya, “Watson, tolong ke mari, saya perlukan anda.” Komunikasi tanpa wayar melalui hubungan radio gelombang mikro yang pertama wujud sekitar tahun 1950 manakala komunikasi satelit pula pada tahun 1962. Telefon selular yang pertama muncul pada tahun 1983. Kehadiran Internet mula dirasai pada awal tahun 1990-an.

Kini, perintis teknologi berubah secara mendadak. Satu ratus tiga puluh empat tahun selepas telegraf, telekomunikasi global menjadi jaringan kompleks rangkaian pintar yang dihubungkan oleh kabel gentian optik, wayar kuprum, gelombang mikro, sistem satelit, sistem selular mudah alih, dan komputer berkelajuan tinggi. Apa yang menarik, misi asas ITU tetap utuh. Misi ini berdasarkan prinsip bahawa telekomunikasi hendaklah tersedia pada bila-bila masa dan di mana saja tanpa mengira sempadan negara. Prinsip itu masih kekal hingga ke hari ini.

Izinkan saya memberitahu pakar telekomunikasi tentang apa yang bakal terjadi satu ratus tiga puluh empat tahun dari sekarang. Saya hanya berani

Ucapan yang disampaikan di Majlis Pembukaan Simposium Tanpa Wayar dan Telekomunikasi Antarabangsa 1999 di Shah Alam, Malaysia, pada 19 Mei 1999.

menyimpulkan apa yang akan kita hadapi pada awal abad ke-21, mungkin sehingga sekitar tahun 2020.

Dari saat ini hingga ke tahun 2020, kajian menunjukkan bahawa warga dunia dijangka akan bertambah daripada kira-kira lima bilion kepada kira-kira sembilan bilion. Malah, dipercayai bahawa cabaran terbesar bagi masyarakat dunia dalam mengharungi abad ke-21 ialah cara menggunakan teknologi demi memenuhi permintaan penduduk dunia.

Telekomunikasi abad ke-21 akan bersifat digital, mudah alih dan peribadi. Kita kini menyaksikan kemajuan teknologi yang lebih pantas dan yang belum pernah terjadi dalam sejarah manusia. Kemajuan ini melanda tanpa dapat diramal dalam bentuk gelombang rangkaian komunikasi global yang hebat, dengan prestasi dan keupayaan yang terus meningkat. Permintaan terhadap maklumat yang lebih cepat, di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja, juga merangsang pertumbuhan yang belum pernah berlaku dalam industri telekomunikasi. Semakin masyarakat bersifat asas-maklumat, di mana sahaja pelanggan berada, pelanggan semakin dahagakan lebih banyak maklumat, secara yang lebih pantas dan lebih baik. Arah aliran ini akan berterusan. Bagi industri telekomunikasi pula, cabarannya adalah untuk membiasakan diri dengan perubahan yang diminta ini, dan memberikan bentuk perkhidmatan baru yang diminta pelanggan—dengan cekap dan berkesan.

Sepanjang lima tahun lalu, komunikasi suara tanpa wayar begitu pesat berkembang. Teknologi tanpa wayar membawa harapan kepada pemindahan data masa depan kerana kita semakin pantas menjadi masyarakat bermaklumat. Teknologi tanpa wayar berpotensi besar untuk memenuhi permintaan maklumat kita. Kemampuan menyediakan khidmat maklumat ini akan menghasilkan pasaran yang paling pesat pertumbuhannya pada masa kini. Teknologi tanpa wayar dilihat sebagai penggerak utama arena telekomunikasi.

Teknologi tanpa wayar mudah alih merupakan perantaraan nyata untuk mencapai Internet. Saya sedia maklum banyak universiti di seluruh dunia membangunkan rangkaian tanpa wayarnya di kampus. Rangkaian ini membolehkan kakitangan dan pelajar mendapatkan data dari mana-mana sudut kampus. Malah, pelajar boleh duduk di bawah pokok dengan berebalkan komputer riba dan membuat tugas penyelidikan menggunakan Internet.

Teknologi tanpa wayar dan Internet merupakan hasil penumpuan dua pasaran yang paling pantas pertumbuhannya dengan teknologi membangun dalam bidang telekomunikasi. Penumpuan teknologi ini sememangnya perkara pokok dalam persekitaran telekomunikasi, komputer dan penyiaran. Penumpuan juga melibatkan penggabungan teknologi analog lama dengan teknologi digital baru. Malah, penumpuan semua sektor ini menghasilkan

cara yang baru dan menarik untuk mendapatkan, memproses dan menyebarkan maklumat ke seluruh dunia.

Kesan penumpuan akan menyebabkan pertumbuhan pesat produk seperti sistem persidangan video peribadi dan sistem pesanan jenis baru seperti pesanan suara, malah e-mel video pada awal alaf baru ini. Penumpuan akan menyebabkan terjalannya telekomunikasi, komputer, penyiaran, dan penyebaran maklumat untuk menghasilkan khidmat perintis bagi audiovisual dan multimedia dalam pelbagai bentuk. Tidak lama lagi, Internet, mel elektronik dan mel suara pula dapat diperoleh dalam telefon mudah alih.

Penyepaduan khidmat merupakan falsafah strategik masa depan: sama ada ia telefon biasa, hiburan di televisyen, capaian Internet, atau telefon mudah alih. Pelanggan semakin menginginkan khidmat yang menyeluruh daripada seorang penyedia khidmat. Secara logik, mengapakah telefon, televisyen, data, Internet dan teknologi lain perlu diperoleh daripada penyedia khidmat yang berlainan, sedangkan semuanya terdiri daripada bit digital asas yang sama? Soalan yang perlu dijawab adalah: Mengapakah cakera satelit, aerial televisyen, talian telefon tetap, telefon mudah alih, dan Internet diperoleh daripada penyedia khidmat yang berlainan dan bukan daripada seorang pembekal.

Pada hakikatnya, penyedia khidmat telekomunikasi menyokong rangkaian telekomunikasi global yang sempurna supaya mereka dapat memenuhi keperluan pelanggan seluruh dunia dengan lebih baik. Mereka tahu bahawa rangkaian telekomunikasi global lebih produktif dan menguntungkan walaupun ia lebih berdaya saing.

Bagi negara membangun seperti Malaysia, telekomunikasi sangat penting. Kerajaan menggalakkan agar pembangunan industri perkhidmatan telekomunikasi negara dikawal oleh usahawan tempatan. Dengan kemunculan alaf baru, industri telekomunikasi tempatan dijangka akan memainkan peranan yang lebih penting dalam membantu membentuk masyarakat bermaklumat, sebagaimana yang termaktub dalam Wawasan 2020.

Malaysia mempunyai prospek dan peluang untuk menjadi pusat global utama bagi perkhidmatan telekomunikasi dan multimedia. Malah, peluang pertumbuhan dan kemajuan ekonomi kita bersangkut-paut dengan keupayaan menguasai teknologi telekomunikasi baru, dan oleh itu secara mendadak meningkatkan keupayaan kita dalam setiap bidang perniagaan, industri dan kehidupan amnya.

Kerajaan memperkenalkan beberapa pelarasan dasar dalam usaha membentuk masa depan industri telekomunikasi. Ini termasuklah lebih banyak kelonggaran industri dengan memperkenalkan persaingan pada 1990. Langkah ini akhirnya membawa kepada persaingan mantap melalui Dasar Capaian Saksama yang berkuat kuasa awal tahun ini. Dengan itu, Malaysia

menjadi antara negara yang paling liberal dan mempunyai pasaran khidmat telekomunikasi terbuka di rantau ini.

Malaysia juga baru sahaja memperkenalkan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang diluluskan oleh Parlimen dalam sesi Julai tahun lepas. Akta ini merupakan undang-undang pertama seumpama itu dalam usaha global untuk menangani isu yang timbul akibat penumpuan industri telekomunikasi, penyiaran dan komputer. Akta ini mendorong dan mengawal atur industri baru yang terbentuk akibat proses penumpuan.

Antara matlamat tertentu bagi inisiatif dasar yang diambil oleh kerajaan ke atas sektor telekomunikasi adalah untuk meletakkan negara sebagai penyedia khidmat telekomunikasi yang berdaya saing dan penggiat pasaran bertaraf dunia. Cabaran yang dihadapi penggiat tempatan ini adalah memastikan mereka setanding dengan pesaing luar. Cabaran yang dihadapi pengawal atur pula adalah memastikan persaingan itu bebas tanpa menyebabkan wujudnya situasi yang boleh menjejaskan keseluruhan pembangunan prasarana negara.

Izinkan saya mengulangi bahawa industri telekomunikasi Malaysia akan terus menggunakan pengaruh yang amat besar dan dinamik untuk mengubah negara. Penyebaran pengaruh teknologi baru dan lebih maju ini, termasuk hakikat tentang prasarana global, menyebabkan kita perlu giat menyertai pasaran dunia. Saya percaya, industri telekomunikasi akan memainkan peranan proaktif dalam memimpin dan mengubah ekonomi Malaysia menjadi sebuah ekonomi asas maklumat abad ke-21.

Bab 2

PELAN TINDAKAN HANOI UNTUK PEMULIHAN EKONOMI

SETAHUN telah berlalu sejak Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean ke-2 diadakan di Kuala Lumpur, apabila kita sebagai satu kumpulan membincangkan masalah kewangan yang melanda ekonomi kita. Setelah dilihat dari semua segi, tahun lepas merupakan tempoh yang paling sukar dan mencabar bagi negara kita. Walaupun kita bersungguh-sungguh untuk mencegah masalah daripada menjadi bertambah rumit, namun kegawatan kewangan terus meningkat menjadi krisis ekonomi.

Selepas pertumbuhan hebat selama sedekad, kebanyakan daripada kita di rantau ini kini menghadapi pertumbuhan sifar atau negatif bagi tahun 1998. Di Malaysia, kami menjangka Keluaran Dalam Negara Kasar merosot sehingga 6 peratus atau lebih pada tahun ini. Pada kemuncak kegawatan, nilai ringgit Malaysia menurun sehingga kira-kira 60 peratus berbanding dolar AS akibat pedagang mata wang, manakala pasaran saham kami kehilangan dua per tiga pemodalannya, iaitu lebih daripada AS\$200 bilion. Sebagai sebuah negara dan rakyat, kami jatuh miskin. Bank dan syarikat kami hampir musnah.

Untuk keluar daripada kemelut itu, negara Asean memulakan pelbagai langkah makroekonomi dan reformasi kewangan. Walaupun Malaysia bukan penerima bantuan IMF, tindakan awal kami adalah menerapkan pendekatan ala IMF. Kami dapati langkah ini memburukkan lagi keadaan

Ucapan yang disampaikan di Sidang Kemuncak Asean ke-6 di Hanoi, Vietnam, pada 15 Disember 1998.

ekonomi dan gagal mengembalikan keyakinan pelabur asing. Memandangkan masyarakat antarabangsa enggan melakukan apa-apa, Malaysia tiada pilihan lain kecuali mengubah haluannya sendiri.

Apabila krisis kewangan bermula, Malaysia meminta agar aktiviti perdagangan mata wang dibendung bagi mengelakkan ekonomi kami daripada jatuh menjunam akibat penurunan nilai mata wang dan serangan terhadap pasaran saham. Sungguhpun aliran masuk modal dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kemakmuran rakyat, tetapi aliran keluar yang mendadak dan secara besar-besaran boleh memusnahkan seluruh ekonomi. Sistem kewangan antarabangsa yang sedia ada tidak dilengkapi untuk menangani larian modal yang amat besar serta kegawatan kewangan dan ekonomi.

Pihak berkuasa sebaliknya lebih cenderung menyalahkan kerajaan negara yang terlibat atas apa jua kesalahan kecil. Mereka tidak membendung kegiatan penyangak mata wang, sebaliknya membenarkan penyangak ini memusnahkan harimau ekonomi agar negara ini terpaksa mendapatkan bantuan dan menerima pembaharuan yang ditetapkan IMF.

Malaysia tidak sanggup menunggu sedangkan negara ekonomi maju dan institusi kewangan antarabangsa masih berlengah-lengah. Justeru, kami menubuhkan Rancangan Pemulihan Ekonomi Negara (NERP atau *National Economic Recovery Plan*). Dengan menjauhkan ringgit Malaysia daripada jangkauan spekulator mata wang, kami sentiasa memastikan penjualan jangka pendek pasaran kami berakhir dan kejatuhan nilai mata wang yang menjadi penyebab langsung dihentikan. Apabila bebas daripada ancaman penurunan nilai dan pemusnahan syarikat serta bank, barulah kami dapat mengambil langkah untuk menghidupkan semula ekonomi.

Dengan menurunkan kadar faedah, meningkatkan kecairan, memodalkan semula bank, dan menguruskan NPL serta banyak langkah lain, kami berjaya menghentikan kegawatan dan memulihkan ekonomi. Apa yang kami lakukan hanyalah untuk melindungi negara daripada spekulator yang sentiasa mencari mangsa. Selain itu, ekonomi kami sentiasa terbuka seperti sebelumnya. Pelabur asing boleh dan masih memasuki pasaran kami, perdagangan diteruskan tanpa gangguan dan keuntungan dapat diperolehi semula. Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) tetap terbuka kepada pelabur asing, tertakluk hanya kepada penahanan pelaburan saham selama setahun. Pemodalan pasaran saham berganda sejak langkah ini dilaksanakan.

Suka saya tekankan bahawa sebelum ini, mata wang dan pasaran saham memang dikawal rapi. Kami membuat kelonggaran kerana berpegang pada prinsip pasaran bebas. Malangnya, kelonggaran ini disalahgunakan dan mengakibatkan kemelesetan ekonomi serta kewangan. Kami tiada pilihan kecuali mengenakan semula kawalan. Selagi masyarakat antarabangsa be-

lum bersetuju mengadakan aturan kewangan antarabangsa yang akan menghapuskan bahaya seperti yang kami hadapi ini, kami akan terus menegenakan kawalan.

Pemulihan ekonomi negara Asean hanya dapat dicepatkan dalam persekitaran serantau dan antarabangsa yang lebih baik. Kerjasama Asean selama tiga puluh tahun memberi negara Asia Tenggara kestabilan dan perpaduan yang membawa kepada pertumbuhan ekonomi dan peningkatan taraf hidup yang belum pernah berlaku. Malangnya, krisis ekonomi menguji ketahanan negara anggota Asean dengan begitu hebat sehinggakan hubungan antara negara anggotanya menjadi tegang.

Tindak balas Asean terhadap cabaran yang melanda rantau itu mencerminkan keadaan Asean yang kucar-kacir, dengan negara anggotanya bertelingkah sesama sendiri. Malaysia percaya sikap mengekalkan hubungan positif antara negara perlu dipupuk secara sedar. Asean mempunyai wang yang diperlukan untuk keluar daripada kemelut ini. Saya merujuk kepada pendekatan Asean, kaedah kerjanya dan prinsip yang mengawal perhubungan antara negara anggota. Ini terkandung dalam pelbagai perisytiharan, perjanjian dan pernyataan Asean yang dibuat sepanjang tahun. Kita hendaklah berpegang teguh padanya, lebih-lebih lagi pada waktu ini.

Sidang kemuncak ini sepatutnya membantu mewujudkan persekitaran yang merangsang hubungan dan pertumbuhan serantau yang positif. Oleh itu, saya amat gembira Perisytiharan Hanoi yang akan ditandatangani kelak dan Pelan Tindakan Hanoi yang akan kita terima pakai, menekankan banyak prinsip dan tindakan yang telah dipersetujui bersama.

Malaysia menyokong kuat langkah untuk mengukuhkan kerjasama ekonomi serantau dan meneguhkan asas ekonomi negara anggota Asean. Kami akan bekerjasama dengan rakan niaga Asean untuk memperkukuh dan melindungi rantau ini daripada gangguan luar dengan sebaik mungkin. Kami akan terus menyokong penyatuan ekonomi yang lebih besar dan mempercepat pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA atau *Asean Free Trade Zone*).

Krisis ekonomi menjatuhkan ekonomi Asean dan menggugat kestabilan negara. Jutaan rakyat dibuang kerja manakala yang lainnya mempunyai kuasa beli yang menurun secara mendadak. Perniagaan besar atau kecil jatuh bankrap. Kesejahteraan sosial rakyat terganggu. Oleh sebab itu, Malaysia mengalu-alukan langkah yang disyorkan dalam Pelan Tindakan Hanoi bagi menggalakkan pembangunan sosial dan menangani kesan sosial yang tercetus serta-merta akibat krisis kewangan.

Malaysia khususnya tertanti-nantikan Sidang Kemuncak Asean ke-2 dan ke-3 yang akan dihadiri pemimpin China, Jepun dan Korea Selatan. Disebabkan beban ekonomi mereka, dasar dan langkah yang diambil ketiga-

tiga negara Asia Timur ini memberi kesan yang amat besar, bukan sahaja terhadap ekonomi serantau tetapi juga global. Malaysia menghargai komitmen China yang tidak menurunkan nilai mata wangnya serta usahanya mengubah ekonomi dan pertumbuhan domestik. Malaysia juga menyambut baik penyusunan semula oleh Jepun terhadap sektor kewangannya, dan usahanya menyediakan pakej bantuan berjumlah AS\$30 bilion untuk membantu negara Asia mengatasi kegawatan ekonomi semasa.

Kegawatan kewangan menekankan banyak cabaran yang terdapat dalam globalisasi. Walaupun kita menerimanya, kita haruslah sentiasa berwaspada terhadap bahaya di sebaliknya. Sungguhpun Malaysia menyambut baik keputusan Menteri-menteri Kewangan G7 pada Oktober 1998 untuk mengukuhkan sistem kewangan antarabangsa, kita perlu ingat bahawa mereka melihatnya dari kedudukan mereka yang tinggi. Masalah kita tidak mungkin mendapat perhatian mereka. Maka, kita perlu mengadakan forum yang lebih sesuai untuk membincangkan keperluan kita.

Bab 3

MSC DAN PERTUMBUHAN E-DAGANG

PERBINCANGAN tentang masyarakat elektronik di Asia memang bertepatan dengan kemajuan pesat 'ekonomi digital', dengan perdagangan elektronik atau e-dagang pasti akan memainkan peranan yang semakin penting. Saya gembira sesetengah ahli Panel Penasihat Antarabangsa (IAP atau *International Advisory Panel*) bagi Koridor Raya Multimedia (MSC atau *Multimedia Super Corridor*)—iaitu pakar terbaik dalam bidang tersebut—dapat meluangkan masa untuk perbincangan ini.

Penumpuan teknologi telah memaksa penumpuan industri melalui 'sistem perniagaan elektronik' bersama yang menggalakkan dan memudahkan perniagaan tanpa sempadan. Walaupun masih pada peringkat awal, e-dagang memperkenalkan sempadan baru yang akan mengubah sepenuhnya cara sesuatu perniagaan dijalankan secara global. Internet kini lebih matang sebagai media e-dagang, dengan saiz, capaian global dan kebolehcapaiannya yang semakin meluas.

Internet kini menjadi saluran berkesan bagi urus niaga komersil, dengan jumlah jualan tahunannya sebanyak AS\$1.2 bilion pada 1996. Walaupun angka ini kecil dari segi bandingan, ia dijangka akan meningkat memandangkan isu berkaitan dengan keselamatan, undang-undang dan amalan perniagaan, percukaian, piawaian teknikal umum, dan kebolehcapaian internet sentiasa memerlukan penyelesaian. Penganalisis meramalkan jumlah jualan tahunan melalui Internet akan meningkat melebihi AS\$7.3 bilion

Ucapan yang disampaikan di Persidangan Meja Bulat Pakar Ekonomi dalam Masyarakat Elektronik Asia di Seri Kembangan, Malaysia, pada 13 Januari 1998.

menjelang tahun 2000, dan melebihi ASS186 bilion menjelang 2005. Saiz dan kesan pertumbuhan ini akan memberikan implikasi yang meluas, tidak hanya dalam dunia komersil tetapi juga kepada kerajaan.

Perkembangan e-dagang, yang jelas memperlihatkan konsep 'ekonomi digital', menimbulkan banyak isu berkaitan yang mencabar amalan, undang-undang dan sistem bersama yang telah mampan. Dalam 'ekonomi digital' yang baru ini, aktiviti perniagaan dapat dijalankan dengan pergerakan minimum pekerja, wang dan, dalam kebanyakan kes, produk. Kontrak dan pemindahan nilai serta aset yang bertimbun akan dikendalikan secara elektronik. Teknologi maklumat, iaitu asas kepada ekonomi baru ini, akan terus berkembang pesat dan mempengaruhi jumlah serta haluan aktiviti ekonomi. Dalam erti kata yang sebenarnya, banyak peraturan sedia ada yang diguna pakai dalam ekonomi hari ini tidak boleh digunakan lagi dalam 'ekonomi digital'. Sama ada kita suka atau tidak, statistik menunjukkan e-dagang bakal menjadi sebahagian daripada hidup kita kelak. Kita dikehendaki mempersiapkan diri untuk menerimanya, jika tidak mahu kecaciran dan ketinggalan kerana semakin banyak urusan niaga ekonomi dan perniagaan dunia akan dikendalikan secara elektronik.

Di Malaysia, kami mengambil langkah pragmatik. Kami lebih suka menguji dan mencuba terlebih dahulu dalam keadaan yang hampir menyamai keadaan sebenar, dan bukannya membiarkan diri dibawa arus teknologi yang berkesan sementara. Jika boleh, kami juga memilih untuk tidak mengikut arus semata-mata tetapi menguasainya. Inilah sebabnya mengapa kami bergerak seiring dengan arah aliran global, menjalankan ujian untuk mengkaji kesannya terhadap negara, bekerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan, serta berusaha untuk memperkembangkan strategi yang sesuai.

Dalam keadaan inilah, kami membangunkan Agenda Teknologi Maklumat (IT atau *Information Technology*) untuk menyokong wawasan kami agar menjadi negara maju menjelang 2020. Antara lain, Agenda IT menggariskan pelbagai strategi yang akan membantu kami membentuk masyarakat berilmu melalui pembangunan manusia, prasarana dan aplikasi. Kami mula membina asas untuk menyokong masyarakat berilmu dalam bentuk MSC yang hebat, iaitu pelaburan utama kami yang pertama demi masa depan.

Ada pengkritik yang melabelkan MSC sebagai "projek mega yang hebat dan istimewa". Saya akui projek ini memang hebat tetapi bukan untuk dilaksanakan oleh rakyat Malaysia sahaja. Tentunya kami akan terlibat secara aktif, tetapi MSC ditujukan kepada seluruh dunia. Kami menganggapnya sebagai tapak ujian gergasi untuk digunakan oleh semua orang, dari mana jua. Kami akan melabur, khususnya dalam prasarana fizikal dan bukan fizikal. Dasar dan undang-undang yang telah kami rumuskan dan atur tidak merugikan kami, begitu juga amalan yang kami bentuk untuk MSC. Prasarana fizikal

seperti gentian optik dan kemudahan komunikasi lain akan dipasang oleh syarikat swasta sebagai sebahagian daripada pelaburan mereka, yang sememangnya dijangka dapat mendatangkan keuntungan. Malah, tanah MSC sekalipun akan dibahagi-bahagikan dan dijual kepada pelabur yang ingin mendirikan kemudahan mereka dan menggunakan prasarana fizikal dan bukan fizikal yang kami sediakan.

Kami akui kami terpaksa melaburkan sejumlah wang yang agak banyak, tetapi masih dalam kemampuan kami. Penurunan nilai menjejaskan sesetengah keupayaan kami, tetapi kami masih boleh meneruskan usaha ini. Maka, MSC tetap diteruskan. Ia mesti diteruskan semata-mata kerana permintaan terhadap kemudahan yang kami sediakan sangat banyak dan bersungguh-sungguh. Projek ini sangat hebat bukan kerana ini projek kami sendiri, tetapi ia wawasan setiap orang dan merekalah yang bakal menjadikan projek ini hebat. Jika boleh, saya ingin mengatakan bahawa tiada projek lain yang menggunakan sepenuhnya teknologi maklumat yang memanfaatkan sumbangan cendekiawan IT yang ada di seluruh dunia. Projek ini benar-benar mendapat manfaat daripada IAP, yang ditubuhkan untuk mencungkil idea agar tapak ujian gergasi ini benar-benar mampu menguji idea dan teknologi baru, yang memerlukan persekitaran sebenar bagi membuktikan keberhasilan konsepnya.

MSC maju lebih pantas daripada yang dijadualkan. Sambutan yang diberikan sungguh di luar jangkaan kami dan sehingga kini, kami telah memberikan pengiktirafan status MSC kepada 110 buah syarikat dan 78 daripadanya sudah mula beroperasi. Sejak April 1997, kami menerima 178 permohonan untuk mendapatkan status MSC, iaitu 39 peratus daripada syarikat asing, 35 peratus daripada syarikat Malaysia dan 26 peratus daripada usaha sama antara syarikat Malaysia dengan syarikat asing.

Tidak sampai setahun MSC dilancarkan, kami mula nampak nilai yang terhasil daripada perniagaan Era Maklumat. Statistik MDC tentang syarikat status MSC menunjukkan peningkatan pelaburan dalam aktiviti nilai tambah yang tinggi, dengan perolehan-pelaburan menunjukkan nisbah kira-kira 3:1.

Ada juga tanda-tanda yang menunjukkan terbentuknya kelompok industri asas-khidmat, khususnya dalam pembangunan perisian, reka bentuk kandungan, animasi dan penyiaran, serta telekomunikasi. Bagi semua syarikat yang memohon status MSC, unjuran pendapatan gabungan menjelang tahun kelima operasinya adalah sekitar RM13 bilion, manakala unjuran keuntungan bagi tempoh yang sama menghampiri RM5 bilion. Jumlah ini diperolehi daripada pelaburan berjumlah kira-kira RM4 bilion.

Tambahan lagi, berdasarkan semua permohonan MSC yang diterima, keperluan tenaga kerja ilmu menjelang tahun kelima operasi melebihi 23,

000 orang. Menyadari keperluan ini, baru-baru ini kami memberikan pengiktirafan status MSC kepada pusat pengajian tinggi sebagai salah satu langkah untuk membantu memenuhi keperluan sumber manusia syarikat MSC.

Seperti yang mungkin disedari oleh kebanyakan daripada anda, dalam usaha untuk menerajui pembangunan MSC, tujuh aplikasi perdana telah dikenal pasti, antaranya adalah membentuk rangka kerja dan prasarana yang perlu untuk menyokong usaha e-dagang di bawah aplikasi perdana pemasaran tanpa sempadan. Meskipun pertumbuhan e-dagang pada asasnya didorong oleh sektor swasta, pembangunannya perlu dipantau dan dikawal atur untuk mewujudkan persekitaran yang wajar bagi perkembangan e-dagang.

Banyak isu perlu diteliti dan sempadan tradisi perlu dilangkaui. Walau bagaimanapun, satu perkara utama yang benar-benar mustahak untuk menyokong pertumbuhan e-dagang ialah prasarana telekomunikasi yang tepat. Inilah prasarana yang mesti melengkap MSC secara khusus. Dengan prasarana komunikasi jalur lebar yang tinggi untuk menyokong aplikasi e-dagang yang paling tinggi permintaannya, MSC merupakan tapak paling sesuai bagi syarikat yang mahu membangunkan teknologi perintis dan model perniagaan inovatif bagi memperlihatkan potensi sebenar e-dagang. Kemungkinannya tidak terbatas. Pembangunan teknologi boleh mencipta alat untuk memudahkan e-dagang seperti perisian keselamatan dan sistem bayaran, manakala pembangun kandungan boleh memanfaatkan kepelbagaian budaya Malaysia untuk membangunkan kandungan setempat untuk rantau ini dan juga dunia.

Selain membuka banyak peluang menarik, e-dagang juga membawa banyak cabaran, bukan sahaja kepada negara seperti Malaysia tetapi semua negara yang mahu mengorak langkah yang wajar ke arah abad ke-21. Maka, pendekatan wajar ke arah pentadbiran amat diperlukan bagi memastikan undang-undang dan dasarnya peka serta responsif terhadap pembangunan teknologi.

Keperluan asas untuk permulaan e-dagang yang berjaya ialah kepercayaan dan jaminan bahawa urusan niaga dapat dibuat dengan selamat dan terjamin. Ini benar khususnya apabila maklumat, barangan dan khidmat tak ketara, menjadi sumber dan produk ekonomi yang dihantar dan diurusniagakan merentasi sempadan. Oleh itu, sistem pentadbiran yang betul mesti dibangunkan untuk menguruskan pergerakan maklumat dan sumber asas-ilmu ini, selaras dengan pertumbuhan global perdagangan elektronik.

Antara isu tersebar luas yang dikaitkan dengan e-dagang ialah isu berkaitan dengan kewangan seperti kastam dan percukaian, sistem pembayaran elektronik, perbankan Internet, dan pembrokeran saham Internet. Keperluan

ini mesti dikaji semula dalam konteks sistem kewangan, pengawalaturan dan undang-undang sedia ada bagi setiap negara.

Isu lain termasuklah isu undang-undang seperti kod komersil yang seragam, dan keharmonian antarabangsa bagi rangka kerja yang sah untuk menangani amalan perniagaan serta kod komersil yang berbeza-beza bagi negara yang berlainan. Contohnya, undang-undang siber perlu menangani isu yang berkaitan dengan penyerahan hak liabiliti mereka yang terlibat dalam urus niaga e-dagang, termasuk pengguna, penyedia khidmat rangkaian, penyedia penyelesaian, dan pelbagai perantara. Isu perlindungan dan maklumat sulit pengguna dalam urus niaga merentasi sempadan juga perlu dititik-beratkan.

Rangka kerja yang sah dan berkesan dalam perlindungan hak cipta, paten dan cap dagang perlu ada untuk mencegah penyalahgunaan dan pengeksploitasian harta intelektual dan melindungi penyedia kandungan serta penyedia khidmat kandungan. Undang-undang perlindungan harta intelektual juga perlu mengambil kira isu cap dagang yang digunakan dalam ruang siber, hubungan antara nama domain dengan cap dagang, batas bidang kuasa bagi cap dagang berdaftar atau hak cipta dalam pangkalan data.

Satu lagi isu penting ialah kerjasama antarabangsa berkenaan piawaian dan wadah teknikal, yang bakal membuka jalan kepada wadah umum bagi kad pintar, piawaian umum bagi saling hubungan dan kebolehsalingkendalian, juga pengesahan silang bagi prasarana utama awam.

Negara dengan prasarana yang mantap untuk mendokong e-dagang, dari segi sumber manusia dan bilangan penyedia khidmat serta bahagian pasaran yang lebih besar dan keupayaan memasuki pasaran dengan lebih mudah, pastinya mempunyai kelebihan yang mengatasi negara lain. Dengan apa cara sekalipun, peluang untuk membangunkan e-dagang juga mendedahkannya kepada negara lain di rantau Asean yang berada dalam kedudukan strategik untuk melonjak ke Era Maklumat.

Dalam erti kata yang sebenar, usaha serantau mungkin penting untuk menangani isu biasa yang diakibatkan oleh 'ekonomi digital' dan e-dagang, yang antaranya telah saya tekankan sebelum ini. Contohnya, rangka kerja Asean berkenaan e-dagang dapat menyediakan wadah bagi wawasan bersama tentang kemunculan pasaran digital, dan menggariskan isu utama apabila kita memasuki era baru perdagangan elektronik. Rangka kerja ini juga menyediakan asas perbincangan agar kedudukan Asean mudah meningkat bagi memangkinkan pertumbuhan e-dagang.

Saya ingin mengulangi komitmen kerajaan Malaysia dalam menyokong pertumbuhan e-dagang. Melalui MSC, kami menumpukan sepenuh usaha terhadap pembangunan teknologi multimedia yang akan menghapuskan

sekatan perniagaan dan menggalakkan pemasaran tanpa sempadan. Kami menjemput negara jiran Asean kami dan sesiapa juga yang berminat untuk menyertai kami dalam usaha merungkaikan kekusutan yang dihadapi untuk melangkah ke dunia elektronik.

Bab 4

DASAR 'MEMAKMURKAN JIRAN ANDA' UNTUK PEMULIHAN EKONOMI

KEADAAN Malaysia tidak seperti kali terakhir kita bertemu di sini. Ekonomi negara tidak begitu baik. Kami menanggung banyak kerugian akibat kegawatan kewangan di Asia Timur. Kadar pertumbuhan kami tidak lagi mencapai 8 peratus setahun seperti sepanjang sembilan tahun lalu, sebelum 1997. Namun, masalah kecil ini tidak akan menjejaskan layanan baik kami terhadap tetamu kerana inilah adat kami. Tuan rumah yang baik rela kecewa daripada menghampakan tetamunya, dan saya yakin Malaysia tetap tuan rumah yang baik.

Walau bagaimanapun, kami sedang menyambut bulan puasa. Sepanjang bulan Ramadan ini, orang Islam tidak makan, minum atau berfikiran jahat, dari terbit fajar hingga terbenamnya matahari. Orang Islam di Malaysia tidak fanatik, jauh sekali penganas puak pelampau yang membunuh pelancong asing. Kami berpuasa bersungguh-sungguh. Jika kami tidak berpuasa atas sebab tertentu, kami tidak akan makan di khalayak ramai. Namun begitu, kami bertimbang rasa terhadap warga Malaysia dan tetamu bukan Islam. Mereka boleh makan, malah jika mahu, boleh berfikiran jahat seperti hari-hari biasa. Oleh itu, jika orang Islam tidak makan tengah hari dan minum petang bersama anda nanti, tidak bermakna mereka tidak menghormati anda. Namun begitu, anda boleh melihat hotel dan restoran di Malaysia menyediakan jamuan besar berbuka puasa yang boleh dinikmati orang Islam mahupun bukan Islam. Ramai lagi warga Malaysia yang bukan Islam dan

Ucapan yang disampaikan di Dialog Pasifik ke-4 di Seri Kembangan, Malaysia, pada 12 Januari 1998.

mereka tidak berpuasa. Mereka boleh makan bersama-sama anda. Dengan itu, layanan baik tetap dapat kami berikan walaupun dalam bulan puasa.

Anda ke mari untuk membincangkan hal-ehwal jiran kita di Pasifik, iaitu negara dan rakyat di pesisir pantai Pasifik. Saya percaya, tujuannya untuk mewujudkan kesefahaman antara satu dengan lain. Semakin hampir kita ke alaf baru, kita ingin sekali melihat dunia yang lebih baik, manakala Lautan Pasifik sebagai garis pembahagi yang menyatukan kita merupakan bahagian penting dunia tersebut. Rakyat negara Pasifik perlu menyumbang terhadap pembentukan dunia yang lebih baik itu.

Pada ketika ini, prestasi ekonomi negara di Pantai Barat Pasifik tidak begitu baik. Saya percaya anda akan berbincang tentang cara memakmurkannya semula, kepentingan mengembalikan keyakinan agar daya pasaran bertindak balas secara positif dan membina. Tidak banyak yang dapat saya sumbangkan untuk pemulihan ini. Nampaknya saya cenderung untuk mengacau proses pemulihan ini. Maka, saya tidak akan berbicara panjang lebar tentang ekonomi dan kewangan. Saya akan mendengar dan menunggu pandangan serta cadangan anda.

Selain masalah kecil ini, keadaan Malaysia baik belaka, dan kami mampu menghadapi tekanan. Kami sentiasa bangga dengan sikap rasional dan perpaduan kami. Sejak mencapai kemerdekaan pada 1957, kami yang terdiri daripada masyarakat majmuk yang agak sekata pecahannya, hidup dan bekerja bersama-sama dalam suasana aman. Sudah tentu, perjalanan ini tidak selalunya mudah.

Pada 1969, berlaku rusuhan kaum dan ada yang terbunuh di jalan-jalan di Kuala Lumpur. Orang menjangka rusuhan tersebut akan berlaku dari masa ke masa, tetapi tiada apa-apa yang berlaku selepas itu. Kejadian tersebut menyedarkan kami akan kemusnahan yang mungkin dialami dan perlunya kejadian tersebut dielakkan. Sejak itu, kami lebih bersatu padu dan sentiasa dipimpin kerajaan yang mewakili setiap bangsa.

Malaysia mampu mengamalkan demokrasi tanpa mengancam kestabilan negara. Kami percaya, pilihan raya patut menentukan siapa yang layak membentuk kerajaan. Sebaik selesai pilihan raya, kami tidak cuba untuk menggulingkan kerajaan ketika separuh jalan dalam tempoh statutori, dengan mengadakan demonstrasi jalanan dan mogok umum, walaupun ini dianggap demokrasi. Kami rela kerajaan terus memegang kuasa. Kerajaan sentiasa sedar bahawa kemungkinan mereka dipilih semula bergantung pada prestasi mereka sendiri. Maka, mereka cuba sedaya upaya untuk menunaikan janji, membangunkan negara, menyediakan prasarana yang perlu, dan mengambil berat kebajikan rakyat.

Sudah tentu mereka berjaya melakukannya kerana mereka terus dipilih tanpa ragu-ragu. Ada yang mengatakan bahawa tindakan memilih kerajaan

yang sama dalam setiap pilihan raya tidak demokrasi namanya. Kami katakan, lebih tidak demokrasi jika rakyat tidak dibenarkan membuat pilihan. Jika rakyat memilih kerajaan yang sama, itulah hak demokrasi mereka. Mereka juga berhak memilih ramai ahli pembangkang yang menjanjikan berlakunya perdebatan hangat.

Dan kini, parti yang *lebih kurang sama* memerintah negara. Saya katakan "lebih kurang sama" kerana walaupun dasarnya sama, caranya mungkin berbeza secara menyeluruh. Namun begitu, kerajaan Malaysia sejak kemerdekaannya pada tahun 1957 menumpukan perhatian pada pembangunan negara, di seluruh pelosok negara, sama ada di bandar ataupun di desa.

Dalam hal-ehwal antarabangsa, Malaysia mengamalkan dasar sejagat 'memakmurkan jiran anda'. Kami menolak prinsip kalah-menang dengan kemenangan di satu pihak dan kekalahan di pihak lain. Kami memang tidak mahu memusnahkan pesaing kami untuk mendapatkan sebahagian kecil daripada apa yang dimiliki mereka. Kami yakin dengan formula menang-menang, yang manfaatnya dapat dinikmati oleh kami dan rakan niaga.

Pengalaman kami dalam dasar 'memakmurkan jiran anda', sebagaimana dasar tersebut sering dihuraikan, memakmurkan negara kami sendiri. Apabila kami menjadi negara dua komoditi, orang luar datang untuk melabur dalam industri pembuatan. Kami percaya kami tidak mampu membuat apa-apa kecuali terompah kayu, tetapi pelabur asing mengajar kami menghasilkan barangan elektrik yang canggih untuk diekspor.

Hasil daripada perindustrian oleh negara asing, kami hidup mewah dan mampu membeli banyak barangan dari negara lain. Pelabur asing mendapat manfaat kerana kami membeli banyak produk mereka. Dengan kata lain, sebagai ganjaran atas bantuan mereka memakmurkan negara kami, kami membantu memakmurkan mereka dengan menjadi pasaran yang baik untuk mereka.

Sebaliknya, apabila Vietnam berusaha mencapai kestabilan selepas penyatuan semula negara, ramai warga Vietnam bercadang untuk berpindah. Negara itu miskin dan penghijrah sebenarnya ialah pelarian ekonomi. Mereka mendarat di Malaysia kerana kami sangat hampir. Kami tidak dapat menyediakan tempat perlindungan tetap dan terpaksa mengaturkan agar mereka dapat dihantar ke negara yang lebih baik seperti Eropah, Amerika Syarikat, Kanada, Australia, dan New Zealand.

Namun begitu, kami masih tidak dapat menempatkan kesemuanya di negara ketiga.

Untuk menyelesaikan masalah itu, kami bekerja bersama Vietnam untuk membantu mereka memulihkan negara. Malah, kami melabur di Vietnam walaupun hanya Tuhan saja yang tahu betapa kami memerlukannya untuk negara kami sendiri. Walau apa pun sebabnya, Vietnam mula menampakkan

sedikit kemakmuran dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan. Akhirnya, kami dapat menghantar balik semua pelarian ke negara asalnya kerana mereka nampak peluang pekerjaan yang menguntungkan ada di negara sendiri. Oleh itu, membantu negara jiran memakmurkan negara mereka merupakan jawapan kepada masalah perpindahan rakyatnya ke negara kita.

Anda dapat melihat mengapa kami yakin dengan dasar memakmurkan jiran kami dan bukan memiskinkannya. Jika anda memiskinkan negara lain, masalah mereka akan melanda negara anda. Antara masalahnya ialah perpindahan besar-besaran ke negara anda. Kita menyaksikan orang Albania membanjiri Itali sebagai membalas pencerobohan Itali terhadap Albania sebelum Perang Dunia Kedua. Albania dilanda kemiskinan. Walaupun mereka tidak begitu sukakan orang Itali, mereka terpaksa ke negara itu untuk lari daripada kesengsaraan di negara sendiri. Atas sebab yang sama juga, orang Mexico berpindah ke Amerika Syarikat. Kami di Malaysia percaya, jika jiran kami lebih miskin, kami akan menghadapi masalah perpindahan ini serta menanggung akibatnya. Untunglah kami sama-sama miskin. Sebenarnya, kami pernah menjadi tuan rumah kepada hampir dua juta pekerja, yang kini satu juta daripadanya terpaksa dihantar pulang ke negara asal mereka. Terima kasih atas budi CNN kerana melaporkan perkara ini. CNN juga melaporkan tiada lagi jerebu di Malaysia apabila mereka lihat langit kelihatan cerah. Terima kasih banyak-banyak.

Kestabilan disukai kerajaan tetapi dibenci pembangkang. Kerajaan Malaysia mahukan kestabilan, bukan sahaja di negara ini tetapi juga di rantau ini. Malah, kami sememangnya mahu melihat kestabilan di seluruh dunia tetapi tidak banyak yang dapat kami lakukan, walaupun sekadar untuk menjadi penggeraknya.

Kami berusaha gigih untuk mencapai kestabilan di Malaysia. Walaupun ada bangkangan, kami agak berjaya menanganinya. Disebabkan kestabilan, kami dapat menguruskan keadaan dengan agak baik dan mengawal badai yang memukul sekali-sekala. Kami mampu menangani masalah yang dihadapi sekarang dengan agak baik. Dalam usaha itu, sedikit sebanyak kami pasti tercedera. Walaupun luka dan lebam, Malaysia berjaya keluar dari kanchang ini. Melabur di Malaysia masih dianggap tindakan yang bijak.

Prestasi kami juga agak baik di rantau ini. Kami berdamai dengan semua negara dan semua orang saling berdamai. Memang benar, kita menghadapi masalah pada saat ini, tetapi kedamaian ini meneutralkan masalah tersebut. Jika sesetengah daripada kita menghadapi masalah manakala sesetengah yang lain tidak, kita tidak akan mempunyai tahap keupayaan yang sama untuk bekerjasama. Kini, kita sama-sama ditimpa malang dan mahu memanfaatkan keadaan ini untuk mengeratkan kerjasama kita. Kami berharap dapat

bekerjasama dengan semua negara di rantau Pasifik ini, dan mendapat kebaikan daripadanya. Oleh itu, perbincangan anda pasti akan menarik minat kami. Harapan kami, beberapa petua akan diperoleh untuk menangani masalah yang kami hadapi.

Bab 5

PENGHORMATAN SEKTOR SWASTA KEPADA ASEAN

PERTUBUHAN Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN atau *Association of Southeast Asian Nations*) mengalami perubahan dan pembangunan yang amat pesat sejak tiga dekad lalu. Kejayaan kita ini adalah hasil titik peluh kerajaan dan sektor swasta. Tanpa sektor swasta, perkembangan ekonomi rantau ini mungkin tidak sepesat hari ini. Oleh itu, memang wajarlah kita berhimpun pada hari ini untuk perjumpaan tentang 'Penghormatan Sektor Swasta kepada Asean' (*A Private Sector Salute to Asean*). Marilah kita memanfaatkan persidangan ini untuk menilai pencapaian dan halangan kita, juga merancang untuk kejayaan yang lebih besar pada hari muka. Izinkan saya menyatakan awal-awal lagi, bahawa kejayaan yang ingin kita capai hanya akan menjadi kenyataan jika kita, iaitu kerajaan dan sektor swasta, terus sama-sama berganding bahu dan bersatu hati untuk kebaikan rantau ini.

Asean mencapai banyak kemajuan sejak penubuhannya pada 1967. Kita bermula dengan hanya lima negara—Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia, dan Filipina. Pada 1967, tiada sebuah negarapun yang memberi kita peluang untuk berjaya. Dalam tempoh tersebut, Asia Tenggara mengambil dua langkah yang tidak kekal lama dalam kerjasama serantau. Langkah pertama pada 1959 dengan pembentukan Pertubuhan Asia Tenggara (ASA atau *Association of Southeast Asia*), dan kemudian pada 1966, pembentukan Maphilindo yang menggabungkan Malaysia, Filipina dan Indonesia. Dari segi politik, Asia Tenggara dibahagikan mengikut negara penjajahnya.

Ucapan yang disampaikan di Persidangan 'Penghormatan Sektor Swasta kepada Asean' di Petaling Jaya, Malaysia, pada 13 Disember 1997.

Thailand, sememangnya tidak pernah dijajah. Negeri-negeri di Indo-China sama ada sedang berperang atau menghadapi banyak pemberontakan selepas dijajah. Perbezaan ideologi memisahkan kita dan ada masanya mengakibatkan konfrontasi. Kita saling mencurigai, dan tuntutan wilayah yang menimbulkan konflik memburukkan lagi keadaan. Kita cenderung untuk bersekongkol dengan salah satu blok di dunia ini dan mengamalkan strategi Perang Dingin mereka. Harapan pada waktu itu agak kabur.

Kini, keadaan amat jauh berbeza. Dalam masa 30 tahun, Asean berkembang menjadi organisasi utama di rantau Asia Pasifik, dan organisasi negara membangun paling berjaya di rantau ini. Walaupun masih ada beberapa perbezaan, cabaran dan tuntutan yang menimbulkan sengketa, rantau ini mampu mengecap keamanan serta kestabilan, dan juga pembangunan ekonomi yang hebat. Dengan pasaran hampir setengah bilion pengguna, Asean sering dianggap sebagai pintu masuk ke pasaran Asia Timur yang lebih luas. Walaupun kita semua menghadapi kegawatan ekonomi yang membantutkan pertumbuhan kita, kita masih mempunyai keupayaan. Memang wajar jika kita dijangka akan pulih dan terus maju. Kita masih ada harapan yang munasabah untuk menyaingi kemajuan negara Barat. Kemahiran dan kesanggupan belum pudar. Sistem dan peraturan dunia global mungkin tidak menyebelahi kita kini, tetapi lama-kelamaan kita akan belajar menanganinya dan akan segera pulih, mungkin lebih pantas daripada sebelum ini. Apa yang perlu kita lakukan sekarang adalah mengukuhkan kekuatan dalaman, organisasi dan perpaduan kita, dan kemudian barulah kita dapat mengatasinya.

Kini, kita hampir merealisasikan cita-cita bapa pengasas Asean dengan kemasukan Vietnam pada 1995, dan Laos serta Myanmar pada 1997. Kita pernah berharap agar Kemboja dapat menyertai kita pada waktu ini dan memenuhi impian Asean. Namun itu belum berlaku lagi. Peristiwa mendadak dan dramatik di Kemboja menyebabkan Asean terpaksa menangguhkan kemasukannya. Kita berharap seluruh Asia Tenggara akan bersatu dan membentuk satu kumpulan tidak lama lagi.

Ramai yang mempersoalkan kebijaksanaan kita menerima masuk negara yang sangat berbeza ideologi dan sistem ekonominya. Ingin saya tegaskan bahawa pada 1967, apabila Asean ditubuhkan, perbezaan antara kelima-lima negara pengasas lebih ketara. Malah, mereka hampir-hampir bertelingkah. Syak wasangka antara mereka semakin mendalam. Terdapat konflik yang serius dan tidak dapat diselesaikan di kalangan mereka. Meskipun begitu, mereka berbaik semula dan terus berusaha mencari titik persamaan untuk bekerjasama. Tiada sebab untuk menganggap perbezaan negara anggota Asean yang baru, berbanding gabungan negara anggota sedia ada, tidak dapat dikendalikan oleh mereka yang telahpun membuktikan kemampuan mereka dalam bertolak ansur dan berdiplomasi. Mereka akan berjaya dan kejayaan

itu lebih cepat dicapai jika mereka tidak diganggu dan usaha mereka tidak dimusnahkan pihak luar.

Anggota Asean menunjukkan kecenderungan yang ketara dalam mengamalkan sikap tolak ansur. Mereka tidak bersikap dogmatik dan sentiasa bersedia mempelajari dan menerima pakai strategi yang membawa kejayaan kepada negara anggota lain. Hakikat bahawa semua negara Asean menunjukkan kemajuan yang sama ke arah kejayaan ekonomi, tidak berlaku secara kebetulan. Oleh itu, kita boleh mengharap anggota baru mengorak langkah yang sama dan membentuk kelompok negara membangun serantau yang tiada tolok bandingnya.

Pada masa kini, negara Asean, terutamanya negara anggota yang paling berjaya, sedang nazak menghadapi kegawatan ekonomi. Tidak benar jika kita katakan kerajaan dan rakyat mereka amnya, dan usahawan mereka khususnya, langsung tidak bersalah. Berlaku banyak salah guna dan salah amal, termasuk pinjaman asing yang banyak dan defisit dalamimbangan pembayaran. Penyalahgunaan itu sendiri mengakibatkan pertumbuhan yang lembap, malah menyebabkannya berundur ke belakang. Penurunan nilai mata wang memburukkan keadaan, menyebabkan pengunduran ekonomi yang lebih teruk dan kegawatan kewangan. Bukan syarikat lemah sahaja yang terjejas dan jatuh bankrap, malah syarikat maju juga hilang daya saingnya. Keadaan ini mengancam kedudukan bank dan institusi kewangan lain dan memaksanya gulung tikar. Malah, ia memaksa negara terlibat meminjam banyak wang daripada agensi antarabangsa, yang pastinya menambahkan lagi beban hutang mereka.

Ia akan memakan masa bertahun-tahun sebelum ekonomi Asia Tenggara mencapai semula kegemilangan masa lalu. Ada yang mengatakan pemulihan ini hanya mengambil masa beberapa bulan. Bolehkah keadaan pulih dengan cepat kerana jika dilihat daripada jumlah pinjaman yang diterima oleh mereka, langkah yang sukar dan berhati-hati yang terpaksa diambil, pemecatan dan pembuangan pekerja, ekonomi bukan sahaja tidak pulih, malah sebenarnya semakin berundur. Agak membanggakan apabila diberitahu kita akan pulih segera tetapi negara bebas yang bermaruah tidak akan menyerahkan kebebasan ekonomi dan politik mereka jika pemulihan dapat dilaksanakan semudah itu. Walau apa pun keadaannya, dapatkah pemulihan dilakukan jika kedaulatan telah tergedai?

Kita di Asia Tenggara hendaklah mengakui bahawa kita kini miskin dan jalan ke arah pemulihan masih panjang dan penuh ranjau duri. Jika kita mahu mengharunginya, jika kita mahu memendekkan tempoh itu, kita perlu bersatu dan menggembelng tenaga. Kita perlu membangunkan strategi pemulihan di seluruh Asean. Laluananya tidak mudah, khususnya kerana kita bukan lagi ejen bebas. Namun begitu, masih banyak yang boleh kita lakukan.

Pertama, kesefahaman dan kerjasama erat yang wujud antara sektor swasta Asean dengan kerajaan negara Asean hendaklah terus dipupuk dan dipertingkatkan. Walau apa pun yang perlu dilakukan untuk mengatasi masalah kita, marilah kita lakukannya bersama-sama. Sudah tentu kita tidak akan mengabaikan tanggungjawab kita terhadap mana-mana agensi antarabangsa yang kepadanya kita komited. Namun begitu, kewajipan itu tidak akan melumpuhkan kita sepenuhnya.

Memandangkan nilai semua mata wang kita turun ke tahap yang hampir sama, kadar pertukaran antara kita masih tidak banyak berubah. Oleh itu, kita dapat meneruskan perdagangan antara kita sama seperti sebelumnya, malah kita dapat meluaskan perdagangan jika sumber rantau kita mengekalkan daya saing seperti ini. Terpujanglah kepada kita untuk menjayakannya.

AFTA boleh dikaji semula untuk menyejajarkan dan mengembangkan perdagangan. Jika AFTA dianggap bermanfaat semasa negara makmur, tidak bolehkah ia terus begitu atau lebih bermanfaat sewaktu kegawatan? Banyak perkara bergantung pada kebijaksanaan kita, semangat perpaduan Asean dan keyakinan pada sikap saling membantu. Saya percaya penurunan nilai mata wang kita boleh memudahkan perdagangan antara kita. Banyak barangan yang tidak dapat kita beli daripada satu sama lain sebelum ini yang sepatutnya kini berdaya saing, jika kita kekalkan kadar pertukaran baru ini dan harga barangan mengikut pasaran tempatan. Kami mendapati harga minyak kelapa sawit di Malaysia, contohnya, adalah dalam dolar Amerika walaupun untuk pasaran tempatan, sedangkan kos kita adalah dalam ringgit yang turun nilainya. Walaupun kami tidak iri hati dengan rezeki terpijak yang diterima pengeksport kami ekoran daripada penurunan nilai ringgit, kami berpendapat pasaran dalam negeri tidak sepatutnya dibebankan dengan keuntungan besar yang akan diperoleh pengeluar minyak kelapa sawit, dengan menjual pada harga eksport di pasaran dalam negeri.

Tentu sekali saya sedar bahawa minyak kelapa sawit bukanlah sesuatu yang kita beli daripada satu sama lain. Akan tetapi, andaikan kita menerima pakai sistem penentuan harga AFTA, maka harganya lebih murah daripada minyak masak yang diimport dari luar AFTA. Terdapat banyak lagi produk yang melalui mekanisme pemasaran yang sama seperti minyak kelapa sawit.

Ramai pakar ekonomi menganggap penurunan nilai mata wang secara automatik meningkatkan daya saing dan keuntungan durian runtuh. Ini tidak semestinya benar. Banyak eksport negara Asia Tenggara diimport muatannya dari negara yang nilai mata wangnya naik berbanding kami, seperti Amerika Syarikat. Muatan import mengurangkan keuntungan kos akibat penurunan nilai. Tambang dan insurans juga mengakibatkan perkara yang sama, sama ada masuk atau keluar negara. Penurunan nilai 40 peratus tidak

akan menghasilkan keuntungan 40 peratus.

Jika produk dengan muatan import dijual di dalam negeri, kenaikan harga yang tidak disengajakan akan berlaku. Kenaikan ini meningkatkan taraf hidup. Tuntutan kenaikan gaji yang akan menaikkan lagi kos dalam negeri pasti berlaku. Akhirnya, keuntungan akibat penurunan nilai menjadi sia-sia sahaja.

Jika kita mahu memanfaatkan AFTA, kita perlu membendung kesan inflasi akibat penurunan nilai. Tidak mustahil untuk melakukannya. Ia memerlukan disiplin yang kuat daripada rakyat. Akan tetapi, hasil peningkatan dagangan antara negara Asean akan membantu mengurangkan kesan penurunan nilai dan memendekkan tempoh pemulihan.

Apabila Malaysia menganjurkan kempen "Belilah Barangan Malaysia", kami dituduh sebagai nasionalis ekonomi. Itu bukannya nasionalis. Apabila mata wang kami turun nilai, barangan import menjadi lebih mahal pada kadar yang sama dengan peratusan penurunan nilai. Untuk terus membeli, kami terpaksa mendapatkan ringgit yang lebih banyak untuk ditukarkan kepada mata wang yang perlu kami bayar untuk barangan import tersebut. Ringgit susut nilai sebanyak 45 peratus. Bagaimanakah dapat kami mencari tambahan 45 peratus ringgit lagi untuk membayar barangan import tersebut? Malah, dalam keadaan ekonomi sekarang, kami tidak mampu walaupun untuk mendapatkan jumlah ringgit yang biasa kami bayar untuk membayar barangan import. Sebenarnya, kini ringgit kami berkurangan kerana keadaan perniagaan yang tidak baik dan tiada keuntungan dihasilkan. Maka, bagaimanakah dapat kami membeli jumlah barangan import yang biasa kami beli dahulu? Apa yang dapat kami beli jauh lebih sedikit daripada peratusan susut nilai mata wang kami. Kami bukannya nasionalis ekonomi. Sebenarnya kami cuma tiada wang untuk membeli. Anda tidak boleh memiskinkan kami kemudian menyuruh kami membeli apa yang anda jual.

Apa yang benar-benar berlaku di Malaysia juga benar-benar berlaku di negara Asean lain yang mengalami penurunan nilai. Akan tetapi, apabila dibandingkan dengan mata wang setiap negara Asean, penurunan nilai tidak begitu teruk, lalu menyebabkan barangan dari negara Asean lebih murah untuk negara Asean itu sendiri. Sudah tentu kita lebih suka menjual ke luar Asean dalam mata wang utama dan memperoleh tukaran wang asing yang lebih tinggi. Namun, selagi kita boleh berdaya saing dalam pasaran masing-masing, kita patut membeli barangan Asean.

Saya tidak menyokong keserantauan ekonomi Asean. Namun, hakikatnya kita tidak mempunyai banyak wang pada masa ini dan perlu membeli daripada sumber yang paling murah. Sepatutnya, tidak ada sekatan kemasukan barangan luar ke pasaran kita, tetapi jika harga mereka lebih tinggi, kita tidak sepatutnya membeli daripada mereka. Sebagai jalan akhir, kita

boleh menggunakan sistem barter untuk meningkatkan dagangan kerana kita tidak tahu bila tekanan mata wang ini akan berakhir.

Saranan saya tidak menyangkal tekanan pasaran. Tekanan pasaran menghendaki kita membeli yang termurah dan terbaik. Dengan memanfaatkan penurunan mata wang yang berlaku serentak, negara Asean sebenarnya boleh meningkatkan dagangan masing-masing tanpa mengetepikan negara lain. Dengan cara itu, kita akan saling membantu menaikkan ekonomi masing-masing, yang diharap akan tumbuh semula. Apabila kita kembali makmur dan mampu membeli barangan mewah dan barangan yang diimport dari luar Asean, kita akan lakukannya. Malah, kita akan membantu mengekalkan perdagangan dunia dengan bekerja keras untuk pulih segera.

Saya ingin mengesyorkan agar sektor swasta di semua negara Asean mengkaji idea ini dengan bersungguh-sungguh. Mungkin, kerajaan juga perlu menelitinya. Kita mungkin berakhir dengan menolak idea yang dianggap gila-gila ini, tetapi tidak rugi jika kita meneliti setiap kemungkinan untuk mengekalkan kesejahteraan ekonomi. Langkah kita hendaklah sentiasa berhati-hati dan tepat, tetapi dalam perniagaan dan kewangan, sentiasa ada cara untuk membuat duit. Kita hilang banyak kekayaan kerana tidak faham apa yang berlaku di dunia luar. Kita membangunkan negara mengikut kaedah usang selama 30 tahun. Kita yakin dengan usaha gigih, penat jerih dan pengorbanan. Kita percaya buat baik dibalas baik. Kita yakin dengan kerjasama antara negara, dalam rantau dan antara rantau.

Namun begitu, sepanjang 30 tahun lalu, konsep dan cara menjalankan perniagaan telah berubah, kadang kala secara mendadak. Dengan liberalisasi, globalisasi dan tekanan pasaran, wujudlah naluri sekawan. Kita terperangkap tanpa disedari. Maka, terpaksa kita tanggung akibatnya, akibat yang memerlukan banyak pengorbanan. Namun begitu, daripada pengalaman ini, sekurang-kurangnya kita patut mendapat petua, jika bukan pengajaran bermakna, untuk menguruskan perniagaan.

Kita tahu kita terpaksa akur dengan perkara yang tidak dapat dielakkan. Kini, kita berusaha melakukan yang terbaik. Mereka yang tidak berdaya maju perlu dibuang agar mereka yang berjaya, bebas memantapkan kedudukannya. Pekerja yang tidak diperlukan khidmatnya hendaklah diberhentikan. Sebagai doktor yang pernah melakukan pembedahan, saya menyokong keperluan memotong kaki pesakit gangren bagi menyelamatkan anggota tubuh yang lain. Apa yang perlu dilakukan ialah pembedahan, dan kita akan lakukannya. Kita perlu meyakinkan semula dunia bahawa kita akan melakukan apa yang telah kita janjikan, walau apa pun yang terjadi. Kita berharap keyakinan kita akan pulih dan kemewahan akan kita kecapi semula.

Sebelum itu, Asean hendaklah dirawat. Pada ulang tahun Asean ke-30 ini, kita perlu membarui janji dan komitmen untuk membina sebuah rantau

yang aman, bebas dan makmur. Kita mesti berganding bahu dan saling memantapkan kekuatan masing-masing.

Sektor swasta juga perlu bekerjasama dengan sektor awam, di setiap negara dan di rantau ini sebagai entiti Asean. Banyak kejayaan telah kita capai melalui kerjasama, rundingan berterusan dan semangat saling membantu. Lebih-lebih lagi pada waktu ini, kita perlu meneruskan kerjasama, rundingan dan sikap membantu. Perkara yang membantu kita pada waktu senang kini sewajarnya dapat membantu kita pada waktu susah. Ada yang menuduh kita suka menyangkal. Penyangkalan ini akan lebih ketara jika kita tidak mengakui kita menghadapi masalah besar yang boleh membawa kita kembali ke zaman penjajahan. Jalan pemulihan tidak akan memakan masa berbulan-bulan, sebagaimana yang diyakinkan pengkritik dengan senyuman. Kerja keras dan kelicikan selama bertahun-tahun diperlukan. Insya-Allah, kita akan pulih, walaupun jatuh bangun berkali-kali.

Sektor swasta mempunyai banyak sebab untuk memberi penghormatan kepada Asean. Selepas penghormatan ini, marilah kita sama-sama bergabung fikiran dan berpadu tenaga untuk mencapai kegemilangan masa lalu.

Bab 6

DI AMBANG REVOLUSI SIBER

INTERNET dan ledakan komunikasi global membawa manusia ke ambang revolusi siber. Teknologi Maklumat (IT) bergerak seiring dengan kelajuan cahaya—membuka peluang perniagaan yang tidak terbilang dan pilihan yang tidak termimpikan. Saya ingin berkongsi dengan anda beberapa idea tentang kuasa yang akan membentuk masa depan digital kita—peluang yang dijanjikan dan tindakan strategik kami di Malaysia untuk merebut peluang tersebut. Saya ingin memperkenalkan secara khusus Koridor Raya Multimedia (MSC) yang sedang kami bangukan dan mempelawa Corporate Canada untuk sama-sama menyertai usaha yang diadakan buat julung-julung kali ini.

Dua kuasa utama yang mengubah dunia kepada keadaannya yang kita tahu sekarang ialah fenomena globalisasi dan kemajuan teknologi yang berterusan. Kita tiada pilihan selain melintasi Lebuhraya Maklumat ini. Dari saat mikrochip dicipta, seluruh hidup kita berubah. Ia mengubah cara hidup kita, dan cara pengurusan perniagaan kita. Bagi kita semua, Agenda IT sangat penting jika kita mahu mengatur semula kedudukan kita dalam Era Maklumat baru ini.

MSC Malaysia bukan sekadar satu lokasi—bukan hanya sebuah lagi taman industri—bukan penciplakan Lembah Silikon oleh negara Timur Jauh. MSC menonjolkan paradigma baru dalam pembentukan nilai untuk Era Maklumat. MSC dijangka menjadi tapak ujian teknologi tinggi yang akan memperlihatkan

Ucapan yang disampaikan di Persidangan Pelaburan Kanada di Ottawa, Kanada, pada 21 November 1997.

potensi sebenar multimedia. Kami berhasrat menjadi pusat dunia untuk aplikasi dan ujian bagi kemajuan serta penemuan terulung IT. Bagi kami, MSC terutamanya akan menjadi alat yang membawa negara kami menceburi ekonomi asas-ilmu, menggerakkan kami daripada industri padat buruh kepada industri teknologi tinggi, dan seterusnya ke arah Era Maklumat. MSC juga akan menjadi balapan kami untuk mencapai status negara maju, iaitu sasaran negara dalam dekad kedua alaf seterusnya yang kami namai Wawasan 2020.

Anda mungkin menganggap ini sebagai langkah berani bagi negara kecil yang sedang membangun. Kamilah yang pertama mengakui kami hanya mengorak langkah awal dalam menceburi dunia multimedia yang rumit dan canggih. Akan tetapi kami dapat menyediakan persekitaran yang sesuai untuk mengembangkan teknologi ini. Bahkan, sebenarnya menjadi negara membangun banyak membantu. Kami menyediakan tapak hijau semula jadi, yang tidak dicemari amalan dan tinggalan industri atau kepentingan yang berakar umbi, iaitu tapak khusus untuk perdagangan elektronik era baru.

Kami mengambil Amerika sebagai teladan. Britain memelopori Revolusi Industri tetapi Amerika yang memajukannya. Amerika pada waktu itu, sebagai hampan desa yang amat luas dan mengijau yang memberi peluang mewujudkan persekitaran terbaik bagi perkembangan teknologi dan perniagaan, bakal menjadi pemangkin perindustrian. Kami menjadikannya sebagai iktibar. Dengan rendah hati, kami juga ingin menjadi pemangkin seperti itu. Tugas kami menyediakan persekitaran yang paling sesuai untuk IT dan multimedia, iaitu yang merangkumi rangka kerja fizikal, ekonomi, kawal selia, dan dasar yang akan menjana penggerak yang dinamik dan kreatif untuk pembaharuan dan kemajuan dalam bidang ini.

Bagi negara seperti Malaysia yang jauh ketinggalan dalam aspek multimedia, lonjakan lejang teknologi yang amat besar memang mustahak. Banyak yang mesti kami pelajari. Kami memerlukan bantuan anda dan negara lain seperti anda. Kami tahu MSC hanya akan tercapai melalui usaha sama yang sangat besar, dan kami berharap dapat bekerjasama dengan seluruh dunia. Kami mempelawa anda untuk membawa operasi teknologi tinggi anda, R&D dan kemahiran Teknologi Maklumat anda agar uji kaji dan percubaan dapat anda lakukan sendiri atau bersama-sama syarikat Malaysia di MSC. Kami memerlukan model syarikat telekomunikasi, maklumat dan perisian, antara banyak keperluan lain, untuk membantu merealisasikan wawasan ini dan mengembangkan sepenuhnya potensi tersebut untuk faedah dan penyuburan sebenar kemanusiaan.

Kini, kami sudahpun menerima hakikat bahawa dunia tanpa sempadan mungkin wujud, dari segi komunikasi. Ia tidak akan mencemarkan jati diri kami tetapi kami akan menjadi masyarakat asas-ilmu—yang begitu besar artinya—kerana ilmu dan teknologi tiada batasnya. Idea kelebihan bersaing

lenyap bagi membuka laluan kepada perkongsian sejagat untuk sumber dan kemahiran, manakala teknologi maklumat membekalkan alat bagi mencapai hasrat ini.

Daya yang menggerakkan Era Maklumat ini—seperti rangkaian komunikasi yang sangat besar yang boleh menghantar maklumat ke seluruh dunia dalam masa nyata—akan digunakan untuk mengatasi hambatan fizikal, sosial dan ekonomi. Inilah yang kemudiannya akan merangsang pertumbuhan melalui sikap saling mengayakan, jika kita memilih untuk merebut peluang itu. Mekanismenya sama seperti prinsip kerjasama—melalui banyak cara yang berbeza—yang merentasi sempadan, tidak dipengaruhi jarak, merangkumi pergabungan dan pilih atur pergabungan antara syarikat yang aktiviti ekonominya tidak lagi dapat dibendung dalam sempadan masing-masing. Inilah wadah yang mendasari MSC. MSC akan menjadi 'jaringan' yang menyatukan syarikat dalam bidang IT—jaringan pelbagai budaya bagi syarikat antarabangsa dan syarikat Malaysia yang saling bergantung untuk mengeluarkan produk dan khidmat baru ke seluruh dan luar dari Asia yang mansang ekonominya. Dan seperti labah-labah, MSC akan menenun 'sawang' hubungan dan sinergi yang lebih rumit di kalangan syarikat sertaan. Sawang ini boleh menjadi model baru pembangunan Era Maklumat.

Atas semangat saling mengayakan inilah kami mempelawa syarikat Kanada menyertai MSC. Kami di Malaysia telahpun mengamalkan dasar 'memakmurkan jiran anda' bagi menggantikan dasar 'memiskinkan jiran anda', iaitu sikap pentingkan diri yang menguntungkan satu pihak manakala lawannya kerugian. Perkongsian tidak sepatutnya bersifat kalah-menang. Sebaliknya kedua-dua pihak patut mendapat kebbaikannya dan hasilnya lebih baik daripada apa yang diperolehi setiap pihak.

Kami telahpun memperkenalkan konsep syurga multimedia kami ini di Hollywood, Lembah Silikon, United Kingdom, Hungary, dan Jepun dan sambutanannya amat menggalakkan. Kami mempunyai sebab tertentu mengapa kami mengharap syarikat Kanada menyertai MSC, bersama-sama perintis ternama yang lain.

Bell Canada telahpun menyertai MSC. Pengerusinya, Lynton Wilson menerima pelawaan kami untuk berkhidmat dalam Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) yang terkenal, yang ditubuhkan untuk memberikan khidmat nasihat kepada Malaysia tentang pembangunan MSC. Simon Fraser University merupakan pakar runding utama yang dilatih untuk membantu menubuhkan Universiti Multimedia yang terletak di Koridor ini. Kami juga sedia maklum bahawa Kanada merupakan peneraju teknologi gentian optik dan membekalkan kabel kapal selam pertama dari Eropah ke Newfoundland. Rangkaian gentian optik dengan keupayaan penghantaran 2.5-10 gigabit sesaat akan menjadi teras MSC.

Kami menganggap Kanada sebagai negara IT bertaraf dunia. Sebanyak 400 buah syarikat multimedia yang beroperasi di sini pada 1995, kini meningkat kepada 600 buah, memberikan khidmat dalam pendidikan, industri maklumat dan hiburan serta memenuhi keperluan syarikat. Kemasukan kabel, telefon dan komputer dari negara anda adalah antara yang tertinggi di dunia. Dalam tinjauan baru-baru ini, peneraju perniagaan membariskan Kanada di tempat kedua antara negara G7 bagi teknologi maklumat, satu tangga di bawah Amerika Syarikat. Tidak hairanlah mengapa anda mempunyai penyelesaian sendiri bagi California—Lembah Silikon Utara anda.

Sejak mula lagi, Nortel dari Kanada menjadi penggerak utama dalam perkembangan awal industri ini. Kini, ia merupakan antara syarikat gergasi dalam bidang ini, dengan lima buah kilangnya di Malaysia. Kami begitu berminat terhadap Nortel. Ia mempunyai 8,000 orang ahli sains dan jurutera yang terlibat dalam setiap aspek penyelidikan komunikasi dan membelanjakan 14 peratus daripada pendapatan jualannya untuk R&D—perbelanjaan R&D beginilah yang kami mahukan yang akan berubah menjadi pengeluaran komersil.

Walaupun kepakaran anda dalam sukan hoki ais yang terkenal itu tidak dapat diteladani di Malaysia kerana iklim tropika kami, tetapi kami memerlukan anda untuk perkembangan teknologi dan pemindahan maklumat. Suka saya nyatakan bahawa Kanada bermurah hati dalam hal ini dan terima kasih diucapkan.

Namun begitu, saya harus mengingatkan anda bahawa walaupun masih bergantung pada pemindahan teknologi, cita-cita kami kian menggunung. Kami tidak mahu sekadar menjadi penerima yang pasif, tetapi peserta yang aktif—dan dengan bantuan daripada pihak seperti anda, kami berjaya menetapkan matlamat untuk membentuk teknologi pribumi Malaysia. Kami terutamanya berharap dapat menarik operasi R&D. Kami ingin turut serta dalam usaha industri global untuk membangunkan penyelesaian bijak multimedia bagi menangani ledakan pelbagai pilihan maklumat masa kini. Apa yang lebih penting, apabila dunia berpindah kepada generasi baru teknologi tinggi, Malaysia mahu turut serta.

Telah ada beberapa asas, iaitu kaitan rapat antara Malaysia dengan Kanada, yang menyokong idea kerjasama antara kita. Kita mempunyai banyak persamaan, setidak-tidaknya dari segi kepelbagaian budaya. Malaysia sebuah persekutuan. Menerapkan struktur persekutuan terhadap negeri yang banyak perbezaan, yang dirumitkan lagi dengan profil penduduk kami yang terdiri daripada masyarakat majmuk pelbagai agama, bukannya mudah. Anda pasti memahaminya. Walaupun begitu, kami berjaya menjadi pendukung federalisme sebagai penyelesaian praktikal dalam menangani kepelbagaian etnik. 'Jaringan' kami bersifat berbilang budaya.

Satu lagi alasan untuk hadir di sini ialah reputasi negara ini yang tegas terhadap keantarabangsaan. Perniagaan Kanada juga tidak asing bagi Malaysia. Perdagangan dua hala Kanada-Malaysia berganda dalam tempoh tiga tahun antara 1993 hingga 1996, dengan hanya AS\$1 bilion kepada AS\$2.1 bilion. Pada 1996, nilai eksport Kanada ke Malaysia berjumlah AS\$536.5 juta, manakala eksport Malaysia ke Kanada bernilai AS\$1.6 bilion, suatu imbalan yang menguntungkan Malaysia. Eksport anda ke Malaysia termasuklah kertas dan papan kekunci kertas, bahan kimia organik dan pesawat angkasa. Import utama Kanada ialah bahagian jentera elektrik, mesin, getah, dan produk getah serta pakaian. Selain perdagangan barangan siap, eksport khidmat Kanada dianggarkan mencapai AS\$200 juta hingga AS\$250 juta setahun.

Kami berharap dapat mengembangkan hubungan perniagaan kami dengan anda. Kami khususnya, memberi anda banyak peluang perniagaan semula jadi dalam MSC. Apa yang kami tawarkan ialah perkongsian bijak. Ia tidak ditonjolkan sebagai idea yang menarik dan inovatif semata-mata, tetapi suatu usul perniagaan yang sempurna dan difikirkan dengan teliti. Kami telah lama bekerja keras—dan dengan begitu cermat—sejak dua tahun lalu untuk mengembangkan idea tersebut dan menggunakan teknik perancangan moden yang membolehkan kami menegaskan keupayaan kami yang diiktiraf.

Dari segi fizikal, MSC ialah kawasan yang agak luas, berukuran 15 km kali 50 km atau 9 batu kali 30 batu. Dengan memusatkan operasi IT dan multimedia di satu kawasan yang dikhususkan untuknya, persekitaran yang sangat istimewa dapat diwujudkan, dengan pelbagai kemudahan yang lebih baik dan pengurusan yang lebih cekap. Koridor ini bermula dari Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur yang kini menempatkan menara berkembar tertinggi di dunia. Teknologi Kanada menyumbang kepada pembinaan jejambat udara di aras 41 hingga 42. Kawasan ini mengunjur ke selatan, ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang baru, yang apabila dibuka pada bulan Mac tahun depan, akan menjadi lapangan terbang terbesar di Asia Pasifik dan menjadi pusat komunikasi rantau ini.

Dua buah bandar raya pintar dengan ciri futuristik dan mencabar masa depan—Putrajaya dan Cyberjaya—akan membentuk teras MSC. Putrajaya ialah pusat pentadbiran baru bagi negara ini, manakala Cyberjaya adalah bandar raya siber, iaitu 'kiblat' syarikat IT yang menyediakan kawasan pengendalian untuk syarikat multinasional menyasarkan aktiviti pembuatan dan pemasaran seluruh dunianya kepada multimedia, dan juga pengeluaran dan pemasaran produk serta khidmat multimediana.

Tidak mudah untuk menggambarkan secara ringkas konsep MSC yang amat pelbagai ini. MSC adalah matlamat yang dibentuk untuk menyediakan

tapak subur agar perniagaan dapat ditumpukan kepada kemahiran dan sumber istimewanya demi membentuk industri komunikasi era baru. MSC perlu menggabungkan pelbagai teknologi dengan persekitaran orientasi-teknologi dan fokus-perniagaan. Kami berharap penumpuan banyak syarikat di satu tempat dapat mewujudkan persekitaran kerjasama erat yang akan merangsang perhubungan. Namun begitu, kami tidak sekadar berbicara tentang bangunan, kemudahan dan sistem. Tujuan kami adalah menyediakan ruang fizikal dan psikologi untuk kreativiti. Kami menganggap MSC sebagai pusat kajian dan penyelidikan cendekia. Konsep ini bukan konsep baru. Cavendish Laboratory di Cambridge adalah contoh sebenar himpunan kecendekiaan saintifik seumpama ini. Tempat ini berjaya melahirkan beberapa ahli fizik terkemuka dunia. MSC, yang lebih berorientasikan perniagaan, akan membentuk aplikasi multimedia yang praktikal untuk perdagangan dan memenuhi keperluan perniagaan, dan peribadi bagi pekerja ilmu abad ke-21. MSC akan menjadi tapak ujian global, tempat mencuba teknologi baru.

Putrajaya, sebuah pusat pentadbiran baru, akan menjadi tapak ujian kerajaan elektronik yang memberi syarikat peluang untuk menyediakan dan mengesahkan birokrasi hampir tanpa kertas dalam keadaan persekitaran kerajaan sebenar. Penyelidikan sosial akan dirangkumkan ke dalamnya untuk menguji kesan terhadap masyarakat dengan maklumat segera tanpa batasan.

Malaysia akan menyediakan kawasan fizikalnya—7.000 hektar hutan tropika yang subur menghijau, ladang kelapa sawit dan desa yang terbentang indah. Sebahagian besar kawasan hijaunya akan tetap terpelihara. Kerajaan akan memberikan insentif, menyediakan undang-undang siber baru yang membolehkan perdagangan dilakukan, serta dasar dan peraturan mesra perniagaan. Sektor swasta diharap akan merebut peluang keusahawanan ini.

Untuk menguji wawasan ini, kami mengadakan mesyuarat pertama Panel Penasihat Antarabangsa MSC di Stanford University, California. Pemimpin industri yang dikenali dunia menilai usul tersebut tanpa sebarang tolok ansur. Mereka yang kami maksudkan ialah pemimpin seperti Jim Barksdale dari Netscape, Bill Gates dari Microsoft, Scott McNealy dari Sun Microsystems dan ramai lagi. Mereka amat bersetuju dengan usul ini. Saya rasa, sambutan ini khususnya disebabkan hakikat bahawa usaha ini memang wajar dipuji, kami bersungguh-sungguh untuk menghapuskan halangan lama yang timbul daripada dasar, undang-undang, amalan dan sikap dalam Era Industri. IAP akan terus memantau kemajuan MSC dan memberikan khidmat nasihat berkenaan dasar di peringkat strategi.

Kerja-kerja sudahpun dimulakan di MSC. Prasarana 'fizikal' dipasang dengan pantas. Walau bagaimanapun, kami menganggap prasarana 'bukan fizikal' sebagai perkara yang mungkin paling banyak perlu kami baharui. Kerajaan Malaysia yang sentiasa mesra perniagaan dan biasa berurusan

dengan pelabur asing, berjanji akan lebih ramah kepada penggerak MSC.

- Pekerja ilmu yang dikategorikan sebagai tetamu istimewa boleh keluar dan masuk MSC tanpa kesulitan dan kelengahan;
- Kami akan membenarkan 100% pemilikan syarikat dan pengambilan pekerja ilmu dari luar tanpa sekatan;
- Insentifnya sangat menarik, iaitu sehingga 10 tahun pelepasan cukai;
- Kami tidak akan menapis Internet, tetapi jika sesiapa sahaja yang memuat turun dan mengedarkan bahan yang memudaratkan atau yang menyalahi undang-undang, mereka akan tertakluk kepada undang-undang biasa negara;
- Syarikat akan dapat menikmati perubahan positif dalam sistem kawalannya. Prosedur birokrasi akan dikurangkan ke tahap minimum. Syarat rasmi tidak banyak dan kelulusan dipercepat: contohnya, permohonan permit kerja diuruskan tanpa kesulitan dalam tempoh 30 hari serta pengeluaran visa pelbagai masukan;
- Sistem agensi serba lengkap akan memperkemas seluruh proses, dikendalikan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia yang kepadanya segala kemusyikilan anda boleh diajukan. Di sinilah anda memperoleh kelulusan rasmi yang diperlukan;
- Kami tidak lagi memerlukan tender tradisional yang lazimnya lembap, rumit dan tidak cekap bagi memberikan laluan kepada 'tawaran konsep' yang memudahkan lagi keseluruhan prosedur.

Sejak awal lagi, kami memaklumi kepentingan hak harta intelektual dan keperluan menyediakan kategori tertentu undang-undang siber. Akta Penumpuan Multimedia 1997 yang termaktub dalam buku statut, digubal untuk membantu syarikat yang menceburi e-dagang dan untuk menyelesaikan sesetengah isu yang timbul ekoran daripada penumpuan industri komunikasi, pengkomputeran dan penyiaran.

Undang-undang siber yang dibentangkan di Parlimen menerima pakai kawalan pengaturan dan perundangan jauh lebih meluas daripada yang pernah dicuba sebelum ini, usaha berani untuk mengawal jenayah komputer, capaian yang menyalahi undang-undang, pengintipan dan pencurian perdagangan melalui kaedah pengesahan tandatangan digital dan urus niaga komputer, di samping perlindungan lain yang tidak terangkum dalam undang-

undang sedia ada. Pada masa yang sama, kami sedar Undang-undang Siber masih dibangunkan. Pasti ada pindaan bagi memenuhi keperluan penggunaan baru multimedia dan kerana teknologi baru menimbulkan masalah baru. Namun begitu, rangka kerja undang-undang yang mencukupi telah ada bagi meningkatkan tahap keselesaan bakal pelabur dan menjadikan Malaysia pemimpin bagi perlindungan harta intelektual di rantau ini.

Dengan sistem yang telah sedia ada dan mantap ini, kami akui bahawa usaha memburu perniagaan adalah usaha memburu peluang. Potensi pelaburan terbuka luas dan tiada kesudahan, tetapi kami mahu menarik perhatian anda terhadap peluang tertentu yang terkandung dalam tujuh projek perdana kami—faktor utama penggunaan multimedia yang disasarkan ke arah merintis pembangunan industri multimedia dalam MSC. Ia direncanakan untuk menguji peranan maklumat dan multimedia dalam keadaan sebenar, dan dalam masyarakat insan sebagaimana yang kita ketahui. Contohnya, kami sedang mengkaji pelbagai saranan untuk penggunaan sekeping kad pintar nasional bagi mengurangkan seksaan membawa pelbagai kad plastik yang semakin bertambah bilangannya. Kad ini akan menjadi kad tunggal pelbagai guna yang digunakan warga Malaysia sebagai kad pengenalan, kad kredit, dompet elektronik, dan banyak lagi. Akhirnya, ia akan digunakan dalam semua urusan niaga elektronik dengan kerajaan.

Aplikasi perdana yang lain juga tidak kurang daya ciptanya. Kerajaan elektronik yang menggunakan teknologi multimedia akan diperkenalkan di Putrajaya. Matlamat utamanya untuk memberi rakyat, perkhidmatan kerajaan yang lebih cekap dan yang berkesan kos. Contoh lain ialah teleperubatan. Perkara utama dalam perkhidmatan ini termasuk rundingan dan rawatan diagnosis dari jauh, rekod maya pesakit dan rangkaian perubatan elektronik semula jadi. Khidmat ini khususnya untuk memenuhi keperluan penduduk desa yang terpencil.

Penyelidikan dan pembangunan yang menjadi keutamaan MSC akan ditingkatkan dengan kerjasama pusat R&D dan hubungan antara sektor korporat dengan universiti. Sudah semestinya Universiti Multimedia bersifat tumpu-industri dan akan mempelopori pembentukan komuniti penyelidikan IT dan penghasilan lebih banyak pekerja ilmu. Kami cuba menghimpunkan lebih banyak aset intelektual dan membangunkan pusat cendekia kami. MSC akan mempercepatkan proses ini.

Sebagaimana yang dapat anda lihat, untuk membangunkan aspek utama MSC, kami cuba bersifat proaktif dalam meramal dunia akan datang dan dunia di luar Malaysia. Banyak bidang di sini yang dapat diceburi oleh syarikat yang progresif.

Pada masa yang sama, kami sedar masalah yang dihadapi sektor swasta adalah disebabkan kerajaan tidak sentiasa memahami hakikat

mengendalikan perniagaan oleh orang ramai, dari segi syarat dan ke-
kangan pengendalian. Di Malaysia, proses perundingan kami dengan
syarikat swasta amat maju dan merupakan sebahagian daripada
pembangunan MSC sejak awal lagi. Syarikat status MSC boleh terus
menghubungi saya sebagai Pengerusi Majlis Pelaksanaan MSC dan Panel
Penasihat Antarabangsa MSC, dan kepada Timbalan Perdana Menteri yang
mengetuai Majlis Pengasas.

Jika hasrat kami yang serius dan niat ikhlas di sebalik falsafah mesra per-
niagaan kami memerlukan bukti selanjutnya, semuanya boleh didapati dalam
sepuluh perkara yang termaktub dalam Akta Jaminan Multimedia. Kerajaan
Malaysia komited secara rasmi terhadap semua syarikat status MSC berkenaan
perkara berikut:

- Malaysia akan menyediakan prasarana maklumat fizikal bertaraf dunia;
- Malaysia akan membenarkan pergerakan bebas pekerja ilmu ke dalam dan luar negara tanpa sekatan pekerjaan;
- Malaysia akan memastikan kebebasan pemilihan syarikat;
- Malaysia akan memberikan kebebasan mendapatkan modal secara global bagi prasarana MSC dan kebebasan meminjam dana;
- Malaysia akan memberikan insentif kewangan berdaya saing termasuk pelepasan cukai pendapatan atau elaun cukai pelaburan sehingga sepuluh tahun, dan tiada duti import bagi peralatan multimedia;
- MSC akan menjadi pemimpin bagi perlindungan harta intelektual dan undang-undang siber di rantau ini;
- Malaysia akan memastikan tiada tapisan terhadap Internet;
- MSC akan menyediakan tarif telekomunikasi berdaya saing secara global;
- Malaysia akan menawarkan kontrak prasarana MSC yang utama kepada syarikat terkemuka yang bersedia menggunakan MSC sebagai pusat serantau mereka; dan
- Malaysia akan menubuhkan agensi pelaksanaan yang dinamik selaku pusat 'khidmat lengkap' yang berkesan bagi memastikan MSC memenuhi keperluan syarikat.

Apa yang masih perlu dilakukan adalah memandang ke depan. Fasa II Projek MSC akan menyaksikan Koridor dihubungkan kepada bandar raya lain di Malaysia dan di seluruh dunia. Menjelang tempoh tersebut, kami menjangka lebih 250 buah syarikat mengambil bahagian dalam MSC. Menjelang 2020, seluruh negara akan menjadi MSC dengan sekurang-kurangnya 12 bandar raya pintar dihubungkan dengan lebuhraya maklumat global, lantas menjadi penghubung global, dengan bandar pintar yang lain di planet ini. Peserta MSC dijangka meningkat kepada 500 buah syarikat bertaraf dunia.

Bahkan, MSC juga akan mempunyai Mahkamah Keadilan Sibernya sendiri. Dari segi sosial, kami berharap selain menjadi tapak ujian bagi teknologi baru, MSC dapat membantu membangunkan dan mempengaruhi budaya baru maklumat global, sambil berusaha menangani percanggahan antara kawalan dengan kebenaran serta mengimbangi kesan buruk sosial akibat serangan yang tidak putus-putus oleh maklumat segera yang tidak bertapis.

Tiada apa yang baru—kami tidak menawarkan kejayaan teknologi yang cemerlang—tetapi kami percaya usaha ini dirancang mengikut peraturan dan sifat menyeluruhnya tiada tandingan. Apabila kami mempelawa anda untuk menyertai kami, pertamanya adalah kerana kepentingan bersama. Pendeknya, kami percaya tawaran ini baik untuk semua, untuk anda dan kami.

Bab 7

KERJASAMA SELATAN-SELATAN

DIKUUALALUMPUR inilah pada tahun 1990, Kumpulan 15 (G15 atau *Group of 15*) dilahirkan. Kita bertemu sekali lagi di sini dalam Sidang Kemuncak ke-7 G15 untuk sama-sama mencurahkan bakti dalam kerjasama Selatan-Selatan. Saya berpegang teguh pada konsep kerjasama antara semua negara untuk faedah bersama, khususnya dengan negara-negara Selatan yang kebanyakannya tidak mendapat faedah dalam erti kata sebenar daripada ekonomi antarabangsa dan hubungan politiknya sejak sekian lama.

Malah, sejak beberapa lama, Malaysia telah mengetengahkan kebaikan dasar 'memakmurkan jiran anda'. Kami melakukannya kerana kami sedar jiran yang makmur merupakan jiran yang aman dan mesra. Dalam konteks G15, kami berharap dapat mencadangkan agar corak pemikiran 'memakmurkan jiran anda' ini disebarluaskan merentasi rantau dan benua. Tambahan pula, dalam dunia global, kita semua berjiran. Kita hanya dapat meningkatkan perdagangan kita dan hubungan ekonomi lain jika negara kita makmur. Negara miskin bukan rakan perdagangan yang baik. Oleh itu, kita mesti saling membantu agar negara lebih makmur.

Keajaiban teknologi moden merapatkan negara di seluruh dunia. Globalisasi perdagangan dan pelaburan adalah hakikat yang mesti disahut cabarannya. Kita tidak dapat mengelak daripada proses liberalisasi dalam amalan perdagangan dan pelaburan. Di samping menerima hakikat penghapusan sekatan perdagangan antara negara, kita juga mesti berusaha un-

Ucapan yang disampaikan di Majlis Pembukaan Mesyuarat Peringkat Sidang Kemuncak ke-7 G15 di Seri Kembangan, Malaysia, pada 3 November 1997.

tuk mewujudkan aturan dalam etika perdagangan seluruh dunia. Sistem perdagangan dunia yang bersifat anarki, iaitu sistem yang membiarkan negara kuat membolot segala-galanya, boleh mengakibatkan kita kehilangan apa jua kejayaan kecil yang diperoleh melalui kemerdekaan yang baru dicapai.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk bercerita kepada rakan G15, beberapa pengalaman pahit yang kami alami di Asia Tenggara beberapa bulan lalu, apabila spekulator mata wang mengucar-ngacirkan dan memiskinkan ekonomi kami atas alasan perdagangan bebas.

Di Malaysia dan negara Asia Tenggara yang lain, selama beberapa dekad sejak merdeka, keringat kami membasahi bumi dan air mata tidak henti mengalir kerana membangunkan negara dan ekonomi. Negara kami terus mencatatkan kadar pertumbuhan tertinggi selama beberapa tahun. Akan tetapi semua ini seolah-olah sampai ke penghujungnya apabila dalam masa beberapa bulan sahaja, pedagang mata wang memiskinkan negara kami hanya dengan menurunkan nilai mata wang kami. Institusi antarabangsa yang kepadanya kami letakkan kepercayaan mendakwa tidak berkuasa untuk menentang pedagang ini. Peraturan perdagangan dibentuk hanya oleh mereka dan peraturan ini bertujuan untuk menguntungkan mereka. Oleh itu, bagi setiap dolar yang mereka simpan, bank menambahnya menjadi 20 kali ganda lebih banyak. Memandangkan dana boleh guna bagi pedagang ini meningkat kepada berbilion-bilion dolar, mereka mempunyai lebih banyak wang untuk diniagakan berbanding rizab milik kebanyakan negara membangun.

Penurunan nilai mata wang mungkin disebabkan kelemahan tertentu ekonomi negara. Asas yang lemah itu sendiri, tanpa dapat dijelaskan, sering dikatakan boleh melemahkan mata wang. Namun hakikatnya, mata wang menjadi lemah hanya jika pedagang mata wang menjualnya untuk mendapatkan dolar AS. Pedagang ini tidak berbuat demikian untuk menyelamatkan pelaburan mereka. Malah, mereka tidak melabur dalam negara kami. Apa yang sebenarnya mereka lakukan adalah meminjam mata wang tertentu daripada negara asing atau tempatan, dan menjualnya untuk mendapatkan dolar AS.

Mengikut peraturan perdagangan mata wang mereka sendiri, setiap kali mereka menjual jumlah mata wang yang cukup banyak, nilainya menyusut sebanyak beberapa peratus. Dengan menjualnya berulang kali, mata wang tersebut menyusut nilainya. Apabila nilainya cukup rendah, pedagang ini membeli semula mata wang tersebut untuk diedarkan kepada pembeli yang membeli daripada mereka pada awalnya, tetapi kini dengan harga yang lebih tinggi. Sudah tentu mereka mengaut keuntungan daripada operasi ini.

Mereka boleh melakukannya terhadap mana-mana mata wang, menyebabkannya susut nilai dan mengaut untung besar dalam proses tersebut. Kita dapat lihat walau mata wang paling kukuh bagi negara yang paling mantap

ekonominya sekalipun boleh susut nilainya. Kejadian kerap hilang keyakinan hanyalah helah mereka untuk menyerang dan menanggung di air keruh.

Sasarannya adalah mata wang negara yang dikatakan makmur. Jelas sekali, negara miskin tidak pernah menyebabkan pedagang ini hilang keyakinan. Akibatnya, apabila serangan dibuat terhadap mata wang negara makmur, mata wang tersebut sebenarnya susut nilai berbanding mata wang negara yang lebih miskin. Jika hilang keyakinan atau asas yang lemah ialah penyebab sebenar penyusutan nilai mata wang, maka sudah tentu mata wang negara miskinlah yang patut susut nilai. Ini tidak sekadar bermaksud penyusutan nilai dirancang secara tidak jujur.

Penurunan nilai mata wang sesebuah negara yang disengajakan oleh pedagang mata wang, semata-mata untuk mengaut keuntungan, merupakan penafian serius terhadap hak negara bebas. Penurunan nilai boleh memiskinkan sesebuah negara kerana ia mengurangkan kuasa belinya, termasuk pendapatan rakyatnya, yang kaya mahupun yang miskin. Ia mengakibatkan inflasi dan pengunduran ekonomi. Ia mensia-siakan usaha gigih dan pengorbanan selama bertahun-tahun. Sebaliknya, pedagang mata wang mengaut keuntungan berbilion-bilion dolar dan langsung tidak membayar cukai kepada negara yang menjadi miskin dan yang daripadanya keuntungan dikaut.

Walau apa pun, sistem perdagangan mata wang sedia ada memang tidak beretika dan tidak adil kepada negara yang diserang. Jika kita mahu menerima globalisasi, maka perlu ada sistem perdagangan yang adil, sama ada dari segi barangan, perkhidmatan, saham atau mata wang. Tekanan pasaran semata-mata tidak memastikan kaedah dan peraturan adil untuk semua. Sejak awal lagi, tekanan pasaran itu sendiri bersifat mengeksploitasi. Dengan cara ini jugalah beberapa botol wiski menjadi harga yang perlu dibayar untuk membeli Pulau Manhattan, manakala manik kaca ditukarkan dengan barangan dan harta bernilai milik orang Asli, iaitu kaum pribumi yang lurus dan jahil.

Sistem perdagangan dunia tidak boleh bergantung sepenuhnya pada tekanan pasaran. Sudah tiba masanya untuk kita menetapkan peraturan pasaran yang adil. Jika tidak, perjuangan menuntut kemerdekaan akan bermula sekali lagi kerana peraturan pasaran sedia ada pasti akan mengakibatkan imperialisme baru yang lebih membahayakan dan melumpuhkan, daripada imperialisme lama.

Sebagaimana yang telah kita alami dahulu, G15 perlu kerap mengadakan rundingan langsung yang berkesan antara negara maju dengan negara membangun tentang dasar makroekonomi global. Tanpa takrif yang jelas tentang globalisasi, kita akan mendapati diri kita kerugian dan tidak berdaya, kerana agak mustahil untuk membaiki kesilapan setelah berlaku sesuatu

perkara. Sekali lagi, saya ingin menyentuh tentang perdagangan mata wang yang tidak memberi kita hak untuk bersuara dan kini kita dapati agak mustahil untuk membaiki sistem tersebut walaupun ia terang-terang merugikan kita.

Dalam Mesyuarat Peringkat Menteri WTO yang terakhir di Singapura, Menteri-menteri Perdagangan G15 bekerjasama dan memberikan hasil yang bermanfaat. Kita sepatutnya ternanti-nantikan Mesyuarat Peringkat Menteri WTO pada 1998 di Geneva dan meminta menteri kita sekali lagi mengadakan rundingan sebelum mesyuarat tersebut. Saya yakin G15 boleh memainkan peranan berkesan dalam rundingan dengan negara maju.

Kini, dua tahun telah berlalu sejak berlangsungnya mesyuarat di Singapura dan kita tidak boleh katakan WTO membawa kebaikan yang berhak diharap oleh negara membangun. Sebaliknya, arah aliran yang membimbangkan mula wujud. Kita menghadapi ancaman daripada tindakan sepihak, penyangkalan status negara membangun dan hampir tiada liberalisasi dalam perdagangan tekstil, pakaian dan komoditi. Kita juga mungkin terperangkap apabila wujud kawalan baru, tindakan antilambakan yang mencurigakan dan ketidakseimbangan dalam perkhidmatan tukar beli. Sistem perdagangan yang dibentuk sebelum WTO dan pada asasnya tidak diketahui oleh negara membangun kini telah berakar umbi, dan aduan bahawa sistem ini menjejaskan kemakmuran ekonomi negara membangun tidak begitu diendahkan.

Apabila bercakap tentang pelaburan langsung asing (FDI atau *foreign direct investment*) dan keperluan membuka negara kita kepada mereka, kita terfikir untuk membentuk industri yang menghasilkan pekerjaan dan berorientasikan eksport. Kita gagal membezakan antara pelaburan jangka panjang dengan pelaburan spekulatif wang panas jangka pendek. Kini kita sedar pelaburan dalam pasaran saham kita boleh menjadi begitu memudaratkan. Selepas menaikkan harga saham ke tahap yang tidak munasabah, pelabur asing hanya melambakkan saham tersebut dan mengaut untung modal yang tinggi. Apa yang tinggal untuk pelabur tempatan hanyalah saham tidak berguna yang dinilai jauh lebih rendah daripada pinjaman bank untuk membeli saham tersebut. Banyak yang jatuh bankrap dan syarikat turut menghadapi ancaman yang sama.

Lebih baik kita melabur dalam keupayaan produktif di negara kita sendiri atau negara membangun yang lain daripada bergantung pada aliran masuk wang panas ke negara kita.

Negara-Negara Selatan, seperti yang kita ketahui, terdiri daripada negara yang berbeza-beza tahap pembangunan dan kemakmurannya. Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA atau *Official Development Assistance*) masih merupakan bahagian penting dalam belanjawan negara bagi banyak negara membangun. Maka, aliran ODA mesti diteruskan memandangkan ada negara yang masih memerlukannya.

Masalah hutang terus membelenggu kebanyakan kita di Selatan. Kita menyambut baik persetujuan yang dicapai pada tahun lepas antara IMF dengan Bank Dunia tentang negara miskin yang menanggung terlalu banyak hutang. Bagi kebanyakan negara ini, satu-satunya penyelesaian adalah menghapus kira hutang tanpa syarat.

Satu lagi hakikat yang kita hadapi hari ini ialah Era Maklumat. Kemajuan dalam teknologi maklumat baru-baru ini begitu luar biasa hingga sukar untuk kita mengejanya. Namun, kita mesti akui bahawa Era Maklumat bertujuan untuk menyerang kita semua secara mengejut dalam masa terdekat. Kita perlu diberi masa dan sokongan untuk menyesuaikan diri menghadapi perubahan demi perubahan yang mungkin menyulitkan.

Agar tidak ketinggalan dalam Era Maklumat dan kemajuan multimedia, Malaysia melancarkan Koridor Raya Multimedia (MSC), iaitu kawasan seluas 15 km kali 50 km yang terbentang dari Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang baru di Sepang. MSC akan menjadi tapak ujian bagi pembangunan pelbagai aplikasi teknologi maklumat. Walaupun kami mengharapkan syarikat multimedia dari negara maju menggunakan tapak ujian ini, kami tahu negara seperti India, Indonesia dan lain-lain telah pun maju setapak dalam bidang ini dengan projek mereka sendiri. Kami harap, negara-negara Selatan juga akan menggunakan MSC kami.

G15 wujud atas beberapa sebab istimewa. G15 merupakan salah satu daripada kumpulan ekonomi negara membangun di seberang rantau. Antara anggotanya ialah negara-negara membangun paling dinamik di dunia. Kita boleh memilih sama ada untuk menggunakan peluang ini atau mensiasikannya begitu sahaja. Apa yang tidak patut kita lakukan, adalah berpuas hati dalam dunia yang semakin pantas menuju globalisasi. Kita di Selatan perlu memandang ke ufuk baru, menceburi pasaran bukan tradisional dan menjalinkan hubungan dan perkongsian antara kita dalam pelbagai aspek. Perjumpaan kita di Kuala Lumpur ini merupakan peluang yang sesuai dan tepat pada masanya untuk kita membuat penilaian. Kita perlu memperbaiki kelemahan kita. Kita perlu meningkatkan keupayaan kita. Janganlah kita biarkan cabaran yang dihadapi mengaburi pandangan masa depan kita ketika melangkah ke alaf baru.

Bab 8

USAHA KERJASAMA EKONOMI ASEAN

SEBAGAI pembuka bicara, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Menteri-menteri Ekonomi Asean atas kejayaan terpuji mereka dalam kerjasama ekonomi Pertubuhan ini sejak sepuluh tahun lalu. Kejayaan ini, ditambah pula dengan kemajuan ekonomi yang mampan bagi setiap negara anggota, menempatkan Asean sebagai penggerak penting bagi hubungan ekonomi antarabangsa.

Seingat saya, saya pernah berucap di Kongres Ekonomi Asean yang pertama sepuluh tahun lalu di Kuala Lumpur, dan menyeru Asean agar menjalinkan hubungan yang lebih erat, membina dan saling melengkapi dalam kerjasama ekonomi. Kini, kita berbangga kerana azam kita mula membuahkan hasil yang menggalakkan. Sepuluh tahun lalu, idea tentang kawasan perdagangan bebas di Asean sukar diterima. Ia dianggap sebagai gerakan yang akan menghapuskan kedaulatan negara secara perlahan-lahan. Kini, sudah lima tahun kita melaksanakan dasar Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA), satu inisiatif yang membawa kejayaan yang lebih besar berbanding dasar sebelumnya, iaitu PTA (Pengaturan Perdagangan Utama atau *Preferential Trading Arrangement*). Perdagangan dalam Asean pada tahun lepas menjangkau sehingga ASS155.2 bilion, iaitu peningkatan sepuluh kali ganda berbanding pada 1987, apabila jumlahnya hanya mencapai ASS14.7 bilion. Lebih 95 peratus daripada perdagangan tersebut dilindungi konsesi tarif di bawah Tarif Keutamaan Efektif Am (CEPT atau *Common Effective Preferential*

Ucapan yang disampaikan di Mesyuarat ke-29 Menteri-menteri Ekonomi Asean di Petaling Jaya, Malaysia, pada 16 Oktober 1997.

Tariff) yang akan membawa kepada kewujudan AFTA.

Apabila kita memulakan dasar AFTA, kita tidak menumpukan perhatian kepadanya semata-mata untuk meningkatkan perdagangan dalam rantau ASEAN. Pasaran lebih besar untuk barangan kita menanti di luar Asean dan prospek untuk berkembang dan merealisasikan pertumbuhan serantau, terletak dalam pasaran antarabangsa. Kita memerlukan AFTA untuk meningkatkan saingan dan keberkesanan industri kita agar menjadi lebih berdaya saing dalam pasaran dunia. Ini seterusnya akan menjadikan Asean kawasan yang menarik bagi pelaburan langsung asing (FDI) tanpa spekulasi dan menambat hati lebih ramai pengeluar bertaraf dunia untuk beroperasi di rantau ini. Izinkan saya mengingatkan kita semua bahawa semakin besar perdagangan dalam Asean, maka semakin kuatlah tarikan rantau ini kepada pelaburan langsung asing yang penting.

Untuk mara ke depan, kita perlu melangkaui pengurangan tarif. Pembabitian Asean sendiri dalam pengeluaran industri perlu dipupuk di samping FDI, untuk membanyakkan dan sama-sama menikmati manfaat pertumbuhan. Kita di Asean bersetuju untuk meningkatkan kerjasama industri dengan memperkenalkan Rancangan Kerjasama Industri Asean (AICS atau *Asean Industrial Cooperation Scheme*). Kita juga sedar sektor perkhidmatan akan menjadi sektor utama dalam mewujudkan persaingan lebih besar dan meluaskan asas pertumbuhan ekonomi Asean. Untuk mencapai sasaran ini, kita menandatangani Perjanjian Rangka Kerja mengenai Kerjasama dalam Perkhidmatan dan mengadakan rundingan tentang capaian pasaran yang menjangkau komitmen kita dalam Perjanjian Am mengenai Kerjasama dalam Perkhidmatan (GATS atau *General Agreement on Cooperation in Services*). Kita mengkaji semula pelan tindakan dalam sektor pengangkutan dan komunikasi serta sektor tenaga dan galian, sedangkan pada masa yang sama, kita lebih tertumpu kepada rancangan kerjasama industri makanan, pertanian, perhutanan, dan pelancongan. Kita juga menandatangani Perjanjian Rangka Kerja mengenai Kerjasama dalam Harta Intelektual bagi memastikan rantau kita akan memberikan perlindungan berkesan terhadap harta intelektual asing dan tempatan. Perlindungan harta intelektual asing akan lebih meyakinkan pelabur asing, manakala perlindungan harta intelektual tempatan penting kerana usahawan kita kini mampu dan berupaya menghasilkan kerja, sistem dan ciptaan. Kita juga merumuskan prinsip yang menjadi panduan ke arah mewujudkan Kawasan Pelaburan Asean (AIA atau *Asean Investment Area*) yang menjangka aliran modal lebih bebas, di samping mempengaruhi ketelusan dan kebolehamalan dasar serta amalan pelaburan, dengan matlamat menjadikan rantau Asean sebagai syurga pelabur.

Dengan inisiatif saling memperteguh yang diatur oleh AEM, saya tidak ragu-ragu untuk mengatakan bahawa kita akan menjalani lima tahun per-

tama dalam alaf baru nanti dengan kerjasama ekonomi Asean berada di 'satah yang lebih tinggi' seperti yang diramalkan dalam Sidang Kemuncak Asean ke-4 di Singapura pada 1992. Bagaimanapun, untuk kekal pada kedudukan tersebut, kita perlu berpandangan lebih jauh. Untuk menjadikan Asean relevan dalam alaf baru nanti, kita perlu ada wawasan bagi tempoh yang lebih panjang tentang matlamat kita sebagai sebuah pertubuhan. Dua puluh lima tahun dari sekarang, adakah kita akan melihat Asean menjadi pasaran bersama seperti EEC suatu ketika dahulu? Adakah kita akan menjadi pasaran tunggal atau kesatuan ekonomi ala Kesatuan Eropah? Apa yang pasti, kita perlu mengorak langkah berani ke arah penyepaduan ekonomi yang lebih besar kerana kita perlu menghadapi persekitaran yang tidak menentu. Pengalaman kita baru-baru ini dalam manipulasi mata wang sepatutnya menjadi pengajaran utama buat kita. Di samping sentiasa mengelakkan penyalahgunaan sistem, kita juga mesti terus peka tentang kemungkinan pihak lain akan mengeksploitasi kelemahan kita untuk terus menjatuhkan kita. Tugas kita adalah membuat aturan antara kita dan dalam negara kita serta menyumbang kepada persekitaran dunia yang lebih teratur.

Apa yang jelas kepada kita sekarang adalah cabaran yang perlu kita hadapi, sangatlah besar. Pertama, semakin kita hampir mencapai wawasan bapa pengasas kita, iaitu agar Asean mengandungi kesemua 10 buah negara Asia Tenggara dengan dianggotai oleh Laos, Vietnam, Myanmar, dan akhirnya Kemboja, kita perlu beringat bahawa jurang pembangunan antara negara anggota yang lama dan baru perlu diberikan perhatian khusus. Kita perlu mempertingkatkan usaha pembangunan bersama untuk terus mengatasi perubahan. Kita perlu menggalakkan anggota baru menghadapi perubahan dengan azam yang lebih kuat, jika mahu memanfaatkan perubahan tersebut. Saya menganggap inisiatif pembangunan Lembah Mekong menjadi alat utama untuk kita sama-sama mendorong pembangunan ekonomi anggota baru. Melalui usaha ini, kita dapat bekerjasama untuk membangunkan prasarana fizikal yang amat diperlukan seperti jalan raya, jambatan, landasan kereta api, lapangan terbang dan pelabuhan, kawasan perindustrian, sekolah, hospital dan seumpamanya di samping membangunkan prasarana bukan fizikal seperti pendidikan dan latihan, perdagangan dan kemudahan pelaburan, pentadbiran dan pengurusan projek yang lebih baik. Usaha serantau ini tidak sekadar memanfaatkan negeri-negeri riparian tetapi juga seluruh rantau. Azam kita untuk membantu pembangunan negeri riparian mestilah selaras dengan tindakan dan komitmen kewangan berdasarkan syarat yang memanfaatkan semua pihak.

Kedua, kita perlu berfikiran terbuka tanpa mengabaikan bahaya yang ditimbulkan oleh mereka yang hanya nampak peluang yang mereka ada kerana kekuatan dan pengalaman mereka serta kelemahan mangsa mereka.

Kita tidak sepatutnya menganggap laluan ini tiada ranjau dan duri, tetapi kita juga perlu mengambil kira kekuatan pesaing. Walaupun bergandingan bahu menghadapi masalah mungkin tidak begitu bermakna, tetapi itu lebih selamat daripada mengasingkan diri dengan harapan kewujudan kita tidak disedari, lalu kita dibiarkan bersendirian. Sesetengah orang mengandaikan bahawa masa depan dunia akan bercirikan tingkah laku dan naluri sekawan. Kawanan yang berlainan akan berlegar-legar ke kiri atau ke kanan atau mara sambil memijak-mijak apa jua yang dilintasinya. Andaian ini tidak mencerminkan kemajuan yang dicapai tamadun manusia. Namun begitu, sejarah tamadun manusia dipenuhi eksploitasi terhadap orang yang lemah oleh mereka yang kuat dan berkuasa.

Ketiga, kita perlu memastikan sistem perdagangan berbilang hala tetap saksama dan terbuka. Kita berupaya memberikan sumbangan positif dalam sesi penutup Rundingan Pusingan Uruguay (*Uruguay Round*) dengan mempengaruhi secara positif debat tentang hasil perbincangan dan melalui tindakan kita, dalam melaksanakan langkah liberalisasi dengan teratur. Kita terus memperlihatkan pengaruh Asean semasa Persidangan Peringkat Menteri WTO pada Disember 1996 untuk memastikan isu luar dan isu bukan perdagangan tidak dimasukkan ke dalam peraturan WTO. Penting sekali bagi WTO untuk menjadi organisasi tunggal yang menyelesaikan pertikaian. Tindakan yang diambil tanpa pembabitian WTO tidak sepatutnya dibenarkan dan diikuti. Sesebuah organisasi mesti mempunyai peraturan untuk kewujudan dan kejituannya. Peraturan tersebut hendaklah mempunyai kuasa undang-undang, iaitu undang-undang antarabangsa yang digubal dengan wajar dan secara demokrasi. Organisasi tanpa kaedah dan peraturan tidak akan memberikan manfaat yang sama rata kepada anggotanya. Liberalisasi tidak bermaksud menghapuskan sama sekali peraturan dan undang-undang. Liberalisasi bererti setiap orang tertakluk kepada perunggu kaedah, peraturan dan undang-undang yang sama mengikut skala dunia dan bukannya skala negara.

Keempat, kita perlu mengambil aspek positif pembangunan pasaran modal. Pembangunan pasaran modal kita bagi lima tahun lalu memperlihatkan betapa goyahnya kita terhadap pelbagai penyalahgunaan. Kita mesti membezakan antara spekulasi wang panas jangka pendek dengan pelaburan serius dalam aktiviti yang produktif. Kita mesti terus menerima baik pelaburan jangka panjang yang serius, tetapi berhati-hati terhadap operasi yang tidak mendatangkan keuntungan besar kepada kita. Kita perlu bekerjasama dalam merumus dasar makroekonomi agar pertumbuhan ekonomi serantau stabil dan mampan.

Kelima, kita perlu memanfaatkan pembangunan Teknologi Maklumat awal-awal lagi sebelum pembangunannya yang lebih besar dan pantas tidak

memungkinkan kita mengejanya. Etika perdagangan itu sendiri tidak dipisahkan daripada pembangunan IT. Dagangan elektronik merupakan ungkapan menarik yang perlu dijadikan pegangan kita. Perbincangan awal telah dimulakan dan menyentuh tentang keperluan membentuk rangka kerja untuk dagangan elektronik. Sama ada kita sedar atau tidak, kita semua di Asean telah mengendalikan sebahagian daripada urusan perniagaan kita dengan menggunakan modus yang menjadi sebahagian daripada perdagangan elektronik. Kita perlu mengadakan perbincangan untuk membentuk rangka kerja perdagangan elektronik, bagi memastikan panduan yang terkandung di dalamnya tidak merugikan kita tetapi meletakkan kita dalam situasi yang membolehkan kita mendapat kebaikan yang maksimum. Kita tidak boleh mengabaikan hakikat bahawa kita memerlukan pendapatan negara untuk mengurus tadbir negara kita, dan kebanyakan daripada pendapatan ini datang daripada aktiviti perdagangan.

Keenam, kita perlu mengemas kini, mengukuhkan dan meluaskan sektor perkhidmatan kita untuk melengkapi kekuatan kita dalam sektor pembuatan dan perindustrian. Sektor perindustrian tidak boleh kekal sebagai satu-satunya jentera pertumbuhan kerana sumbangannya kepada KDNK hampir mencapai tahap optimum, manakala kelemahan dalam sektor pembuatan pula terang-terang menjadi penyebab utama defisit akaun semasa di kebanyakan ekonomi negara Asean.

Ketujuh, kita mesti terus gigih berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran rakyat kita, dengan lebih bersemangat, jika mahu bersaing dan mengatasi perubahan. Kita juga mesti terus menekankan peningkatan tahap produktiviti dalam semua kegiatan.

Dalam usaha ke arah penyepaduan ekonomi yang lebih hebat, Asean perlu melihat cara kita bekerjasama melalui perspektif baru. Sasaran kita mestilah yang mendatangkan kebaikan daripada kekuatan kita, dan tidak sekadar melindungi kelemahan kita. Kita telah bersusah payah mencapai kemerdekaan dan kita tidak sepatutnya hilang kedaulatan negara disebabkan pelanggaran sempadan ekonomi dan sempadan lain secara bebas dan tanpa batasan. Sekurang-kurangnya, kita mesti memastikan pelanggaran sedemikian tertakluk kepada peraturan yang memanfaatkan.

Kita juga perlu tahu bahawa semakin kita bergerak ke arah penyepaduan ekonomi yang lebih besar, kita lebih terdedah kepada pertelingkahan sesama kita dalam melaksanakan inisiatif ekonomi yang akan kita rancangan. Kita perlu menyelesaikan pertikaian tersebut dengan pantas dan berkesan. Perjanjian Penyelesaian Pertikaian tentang Inisiatif Ekonomi yang berakhir pada April tahun ini menjadi rujukan yang amat penting.

Sambil kita melaksanakan inisiatif ke arah penyepaduan ekonomi yang lebih hebat di Asean, jangan kita abaikan perkara utama dalam mengurangkan

kos urus niaga atau kos perniagaan di Asean. Kita perlu menyemak semula prosedur kawal selia dan pentadbiran di peringkat negara dan Asean, dengan tujuan menjadikannya lebih mudah dan telus dan memastikan langkah baru yang diperkenalkan memudahkan keputusan dibuat dan kelulusan diberikan. Kita perlu membanteras amalan rasuah dengan saksama.

Untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan, kita perlu mengkaji semula keberkesanan industri utiliti kita. Kos elektrik, gas, air, dan telekomunikasi akan kurang membebankan perniagaan jika kita melonggarkan peraturan yang lebih ketat. Begitu juga, kita perlu menjadikan pelabuhan dan lapangan terbang kita lebih cekap, manakala khidmat pengangkutan dan penghantaran barangan kita lebih responsif.

Pada masa yang sama, kita perlu menerima pakai proses yang mampan, bersih dan mesra alam untuk mengelakkan kos yang berkaitan dengan kemerosotan alam sekitar. Kita perlu mendidik dan mendorong penduduk luar bandar meninggalkan amalan lama dalam kegiatan ekonomi harian mereka yang boleh mencemari alam sekitar. Sempadan kita yang dekat mensyaratkan kita menangani masalah pencemaran dari perspektif negara dan rantau. Kegagalan berbuat demikian pasti akan membawa akibat buruk dan membantutkan kemajuan kita.

Kerjasama ekonomi Asean telah mencapai banyak kemajuan sejak kita memulakan inisiatif ekonomi bersama yang pertama 20 tahun lalu. Perjalanan seterusnya lebih jauh dan penuh ranjau dan duri. Kita boleh menjadikan perjalanan ini lebih selesa jika kita mempersiapkan diri untuk tujuan ini, menumpukan perhatian dalam menangani masalah yang dihadapi, dan tetap komited dalam mencapai matlamat serantau kita.

Bab 9

MEMBENTUK SEMULA MASA DEPAN BERSAMA

SEJAK dilancarkan pada Ogos 1996, konsep Koridor Raya Multimedia (MSC) tersebar luas dalam masyarakat antarabangsa bak api yang sedang marak. Tiada satu negarapun yang tidak mengetahui MSC. Saya dengar orang bercakap tentang MSC pada setiap masa, ke mana sahaja saya pergi, walau di Mongolia sekalipun. Mereka bertanya saya tentang MSC dan bagaimana dapat mereka belajar daripadanya. MSC adalah tapak ujian yang amat besar untuk menguji bukan sahaja teknologi multimedia, malah yang lebih penting, evolusi cara hidup baru dalam era maklumat dan pengetahuan yang sedang berkembang. Justeru, MSC merupakan “sumbangan Malaysia kepada dunia”, satu ciptaan yang mengalu-alukan pembabitian masyarakat global untuk berkongsi pengalaman berguna dalam pembangunan multimedia.

Setahun sudah berlalu dan banyak perkara telah berlaku. Sejak itu, ramai yang tertanya-tanya sama ada Malaysia boleh berjaya atau tidak. Namun, banyak juga yang memberikan sokongan kepada MSC. Saya percaya, kini masyarakat antarabangsa dan Malaysia lebih memahami konsep MSC. Saya pasti, apabila semakin banyak program di bawah MSC dilaksanakan, mereka akan lebih faham dan jelas tentang MSC.

Beberapa peristiwa hebat telah berlaku sejak MSC dilancarkan pada 1996. Pada Januari 1997, kami mengadakan pertemuan Panel Penasihat Antarabangsa MSC (IAP atau *International Advisory Panel*) yang pertama, iaitu panel yang terdiri daripada CEO dari syarikat IT terkemuka di seluruh dunia. Pada

Ucapan yang disampaikan di Persidangan Multimedia Asia 1997 di Seri Kembangan, Malaysia, pada 16 September 1997.

bulan Mei, upacara meletakkan batu asas Cyberjaya, iaitu bandar raya pintar MSC untuk syarikat multimedia, telah dilakukan. Malah, projek sokongan lain di MSC, iaitu Putrajaya—pusat pentadbiran pintar yang baru—dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang baru (KLIA) berjalan lancar. Sebanyak empat undang-undang siber juga dibentangkan dan diluluskan di Parlimen Malaysia pada bulan Mei. Pada bulan Julai, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC atau *Multimedia Development Corporation*) mengeluarkan Konsep Permohonan Cadangan Tender (CRFP atau *Concept Requests for Proposal*) untuk ditender oleh syarikat swasta, bagi empat daripada tujuh aplikasi perdana—kerajaan elektronik, sekolah bestari, teleperubatan dan kad pelbagai guna. Dan kini, MMA, dengan tema 'Menanda aras Penyelesaian Bijak', merupakan usaha kami untuk menerima dan meneladani amalan terbaik dari seluruh dunia. Kami mahu belajar daripada yang terbaik.

Kami mempunyai wawasan yang jelas untuk Malaysia yang dinamai Wawasan 2020, dengan tujuan mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Kami mahu menjadi negara membangun mengikut acuan kami sendiri. Agenda IT Malaysia mentakrif kandungan acuan tersebut sebagai pembentukan sebuah Masyarakat Madani. Apa yang kami maksudkan dengan "Masyarakat Madani" ialah sebuah komuniti swakawal yang diberi kuasa melalui penggunaan ilmu, kemahiran dan nilai yang disemai dalam diri setiap anggota masyarakat. Masyarakat sebegini membolehkan setiap warga Malaysia menjalani kehidupan yang bermaruah dan masa depan yang terancang, bukan sahaja untuk hari ini tetapi juga untuk masa depan. Sudah tentu soalan cepumasnya adalah, bagaimanakah dapat kami mencapainya?

Sektor pembuatan telah menjadi tulang belakang pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan dengan kadar 7 hingga 8 peratus sepanjang dua dekad yang lalu. Mengikut pengiraan kami, untuk mencapai sasaran sebuah negara maju, kadar pertumbuhan mestilah tetap pada kadar sekurang-kurangnya 7 peratus setahun hingga tahun 2020. Walau bagaimanapun, kami menganggarkan sumbangan sektor pembuatan terhadap KDNK akan memuncak pada kadar kira-kira 38 peratus menjelang tahun 2005. Sudah pasti kami memerlukan jentera pertumbuhan kedua jika mahu mencapai Wawasan 2020. Jentera kedua ini hendaklah dihidupkan menjelang 2005. Soalan yang timbul pada masa ini adalah, bolehkah kami melakukannya?

Kami telah melihat carta dan mengkaji arah alirannya. Kami cuba memperlihatkan daya utama yang akan menjadi latar sosioekonomi masa depan. Pergerakan kami yang tetap ialah teknologi digital. Maka, kami bercadang menjadikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT atau *Information and Communication Technologies*) sebagai jentera pertumbuhan di semua sektor ekonomi. Untuk mendapatkan idea yang lebih jelas tentang ejen perubahan

yang baru dan hebat ini, kami menubuhkan Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC atau *National Information Technology Council*) pada tahun 1994.

Peranan asas NITC adalah memberikan khidmat nasihat kepada kerajaan tentang dasar dan strategi ICT serta membantu mengendalikannya. Memandang kita sedang memasuki dunia yang belum pernah diterokai dan mengharapkan perubahan yang pantas dan radikal, maka wajar jika kita mengujinya dahulu sebelum melaksanakannya di seluruh negara, bagi mengelakkan kesilapan yang merugikan. Maka, jadilah MSC sebagai tapak ujian. Kami berharap MSC akan menghasilkan riak pertama yang seterusnya bertukar menjadi gelombang yang akan menyelubungi seluruh negara, lalu mengubahnya menjadi pusat multimedia global. Agenda IT Negara menyediakan rangka kerja dasar yang luas untuk mendorong perubahan ini ke arah pembentukan Masyarakat Madani. Agenda tersebut menggariskan strategi serampang tiga mata untuk mewujudkan masyarakat asas-ilmu melalui pembangunan manusia, prasarana dan aplikasinya. Sememangnya teknologi digital sudah pasti akan menyediakan daya kreativiti yang tersembunyi.

Anda mungkin mendengar saya menggunakan perkataan ‘pembentukan’ untuk merujuk Wawasan 2020. Saya sengaja berbuat demikian. ‘Evolusi’ atau ‘pembangunan’ menunjukkan pengekalan *status quo*, iaitu sekadar meneruskannya. Arus digital adalah tanda-tanda ketidaksinambungan. Pemisahan akan berlaku dan ia perlu dilakukan mengikut cara kita berfikir, bekerja atau hidup. Pada fikiran kita, pemisahan daripada masa lalu amat penting dan jurang pemisah yang luas dengan masa depan hendaklah dirapatkan. MSC merupakan jambatan pertama kami ke arah ini. Dalam keadaan inilah MSC perlu dikaji. Kami menganggap MSC sebagai benih yang akan bercambah menjadi Masyarakat Madani. MSC merupakan pelaburan pertama kami untuk masa depan. Malah, MSC adalah alat uji kaji kami untuk membentuk masa depan bersama.

Membentuk masa depan tidak bermaksud meramal masa depan; insan biasa tidak dapat melakukannya. Membentuk masa depan bermakna menggerakkan ejen perubahan yang tertentu pada masa ini, dengan mengambil kira hakikat semasa dan ketidakpastian masa depan, dengan harapan untuk mencapai wawasan kita. Ini melibatkan pembentukan semula—dalam hampir setiap bidang penting. Inilah sebenarnya yang kami mahu lakukan dengan MSC. Contohnya, melalui aplikasi perdana kerajaan elektronik, kami mahu membentuk semula tadbir urus; melalui aplikasi perdana sekolah bestari, kami mahu membentuk semula pendidikan; melalui aplikasi perdana teleperubatan, kami mahu membentuk semula penjagaan kesihatan; dan melalui aplikasi perdana pemasaran tanpa sempadan, kami mahu membentuk semula amalan perniagaan.

Saya menganggap tadbir urus sebagai konsep 'payung' yang menerima pakai dan mentakrif proses pembentukan semula ini, lalu menjadikannya konsep yang terpenting. Membentuk semula tadbir urus bukanlah sesuatu yang baru kami fikirkan. Malah, kami telah memulakannya untuk beberapa ketika. Sebagai langkah awal, kami mula menyusun semula jentera kerajaan dengan menyeimbangkannya agar lebih cekap dan berkesan. Tujuannya untuk mengekalkan hanya portfolio awam yang strategik dalam jentera kerajaan seperti pertahanan, keadilan dan kewangan, serta menswastakan kebanyakan portfolio lain. Sehubungan dengan itu, fungsi perkhidmatan awam seperti telekomunikasi, bekalan tenaga elektrik dan pengangkutan landasan kereta api yang biasanya di bawah naungan kerajaan, kini telah diswastakan. Proses ini berkait rapat dengan idea lain yang telah kami uji-konsep Perbadanan Malaysia—melalui paduan tenaga antara kerajaan dengan sektor swasta untuk membangunkan negara. Dan saya tegaskan di sini bahawa kami agak berjaya melaksanakan kedua-dua konsep ini.

Idea tentang kerajaan elektronik merupakan tahap kedua dalam usaha kami untuk membentuk saiz tadbir urus yang sesuai. Tadbir urus elektronik bukan sekadar mentadbir melalui kaedah elektronik. Teknologi hanya merupakan kaedah untuk mencapai sesuatu matlamat—matlamat seperti menyusun semula struktur, sistem dan prosedur untuk melaksanakan perubahan dan berusaha mencapai kecemerlangan yang mengatasi tahap pencapaian sebelumnya. Oleh itu, perpindahan dari Kuala Lumpur ke Putrajaya lebih merupakan perpindahan fizikal. Secara simbolik, ia melambangkan penghapusan tinggalan dan corak pemikiran lama—perubahan ke arah rangka kerja dorong-maklumat untuk pengurusan dan khidmat asas-prestasi. Kami berharap perubahan ini akan menggerakkan anjakan paradigma dalam cara kita berfikir, bekerja dan hidup.

Kami di Malaysia memang sedar dan menerima hakikat bahawa pembentukan masa depan, dengan implikasi membentuk semula hakikat sedia ada, tidak semudah yang dijangka. Perjalanannya pasti sukar, dengan onak dan duri di sepanjang jalan. Kami juga sedar kami tidak boleh melakukannya sendiri. Kami akui, sememangnya kami tidak mempunyai teknologi mahupun ilmu yang diperlukan untuk melakukan apa yang kami mahu. Namun, semangat kami kental dan negara kami kuat; asas ekonomi kami teguh; dan kami sanggup bekerjasama dengan pihak lain dan menimba ilmu—dengan pantas. Belajar sambil melakukannya—beginilah cara yang kami lakukan sebelum ini dan beginilah caranya yang kami mahu untuk mara ke depan. Melalui konsep Perbadanan Malaysia, dalam tempoh dua dekad kami berjaya melangkah daripada ekonomi asas-pertanian kepada ekonomi asas-industri. Dan kebimbangan tentang ekuiti beragihan juga tidak diambil ringan. Kami kini mempunyai teknik ujian-masa, dan kami yakin teknik ini akan terus

bertahan untuk prestasi yang berulang-ulang.

Kami ingin membawa konsep Perbadanan Malaysia selangkah ke hadapan melalui MSC—ke arah usaha sama global yang bijak. Kami ingin mempelawa masyarakat dunia menyertai usaha membentuk masa depan bersama. Kami mengalu-alukan kerjasama dan bukannya konfrontasi, pengayaan dan bukannya eksploitasi, perkongsian dan bukannya perebutan. Ini sepatutnya menjadi slogan dan asas untuk mengembangkan sebuah masyarakat global yang adil dan saksama.

Inisiatif Amerika Syarikat dalam 'Rangka Perdagangan Elektronik Global'nya baru-baru ini menyokong kepemimpinan tidak berperaturan dalam sektor swasta. Seperti yang kita tahu, pasaran ini menghargai mereka yang mahir dan mengecah mereka yang tidak mahir dan kurang berupaya. Kecekapan dan kesaksamaan tidak wujud seiringan. Oleh itu, membiarkan ekonomi digital mengamalkan pasaran swakawal akan hanya meluaskan jurang antara golongan kaya maklumat dengan golongan miskin maklumat. Pasaran laissez-faire tidak berpandangan jauh dan hanya mementingkan keuntungan tanpa mengendahkan keadilan sosial. Bolehkah pasaran bebas benar-benar menggantikan pentadbiran yang bertanggungjawab? Undang-undang dan peraturan memang menjengkelkan. Kita patut mengurangkan peranannya, tetapi anarki bukanlah sesuatu yang lebih baik untuk pasaran.

Dalam Era Maklumat, asas baru untuk kuasa, kekayaan dan pengaruh ialah ilmu. Tiada sesiapa pun yang boleh memonopoli ilmu atau kebijaksanaan, yakni tiada sesiapa pun yang boleh membolot semua kuasa, kekayaan dan pengaruh. Oleh itu, dengan usaha, sesiapa jua boleh menambah dan memperoleh kuasa dan kekayaan. Ini akan membawa kepada masyarakat yang lebih terbuka dan saksama. Walau bagaimanapun, pada masa ini, ilmu lebih mudah mendampingi golongan yang berkemampuan: anak orang berada dan berpendidikan, lebih mudah mendapat pendidikan yang baik berbanding mereka yang kurang bernasib baik, lalu memungkinkan mereka mendapat kuasa dan kekayaan. Keadaan ini akan mewujudkan sebuah masyarakat yang golongan berada serta berpendidikan bertambah kaya dan berkuasa, manakala yang miskin dan tidak berpendidikan bertambah miskin dan lemah. Jadi, bagaimanakah dapat kita mengelakkan perkara ini daripada berlaku?

Soalan ini, terutamanya, menekankan betapa rangka kerja baru pentadbiran perlu ada, apabila kebimbangan terhadap keadilan beragihan wujud seiring dengan sistem pasaran bebas untuk ekonomi digital. Maka, masyarakat antarabangsa perlu mengadakan dialog untuk merumus rangka kerja global baru bagi tadbir urus dalam Era Maklumat, di samping mendidik Masyarakat Madani global. Izinkan saya menyarankan satu forum maya diadakan, bertajuk 'Komanwel Maya Negara-negara' (*Virtual Commonwealth of Nations*),

dengan semua negara diwakili secara adil dan penyertaannya benar-benar secara demokrasi.

Secara kiasan, dunia ini semakin mengecil dengan begitu pantas. Teknologi multimedia dan rangkaian akan membolehkan orang dari seluruh pelosok dunia bersemuka melalui telefon video dan sidang video. Kepelbagaian budaya akan menjadi cara hidup masa depan. Tanda-tanda perkampungan global sudahpun wujud. Kita perlu membuat pengubahsuaian tertentu, agar hubungan erat ini tidak menyebabkan kita kerap saling menyinggung perasaan masing-masing. Malah, keamatan dan pendedahan yang lebih kerap antara kita, sepatutnya dapat memupuk semangat kejiranan yang lebih kuat. Lama-kelamaan, kita haruslah dapat membentuk masyarakat global berbilang budaya.

Apabila menyaksikan era industri yang sedang nazak serta kelahiran era baru—yang akan berasaskan maklumat dan ilmu—bukankah kita patut bertindak sendiri untuk menentukan nasib kita dan bukannya menyerahkan bulat-bulat kepada sistem pasaran bebas? Kita tidak menjauhkan diri daripada dunia tanpa sempadan dan perdagangan bebas. Tetapi ini hanyalah kerana masyarakat manusia memerlukan aturan dan kepastian pada tahap tertentu untuk membolehkannya berfungsi. Kekacauan yang berlaku sekali-sekala boleh dibendung, namun kekacauan endemik pasti mempengaruhi masyarakat dan kehidupan secara negatif. Penghapusan sempadan antara negara sekadar bermaksud entiti yang lebih besar atau negara baru asas-dunia akan muncul. Ilmu itu sendiri tidak akan menjadikan satu-satunya kelompok manusia yang besar ini hidup aman damai. Sudah tentu perdagangan bebas tanpa peraturan tidak akan membawa kekayaan dan kebahagiaan kepada semua orang, walaupun disokong maklumat yang amat banyak.

Kita boleh terjun ke dalam Era Maklumat dengan mata tertutup. Akan tetapi, mengapa kita harus berbuat demikian sedangkan kita boleh menguji dan melihat bagaimana sesuatu perkara akan berfungsi atau dihasilkan. MSC Malaysia adalah usaha mencipta suatu persekitaran untuk menguji bukan sahaja teknologi, tetapi cara hidup itu sendiri. Peluang membuat percubaan tidak terbatas. Kita hanya perlu memikirkan senario tertentu untuk membuat percubaan dan ujian. Kita tidak akan mendapat semua jawapannya tetapi kita tidak sepatutnya teraba-raba dalam gelap, apabila memasuki gerbang alaf baru dan Era Maklumat.

Bab 10

ASEAN YANG AMAN DAN MAKMUR

KITA semakin hampir merealisasikan wawasan bapa pengasas Asean pada tahun 1967, untuk menggabungkan kesemua sepuluh negara Asia Tenggara menjadi satu kumpulan serantau. Walaupun wawasan ini belum terlaksana, kemasukan rasmi Laos dan Myanmar ke dalam Asean tetap merupakan peristiwa penting dalam sejarah Asia Tenggara. Malaysia berbangga kerana menjadi tuan rumah bagi peristiwa bersejarah ini. Izinkan saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah dan menyambut rakan kita dari Laos dan Myanmar ke dalam komuniti negara-negara Asean.

Masih ada sebab untuk kita meraikannya tetapi jangan kita lupakan kesukaran yang dihadapi negara-negara Asia Tenggara dalam usaha awal mereka membentuk kumpulan serantau, khususnya untuk memudahkan penyelesaian masalah di kalangan jiran kita yang baru mencapai kemerdekaan. Setelah beberapa kesilapan dilakukan, lima negara Asia Tenggara berjaya menubuhkan Asean pada tahun 1967. Penggabungan ini lebih merupakan keperluan politik daripada gesaan ekonomi. Namun, serta-merta kedengaran desas-desus tentang negara Asean ini yang mengikut jejak Komuniti Ekonomi Eropah dengan menjadi blok perdagangan.

Tahap pembangunan ekonomi negara ini amat rendah pada masa itu. Blok ekonomi Asean mungkin tidak begitu bermakna. Selain itu, tuntutan terhadap wilayah masing-masing terus menegangkan hubungan pelbagai pasangan negara Asean. Hanya langkah pragmatisme sahajalah yang terus

Ucuptama yang disampaikan di Majlis Pembukaan Mesyuarat Peringkat Menteri Asean ke-30 di Petaling Jaya, Malaysia, pada 24 Julai 1997.

diambil oleh negara ini sebagai Asean, walaupun hubungan dua hala antara sesetengah negara anggotanya menjadi tegang. Sehingga kini, tuntutan ini masih wujud tetapi ini tidak menghalang Asean daripada membangun menjadi kumpulan serantau dengan kredibiliti dalam hal-chwal ekonomi, sosial dan politik dunia. Inilah kejayaan lima negara awal Asean yang menggamit negara Asia Tenggara lain dan juga negara di luar rantau ini untuk menyertainya.

Kejayaan Asean lebih terserlah memandangkan tidak lama dahulu, mereka menghadapi peperangan dan konflik dalam wilayah dan dalam kebanyakan negara Asean. Dijangkakan bahawa jika Vietnam Utara mencapai kemenangan, maka umpama domino, satu demi satu negara di rantau ini akan jatuh ke tangan komunis dan akibatnya berlakulah kacau-bilau. Pada masa itu, seperti juga sekarang ini, kita diberitahu bahawa kita memerlukan perlindungan negara asing terhadap serangan jiran pemangsa seperti Vietnam yang menang dan negara Timur lain yang berkuasa.

Walaupun ini seperti sesuatu yang mustahil, Vietnam dan askarnya yang dipersendakan sebagai berpakaian tidur hitam berjaya menewaskan kuasa terbesar dunia. Akan tetapi domino tidak jatuh. Malah, mereka makmur dan memperlihatkan kestabilan dan keupayaan mengendalikan negara masing-masing dengan baik. Mereka seperti telah bersedia untuk menolak ideologi masa lalu dan menerima keperluan perubahan ekonomi, agar kehidupan rakyat mereka bertambah baik. Perancangan pusat membuka laluan kepada kuasa pasaran dan galakan perdagangan antarabangsa serta pelaburan asing. Perolehan wilayah melalui keganasan seolah-olah perkara terakhir yang bermain dalam fikiran pemimpin Asia Tenggara. Mereka lebih berpegang pada keamanan dan kejiranan yang baik. Semua negara memperlihatkan keinginan untuk bekerjasama dalam membina sebuah rantau bebas nuklear yang aman, merdeka dan berkecuali.

Tidak syak lagi, keanggotaan kumpulan Asean telah menyumbang ke arah kerasionalan kerajaan dan keprihatinan yang serius terhadap kesejahteraan serta pembangunan pesat negara anggotanya. Nampaknya, mereka belajar daripada satu sama lain cara mentadbir dan membangunkan negara masing-masing. Mereka yakin dengan konsep bekerja untuk kebaikan rakyat, walaupun cara masing-masing berbeza. Asean membuktikan bahawa kerjasama serantau di kalangan negara membangun tidak mustahil dan mendatangkan manfaat.

Bank Dunia baru-baru ini mengiktiraf bahawa kerajaan yang baik merupakan kunci kepada pembangunan negara ekonomi lemah. Sebaliknya, kita boleh merumuskan bahawa negara ekonomi lemah yang kini menjadi maju, mempunyai kerajaan yang baik.

Negara anggota Asean dahulunya lemah tetapi kini ekonominya me-

rupakan antara yang terbaik di dunia. Ini bermakna kerajaan Asean tahu apa yang dikatakan kerajaan yang baik dan jejaknya hendaklah diikuti.

Dunia harus menyimpulkan bahawa keanggotaan Asean akan mempengaruhi politik dalam negeri secara stabil dan dapat membantu kemajuan negara anggota. Dunia perlu menyambut baik penyertaan mana-mana negara yang layak menyertai Asean. Malang sekali, ada pihak yang enggan menerima perkara yang terbukti kesahihannya. Mereka tidak menggalakkan Asean menerima semua negara Asia Tenggara secepat mungkin, malah Asean digesa untuk mengancam, menolak keanggotaan dan menekan negara yang bakal menyertainya, supaya negara tersebut terus miskin dan tidak stabil. Asean mesti menentang dan menolak gesaan sedemikian. Taktik ini bukanlah sebahagian daripada cara Asean. Kita akan menyelesaikan masalah kita mengikut cara dan masa kita sendiri. Tiada sesiapa pun yang patut menganggap mereka sahaja yang boleh menyelesaikan semua masalah. Mereka terlalu kerap gagal pada masa lalu untuk meyakinkan kita bahawa mereka sahaja yang tahu apa yang betul dan apa yang salah.

Negara anggota Asean, seperti juga negara lain, perlukan keselamatan dan keamanan. Kita memutuskan bahawa Asean tidak akan menjadi sekutu tentera untuk tujuan perlindungan, walaupun kita semua bebas mengadakan rundingan dua hala dengan negara anggota lain untuk keselamatan bersama. Mereka yang prihatin terhadap keselamatan kita, sepatutnya menyokong konsep kita tentang kawasan aman, merdeka dan berkecuali yang bebas daripada senjata nuklear. Kita tidak menganggap negara lain sebagai musuh, dan tidak mahu melabelkan mana-mana negara sebagai bakal musuh. Jika kita mempunyai masalah dengan negara bukan Asean, kita akan sama-sama mencari penyelesaian melalui rundingan, dengan kesepakatan sebagai penggerak.

Kita menghargai tawaran mereka untuk melindungi kita tetapi bagaimanakah dapat kita pastikan bantuan yang dijanjikan itu akan dihulurkan, setelah menyaksikan begitu banyak negara dibiarkan menanggung beban sendiri apabila mereka ditimpa masalah? Kita tahu bahawa keutamaan perlindungan adalah meningkatkan kekuatan mereka. Ikrar mereka untuk melindungi hak asasi manusia tanpa mengira sempadan dan kedaulatan sering kali terbukti sebagai omong kosong semata-mata. Kita tahu kita akan dibiarkan menghadapi masalah itu sendiri dan membayar dengan nyawa dan kekayaan kita sendiri. Akhirnya, kita hanya boleh bergantung pada diri sendiri. Dengan menolak kuasa sebagai penyelesaian masalah antara kita, keselamatan kita pasti terjamin melalui kesanggupan kita menyelesaikan masalah mengikut cara Asean.

Bagi kita, pertahanan terakhir adalah kestabilan dan kekuatan ekonomi serta kesanggupan untuk bersatu padu, walaupun kita tidak berjanji untuk

berjuang bersama-sama, bukan dengan menjadi blok tentera.

Kekuatan ekonomi amat penting. Dalam dunia yang taksud kepada pertumbuhan ekonomi melalui sistem pasaran bebas, pemerolehan wilayah tidak lagi penting. Ia tidak lagi merupakan sumber kekayaan dan kuasa. Mereka yang bercakap tentang penawanan tentera dan wilayah jajahan, masih lagi hidup di alam lalu. Mereka pasti tahu bentuk hegemoni lain boleh wujud. Ancaman yang dihadapi negara adalah sekatan ekonomi untuk memiskinkan rakyatnya dan mencetuskan sengketa dalam negara. Apabila menjadi lemah, negara yang malang itu terpaksa tunduk sepenuhnya seolah-olah mereka dijajah. Oleh itu, kita perlu memusatkan perhatian terhadap pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat kita. Negara Asean telah membuktikan mereka tahu cara melakukannya. Kini, bersama-sama anggota baru kita, negara Asia Tenggara boleh bekerjasama dan saling membantu untuk kemakmuran ekonomi. Dengan cara itu, negara kita menjadi stabil dan kurang terdedah kepada tindakan musuh yang sering menekan dari luar.

Kemakmuran ekonomi merupakan jawapan sebenar kepada masalah keselamatan kita kerana melaluinya, Asean akan dipandang serius dan pandangannya dihormati. Inilah sebabnya mengapa setiap kali menteri luar kita bertemu, adalah menjadi perkara biasa kepada negara utama dunia untuk berdialog dengan kita. Kita mengadakan forum serantau, walaupun dalam soal keselamatan, untuk menghapuskan masalah yang timbul. Tiada organisasi rantau lain yang mempunyai aturan seumpama ini. Kekuatan tentera boleh mencetuskan rasa takut tetapi akan membawa kepada persaingan senjata yang besar belanjanya. Manfaatnya hanya diperoleh pengilangan dan pedagang senjata perang. Kemakmuran ekonomi menimbulkan rasa hormat tetapi dengan harga yang jauh lebih murah, sedangkan manfaatnya tetap kita peroleh.

Pada Disember 1997, pemimpin kerajaan negara Asean akan bertemu secara rasmi di Kuala Lumpur ini. Pertemuan ini bakal menjadi pertemuan bersejarah pemimpin kerajaan sembilan buah negara Asia Tenggara selaku pemimpin salah satu kumpulan serantau yang terkuat di dunia. Pastinya banyak perkara penting yang akan dibincangkan, serta keputusan dan pendirian yang perlu dibuat. Mereka bukan sekadar menyambut ulang tahun Asean ke-30, tetapi banyak juga perkara penting serantau dan antarabangsa yang perlu dibincangkan.

Dunia hari ini begitu yakin apabila bercakap tentang dunia tanpa sempadan, Era Maklumat, pasaran terbuka, dan masyarakat terbuka. Asean, iaitu sekumpulan negara membangun, perlu tahu bagaimana semua konsep baru tentang perdagangan dan politik antarabangsa ini akan mempengaruhi kita. Alangkah bagusnyanya apabila kita mengetahui semua pasaran besar negara maju akan dibuka kepada kita sebagai balasan terhadap pasaran kecil yang

kita buka kepada mereka. Akan tetapi, dapatkah kita benar-benar memasuki pasaran ini? Atau adakah penghapusan sempadan membawa kepada satu arah aliran sahaja?

Kita kini dapat melihat usaha yang begitu terancang untuk melemahkan ekonomi semua negara Asean, dengan menjadikan mata wangnya tidak stabil. Asas ekonomi kita baik, tetapi mereka yang memiliki berbilion-bilion dolar boleh memusnahkan semua kemajuan yang telah kita capai. Kita diarahkan supaya membuka perdagangan kita dan ia mestilah benar-benar bebas. Bebas untuk siapa? Untuk penyangak? Untuk pengacau yang mahu memusnahkan negara lemah dalam kempen mereka untuk membentuk masyarakat terbuka, untuk memaksa kita tunduk kepada kediktatoran dalang antarabangsa? Kita ingin memulakan dunia tanpa sempadan tetapi kita masih perlu melindungi negara daripada penyangak yang mengambil kesempatan dan penyamun antarabangsa.

Kita sedang menyaksikan syarikat gergasi menelan sebahagian besar perniagaan di negara membangun. Mereka memonopoli sektor perkhidmatan melalui syarikat perkapalan, penerbangan, insurans, dan bank yang sangat besar. Media cetak dan elektronik di seluruh dunia kini dikawal oleh mereka. Kebebasan akhbar kita disekat oleh orang yang melaungkan kebebasan akhbar. Hanya berita buruk tentang kita dihebahkan, manakala berita baik tertimbun dalam arkib mereka dan tidak pernah dihebahkan.

Kita bimbang, kita patut risau tentang dunia tanpa sempadan dalam Era Maklumat dan pasaran bebas. Kita tidak menolaknya seratus peratus, tetapi kita perlu tahu di mana pendirian kita. Kita perlu tahu cara menangani masalah yang akan timbul. Mereka telahpun membentuk blok perdagangan serantau yang kukuh. Lapan daripada negara paling berkuasa memutuskan bahawa mereka, dan hanya mereka sahaja, yang patut menentukan nasib setiap negara. Apabila mereka bersetuju dengan sesuatu perkara, contohnya penilaian semula yen Jepun, kita terpaksa menanggung akibatnya. Dan apabila mereka bertelagah, kita yang akan dipijak-pijaknya.

Jika sendirian, tiada satupun negara Asia Tenggara mampu melindungi negara masing-masing. Akan tetapi, sembilan buah negara Asean dengan setengah bilion rakyatnya mungkin dapat melakukan sesuatu untuk membantu negara sendiri.

Kita gembira apabila pemimpin sembilan buah negara Asean bertemu, kerana pertemuan dengan pemimpin tiga negara terbesar di timur laut Asia juga akan diadakan. Pada masa itu, kita berpeluang menyuarakan pendapat kita kepada mereka tentang terlalu banyak isu antarabangsa memandangkan ekonomi mereka begitu berkait rapat dengan ekonomi kita. Apa yang mempengaruhi kita juga akan mempengaruhi mereka. Kita bencikan blok perdagangan tetapi kita mahu agar seberapa banyak negara yang boleh,

memahami masalah kita. Kita mungkin menuju ke arah dunia tanpa sempadan tetapi kita juga nampak keistimewaan yang lebih ketara untuk negara kaya. Lebih-lebih lagi pada hari ini, kita perlu mencari kawan, walaupun dari kumpulan yang dikhaskan untuk golongan tertentu.

Di rantau ini, kita berpegang pada dasar 'memakmurkan jiran anda'. Ini bukanlah disebabkan sikap pemurah. Dasar ini benar-benar dirangsang oleh sikap pentingkan diri sendiri. Jiran yang makmur menjadi rakan dagang yang baik dan menimbulkan kurang masalah sesama sendiri. Masalah yang dialami jiran miskin cenderung untuk melimpah keluar dari sempadan negara. Atas sebab pentingkan diri inilah kita menolak dasar 'memiskinkan jiran anda'.

Namun begitu, kita tidak sepatutnya bersikap pasif dalam mengamalkan dasar 'memakmurkan jiran anda' ini. Kita sepatutnya giat membantu satu sama lain. Sudah pasti negara anggota yang lebih baru dalam pertubuhan kita, memerlukan lebih bantuan untuk seiring dengan negara anggota yang lama. Saya yakin, Asean ada formula untuk kejayaan, kerana jika tidak, bagaimanakah dapat kita menerangkan mengapa setiap negara Asean menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang pantas dan kestabilan politik? Kita mesti membantu setiap negara menggunakan formula ini agar kita semua dapat mencapai kestabilan dan kemakmuran.

Sekali lagi, ingin saya tekankan peri pentingnya ekonomi yang makmur. Kemakmuran perlu untuk mengelakkan konflik dalaman. Robert S. McNamara, mantan Setiausaha Negara AS, menyatakan bahawa kejadian konflik dalaman paling tinggi di negara termiskin dan paling rendah di negara terkaya. Dengan membantu memakmurkan jiran kita, sebenarnya kita membantu mengurangkan konflik dalam negara kita sendiri. Dengan itu, kita semua akan makmur dan bebas daripada sengketa. Dan kita sebagai jiran akan mendapat kebaikan daripada kekayaan dan ketiadaan konflik di rantau ini. Sekali lagi, kita dapat menyaksikan sifat mementingkan diri dalam dasar 'memakmurkan jiran anda'.

Terdapat lebih kurang setengah bilion rakyat di Asean pada hari ini. Mereka bukan orang yang terkaya tetapi walaupun pendapatan per kapita mereka mungkin rendah, namun kuasa beli mereka secara keseluruhan masih tinggi. Selain itu, dengan kadar pertumbuhan yang tinggi, pengaruh ekonomi mereka mesti meningkat dengan pantas. Kos yang rendah dari segi pengeluaran, kemahiran serta kegigihan rakyat mereka merupakan aset yang menjadikan mereka tampak menarik di mata pelabur dan pedagang. Masa depan negara anggota Asean sememangnya cerah. Kita tahu apa yang perlu kita lakukan bersama-sama. Kita tahu apa yang perlu kita lakukan sendirian. Dan kita mempunyai kekuatan melakukan apa yang terbaik untuk kita dan untuk melindungi negara kita. Jika gagal, tiada siapa yang boleh dipersalahkan melainkan diri sendiri. Kita tidak boleh gagal. Itulah azam kita.

Mesyuarat Peringkat Menteri Ascan ke-30 mencatat peristiwa penting dalam sejarah Asia Tenggara. Ia juga peristiwa penting dalam sejarah kerjasama serantau. Kita yakin dengan kekuatan melalui perpaduan. Kita menolak pertubuhan yang dikhasakan untuk golongan tertentu. Kita menderita dalam dunia dwikutub. Kini, kita tahu dunia ekakutub juga tidak banyak bezanya. Kita tahu jika bersendirian, kita akan menderita. Hanya melalui perpaduan sahajalah kita dapat mengekalkan dan memanfaatkan kemerdekaan yang dicapai menerusi penat lelah.

Bab 11

KORIDOR RAYA MULTIMEDIA: JAMBATAN GLOBAL KE ABAD DUNIA

SAYA ingin berkongsi pandangan tentang kuasa besar yang membentuk Era Maklumat dan beberapa peluang yang bakal diwujudkan untuk syarikat teknologi maklumat terkemuka di Eropah dan Malaysia. Dialog ini memang sesuai diadakan kerana saya percaya, komitmen biasa Eropah dalam mencari ilmu menyediakan prasarana yang penting untuk membangunkan sektor maklumat yang amat berdaya saing dalam ekonomi anda.

Pada hari ini, kita bertemu di ambang yang saya sebut sebagai 'Abad Dunia' (*World Century*), iaitu alaf keamanan seluruh dunia dan kemakmuran bersama yang mungkin belum pernah wujud. Ini kerana, kuasa yang menggerakkan Era Maklumat akan menghapuskan sempadan fizikal, sosial dan ekonomi yang dapat merangsang pertumbuhan melalui sikap 'saling mengayakan', jika kita memilih untuk melakukannya.

Kita benar-benar telah memasuki era baru. Dalam dunia tanpa sempadan, pengeluaran barangan dan perkhidmatan boleh benar-benar bersifat global. Jika kita memilih untuk bekerjasama dan bukannya menentang dan mengeksploitasi, pertumbuhan dan kemakmuran ekonomi seluruh dunia akan tercapai. Kreativiti, pembaharuan dan keusahawanan merupakan sumber yang sukar diperolehi dalam ekonomi ilmu, dan tidak boleh dikurung dalam sempadan. Sumber ini memerlukan pergerakan bebas manusia dan idea yang membolehkan syarikat, negara dan rakyat mendapat manfaat daripada sikap saling mengayakan ini. Setiap negara dan semua warga dunia sepatutnya

Ucapan tentang MSC: Jambatan Global dari Eropah ke Asia untuk Abad Dunia yang disampaikan di Imperial College di London, United Kingdom, pada 20 Mei 1997.

boleh mendapat apa jua kelebihan bersaing di mana sahaja.

Sikap saling mengayak boleh dipupuk dengan sama-sama mewujudkan nilai melalui 'jaringan' hubungan antara syarikat. Syarikat terbaik tidak lagi boleh menjalankan kesemua kegiatan ekonominya dalam sempadan syarikatnya. Seperti labah-labah, syarikat ini akan membina jaringan hubungan yang lebih rumit dengan syarikat lain supaya setiap syarikat dapat bertumpu pada aktiviti mereka yang terbaik. Syarikat ini akan bekerjasama melangkaui sempadannya tanpa mengira jarak dan menghasilkan pulangan yang meningkat apabila lebih ramai rakan niaga dan pelanggan menyertai 'jaringan' mereka. Mungkin inilah model pembangunan yang baru untuk Era Maklumat, dan besar kemungkinan kita akan dipintas jika kita tidak fleksibel dan bertindak balas terhadap perubahan teknologi, struktur industri atau kecenderungan pelanggan.

Dalam dunia yang semakin saling bergantung, jaringan ini akan tersebar luas dan sibuk dengan aktiviti perdagangan serta perkongsian hingakan jika ada percanggahan, ia hanya akan memudaratkan setiap orang secara sama rata. Gentian yang menghubungkan jaringan global ini tidak putus mahupun bengkok di sempadan negara atau benua ataupun sempadan budaya.

Empat daya utama yang akan menggerakkan globalisasi ialah: Rangkaian komunikasi yang amat besar, yang dapat menghantar maklumat ke seluruh dunia dalam masa nyata; Modal yang benar-benar global dan peraturan penting pasaran yang merentasi sempadan geografi dan politik; Syarikat yang mempunyai cita-cita untuk memimpin dan mengendalikan pasaran global di mana sahaja yang menjimatkan dan wajar bagi mereka untuk menghasil, mengagih atau memasarkan; dan pengguna yang cita rasa dan pengetahuannya tentang perkara terbaik dunia dapat menentukan apa yang bakal dibeli oleh mereka.

Ramalan tentang kemusnahan mengatakan pertembungan tamadun akan berlaku. Akan tetapi, apabila perniagaan benar-benar berciri antarabangsa seperti yang dijangka berlaku dalam dunia saling bergantung tanpa sempadan, senario begitu berkemungkinan besar tidak akan terjadi. Tamadun akan bercampur-baur sepenuhnya hingakan konfrontasi cara lama tidak mungkin berlaku lagi. Mungkin akan wujud ketegangan dalam masyarakat dan negara memandangkan abad ke-21 mendesak setiap negara agar bersifat berbilang bangsa dan agama. Namun, ketegangan sebegini boleh dibendung. Malaysia mempunyai campuran bangsa dan agama yang akan menjadi kebiasaan bagi semua negara abad ke-21, dan Malaysia membuktikan bahawa rakyat berlainan bangsa dan agama boleh hidup dan bekerja bersama-sama. Mereka menanggung sendiri risiko dan bahaya pertembungan ini.

Abad Dunia akan menjadi Era Penghubung antara manusia, tempat, maklumat, dan idea. Dalam keadaan ini, Asia mempunyai peranan istimewa dalam pembentukan Abad Dunia. Sejak sekian lama, corak pemikiran negara dipengaruhi dasar 'memiskinkan jiran anda'. Sama ada kita mahu mengukunya atau tidak, kebanyakan rakyat dan negara cemburuan kejayaan jiran mereka. Jika boleh, mereka mahu memastikan jiran mereka, yang jauh dan dekat, tidak akan berjaya. Akan tetapi di Asia pada hari ini, setidaknya-tidaknya di Asia Timur, kami telah melontar jauh corak pemikiran 'memiskinkan jiran anda' untuk digantikan dengan dasar 'memakmurkan jiran anda'. Dasar ini bukan dasar sikap pemurah. Hakikatnya, apabila jiran kita makmur, mereka tidak banyak menyusahkan kita. Malah sebaliknya, mereka menjadi rakan niaga kita yang baik. Dalam dekad yang lalu, perdagangan di kalangan negara yang berjiran di Asia Timur meningkat lebih cepat dibandingkan dengan perdagangan antara rantau atau dalam perdagangan dunia. Sikap 'memakmurkan jiran anda' inilah yang menjadikan Asean pertubuhan serantau yang paling pantas membangun di dunia. Atas sebab inilah juga kami mahu meluaskan Asean dengan menerima penyertaan tiga negara Asia Tenggara yang terakhir.

Anda sedar anda mempunyai masalah dengan kehadiran segelintir rakyat Asia dan Afrika di kalangan anda. Akan tetapi, jika negara Selatan terus miskin, kemasukan pendatang tanpa izin secara kecil-kecilan boleh menjadi kebanjiran. Malaysia menghadapi masalah ini. Untuk menangani masalah pendatang, kami melabur dalam industri padat buruh di negara jiran. Jika dunia hilang sempadannya, adalah lebih baik setiap negara memastikan jirannya juga makmur. Jika tidak, akan berlaku perpindahan beramai-ramai yang dapat mencetuskan ketegangan di setiap negara. Eropah sememangnya menarik di mata rakyat miskin dari selatan dan timur dunia.

Setakat ini, kita sedang menghadapi Era Industri dan masalahnya. Apakah masalah Era Maklumat? Kita tidak pasti. Kita boleh mengandaikan itu dan ini tetapi kita selalu tersilap dalam menjangka masa depan. Tiada siapa pun antara kita yang meramalkan ciptaan mikrochip. Akan tetapi ciptaan ini banyak mengubah hidup kita. Dan kini dengan kemajuan dalam telekomunikasi, kita akan melalui perubahan yang lebih menyeluruh yang boleh menyebabkan sempadan semula jadi dan juga istilah negara-bangsa suatu istilah yang hampir usang.

Eropah telah sekian lama merobohkan tembok antara negara. Ini bukan disebabkan Era Maklumat tiba di Eropah lebih awal. Ini hanyalah kerana anda telah terlalu kerap melibatkan diri dalam perang yang memusnahkan satu sama lain. Anda tahu dengan kecanggihan senjata moden, anda tidak lagi boleh menghadapi satu lagi Perang Eropah. Dengan yang demikian, bermula dengan komuniti ekonomi, anda kini berkembang menjadi Ke-

satuan Eropah, yang sempadan antara anda tidak lagi membawa erti yang besar. Namun begitu, walaupun anda berpengalaman luas tentang dunia tanpa sempadan, anda perlu tahu bagaimana fungsinya dalam Era Maklumat.

Inilah sebabnya mengapa Malaysia menawarkan MSC sebagai tapak ujian gergasi untuk mencuba, bukan hanya teknologi tetapi juga cara hidup dalam era maklumat yang pantas dan tidak terbatas. Dengan kelonggaran dan kebebasan dalam masyarakat anda, bagaimanakah untuk maju dalam persekitaran yang benar-benar telus? Bagaimanakah dapat anda menangani, contohnya, akhlak anak anda yang benar-benar rosak akibat Internet dan rangkaian lain, kerana melaluinya mereka dapat menyaksikan keganasan yang lebih dahsyat dan pornografi secara terang-terangan? Bagaimanakah anda menangani jiwa yang akan terkorban, malah sehingga sanggup membunuh diri beramai-ramai, atau capaian kepada teknologi mudah untuk membuat bom murah atau adakah kerajaan hanya akan tersedar apabila berada di ambang kehancuran? Saya tidak fikir MSC akan memberikan semua jawapannya tetapi kita boleh bertindak lebih bijak.

Pada bulan Januari, saya mengadakan mesyuarat pertama Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (MSC). Panel ini terdiri daripada peneraju industri seperti Jim Barksdale dari Netscape, Larry Ellison dari Oracle, Bill Gates dari Microsoft, Nobuyuki Idei dari Sony, Lou Gerstener dari IBM, Bon Moo Koo dari Lucky Goldstar, Jim Manzi, Scott McNealy dari Sun Microsystems, Kenichi Ohmae, Eckhard Pfeiffer dari Compaq, Lewis Platt dari Hewlett-Packard, Hasso Plattner dari SAP dan Masayoshi Son dari Softbank. Mereka ghairah dengan wawasan kami kerana mereka nampak kesungguhan kami untuk menghapuskan kekangan yang disebabkan oleh dasar, undang-undang, amalan, dan sikap Era Industri ke atas mereka. Sudah tentu mereka begitu berminat dengan cara menyeluruh yang kami cadang untuk dilaksanakan.

Pertama, MSC secara fizikalnya merupakan koridor panjang berukuran 15 km kali 50 km yang terbentang dari menara tertinggi dunia, Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur (KLCC) yang dengan sendirinya merupakan kawasan pintar, hingga ke kawasan yang bakal menjadi lapangan terbang antarabangsa terbesar di rantau ini apabila dibuka pada 1998. Hartanah ini hampir keseluruhannya adalah tapak hijau untuk pembangunan bandar raya dan sistem yang terkini. Di pertengahan jalan di antara KLCC dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur akan terbangun dua buah bandar raya; yang pertama ialah pusat pentadbiran Malaysia yang baru dan yang kedua ialah bandar raya siber yang akan kami warnai dengan industri, kemudahan R&D, Universiti Multimedia, dan institusi serta bahagian pengendalian untuk syarikat multinasional mengendalikan aktiviti pembuatan dan perdagangan

mereka di seluruh dunia dengan menggunakan multimedia.

Kedua-dua bandar raya tersebut akan dilengkapi kemudahan komunikasi terkini dengan gentian ke semua pejabat, premis perniagaan dan tempat kediaman. Bandar raya taman juga akan dibangunkan, dengan kawasan air yang luas untuk kehidupan yang lebih segar dan merangsang kreativiti di kalangan pekerja ilmu yang kami jangka akan tinggal di situ. Bandar raya tersebut akan dihubungkan dengan Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur melalui landasan kereta api baru dan lebuh raya tertuju khas, manakala sistem transit aliran ringan akan membawa penumpang dalam dan di antara kedua-dua bandar raya tersebut.

Putrajaya, pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan yang baru itu sendiri akan menjadi tapak ujian untuk kerajaan elektronik. Dilengkapi teknologi telekomunikasi terkini, syarikat di seluruh dunia berpeluang menyediakan, menguji dan mengalami suasana kerajaan elektronik dalam persekitaran kerajaan yang sebenar. Sudah tentu bekalan keperluan kerajaan di kawasan ini akan menguntungkan syarikat yang bertempat di MSC.

Kerajaan Malaysia sentiasa bersikap mesra perniagaan, malah akan lebih mesra kepada mereka yang menyertai MSC. Pekerja ilmu boleh keluar dan masuk MSC tanpa kesulitan. Mereka akan dilayan bagai tetamu istimewa. Visa pelbagai kemasukan akan diberi. Sudah pasti visa ini mestilah visa yang sah dan syarikat yang beroperasi di MSC mesti menjamin kesahihannya. Kami akan memberikan 100 peratus pemilikan syarikat dan pengambilan pekerja ilmu tanpa sekatian dari luar negara. Kami yakin penduduk kami yang layak, dan ramai yang berkelayakan, akan diambil bekerja oleh syarikat asing. Namun begitu, kami tidak akan mengenakan sebarang paksaan.

Kami tidak akan menapis Internet. Akan tetapi, jika ada yang memuat turun dan mengedarkan bahan secara tidak sah, dia akan tertakluk kepada undang-undang biasa negara. Kami berharap suatu hari nanti akan wujud persefahaman tentang apa yang boleh dan tidak boleh dimasukkan ke dalam Internet. Namun, sebelum sampai saat itu, syarikat bebas di MSC.

Prosedur birokrasi akan dikurangkan hingga ke tahap minimum kerana kami akan menggunakan agensi khidmat lengkap. Pada masa ini, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) bertindak sebagai agensi khidmat lengkap dengan kuasa untuk membentuk pelaburan berkelayakan MSC. Oleh itu, syarikat hanya perlu menghubungi MDC untuk merungkai sebarang kekusutan yang mereka hadapi atau untuk mendapatkan kelulusan rasmi.

Keperluan rasmi sedia ada yang tidak banyak ini akan disegerakan kelulusannya. Di Malaysia, kami bergerak pantas. Bangunan tertinggi di dunia dibina pada kadar satu tingkat setiap empat hari. Kami juga mendirikan bangunan dari atas ke bawah. Konsortium pembinaan yang bagus akan membangunkan Cyberjaya dan mengaku janji untuk membina apa-apa

bangunan, dua kali ganda lebih cepat. Bangunan pertama di Cyberjaya, iaitu Universiti Multimedia, akan siap pembinaannya pada 1999. Namun begitu, walaupun belum siap sepenuhnya, universiti itu akan mula beroperasi. Maka, jika sesebuah syarikat mahu menempatkan ibu pejabatnya atau apa jua bangunan di MSC, ia boleh menjangka pembinaan yang cepat, dengan piawaian yang tinggi dan pada kos yang minimum. Bangunan pertama di Putrajaya, iaitu pusat pentadbiran kerajaan yang baru, sedang dalam pembinaan dan akan diduduki tahun depan. Dan pastinya banyak institusi multimedia telah mula beroperasi di MSC.

Akan tetapi, sudah tentu MSC bukan soal bangunan dan lebuhraya. Bagi membolehkan MSC berfungsi, kita mesti ada undang-undang yang perlu, iaitu undang-undang siber. Undang-undang ini dibentuk untuk memudahkan penggunaan multimedia dan merangkumi perlindungan terhadap harta intelektual, kesahihan tandatangan digital dan urusan niaga komputer, pencegahan jenayah komputer, undang-undang penumpuan antara telekomunikasi, penyiaran, komputer dan sistem lain, dan banyak lagi perkara lain yang kini tidak dilindungi undang-undang sedia ada. Sesetengah daripada undang-undang ini telah diluluskan oleh Parlimen, manakala yang lain sedang digubal. Kami tidak fikir undang-undang tersebut sempurna. Pindaan perlu dibuat apabila semakin banyak kita belajar tentang penggunaan multimedia dan apabila teknologi baru menimbulkan masalah baru.

Kami juga telah memulakan kerja bagi tujuh projek perdana yang akan menguji peranan maklumat dan multimedia dalam masyarakat insan yang sebenar. Kami sedang mengkaji pelbagai cadangan untuk mencipta satu kad pintar bagi menggantikan beberapa kad pintar yang benar-benar membebaskan kita. Sekeping kad berkemungkinan menyimpan semua maklumat tentang seseorang individu, termasuk pengenalannya, lesen dan dokumen rasmi lain, dompet elektronik untuk urusan niaga harian dan tambang untuk semua jenis pengangkutan. Semua maklumat akan dilindungi dan khusus. Dengan kad pintar ini, kita boleh menyelesaikan sesetengah masalah yang dihadapi seseorang berkaitan dengan masyarakat tempat tinggalnya.

Kami juga akan memulakan projek kerajaan elektronik, universiti multimedia, gugusan industri media, jaringan yang membolehkan syarikat beroperasi di seluruh dunia tanpa perlu membuat perjalanan yang banyak, sekolah bestari dan sistem paling berkesan bagi pembelajaran jarak jauh serta teleperubatan. Anda dapat menyaksikan banyak bidang yang boleh diceburi syarikat multimedia dalam membangunkan sistem terbaik untuk hari ini dan masa depan. Dan sudah tentu apa yang anda bangunkan dan uji di MSC, dapat anda pasarkan ke seluruh dunia. Akan wujud peluang yang tidak terhingga untuk perniagaan dalam industri asas-maklumat.

Namun begitu, yang bagusnyanya anda akan turut serta dalam membentuk

masyarakat Era Maklumat. Seperti semua perkara lain, setiap yang baik pasti ada tidak baiknya. Keupayaan berkomunikasi dengan lebih ramai orang melalui Internet memberi rakyat Malaysia peluang untuk mendapat rakan baru di seluruh dunia. Namun, jika kita terus terpaku di depan komputer sepanjang masa, kemesraan dalam hubungan peribadi kita mungkin hilang. Kawan kita hanyalah paparan perkataan dan gambar pada skrin, dan perkataan serta gambar tidak sama dengan darah dan daging. Sifat insani kita berkurangan jika kita menyebabkan lenyapnya hubungan fizikal dengan rakan, begitu juga dengan musuh kita.

Timbunan maklumat yang diterima boleh menyebabkan seseorang membentuk keperibadian 'baru' dan menjadi agak 'tidak seimbang'. Kita sedia maklum tentang kumpulan Heaven's Gate yang berakhir dengan membunuh diri. Adakah mereka sahaja yang begitu? Atau adakah orang lain yang mempunyai idea pelik seperti itu? Oleh yang demikian, bidang kajian baru diperlukan untuk menangani kesan psikologi Era Maklumat. MSC boleh digunakan untuk mengkaji kesan ini. Sebelum kita menerima pakai budaya Internet sebagai budaya piawai dunia, kita patut tahu kandungan yang mungkin terdapat dalam budaya tersebut, dan bagaimana menanganinya atau mempengaruhinya secara wajar. Era Maklumat seharusnya mewujudkan tamadun dunia yang lebih hebat daripada tamadun lain yang kita tahu dalam era lalu. Walau bagaimanapun, banyak perkara bergantung pada kefahaman kita tentang era baru ini.

Jelas sekali, peranan MSC tidak terhad. Memang benar, hampir semua negara mempunyai projek yang akan menguji teknologi Era Maklumat dan Multimedia. Semua projek itu penting dan mungkin agak unik. Projek tersebut menyebabkan kita tahu lebih banyak tentang penggunaan multimedia dan maklumat segera yang tidak terbatas. Akan tetapi, saya ingin menekankan bahawa MSC merupakan tapak ujian paling menyeluruh yang dibentuk untuk mempelajari dan menguji teknologi serta penggunaannya dalam Era Maklumat.

Malaysia menyedari hakikat bahawa kami bukan pakar dalam apa-apa bidang teknologi peneraju. Walau dalam era industri sekalipun, kami terkebelakang dengan pencapaian hanya sebagai negara perindustrian baru. Kami pastinya bukan peneraju bidang multimedia. Malah, kami bukan pakar dalam keperluan multimedia dan Era Maklumat, untuk membolehkan kami meramal dan menyediakan prasarana yang perlu.

Namun begitu, kami sedia menerima nasihat dan bertindak berlandaskannya. Di Malaysia, kami mengadakan banyak dialog belanjawan dengan sektor swasta, kesatuan sekerja dan NGO setiap tahun sebelum menyediakan belanjawan. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengadakan dialog yang serupa dengan sektor swasta untuk mendapatkan

maklum balas dan saranan secara langsung tentang apa yang perlu dilakukan kerajaan untuk membangunkan ekonomi, bagi memenuhi keperluan sektor swasta. Kami turut mendengar suara rakyat untuk mendapatkan maklum balas politik kerana kami percaya kestabilan politik penting untuk pembangunan negara.

Dengan itu, demi MSC kami menubuhkan sebuah Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) yang kukuh, diwakili banyak nama besar dalam teknologi maklumat dari Amerika Syarikat, Eropah dan Asia. Kami bersungguh-sungguh untuk menerima nasihat mereka tentang bagaimana harus kami bentuk MSC. Kami tahu mereka juga bersungguh-sungguh kerana kebanyakan daripada mereka telah mula beroperasi di luar Malaysia dan telah memilih tapak untuk kemudahan mereka di MSC. Lebih daripada seribu pertanyaan yang ikhlas telah diterima dan 30 daripada penggerak utamanya, adalah di kalangan mereka yang telah menceburi MSC dengan penuh komitmen.

Syarikat ini sudahpun terlibat dalam pembentukan MSC. Syarikat seperti Microsoft, Oracle, Hewlett-Packard, Sony, Sun Microsystems, Netscape, EDS, IBM, Intel, dan NEC dari Jepun menyediakan lebih daripada 50 orang pakar sepenuh masa untuk bekerja dengan pekerja Kementerian Telekomunikasi dan pakar rundingnya, McKinsey & Co., bagi merangka Permohonan Cadangan Tender (RFP atau *Request for Proposal*) baru untuk memaksimumkan ruang lingkup konsortium pentenderan dalam membuka jalan untuk piawaian dan penyelesaian baru. Sudah tentu MSC boleh gagal, tetapi peluangnya agak tipis. Mereka yang tidak bersakit-sakit dahulu mungkin tidak akan bersenang-senang kemudian. Ingatlah bahawa kami tidak membangunkan MSC hanya semata-mata untuk diri sendiri. Inilah sumbangan kami kepada Abad Dunia Era Maklumat. Apa yang anda lakukan dan temui di MSC akan mempunyai kesan dan penggunaan seluruh dunia, untuk anda dan dunia secara amnya. Kami bukan pemurah. Banyak yang dapat kami manfaatkan daripada projek ini tetapi banyak juga yang dapat diperoleh oleh orang lain. Ia sememangnya pengalaman yang menarik dan anda perlu mengakui bahawa ia berjaya menyemarakkan minat dunia dalam industri ini atau di luarnya.

Sekiranya anda masih tidak yakin dengan kesungguhan dan sikap mesra perniagaan kami, izinkan saya memberikan bukti dan komitmen seterusnya.

Malaysia menyediakan sepuluh perkara dalam Akta Jaminan Multimedia. Kerajaan Malaysia secara rasminya berjanji akan melaksanakan perkara berikut terhadap semua syarikat yang mendapat status MSC daripada MDC dalam sempadan fizikal MSC: (i) Malaysia akan menyediakan prasarana fizikal dan maklumat bertaraf dunia; (ii) Malaysia akan membenarkan pergerakan bebas pekerja ilmu ke dalam dan luar negara tanpa sekatan pekerjaan; (iii) Malaysia akan memastikan kebebasan pemilikan syarikat; (iv) Malaysia akan

memberikan kebebasan mendapatkan modal secara global bagi prasarana MSC dan kebebasan meminjam dana; (v) Malaysia akan memberikan insentif kewangan berdaya saing, termasuk pelepasan cukai pendapatan atau elaun cukai pelaburan sehingga sepuluh tahun, dan tiada duti import bagi peralatan multimedia; (vi) MSC akan menjadi pemimpin bagi perlindungan harta intelektual dan undang-undang siber di rantau ini; (vii) Malaysia akan memastikan tiada tapisan terhadap Internet; (viii) MSC akan menyediakan tarif telekomunikasi berdaya saing secara global; (ix) Malaysia akan menawarkan kontrak prasarana MSC yang utama kepada syarikat terkemuka yang bersedia menggunakan MSC sebagai pusat serantau mereka; dan (x) Malaysia akan menubuhkan agensi pelaksanaan yang dinamik selaku 'pusat khidmat lengkap' yang berkesan bagi memastikan MSC memenuhi keperluan syarikat.

Inilah perhentian ketiga saya dalam usaha menyemarakkan minat dan sokongan terhadap MSC. Saya agak yakin syarikat Eropah yang giat dalam bidang teknologi maklumat akan menyambut baik projek ini. Kami memerlukan nasihat dan bantuan anda. Sudah tentu, kami juga memerlukan pelaburan anda yang bakal memanfaatkan kami dan anda semua.

Eropah kini merupakan kesatuan pelbagai negara berbilang bahasa dan budaya. Akan tetapi penyatuan sistem di Eropah tidak mudah. Mengubah undang-undang, amalan dan dasar industri bagi memenuhi keperluan Era Maklumat juga tidak mudah. Di MSC, kami menawarkan kepada syarikat multimedia Eropah, persekitaran yang tidak dicemari dasar dan amalan yang tidak mudah diubah untuk menampung seluruh perunggu perniagaan, amalan perniagaan dan teknologi yang baru. Saya yakin syarikat Eropah sudah bersedia merebut peluang yang telah diambil syarikat terkemuka Amerika dan Jepun. Ingin saya mempelawa anda untuk menyertai kami dalam pembentukan Abad Dunia melalui teknologi maklumat yang disediakan MSC, sumbangan Malaysia kepada dunia.

Bab 12

CYBERJAYA: WADAH KEMEKARAN KREATIVITI DAN DAYA CIPTA

KONSEP di sebalik Cyberjaya, iaitu model bandar raya pintar, selaku teras MSC tidak dibentuk dalam sekelip mata. Bertahun-tahun diperlukan untuk renungan, penyelidikan dan perancangan bagi menghasilkan pelan induk strategik untuk mencapai Wawasan 2020. Banyak penyelidikan dijalankan untuk mengkaji ramuan utama yang diperlukan dan resipi yang sesuai, untuk mewujudkan apa yang kami lihat sebagai pusat multimedia dunia yang sebenar. Apa yang telah kami rancang untuk Cyberjaya, bukanlah sekadar tempat untuk syarikat melibatkan diri dalam teknologi maklumat dan multimedia tetapi juga tempat untuk kreativiti dan daya cipta berkembang maju. Pembentukan MSC dan Cyberjaya khususnya, akan membolehkan warga Malaysia melangkaui Era Maklumat secara berperingkat-peringkat. Kami berharap dapat mewujudkan persekitaran ideal yang akan menarik syarikat bertaraf dunia untuk menggunakannya sebagai pusat Era Maklumat serantau berbilang budaya. Objektif jangka panjang kami adalah menggalakkan pembentukan gugusan syarikat multimedia dan IT Malaysia yang amat berdaya saing dan akan mencapai taraf dunia.

Dengan kawasan seluas kira-kira 7,000 hektar apabila siap dibina nanti, Cyberjaya dijangka dapat menampung penduduk sasaran seramai 240,000 orang dalam suasana hidup dan kerja Era Maklumat yang belum pernah wujud sebelum ini. Selaku bandar raya pintar, Cyberjaya akan dilengkapi prasarana IT dan telekomunikasi untuk memenuhi keperluan perniagaan,

Ucapan yang disampaikan di Upacara Pecah Tanah Cyberjaya di Sepang, Malaysia, pada 17 Mei 1997.

kediaman dan riadah penduduk dalam pembangunan tersebut, termasuk seramai 10,000 orang pekerja ilmu yang dijangka akan tinggal di kawasan tersebut. Bandar raya ini akan dilengkapi rangkaian telekomunikasi terkini dengan keupayaan 2.5-10 gigabit sesaat yang akan dipasang oleh Telekom Malaysia bagi memungkinkan penghantaran suara, video dan data antara syarikat di Cyberjaya dengan seluruh dunia, pada kelajuan yang tinggi. Prasarana bertaraf dunia ini mampu menampung aplikasi perdana multimedia, khidmat multimedia interaktif, perkhidmatan telefoni dan data yang maju serta juga khidmat komunikasi mudah alih.

Selain prasarana fizikal hebat yang antaranya ialah pengangkutan serta kemudahan multimedia dan perniagaan yang cekap, Cyberjaya juga akan disokong oleh pakej 'prasarana bukan fizikal' dalam bentuk dasar, amalan, insentif kewangan berdaya saing dan perunggu undang-undang siber yang baru untuk mewujudkan persekitaran yang benar-benar menggalakkan dalam mengencangkan pertumbuhan industri multimedia.

Satu lagi ciri Cyberjaya yang istimewa dan menarik adalah ia akan dibangunkan berdasarkan keharmonian simbiosis antara manusia, persekitaran dan teknologi. Ini berlandaskan kepercayaan asas bahawa teknologi akan digunakan untuk memberikan kualiti hidup yang lebih baik bagi manusia dalam persekitarannya, dan teknologi ini akan bersifat mesra pengguna dan mesra alam. Dalam membangunkan Cyberjaya, setiap langkah akan diteliti untuk memaksimumkan aset persekitaran semula jadi. Pemaju juga akan memastikan persekitaran yang sesuai diwujudkan untuk merangsang semangat, mental dan kesihatan fizikal, serta keseronokan meneroka keindahan alam semula jadi dan budaya. Di tengah-tengah semua ini ialah objektif penting untuk mewujudkan persekitaran hidup dan kerja yang membolehkan pekerja ilmu dan penduduk lain berinteraksi dengan bebas dalam persekitaran sosial yang tenang, lantas mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk menggalakkan kreativiti dan daya cipta seperti di Lembah Silikon di Amerika Syarikat.

Pelancaran Cyberjaya pada hari ini memang tepat pada masanya kerana dunia sedang meraikan Hari Telekomunikasi Sedunia bagi memperingati penubuhan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa 132 tahun dahulu. Industri Telekomunikasi Malaysia telah melangkah jauh ke hadapan sejak penswastaaan Telekom Malaysia dan penyusunan semula industri tersebut. Kini, terdapat tujuh pengendali rangkaian yang menyediakan khidmat rangkaian asas atau tetap, dan lima daripadanya menawarkan khidmat yang membawa ke arena antarabangsa, dan tujuh lagi pengendali khidmat. Semua pengendali ini menawarkan, dalam berbagai-bagai bentuk, teknologi digital berasaskan prasarana rangkaian maju. Kini, terdapat kira-kira 3.8 juta pelanggan talian tetap dan 1.8 juta pengguna telefon mudah alih di Malaysia.

Kadar penembusan kami sangat tinggi berbanding piawaian dunia dan terus meningkat dengan pantas. Penembusan telefon mudah alih, contohnya, adalah 9 peratus, iaitu lebih tinggi daripada Jepun apabila telefon mudah alih mula diperkenalkan di negara tersebut.

Banyak desas-desus mengatakan garis sempadan antara industri telekomunikasi, pengkomputeran dan penyiaran kian pantas lenyapnya. Ini tidak mungkin berlaku kerana MSC baru sahaja hendak dibentuk. Rangkaian berkeupayaan tinggi seperti yang dibangunkan oleh Telekom Malaysia di MSC membolehkan data, suara dan video dihantar serentak pada kelajuan yang amat tinggi. Inilah sebabnya mengapa kami kini mengusahakan Akta Penumpuan Multimedia, yang disasarkan khususnya untuk menangani pertindihan akibat pembangunan ini. Rangkaian utama yang akan dibina di MSC dan Cyberjaya khususnya, akan bertindak sebagai saluran utama yang melaluinya khidmat multimedia dapat diperoleh apabila diperlukan. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna tiada peluang untuk orang lain. Terlahu banyak ruang untuk menyediakan khidmat kandungan dan nilai tambah. Syarikat tempatan digalakkan mengadakan hubungan bersekutu dan kerjasama strategik dengan syarikat global untuk meneroka bidang pembangunan kandungan yang luas ini, khususnya untuk memenuhi keperluan rantau Asia-Pasifik yang memiliki sistem budaya dan nilai sosial yang berbeza daripada negara Barat.

Pembentukan MSC, dengan Cyberjaya sebagai terasnya, merupakan langkah ke arah mencapai wawasan masa depan. Ia bertujuan memudahkan peralihan kita dari ekonomi asas-industri kepada ekonomi multimedia Era Maklumat, sambil mengekalkan daya saing negara dalam ekonomi global. Namun begitu, ini tidak bermakna industri lain akan dipinggirkan. Teknologi maklumat dan multimedia itu sendiri tidak sepatutnya mempunyai penghujung. Jika digunakan dengan cara yang berkesan, ia menjadi input bernilai dan, dalam banyak hal, menjadi pemangkin kepada banyak industri lain. Kemajuan teknologi multimedia akan membawa kepada penggunaan baru, merangsang pertumbuhan perdagangan serta produktiviti, dan keberkesanan dalam semua sektor. Terdapat banyak peluang dan manfaat sampingan yang kesannya dapat dirasai sehingga beberapa generasi akan datang. Apa yang perlu kita lakukan hanyalah membuka minda kita terhadap kemungkinan dan peluang yang amat luas ini.

Tidak lama dahulu, saya diberikan taklimat tentang konsep awal pembangunan Cyberjaya. Kini saya difahamkan bahawa perancangan bandar dan reka bentuk rangkaian asas telahpun disiapkan oleh Cyberview Holdings, konsortium yang baru ditubuhkan untuk mengambil alih pembangunan fizikal projek ini berdasarkan laluan pantas. Aspek lain perancangan pembangunan seperti pencanggihan Pelan Induk Cyberjaya, kajian kesan alam sekitar dan

pengambilan tanah untuk kawasan pembangunan perdana telah atau hampir siap dilaksanakan. Sehingga kini, sejumlah tujuh tapak khas telah dikenal pasti sebagai lokasi sesetengah projek perintis yang akan ditempatkan dalam zon perdana, pusat Cyberjaya yang meliputi kawasan seluas kira-kira 2,800 hektar. Menjelang penghujung 1998, fasa 1 yang terdiri daripada pembangunan seluas 750 hektar akan disiapkan, manakala kawasan selebihnya akan dibangunkan berperingkat-peringkat sehingga tahun 2005.

Setakat ini, sejumlah 39 buah syarikat tempatan dan asing komited untuk menempatkan operasi mereka dalam MSC, yang ditandai oleh belon besar yang dapat anda lihat di sekeliling anda, sebagai tuntutan ke atas plot tanah yang akan menempatkan operasi bandar raya siber mereka. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada syarikat perintis ini kerana langkah berani yang diambil oleh mereka untuk masa depan. Berdasarkan minat yang amat mendalam serta maklum balas positif yang diterima sepanjang beberapa bulan lalu, saya yakin banyak syarikat lain akan mengikuti jejak ini. Saya percaya, kami mempunyai usul yang menambat hati anda untuk datang dan berkongsi wawasan kami, dalam membentuk pusat multimedia yang lengkap melalui hubungan yang saling memanfaatkan. Kami juga mempelawa anda menggunakan kedudukan strategik kami untuk memanfaatkan budaya dan pasaran Asia Pasifik.

Kemajuan projek laluan pantas ini sama sekali tidak memeranjatkan. Apabila kami mula mengumumkan hasrat untuk membina MSC, terdapat beberapa pihak yang curiga yang sengaja menekankan hakikat bahawa kawasan ini dahulunya dipenuhi pokok getah dan kelapa sawit. Lalu mereka mempersoal keupayaan kami untuk menyiapkan projek ini dalam jangka waktu yang telah kami tetapkan untuk pembangunannya. Akan tetapi, kami tidak perlu khuatir dengan teguran sedemikian. Rekod prestasi kami yang cemerlang tidak memerlukan penjelasan. Dari semasa ke semasa, kami membuktikan komitmen dan kecekalan kami membuahkan hasil dan akhirnya membawa kepada kejayaan banyak projek besar dalam negara kami di samping memberi banyak manfaat sampingan kepada rakyat kami. Projek kereta nasional kami, pembangunan KLCC dan menara berkembar Petronas, Lebuhraya Utara-Selatan dan loji motosikal termaju di Gurun, hanyalah sebahagian daripada kejayaan projek laluan pantas kami. Pembinaan lapangan terbang antarabangsa baru yang akan beroperasi untuk Sukan Komanwel pada 1998, merupakan satu lagi contoh, tidak ketinggalan juga pembangunan MSC yang merangkumi Cyberjaya dan Putrajaya.

Sejak pelancarannya pada 1996, kami menjejaki banyak syarikat berpotensi untuk menjelaskan tentang rancangan kami untuk membina Koridor Raya Multimedia ini serta prasarana fizikal dan bukan fizikalnya yang menarik. Sambutan yang kami terima selama ini amat banyak. Seperti

yang mungkin anda sedari, Panel Penasihat Antarabangsa yang terdiri daripada eksekutif atasan dari beberapa syarikat paling inovatif dan berjaya di dunia yang terlibat dalam IT dan multimedia, telah ditubuhkan dan perjumpaan pertamanya berjaya diadakan pada Januari tahun ini. Misi promosi ke Amerika Syarikat, Jepun dan India pada suku pertama tahun ini, diketuai oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia juga memperlihatkan kejayaan. Satu lagi lawatan promosi yang bertujuan untuk menemui bakal pelabur di Eropah, dijangka akan diadakan pada 20 haribulan ini.

Berkenaan tujuh aplikasi perdana tersebut, pelbagai agensi dari sektor awam dan swasta, tempatan dan antarabangsa, terlibat secara aktif dalam pembangunan konsep dan rancangan pelaksanaan. Pembangunan ini sekarang berada pada pelbagai tahap rancangan pelaksanaan, dan dijangka akan membentangkan banyak projek perintis dari Julai 1997 dan seterusnya.

Bab 13

ABAD DIGITAL: PELUANG KERJASAMA MALAYSIA-JEPUN

IA merupakan peluang dan penghormatan kepada saya kerana dapat berdiri di sini untuk berkongsi pendapat dengan anda tentang 'Abad Digital: Peluang Kerjasama Malaysia-Jepun'. Abad digital Era Maklumat menjanjikan banyak perkara terutamanya dalam keadaan revolusi teknologi yang berubah pantas di seluruh dunia.

Ekonomi digital menekankan kepentingan rangkaian sumber manusia di seluruh dunia atau kerjasama dalam usaha manusia untuk meneroka cara baru dan hebat bagi mencapai pengayaan yang dikecapi bersama melalui aplikasi teknologi maklumat. Inilah satu-satunya bidang yang manfaatnya boleh diraih bersama oleh Jepun dan Malaysia. Malaysia mempunyai kemahiran tenaga kerja manusia dalam bidang tertentu yang agak murah dan dapat digunakan oleh syarikat Jepun walaupun tidak ditempatkan di Malaysia, manakala Jepun pula sudah tentu memiliki teknologi multimedia yang dapat memainkan peranan dalam dunia ekonomi tanpa sempadan.

Bagi membolehkan syarikat teknologi berdaya saing di arena antarabangsa dalam industri pembangunan abad ke-21 ini, piawaian global industri yang baru perlu ditakrif semula, walaupun produk dan khidmat IT yang diubah sepenuhnya sedang dibangunkan. Pendigitan memastikan lebih kejutuan dan dikatakan menjadi faktor utama yang mendorong kemajuan industri elektronik pengguna di Jepun pada tahun 1990-an. Pendigitan dalam banyak bidang masih belum diteroka sepenuhnya. Dengan pengalaman dan pengetahuan

Ucapan yang disampaikan di Seminar Pelabur Koridor Raya Multimedia di Fukuoka, Jepun, pada 28 Mac 1997.

Jepun dalam bidang ini dan aplikasi multimediana, terdapat kemungkinan yang tidak terhad untuk pembangunan dan peluasan industri baru di seluruh dunia, tanpa perlu berinteraksi secara bersemuka.

Semakin kita menghampiri abad ke-21, perubahan luar biasa yang berlaku menjadikan apa yang mustahil dalam ekonomi lama Era Industri tiba-tiba boleh dilakukan dalam Era Maklumat. Sebenarnya, sempadan telahpun lenyap kerana ilmu, modal, aktiviti syarikat dan kecenderungan pengguna mengabaikan garisan yang dilukis di atas peta. Jika dahulu, negara bersaing dengan lebih dagangan sesebuah negara hingga mengakibatkan defisit dagangan negara yang lain, tetapi pada masa depan, kedua-dua negara boleh sama-sama mendapat manfaat kerana rangkaian syarikat bekerjasama merentasi sempadan untuk memberikan nilai kepada pelanggan dalam cara yang paling menjimatkan dan wajar.

Buat pertama kali dalam sejarah, Era Maklumat mewujudkan keadaan yang membolehkan negara dan syarikat saling mengayakan satu sama lain; era ini bukan lagi era kalah-menang dengan kemenangan di satu pihak dan kekalahan di pihak yang lain. Ada terlalu banyak peluang untuk negara dan syarikat yang berkemahuan untuk menerima perubahan ini. Untuk tempoh tertentu, ada tempat yang memberikan peluang sama rata bagi negara maju dan negara membangun untuk sama-sama berganding bahu mengikut cara yang dapat memanfaatkan kedua-duanya. Ini kerana, banyak negara maju yang lebih kaya terbelenggu oleh prasarana industri dan rangka kerja perundangan yang usang. Kecenderungan terhadap sistem ini akan menentang kuat apa jua bentuk perubahan. Mujurlah kepentingan syarikat sebegini tidak sempat berkembang dan berkuasa di negara membangun seperti Malaysia.

Izinkan saya menerangkan secara ringkas tentang rancangan kami untuk membangunkan industri IT. Koridor Raya Multimedia (MSC) akan menjadi tempat pertama di dunia yang menyatukan semua unsur yang diperlukan untuk mewujudkan persekitaran istimewa yang akan menggabungkan IT dan prasarana fizikal yang terkemuka di dunia, dengan pakej insentif dan sokongan yang menyeluruh dan mesra pelaburan, yang di dalamnya syarikat multimedia dapat membentuk teknologi dan aplikasi baru. MSC bakal menjadi 'jaringan' berbilang budaya syarikat antarabangsa dan tempatan yang saling bergantung dan bergabung untuk menyediakan produk dan khidmat baru kepada pelanggan di seluruh Asia dan dunia yang dinamik ekonominya. 'Jaringan' ini akhirnya akan melepasi sempadan Malaysia serta hubungan berbilang budayanya, dan sampai ke negara jiran kami. Dengan kata lain, apabila kita menghasilkan sesuatu produk, komponennya mungkin dibuat di China, menggunakan mesin yang diaturcarakkan di Jepun, dengan perisian yang dibina di India, dan dibiayai oleh Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan. Produknya mungkin dipasang di Pulau Pinang dan

dihantar terus kepada pelanggan global dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di MSC.

Fasa pertama MSC sepatutnya menyaksikan ratusan syarikat kecil dan besar bekerjasama antara satu sama lain dan dengan rakan niaga di Asia Pasifik serta seluruh dunia. Sesetengah daripada syarikat ini pasti akan menjadi syarikat peneraju masa kini. Syarikat lain merupakan syarikat kecil yang menjadi ahli bagi setiap 'jaringan' syarikat ini. Saya berharap, ada pemimpin masa depan yang datang dari Malaysia dengan produk dan khidmat baru dari MSC.

Akhirnya, MSC diramal akan menjadi masyarakat global yang menerajui masyarakat maklumat. Ini akan menyediakan landasan bagi warga Malaysia untuk memasuki abad digital.

Dengan itu, kami ingin mengajak syarikat anda mendirikan pusat R&D dalam 'Koridor Raya Multimedia' kami, iaitu sebuah kawasan hijau yang terbentang dari bangunan tertinggi dunia di pusat bandar raya Kuala Lumpur, hingga ke tempat yang akan menjadi lapangan terbang antarabangsa terbesar di rantau ini apabila ia dibuka pada tahun depan. Kami mengharapkan kerjasama anda untuk membentuk persepakatan bersama yang saling memanfaatkan dalam membangunkan MSC.

Status MSC juga melayakkan syarikat memperoleh pakej insentif kewangan dan bukan kewangan. Syarikat boleh menikmati insentif kewangan berikut: (i) pelepasan cukai pendapatan selama lima tahun, boleh dibaharui sehingga 10 tahun atau 100 peratus elaun cukai pelaburan (ITA atau *investment tax allowance*); dan (ii) pengimportan bebas cukai bagi peralatan multimedia.

Selain insentif kewangan, syarikat status MSC akan menikmati insentif bukan kewangan berikut: pengambilan pekerja ilmu dari luar tanpa sekat; kebebasan pemilikan; kebebasan mendapatkan modal secara global bagi prasarana MSC, dan hak meminjam dana secara global, di samping manfaat lain.

Kelebihan lain MSC termasuklah prasarana fizikal dan IT bertaraf dunia, perlindungan harta intelektual, tarif telekomunikasi berdaya saing secara global, tiada penapisan Internet, dan kemudahan pendidikan yang hebat termasuk Universiti Multimedia yang pertama di rantau ini.

Kami telah mentakrif laluan ini yang diharap akan mengubah Malaysia menjadi masyarakat ilmu. Sebagai langkah pertama, menjelang tahun 2000, kami menjangka dapat melihat tujuh aplikasi perdana dibangunkan di MSC oleh jaringan syarikat antarabangsa dan Malaysia. Aplikasi perdana ini ialah kerajaan elektronik, kad pintar nasional pelbagai guna, sekolah bestari, kelompok R&D, teleperubatan, jaringan pembuatan seluruh dunia, dan pemasaran tanpa sempadan. Kami berhasrat menjadi perintis global dalam

aplikasi ini. Negara lain telah memulakan inisiatif yang sama. Walau bagaimanapun, banyak yang terhalang oleh kepentingan yang berakar umbi dan kebanyakannya tidak menyediakan keperluan industri IT sesempurna yang kami tawarkan.

Lama-kelamaan, setiap aplikasi perdana ini akan menghasilkan jaringan bertaraf dunia, dan syarikat Malaysia akan bekerjasama untuk membangunkan dan memberikan produk dan khidmat rekaan baru. Dalam keadaan ini, memang menarik jika pemimpin projek dalam bidang aplikasi perdana MSC dapat dikenal pasti. Tiada syarikat yang boleh menjadi pemimpin bagi setiap aplikasi. Oleh itu, kita boleh bekerjasama untuk mengenal pasti syarikat paling sesuai untuk memimpin aplikasi yang dapat mereka lakukan dengan sebaik-baiknya, dan bekerja dengan rakan sejawat masing-masing, sama ada Jepun atau Malaysia. Kemudian, mereka boleh membangunkan aplikasi tersebut menjadi aplikasi yang dapat dijadikan contoh kepada dunia.

Perkara paling penting bagi konsep saling bekerjasama adalah mencipta semula dan membina jalan yang membawa kita kembali kepada asas kemanusiaan. Bagi semua teknologi, strategi dan prasarana baru, sama ada yang berbentuk fizikal atau tidak nyata, yang wujud dalam organisasi hari ini, unsur teras yang penting untuk pertumbuhan kemanusiaan yang berterusan ialah unsur yang tertumpu kepada menggerakkan kepintaran dan semangat insan. Hanya dengan mengembalikan unsur kemanusiaan dan jati diri sahajalah, sesebuah organisasi dapat bersaing dalam abad digital ini, iaitu era yang digambarkan oleh Lester Thurow sebagai 'era industri keupayaan akal buatan manusia'.

Dengan semua kesan teknologi maklumat yang mengelirukan, jangan sekali-kali kita lupa bahawa kepintaran buatan tidak dapat sama sekali menggantikan kepintaran manusia. Pekerja, khususnya pengurus syarikat, mesti menerajui perniagaan dan masyarakat dengan tanggungjawab sosial yang memperlihatkan bukan sahaja perunggu nilai dan etika yang seimbang, malah yang akan menyemaikan semangat perpaduan syarikat. Dalam abad digital yang semuanya diringkaskan menjadi bit dan bait, seseorang itu perlu mempunyai sesuatu yang kukuh dan nyata sebagai sandaran. Oleh itu, kita mengharapkan pemimpin syarikat dari Jepun dan Malaysia untuk menyebarkan falsafah ilmu yang kaya dengan perunggu nilai Asia milik kita.

Jepun dan Malaysia perlu bekerjasama untuk membentuk masyarakat elektronik yang giat menghasilkan kandungan tempatan yang memenuhi keperluan kita. Dalam hal ini, MSC menawarkan sebaik-baik peluang untuk menjadikannya satu kenyataan. Sekali lagi, kami menyeru dan mengalu-alukan ahli perniagaan serta pakar IT dan teknologi Jepun datang ke MSC untuk berkongsi kemahiran dan pengetahuan mereka dengan kami, dan sama-sama membangunkan kandungan setempat untuk aplikasi multimedia bertaraf dunia.

Dalam menghadapi serangan hebat maklumat, kita perlu mengambil pendekatan proaktif untuk mengimbangi penguasaan negara Barat dalam ruang siber. Kita tidak mengatakan semua pengaruh Barat tidak baik. Apa yang kita tekankan adalah apabila kita memasuki era digital, celik IT dan teknologi maju, tidak bermakna nilai Asia tidak lagi sesuai. Malah, ia lebih sesuai untuk rakyat kita apabila mereka mencari kedudukan dan identiti sendiri dalam persekitaran tanpa sempadan.

Semangat baru diperlihatkan dalam semua kegiatan manusia, lebih-lebih lagi dalam rangsangan baru dan kepentingan seni. Kewajaran Era Industri dari segi sains merendahkan nilai seni sehingga menjadi kemewahan, iaitu sesuatu yang mengasyikkan anda apabila tiada lagi perkara penting yang perlu dilakukan. Budaya korporat hendaklah merangkumi maksud yang lebih luas daripada kehidupan dalam syarikat. Pemimpin syarikat hendaklah mengaitkan dirinya dan syarikatnya dengan kreativiti alaf baru. Ini tidak bermakna sekadar memperoleh hasil seni yang mahal dan telah diiktiraf, atau menaja persembahan muzik yang diadakan sekali-sekala, atau menyumbang kepada muzium. Pucuk pimpinan syarikat dengan wawasan baru akan mendorong fikiran bebas dan memperlihatkan kefahaman yang mendalam untuk membezakan antara ketinggian mutu dengan kepalsuan. Mereka akan memberikan perhatian terhadap seni untuk mendedahkan sumber sebenar semangat manusia.

Menjelang kemunculan abad ke-21, kehidupan dan sikap mungkin akan melalui tempoh perubahan yang mengelirukan dan pantas. Negara kita bukan sahaja memerlukan tenaga kerja mahir dalam industri dan IT untuk mendahului perlumbaan dalam alaf baru digital ini, malah kita juga memerlukan semangat imaginasi kreatif dan jiwa yang bebas, seperti yang terungkap dalam sastera dan sains kreatif. Ini dapat dilakukan hanya jika pemimpin boleh terus mewujudkan kaedah untuk menggerakkan tenaga, semangat dan kekuatan dalaman tenaga kerja.

Seperti yang anda sedia maklum, banyak yang Malaysia perlu pelajari daripada Jepun. Malah, kami mengamalkan dasar Pandang ke Timur selama hampir 15 tahun dengan mengambil Jepun sebagai contoh untuk pembangunan kami. Kami mempunyai keinginan yang kuat, khususnya untuk belajar tentang etika kerja, amalan industri dan teknologi anda. Kami menghantar pelajar ke Jepun untuk belajar lebih banyak daripada anda. Dengan itu, hubungan dua hala kita menjadi bertambah erat.

Dalam keadaan ini, syarikat Jepun boleh membentuk ikatan strategik dengan syarikat Malaysia untuk kerjasama perniagaan dalam negara Dunia Ketiga. Perkongsian pintar ini akan memanfaatkan ketiga-tiga rakan niaga. Lebih banyak hubungan tiga hala seumpama ini dapat diterokai dengan penuh bermakna, sambil kita menuju ke abad digital.

Malaysia dan Jepun boleh turut sama menganggotai negara-negara Selatan. Bersama-sama, kita boleh menggabungkan sumber kita dan mengembleng tenaga untuk memasuki Afrika, Asia Tengah dan Amerika Latin. Kedudukan penting Malaysia di kalangan negara G15 dan negara Islam boleh menjadi kelebihan strategik kepada Jepun. Kita boleh sama-sama menjejaki peluang di negara tersebut, membawa teknologi yang diperlukan oleh mereka untuk membantu mereka mara ke abad digital.

Kami sentiasa mengalu-alukan pelabur Jepun melabur di Malaysia. Jepun kini menjadi pelabur asing terbesar di Malaysia. Pelaburan dari Jepun meningkat sebanyak 91.2 peratus daripada RM2.3 bilion pada 1995 kepada RM4.4 bilion pada 1996. Jepun menduduki tempat pertama dari segi bilangan aplikasi dan pelaburan modal yang dikemukakan, dengan tumpuan yang ketara ke atas industri produk elektrik dan elektronik. Plaza Accord membawa banyak pelabur Jepun ke Asia Tenggara pada pertengahan 1980-an dan membantu Jepun mengatasi masalah yang ditimbulkan oleh Endaka.

Dengan keyakinan untuk memasuki abad digital, kita perlu memberikan perhatian kepada prasarana dan momentum pelaburan Jepun di Malaysia khususnya, dan di Asia Tenggara amnya. Kami di Malaysia memerlukan lebih banyak pelaburan padat modal dan berteknologi tinggi, dan kedudukan Jepun memang sesuai untuk memenuhi keperluan ini, terutamanya dalam Era Maklumat yang mempunyai ramai pakar Jepun yang terkemuka.

Bab 14

JAMBATAN GLOBAL KE ERA MAKLUMAT

SAYA datang ke pusat hiburan dunia ini untuk berkongsi wawasan membina jambatan antara manusia dengan lokasi, bagi mempertemukan daya cipta dan keusahawanan anda dengan persekitaran yang sangat istimewa yang kami cipta di Malaysia. Dengan berbuat demikian, kita akan sama-sama memperoleh ganjaran yang tidak mampu kita hasilkan sendirian.

Kejayaan sesebuah negara bergantung pada keupayaannya menerima pakai dan menyesuaikan diri dengan pengaruh global dan bukannya pada asas kelebihan bandingan semata-mata seperti sumber asli, penduduk atau kos tenaga buruh. Negara berwawasan boleh memilih untuk mencipta nilai dan tidak sekadar bersungguh-sungguh memanfaatkan sepenuhnya keadaan yang ada. Sebagaimana syarikat tidak boleh berjaya dengan melakukan segala-galanya sendirian, begitulah juga dengan negara, khususnya negara membangun. Malaysia tidak bermaksud untuk membangunkan replika Lembah Silikon atau Hollywood. Kita mungkin menipu diri sendiri jika kita membayangkan rangka cerita tidak dibuat di Hollywood, atau R&D komponen nilai tambah tertinggi tidak dibuat di Lembah Silikon.

Kami tahu anda lebih maju dan banyak yang perlu kami pelajari, tetapi disebabkan anda terlalu maju, ada perkara amat penting yang dapat kami buat tetapi tidak anda. Malaysia menawarkan dunia persekitaran hijau yang istimewa, direka untuk membolehkan syarikat bekerjasama dengan menggunakan kaedah baru dan memperoleh hasil lumayan daripada Era

Ucapan yang disampaikan di Seminar Pelabur Koridor Raya Multimedia di University of California, Los Angeles, pada 15 Januari 1997.

Maklumat. Tidak ada perkara yang diwarisi daripada sekatan buatan manusia yang dicipta atau dikekalkan ekoran daripada kepentingan yang telah berakar umbi. Kami menawarkan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai sumbangan kepada dunia, iaitu jambatan global ke Era Maklumat yang membolehkan pengayaan bersama yang sebenar dicapai oleh rakan niaga kami yang mempunyai wawasan untuk turut serta.

MSC sememangnya yang pertama di dunia, penciptaan teliti sebuah rantau yang dilengkapi prasarana, undang-undang, dasar, dan amalan yang membolehkan syarikat meneroka Era Maklumat tanpa sebarang kekangan biasa yang merimaskan. MSC adalah koridor berukuran 15 km kali 50 km yang terbentang dari bangunan tertinggi dunia di Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur hingga ke kawasan yang bakal menjadi lapangan terbang terbesar di rantau ini apabila dibuka pada 1998.

Kajian teliti melebihi dua tahun berjaya menghasilkan pakej dengan empat perkara utama yang akan mewujudkan suasana amat istimewa dalam MSC.

Pertama, MSC akan mempunyai prasarana fizikal terbaik yang dapat diberikan kepada dunia. Ini termasuklah Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur, lapangan terbang baru, rangkaian kereta api laju ke Kuala Lumpur, lebuh raya tertuju khas, dan dua buah bandar raya pintar yang baru. Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur adalah pintu masuk utara ke MSC. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang akan mula beroperasi pada 1998 pada awalnya akan mempunyai 80 pintu masuk dengan dua landasan selari. Lapangan terbang ini juga akan menjadi pusat logistik bersepadu dengan kepakaran IT terkini bagi memudahkan perjalanan orang ramai dan pengangkutan barangan.

Bandar raya pintar yang pertama, Putrajaya, akan menjadi pusat pentadbiran baru kami yang akan menempatkan semula kebanyakan kementerian, bermula dengan pemindahan Pejabat Perdana Menteri pada 1998. Putrajaya akan menjadi pusat pentadbiran kerajaan elektronik Malaysia yang baru yang dilengkapi sistem komunikasi dan pengangkutan tercanggih. Cyberjaya yang terletak bersebelahannya adalah bandar raya yang direka bentuk untuk menyediakan ruang fizikal dan psikologi yang diperlukan untuk kreativiti, pencarian teknologi, era maklumat dan juga untuk tujuan niaga dan bersantai. Ia akan dibangunkan di sekitar Universiti Multimedia yang baru. Cyberjaya akan menyediakan bangunan pintar, taman perusahaan multimedia, tempat kediaman, kemudahan bersantai dan beriadah serta prasarana sokongan terkini yang berkualiti tinggi. Bandar raya ini akan menampung warga kerja seramai kira-kira 150,000 orang dan warga huni melebihi seratus ribu orang.

Kedua, MSC akan memiliki prasarana bukan fizikal yang terbaik di dunia dalam bentuk sokongan undang-undang, dasar dan amalan. Ini termasuklah

rangka kerja menyeluruh bagi undang-undang siber kemasyarakatan dan undang-undang siber yang membolehkan perdagangan dilakukan, bagi harta intelektual, tandatangan digital, jenayah komputer, pembelajaran jarak jauh, teleperubatan, dan kerajaan elektronik. Contohnya, Akta Tandatangan Digital kami yang baru mewujudkan rangka kerja kawal selia bagi pihak berkuasa pengesah dan hukuman berat bagi penipuan siber. Di samping itu, kami sedang membentuk Akta Penumpuan Multimedia yang akan menggabungkan dan mengemaskinikan undang-undang telekomunikasi, penyiaran dan maklumat kami bagi mencerminkan penumpuan pesat teknologi masa kini. Akhir sekali, kami sedia maklum akan kepentingan pekerja mahir dan kami mewujudkan rangkaian pendidikan dan latihan di seluruh negara. Semua sekolah akan dirangkaikan kepada Internet menjelang tahun 2000 dan universiti multimedia pula akan melahirkan siswazah yang akan memenuhi syarat kemahiran syarikat MSC.

Ketiga, MSC akan membangunkan prasarana maklumat sedia ada secara berperingkat-peringkat dengan Rangkaian Multimedia Terbuka berkeupayaan 2.5-10 gigabait, yang akan menggunakan suis ATM terkini dalam membekalkan gentian kepada bangunan. Rangkaian ini akan mempunyai get laluan antarabangsa 5 gigabait dengan hubungan terus ke Amerika Syarikat, Jepun, Eropah, dan negara Asean lain. Rangkaian ini akan mula beroperasi menjelang 1998. Penyedia khidmat nilai tambah bebas bersaing melalui rangkaian ini tanpa sebarang sekatan terhadap pemilikan asing dan tarif saling hubung asas-kos. Telekom Malaysia komited untuk menawarkan tarif berdaya saing yang setanding atau lebih baik daripada tarif memberi khidmat global yang lain, dan akan menyediakan piawaian prestasi rangkaian bertaraf dunia.

Keempat, pusat khidmat lengkap yang diberi kuasa penuh, iaitu Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), ditubuhkan untuk menguruskan dan memasarkan MSC. MDC akan membuka sepuluh buah pejabat di seluruh dunia dalam tempoh dua tahun, supaya berada hampir dengan syarikat yang akan menjadi pelanggannya. Selain itu, MDC juga telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 agar ia dapat beroperasi tanpa bergantung pada kaedah dan peraturan perkhidmatan awam. MDC bebas menggaji pekerja terbaik dunia dan mempunyai rancangan perniagaan yang dapat memenuhi keperluan syarikat yang dipindahkan ke MSC, sebelum dan selepas syarikat ini memutuskan untuk beroperasi di Malaysia. Saya dan Timbalan Perdana Menteri sendiri akan mengawal selia aktiviti MDC dan akan menangani isu yang dikemukakan kepada kami.

Malaysia akan mengubah cara hidup dan cara kerja rakyatnya, khususnya dalam MSC. Kawasan istimewa ini akan menjadi 'tapak ujian' global bagi peranan baru kerajaan, undang-undang siber dan jaminan baru, kerjasama antara kerajaan dengan syarikat, syarikat dengan syarikat, pendidikan,

pemberian khidmat kesihatan, serta penerapan teknologi baru. Kami cuba mewujudkan 'perkongsian pintar', iaitu hubungan menang-menang antara syarikat dengan kerajaan. Contohnya, kami tidak lagi mensyaratkan syarikat multimedia untuk melalui proses biasa Permohonan Cadangan Tender (RFP) yang menghendaki kami mempunyai konsep yang jelas tentang sumbangan syarikat tersebut. Syarikat terkemuka memberitahu kami bahawa perkara ini tidak sesuai untuk bidang baru multimedia yang penyelesaiannya dibangunkan dan bukan diperoleh daripada pengetahuan sedia ada. Sebagai menggantikan tender biasa dan RFP, kami akan meminta syarikat memberikan 'cadangan konsep' yang menjelaskan pendekatan yang akan mereka ambil untuk membangunkan atau mendapatkan manfaat yang kami kehendaki. Ini membolehkan kami memilih konsortium syarikat sebagai rakan niaga pintar untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan baru dalam MSC. Kami akan melakukannya dalam beberapa bidang aplikasi yang akan saya terangkan sebentar lagi.

Ringkasnya, Malaysia menerapkan pendekatan sepenuh hati untuk membangunkan negara dengan menggunakan alat baru yang disediakan oleh Era Maklumat. MSC akan menjadi pusat R&D bagi industri asas-maklumat mewujudkan tataetika baru dalam dunia yang semakin mengecil ini, dengan setiap orang berjiran dengan orang lain, dan kita terpaksa hidup dengan orang lain tanpa ketegangan dan sengketa yang sia-sia. Malah, MSC merupakan projek perintis untuk mengharmonikan seluruh negara kami dengan daya global yang membentuk Era Maklumat. Fasa I termasuklah menjayakan MSC dengan belajar daripada rakan niaga kami dan memanfaatkan pengalaman yang diperoleh; fasa II akan menghubungkan gugusan kecemerlangan lain dalam Malaysia; dan fasa III termasuklah menjadikan seluruh Malaysia sebagai Koridor Raya Multimedia yang dihubungkan dengan rantau pintar lain di seluruh dunia. Saya menjangka Malaysia akan melaksanakan fasa terakhir menjelang tahun 2020, yang pada ketika itu kami berharap kami menjadi sebuah negara maju.

Sepanjang pengetahuan kami, tiada negara lain yang terfikir untuk melakukan perkara seperti ini. Rancangan lain mungkin kelihatan serupa kerana semuanya menggunakan 'IT', 'Siber' atau 'Multimedia' untuk memasarkan sesuatu pembangunan. Akan tetapi, kami tidak menambah kemudahan baru kepada kemudahan sedia ada atau mengubah suai sesuatu konsep untuk bidang sedia ada; kami membina dan memasang teknologi terkini di atas hamparan hijau yang amat luas berukuran 15 km kali 50 km, yang direka bentuk untuk merealisasikan potensi sebenar multimedia. Saya berharap negara lain akan dihubungkan dengan MSC dan menjadi salah satu tulang utama dalam jambatan global kami yang menghubungkan bandar raya pintar di seluruh dunia. Sememangnya menjadi kepentingan

kita bersama untuk bekerjasama dan bukannya melemahkan satu sama lain kerana kita semua akan mendapat manfaat daripada MSC.

Semakin kita menghampiri abad ke-21, perubahan luar biasa berlaku dan menyebabkan apa yang mustahil dalam ekonomi lama Era Industri tiba-tiba tidak lagi mustahil dalam Era Maklumat. Pada hakikatnya, sempadan telahpun lenyap kerana pengetahuan, modal, aktiviti syarikat, dan kecenderungan pengguna tidak menghiraukan sempadan dalam peta. Jika dahulu, negara bersaing dengan lebih dagangan sesebuah negara hingga mengakibatkan defisit dagangan negara lain tetapi pada masa depan, kedua-dua syarikat akan mendapat manfaat kerana rangkaian syarikat bekerjasama merentasi sempadan untuk memberikan nilai kepada pelanggan dengan cara paling menjimatkan dan wajar. Walaupun aktiviti ini tidak tercatat dalam statistik ekonomi yang terbentuk dalam Era Industri, kesannya memang jelas dan akan memerlukan institusi antarabangsa jenis baru. Pendek kata, buat pertama kali dalam sejarah, Era Maklumat mewujudkan keadaan yang membolehkan negara dan syarikat saling mengayakan antara satu sama lain; ia bukan lagi permainan kalah-menang dengan kemenangan di satu pihak dan kekalahan di pihak yang lain. Inilah peluang keemasan untuk syarikat dan negara yang berani menerima perubahan ini. Untuk tempoh tertentu, tapak ini memberikan peluang yang agak sama rata, dan membolehkan negara maju dan negara membangun sama-sama berganding bahu mengikut cara yang memanfaatkan kedua-duanya. Ini kerana banyak negara maju yang lebih kaya terbelenggu oleh prasarana industri dan rangka perundangan yang usang, dan kepentingan diri yang wujud dalam sistem ini menentang kuat apa jua bentuk perubahan. Mujurlah kepentingan syarikat sebegini tidak sempat berkembang dan berkuasa di negara membangun seperti Malaysia.

MSC merupakan tempat pertama di dunia yang menggabungkan semua unsur yang diperlukan untuk membentuk persekitaran yang dapat membawa kepada sikap saling memperkaya ini. Saya melihat MSC sebagai 'jaringan' berbilang budaya yang terdiri daripada syarikat antarabangsa dan Malaysia, yang bergantung antara satu sama lain dan bekerjasama untuk menawarkan produk dan perkhidmatan baru kepada pelanggan di seluruh dunia dan Asia yang mansang ekonominya. Saya benar-benar berharap 'jaringan' ini akan tersebar luas di luar sempadan Malaysia dan merentasi hubungan berbilang budaya di Malaysia ke negara jiran kami. Dengan cara ini, pembuatan komponen boleh dilakukan di China, menggunakan jentera yang diaturcarakan di Jepun, dengan perisian yang dibina di India, dan dibiayai oleh Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan di Malaysia. Produk ini boleh dipasang di Pulau Pinang dan dihantar terus kepada pelanggan global melalui lapangan terbang baru kami.

Syarikat Malaysia sudahpun bekerjasama dengan syarikat antarabangsa bertaraf dunia dan pemindahan teknologi sedang dilakukan. Lebih-lebih lagi, syarikat dan negara jiran juga menerima faedahnya kerana bahagian tertentu produk ini dihasilkan di tempat lain. Pelanggan memperoleh manfaat yang paling banyak kerana mereka mendapat produk berkualiti tinggi pada harga terbaik. Pendeknya, semua pihak yang dihubungkan oleh 'jaringan' ini akan mendapat manfaat dan menjadi lebih kaya melalui sumbangan mereka kepadanya.

Fasa I yang membangunkan MSC akan siap apabila MSC menempatkan ratusan syarikat besar dan kecil yang bekerjasama antara satu sama lain dan dengan rakan niaga di rantau Asia Pasifik dan seluruh dunia. Sesetengah daripada syarikat ini pastinya akan menjadi peneraju masa kini. Syarikat lain pula menjadi syarikat kecil yang menganggotai setiap 'jaringan' syarikat ini. Harapan saya semoga beberapa pemimpin masa depan akan datang dari Malaysia dengan produk dan perkhidmatan baru di MSC.

Saya sukakan multimedia kerana syarikat paling berjaya adalah syarikat yang bergabung dengan banyak rakan niaga dan benar-benar memindahkan teknologi kepada mereka, bukannya untuk tujuan kebajikan tetapi untuk kepentingan bersama. Syarikat ini tahu mereka tidak boleh terus berada di depan jika mereka cuba melakukan segala-galanya sendirian. Mereka sedar jaringan syarikat lebih kecil yang mematuhi piawaian umum, boleh memberikan lebih banyak manfaat kepada pengguna. Saya berharap dapat melihat beberapa syarikat berbilang budaya Malaysia bekerjasama dengan syarikat antarabangsa, lalu saling meman-tapkan keupayaan masing-masing.

Fasa II yang menghubungkan MSC dengan gugusan kecemerlangan lain akan siap apabila MSC menjadi lebih daripada pembangunan perniagaan. Menjelang saat itu, MSC akan menjadi masyarakat global yang menerajui masyarakat bermaklumat. Kediaman pintar warga MSC akan dihubungkan dengan rangkaian yang melaluinya mereka boleh membeli-belah, menerima maklumat, berhibur, berinteraksi antara satu sama lain, dan mendidik diri sendiri.

Fasa III yang melonjakkan seluruh Malaysia secara berperingkat-peringkat ke Era Maklumat akan siap apabila seluruh negara hidup dan bekerja mengikut kaedah baru ini. Sudah tentu apabila bosan dengan semua pembangunan baru yang sukar diterima ini, mereka boleh menikmati kesegaran alam sekitar yang masih terpelihara di Malaysia.

Untuk mencapai wawasan ini, saya yakin, adalah penting bagi kita untuk menggariskan laluan yang membawa kepadanya. Menjelang tahun 2000, saya mahu saksikan *tujuh aplikasi perdana* dibangunkan dalam MSC melalui 'jaringan' syarikat antarabangsa dan Malaysia.

Pertama, Malaysia akan menjadi perintis kerajaan elektronik. Kerajaan ini adalah pentadbiran tanpa kertas dengan rangkaian multimedia yang menghubungkan Putrajaya dengan pusat kerajaan di seluruh negara untuk memudahkan kerjasama antara kerajaan dan membolehkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan kerajaan. Usaha ini akan bermula dengan perpindahan Pejabat Perdana Menteri ke Putrajaya pada 1998 dan diikuti dengan Kementerian lain apabila berpindah kelak.

Kedua, Malaysia akan memiliki kad pintar nasional pelbagai guna yang pertama di dunia. Kad tunggal ini akan mengandungi pengenalan diri dan tandatangan elektronik seseorang, serta boleh mencapai perkhidmatan kerajaan, perbankan, kredit, telefon, pengangkutan, dan kelab. Sudah tentu, keselamatan amat penting tetapi saya percaya teknologi ini sudahpun ada di sini untuk memastikan semua khidmat ini terjamin selamat. Bayangkan keselesaan apabila kita tidak perlu lagi membawa banyak kad plastik yang membebankan dan memilih kad tertentu setiap kali kita mahu menggunakannya. Bayangkan peluang kepada syarikat apabila mereka yakin satu kad ini akan dimiliki setiap warga Malaysia.

Ketiga, Malaysia akan mempunyai program yang lengkap untuk sekolah bestari. Semua sekolah dalam MSC akan dihubungkan ke Internet menjelang 1998, disusuli oleh sekolah lain di seluruh negara. Kurikulum baru sedang dibentuk dan guru kami akan dilatih semula agar mereka dapat bekerja dengan menggunakan teknologi untuk melakukan lebih banyak perkara daripada sekadar menyampaikan pengetahuan mengikut kaedah lama. Kemudahan pembelajaran jarak jauh bertaraf dunia akan dibina di Universiti Multimedia, dan kami berharap dapat mengadakan kelas maya dengan guru dan pelajar dari universiti lain di seluruh dunia. Pelajar akan dilengkapi kemahiran dan keupayaan untuk membuat keputusan bijak apabila berhadapan dengan lambakan maklumat. Kami akan menggunakan sekolah kami untuk membantu pelajar membuat keputusan dan memperoleh kemahiran yang diperlukan untuk memilih antara sebegitu banyak maklumat yang terdedah kepada mereka.

Keempat, MSC akan menjadi gugusan kerjasama pusat R&D korporat dan pusat pengajian yang menggunakan sistem pembelajaran jarak jauh untuk melahirkan lulusan bertaraf dunia dan pembaharuan generasi akan datang. Universiti Multimedia akan menjadi pusatnya, dan saya ingin mengundang tenaga kerja dan pelajar University of California, Los Angeles untuk membantu membangunkan institusi baru kami di Malaysia, melalui pertukaran pelajar dan kakitangan. Saya juga mengalu-alukan syarikat yang berminat untuk menjadi rakan niaga Universiti Multimedia agar menghubungi kami. Universiti ini akan berhubung erat dengan syarikat MSC agar dapat melahirkan siswazah yang mempunyai kemahiran sewajarnya.

Kelima, Malaysia akan menjadi pusat serantau bagi teleperubatan. Dengan ilmu perubatan China, India, Melayu, dan Barat serta sumber biogenetik yang amat banyak, kami merupakan pusat perubatan semula jadi. Klinik desa dapat dihubungkan kepada pakar perubatan dalam negara dan klinik terkemuka di seluruh dunia, dengan menggunakan teleperalatan untuk diagnosis, terapi malah pembedahan jarak jauh. Doktor tidak perlu lagi berada di bilik yang sama dengan pesakit. Maklumat penting dapat diperoleh dan dihantar menggunakan peralatan baru seperti stetoskop elektronik yang dikendalikan oleh jururawat atau juruteknik. Doktor terbaik dunia kemudiannya dapat melihat dan membandingkannya dengan maklumat penting pesakit lain dan juga data jutaan pesakit yang telah tersimpan dalam komputer dunia.

Keenam, saya berharap MSC akan menjadi jaringan sokongan bagi pembuatan, penyelarasan dan kejuruteraan jarak jauh yang membolehkan syarikat di negara kos tinggi menghubungi kilang di Malaysia dan Asia secara elektronik sebagai sambungan maya bagi operasi domestik mereka. Sungguhpun kami mempunyai kekuatan sebenar dalam pembuatan, kami akui syarikat perlu mengendalikan rangkaian kemudahan di seluruh rantau.

Ketujuh, MSC sepatutnya menjadi pusat khidmat pemasaran dan khidmat pelanggan multimedia yang mempengaruhi hubungan pelbagai budaya yang unik di Malaysia, untuk menyediakan khidmat penerbitan elektronik, pengesan kandungan, telepemasaran, dan khidmat pelanggan jarak jauh kepada pasaran seramai 2.5 bilion orang. Contohnya, katalog sebuah syarikat Jepun dapat diterjemahkan ke dalam bahasa Cina, Melayu, Indonesia, atau India oleh syarikat yang mengambil pesanan melalui sistem yang secara automatik mengesan ketepatan ukuran dan mata wang.

Lama-kelamaan, ketujuh-tujuh aplikasi perdana ini akan menjadi jaringan syarikat bertaraf dunia dan syarikat Malaysia, yang saling bekerjasama untuk membangunkan dan memberikan produk dan perkhidmatan baru. Syarikat ini akan mula bertapak dan membangun dalam persekitaran yang menyediakan cara hidup, prasarana dan undang-undang serta dasar yang diperlukan. Tidak kurang pentingnya, pembangunan rangkaian yang lebih luas akan menyambungkan setiap jaringan ini menjadi jaringan MSC yang lebih besar. Malah, rangkaian inilah yang membolehkan MSC terus berdaya saing.

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai wawasan dan strategi untuk mencapai apa yang kami sebut sebagai Wawasan 2020. Matlamat kami adalah mencapai status negara maju menjelang 2020. Jaringan yang saling berangkai ini membolehkan kami mencapai matlamat Wawasan 2020 dengan membangunkan sektor perkhidmatan yang mantap untuk mengimbangi sektor pembuatan kami yang telah sedia kukuh, di samping membantu meningkatkan produktiviti dan taraf hidup negara ini. Perkara yang sama

pentingnya adalah MSC akan menyediakan wadah untuk menyatukan kita semua dan menghormati budaya kita, di samping mendidik kita melalui kaedah yang baru dan berbeza.

Di luar Malaysia, MSC menjadi jambatan global apabila jaringannya berangkai dengan jaringan rantau lain di seluruh dunia. Jambatan ini, saya harap, akan berhubungan dengan masyarakat hiburan digital di Hollywood dan syarikat berteknologi tinggi di Lembah Silikon. Contohnya, rangka cerita boleh dikembangkan di California manakala animasi dihasilkan di MSC, kemudian dihantar semula secara elektronik ke Los Angeles untuk disunting, dikembalikan ke MSC untukimbangan warna dan kembali ke studio untuk kelulusan akhir dan pengagihan. Marilah kita merintis jalan untuk mengayakan antara satu sama lain melalui MSC, iaitu sumbangan Malaysia kepada seluruh dunia.

Perkara yang saya huraikan dengan panjang lebar ini mungkin belum pernah dicuba di mana jua di dunia ini. Anda mungkin tertanya-tanya, "Mengapa Malaysia?" Suasana optimistik yang menyelubungi potensi MSC semakin terasa dengan kejayaan Malaysia menarik pelaburan global dan menggalakkan perniagaan dan industri antarabangsa. Kelebihan Malaysia sebagai pusat serantau bagi operasi multinasional memang banyak. Negara terus menggunakan ciri-ciri semula jadi dan tradisional sambil meningkatkan prasarana teknologi, fizikal dan bukan fizikalnya, bagi memastikan ia terus menjadi pusat keuntungan terpilih di rantau ini. Malaysia mempunyai sekrang-kurangnya lapan kekuatan utama.

Pertama, lokasi strategik Malaysia di tengah-tengah Asia Tenggara, iaitu antara rantau paling pesat membangun di dunia, dengan laluan ke tiga pasaran Asia, iaitu India, China dan Indonesia. Malaysia yang dahulunya sebuah negara entrepot yang berkembang maju, kini terus menjadi pintu masuk utama ke Asia, yang dilengkapi khidmat syarikat penerbangan dan perkapalan yang utama. Jarak kami hanya beberapa jam perjalanan melalui udara ke ibu kota utama di Asia. Dengan iklim yang selesa dan rimbunan hutan tropika yang menghijau serta penduduk yang berasal dari tamadun tertua Asia, Malaysia menjadi semakin menarik untuk aktiviti perdagangan, pelaburan dan pelancongan.

Kedua, pertumbuhan ekonomi yang stabil. Sejak satu dekad lalu, Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan KDNK yang tinggi melebihi 8 peratus. Ekonomi yang diurus dengan baik dan disokong oleh dasar pembangunan strategik memastikan kestabilan jangka panjang. Rancangan pembangunan lima tahun Malaysia dilaksanakan dengan berlatarbelakangkan Pelan Induk Perindustrian dan Wawasan 2020. Rancangan ini memastikan agenda yang berterusan dan menyebabkan negara beralih daripada peranannya sebagai pengeluar dan pengeksport barangan utama kepada pengeluar dan pengeksport

dunia bagi barangan elektronik dan barangan pengguna berasaskan alam semula jadi. Malaysia kini terus mara ke arah industri berteknologi tinggi dan asas-maklumat.

Ketiga, kestabilan politik. Setelah mencapai kemerdekaannya secara aman pada 1957, Malaysia menampilkan kebaikan sikap berhati-hati dalam politik dan menitikberatkan hubungan baik dengan negara jiran dalam urus tadbir dan hubungan antarabangnya. Malaysia dipimpin oleh gabungan parti politik yang menyesuaikan keperluan politik masyarakat berlainan etnik, lalu mewujudkan kestabilan politik di bawah kepemimpinan pragmatik sejak 40 tahun lalu. Kerajaan yang berperanan sebagai pemudah cara kepada perusahaan swasta di bawah konsep perbadanan Malaysia akan berusaha sedaya upaya dalam membuat persiapan untuk pertumbuhan industri.

Keempat, persekitaran berbilang budaya, bahasa dan bangsa. Berasal dari pelbagai tamadun Asia, penduduk berbilang bangsa yang mewarnai Malaysia mewujudkan daya hidup istimewa kepada kehidupan di Malaysia. Sifat Malaysia yang berbilang bangsa disebabkan didikan serta sikap, dan warga Malaysia amat mengutamakan rasa hormat dan sikap tolak ansur terhadap sesiapa sahaja dari masyarakat dan budaya lain. Mereka boleh bertutur dalam pelbagai bahasa (termasuk bahasa Inggeris, Melayu dan Mandarin) dan bermacam-macam dialek Cina dan India. Penduduk Malaysia yang melebihi 20 juta orang dianggap agak muda dan bertenaga, memandangkan 42 peratus daripadanya berumur antara 15-39 tahun, dan hubungan berbilang budayanya dengan pasaran terbesar Asia memang unik. Rakyat Malaysia terdiri daripada orang berketurunan Melayu, Indonesia, India dan Cina. Kami mempunyai kemahiran berbahasa dan pengetahuan budaya yang boleh menjadi amat berguna. Kebanyakan orang fasih berbahasa Inggeris dan juga satu atau lebih bahasa lain seperti dialek Cina, India dan Melayu yang berbeza-beza.

Kelima, prestasi pembangunan masa lalu. Malaysia tidak perlu mencari alasan untuk meletakkan projek prasarana dan superprasarananya di laluan pantas. Sektor pembinaannya mencatatkan pertumbuhan dua kali ganda buat kali kelapan pada 1996, yang menggambarkan kejayaan pelaksanaan beberapa projek mega di sektor kediaman, komersil dan industri. Lebuh Raya Utara-Selatan, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Menara Telekomunikasi, lingkaran kedua ke Singapura, Sistem Transit Aliran Ringan, Perkampungan Sukan Komanwel, dan Lebuh Raya Timur-Barat hanyalah beberapa contoh pembangunan terbaru prasarana yang telah atau hampir siap. Dengan pembinaan prasarana komunikasi baru ini, Malaysia akan menjadi pusat yang amat cekap dan berkesan di rantau ini.

Keenam, kelebihan kos. Malaysia masih mempunyai kelebihan kos berbanding 'harimau' lain di rantau ini. Malah, kajian terbaru yang dibuat

oleh pakar runding antarabangsa tentang kos menjalankan perniagaan di Malaysia, menunjukkan kosnya antara yang paling berdaya saing di rantau Asean. Bagi mengekalkan kos ini, kerajaan akan terus menyediakan persekitaran yang mendorong perniagaan. Rakyat kami adalah antara yang paling produktif di Asia.

Ketujuh, multimedia yang baru bagi Malaysia memberikan kelebihan penting—tiada sistem yang kami warisi atau kepentingan yang berakar umbi untuk mempertahankan keadaan semasa. Kami mempunyai pengaruh politik dan kuasa untuk mengubah dengan pantas mana-mana undang-undang atau dasar sedia ada, yang menghalang keupayaan syarikat untuk memanfaatkan kelebihan yang diberikan oleh Era Maklumat. Kami tidak akan ditewaskan oleh permainan politik yang keterlaluan di Malaysia. Di Malaysia, perkara yang perlu dilakukan akan dilakukan segera, tanpa dihalangi kebejatan.

Akhir sekali, kami begitu komited untuk menjayakan MSC dan kami mempunyai rekod yang baik dalam memenuhi komitmen kami. Kami kerajaan pragmatik yang sentiasa dapat membuktikan kritikan terhadap kami tidak benar, walaupun ketika kami menerima pakai dasar dan strategi yang luar biasa. Sejarah Malaysia sejak kemerdekaannya, menunjukkan ketekalan dan tepat ramalnya agar pelaburan jangka panjang tidak akan diancam pergolakan politik tempatan. Kerajaan Malaysia menganggap multimedia sebagai sektor strategik untuk mencapai Wawasan 2020, iaitu pencapaian status negara maju melalui pertumbuhan jurus-produktiviti, dengan MSC sebagai pelopor sektor utama ini. Kesimpulannya, kami tidak boleh dan tidak akan membiarkan MSC gagal.

Sepanjang dua tahun lalu kami begitu sibuk bekerjasama dengan syarikat terkemuka seperti Nippon Telephone and Telegraph (NTT) bagi memahami keperluan masa depan syarikat bertaraf dunia. McKinsey & Co. telah menemu ramah ratusan syarikat untuk memahami keperluan mereka dan kini bekerja dengan kami untuk belajar daripada pengalaman negara lain.

Bagi memastikan MSC tidak gagal, Malaysia menawarkan sepuluh perkara dalam Akta Jaminan Multimedia. Kerajaan Malaysia dengan rasminya komited untuk melakukan perkara berikut kepada semua syarikat yang menerima status MSC daripada Perbadanan Pembangunan Multimedia: (i) Malaysia akan menyediakan prasarana fizikal dan maklumat teknologi bertaraf dunia; (ii) Malaysia akan membenarkan pengambilan pekerja ilmu dari luar tanpa sekatan; (iii) Malaysia akan memastikan kebebasan pemilikan syarikat; (iv) Malaysia akan memberikan kebebasan mendapatkan modal secara global bagi prasarana MSC dan hak meminjam dana secara global; (v) Malaysia akan memberikan insentif kewangan berdaya saing, termasuk pelepasan cukai pendapatan atau elaun cukai pelaburan sehingga sepuluh tahun, dan tiada duti import bagi peralatan multimedia; (vi) MSC akan menjadi pemimpin

bagi perlindungan harta intelektual dan undang-undang siber di rantau ini; (vii) Malaysia akan memastikan tiada tapisan terhadap Internet; (viii) MSC akan menawarkan tarif telekomunikasi berdaya saing dan jaminan khidmat secara global; (ix) Malaysia akan menawarkan kontrak prasarana yang utama kepada syarikat terkemuka yang bersedia menggunakan MSC sebagai pusat serantau mereka; dan (x) Malaysia akan memastikan bahawa MDC yang baru ditubuhkan, iaitu agensi pelaksanaan yang dinamik, akan bertindak sebagai 'pusat khidmat lengkap' yang berkesan untuk memenuhi keperluan syarikat.

Syarikat ini mestilah, merupakan penyedia atau pengguna besar produk dan perkhidmatan multimedia atau IT dan mengambil banyak pekerja ilmu. MDC sedang mendaftarkan syarikat yang berminat dan akan menerima permohonan rasmi daripada syarikat yang mengejar status MSC pada bulan Mac. Selain menjejaki syarikat bertaraf dunia, MDC juga mencari pekerja bertaraf dunia untuk membantunya membangunkan MSC.

Kepada para pelajar, saya menggalakkan anda menghantar butir-butir diri anda kepada MDC dan mengisi borang permohonan kerja di tapak webnya. Peluang memang banyak di sepuluh buah pejabatnya di seluruh dunia dan ibu pejabatnya di Malaysia. Kepada syarikat, saya mengalu-alukan penyertaan dan sumbangan anda. Kami memerlukan wawasan, kreativiti, keusahawanan dan kemahiran anda untuk menghidupkan MSC. Kepada masyarakat antarabangsa, kami menawarkan persekitaran yang sempurna untuk anda mencuba dan mencari penyelesaian kepada soalan rumit yang jawapannya boleh diperolehi dengan merentasi sempadan: (i) bagaimanakah nilai yang dicipta secara usaha sama di beberapa buah negara dikenakan cukai apabila dijual di negara lain? (ii) bagaimanakah hak harta intelektual bagi produk dan khidmat asas-ilmu ditakrif dan dilindungi? (iii) bagaimanakah tanggungjawab terhadap ketepatan dan keutuhan maklumat di Internet dapat dipastikan? (iv) bagaimanakah masyarakat boleh dilindungi daripada jenis penipuan, pemalsuan, penciplakan, dan serangan virus bentuk baru pada sistem yang menggerakkan syarikat malah negara?

Di Malaysia, kami mencari peluang untuk mewujudkan Mahkamah Keadilan Siber sebagai pusat antarabangsa yang akan menangani isu ini. Bagi sebuah negara kecil, kami mungkin kelihatan terlalu bercita-cita tinggi, tetapi Amerika sendiri adalah sebuah negara kecil pada abad ke-19. Pada masa itu, England melancarkan Revolusi Industri tetapi Amerika memenanginya. Mengapa? Kerana teknologi dapat dipindahkan ke persekitaran yang lebih memberangsangkan agar potensi sepenuhnya dapat dicapai. Langkah Malaysia ke era industri agak terlambat dan ini memberi kami semangat dan kemahiran untuk membuat perubahan besar yang tidak boleh dibuat oleh negara lain, kerana kami tidak akan rugi apa-apa.

MSC menyediakan semua komponen utama yang diperlukan untuk

mewujudkan persekitaran yang sempurna bagi membina jambatan melepasi Era Maklumat yang dipenuhi seribu satu janji. Kini, memindahkan teknologi dan pengetahuan lebih mudah berbanding seabad yang lalu. Inilah sebabnya mengapa kami yakin kami boleh membina jambatan global yang diperlukan untuk bergerak melepasi sempadan Era Industri. Dengan optimis, saya percaya laluan ke arah kemakmuran ini lebih digemari berbanding perhubungan ekonomi secara hegemoni atau menang-kalah. Kuasa pengglobalan dan pengharmonian Era Maklumat akan mencegah pertembungan tamadun atau Abad Asia. Ia akan membentuk Abad Dunia, iaitu Komanwel Dunia yang sebenar.

Kami berharap anda akan menjadi rakan niaga kami dalam menjayakan usaha yang menarik ini bagi membina jambatan untuk mencapai impian Era Maklumat. MSC tidak akan berjaya dengan usaha kami semata-mata. Jika tidak, kami tidak akan memiliki jambatan bagi impian, keupayaan dan wawasan global banyak syarikat terkemuka yang bersedia untuk bekerjasama dalam persekitaran baru, tetapi hanya sebuah pulau. Harapan kami, anda akan menyertai kami dalam usaha membina jambatan kukuh ke Era Maklumat dan merealisasikan impian Abad Dunia yang mendatang.

Bab 15

HIBURAN DIGITAL DALAM DUNIA BERANGKAIAN

SAYA ingin mengucapkan terima kasih kepada Datuk Bandar Tom Levyn, Dewan Perniagaan Beverly Hills dan Persatuan Asia kerana mempelawa saya berucap tentang hiburan digital dalam abad ke-21 ini. Saya keberatan untuk melakukannya memandangkan saya kini berada di pusat hiburan dunia. Namun begitu, dalam perkampungan global tanpa sempadan ini, saya tidak dapat mengelak daripada memikirkan tentang tajuk ini, dan saya ingin berkongsi pandangan tentangnya, dan kemudian mendengar hujah anda serta belajar daripada anda tentang apa yang betul atau salah.

Tambahan pula, kebanyakan anda menyumbangkan tenaga yang membekalkan kuasa global Hollywood melalui daya kreativiti anda yang melimpah-ruah. Walaupun saya percaya sebahagian besar daripada aktiviti berkaitan dengan hiburan yang dijalankan di sini akan berubah, tetapi saya rasa tempat ini akan sentiasa menjadi 'pusat kreativiti' dunia hiburan. Saya yakin, antara rahsia kejayaan anda tentunya kerana anda telah menerapkan konsep rangkaian, jauh lebih awal sebelum perkataan pertautan dan rangkaian diperkenalkan. Sejak berdekad lamanya segala-galanya dapat diperolehi di dalam studio: penulis, pelakon, pakar kesan khas, pereka set, pekerja filem, editor, penerbit dan pengarah. Kini, sebahagian besar aktiviti ini dilakukan oleh individu bebas dan syarikat pakar bersaiz kecil yang bergabung dan bekerjasama mengusahakan sesuatu projek, dan mereka kemudiannya mengambil haluan masing-masing. Mereka dapat mengkhusus dalam bidang

Ucapan yang disampaikan di majlis makan tengah hari yang dihadiri oleh masyarakat hiburan Beverly Hills di Beverly Hills, Los Angeles, pada 14 Januari 1997.

kepakaran masing-masing dan melalui kerjasama, hasilnya lebih baik daripada apa yang diperoleh setiap pihak.

Inilah tugas perintis yang sebenarnya kerana anda betul-betul membuktikan kepada dunia bahawa dalam dunia kreatif, lebih baik mempunyai jaringan pakar yang berhubung dan bekerjasama antara satu sama lain. Model perniagaan ini kemudiannya digunakan oleh syarikat berteknologi tinggi seperti Microsoft, Intel, Netscape, dan Sun Microsystems untuk menyaingi dengan jayanya pemimpin lama industri yang cuba melakukan segalanya bersendirian dengan piawaian empunya—sama seperti yang diamalkan oleh studio besar masa lalu sebelum pelakon, penerbit dan pengarah menjadi semakin bijak dan melantik ejen masing-masing.

Bagaimanapun, akhir-akhir ini segalanya bergerak pantas dan rangkaian perlu diperluaskan. Kini, semua ciptaan kandungan benar-benar tertumpu dalam jarak 30 batu di sekitar hotel ini. Hal ini perlu, sewaktu rangkaian memerlukan hubungan fizikal dan manusia untuk saling bekerja. Hubungan fizikal itu kini tidak penting lagi. Kita sudah boleh menonton filem, bermain dan mendengar muzik yang sebahagian besarnya atau sepenuhnya dihasilkan oleh komputer. Malah, komputer dapat dihubungkan dan bergabung tanpa perlu diletakkan berdekatan satu sama lain. Melalui komputer, orang yang sudah tiada boleh kembali beraksi, menyebabkan pelakon tidak perlu lagi melakonkan sesuatu watak. Sebaliknya, pelakon lama kini boleh memiliki hak cipta baru bagi imej mereka yang kini boleh berlakon dan bercakap dengan sendiri. Melalui komputer, kreativiti bukan sahaja menjadi suatu keperluan, tetapi akan menjadi aset yang lebih bernilai.

Kreativiti untuk menghidupkan jalan cerita dan watak pada skrin komputer menjadi amat berharga. Permainan tiga dimensi mungkin mempunyai perisian yang dibina oleh pengatur cara tidak bernama, dari pelbagai negara, yang tidak pernah bersua muka antara satu dengan lain, kerana idea di sebalik permainan itulah yang sebenarnya menghasilkan nilai. Malah idea, jalan cerita dan pemikiran kreatif memang banyak sekali di sini. Anda memiliki kelebihan itu dan saya yakin anda akan terus unggul dalam era IT bagi hiburan janaan komputer serta hasil barunya, iaitu *pendidikan melalui hiburan*.

Untuk mengekalkan pengaruh global, anda mungkin perlu mempelbagaikan beberapa unsur lain ciptaan kandungan ke pusat budaya lain di seluruh dunia. Hiburan hari ini hampir kesemuanya berunsurkan budaya Amerika. Wataknya watak Amerika, masalahnya masalah Amerika, malah dialognya juga berciri Amerika. Kebanyakan negara lain menikmati hiburan ini agak secara luaran sahaja. Mereka benar-benar tidak memahami banyak perincian dalam jalan cerita yang lebih halus. Kini, itu sudah memadai kerana adanya nilai kehebatan, kesan khas dan penerbitan pantas. Pada hemat saya, inilah sebabnya mengapa filem aksi paling popular di luar Amerika. Akan

tetapi, lambat-laun teknologi akan melenyapkan kelebihan ini kerana hiburan digital yang berlandaskan aksi ala Bruce Lee atau Harrison Ford, kesan khasnya dan sebagainya dapat dibuat di mana-mana sahaja, dan hero filem aksi digital akan menjadi semakin realistik.

Apabila negara membangun kian mewah, mereka pasti mahu lebih banyak unsur tempatan dalam hiburan mereka. Tema bijak yang dihasilkan mungkin bersifat universal: tetapi orang Asia akan lebih menggemari hiburan dengan ciri-ciri tempatan, dari segi bahasa, mitos, watak, muzik, kiasan, dan lokasinya. Kita dapat saksikan perkara ini dalam muzik dan televisyen di Asia; lama-kelamaan arah aliran yang sama akan turut mempengaruhi filem dan permainan komputer. Mengapakah ini berlaku? Sebab, di mana-mana sahaja, orang ingin mengaitkan diri mereka dengan apa yang menghiburkan mereka dan menghubungkannya dengan impian mereka sendiri. Kemudian, apabila mereka rasa lebih terjamin dengan kejayaan yang dicapai, mereka akan memburu kepuasan yang lebih mencabar. Mereka tahu siapa diri mereka dan ingin pergi lebih jauh dengan mencapai sesuatu yang lebih hebat daripada yang dapat dicapai oleh materialisme atau eskapisme. Inilah dunia tentang nilai agama, budaya dan moral. Mereka memburu makna, dan pencarian ini berkehendakkan konteks budaya yang melampaui budaya pop Amerika.

Untuk terus unggul secara global pada abad ke-21 ini, pemimpin hiburan digital perlu dirangkaikan dengan pusat ciptaan kandungan pelbagai budaya. Hasil terbaik diperoleh dengan menggabungkan kreativiti unik yang banyak terdapat di Hollywood dan Beverly Hills, dengan segala kisah, simbol, mitos dan personaliti dari pelbagai budaya utama di dunia. Di Asia, budaya utamanya ialah Konfusianisme, Islam dan Hinduisme. Setiap satunya kaya dengan sejarah yang dapat menjadi sumber idea baru yang amat banyak bagi kandungan. Teknologi ini membolehkan watak baru dicipta secara elektronik, watak yang merangkumi idea ini dan menyentuh perasaan manusia secara mendalam. Dalam hiburan digital, ada banyak lagi cara untuk menghidupkan suasana dan bukannya melalui luahan kata-kata dari mulut pelakon atau kesan khas yang menakjubkan semata-mata.

Satu-satunya perkara yang tidak akan berubah ialah nilai kreativiti yang luar biasa—malah ia akan menjadi lebih bernilai apabila teknologi mencipta lebih banyak saluran supaya kreativiti ini dapat diluahkan. Kreativiti seumpama ini lebih banyak terdapat di sini daripada di tempat lain, dan atas sebab inilah saya rasa masa depan anda sungguh cerah.

Di Malaysia, kami bertungkus lumus mencipta suasana terbaik untuk menunaikan janji Era Digital. Kami namakannya Koridor Raya Multimedia (MSC). Saya ingin mengundang anda untuk bekerjasama dengan kami kerana MSC boleh menjadi tempat yang paling sesuai untuk membuat uji kaji, lalu

membentuk pusat kandungan pelbagai budaya yang pertama di dunia untuk hiburan digital. MSC bakal mempunyai prasarana, undang-undang dan dasar yang diperlukan di tempat yang dapat kami gambarkan sebagai nadi budaya Asia. Sememangnya kami negara berbilang budaya dengan agama Buddha, Islam dan Hindu masing-masing dikaitkan dengan bangsa Cina, Melayu dan India yang berkembang maju, dengan cara hidup yang berbeza tetapi tetap berhubungan antara satu dengan lain. Tiada tempat yang lebih baik untuk mempertemukan kreativiti Hollywood yang menakjubkan dengan keadaan yang perlu untuk meletakkan hiburan digital di satu tempat agar sesuai dengan sebahagian besar negara Asia dan negara lain di dunia selain Malaysia.

Koridor Raya Multimedia sememangnya yang pertama di dunia. Inilah penciptaan teliti sebuah kawasan yang dilengkapi prasarana, undang-undang, dasar, dan amalan yang membolehkan syarikat meneroka Era Maklumat tanpa sebarang kekangan biasa yang merimaskan. MSC ialah koridor seluas 15 km kali 50 km yang terbentang dari bangunan tertinggi dunia di Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur (KLCC) hingga ke selatan, ke kawasan yang bakal menjadi lapangan terbang terbesar di rantau ini.

Kajian teliti melebihi dua tahun berjaya menghasilkan pakej dengan empat perkara utama yang akan mewujudkan suasana amat istimewa dalam MSC:

Pertama, MSC akan mempunyai prasarana fizikal terbaik yang dapat diberikan kepada dunia. Antaranya termasuklah bangunan pintar Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur (KLCC), lapangan terbang baru, rangkaian kereta api laju ke Kuala Lumpur, lebuh raya pintar tertuju khas, dan dua buah bandar raya pintar yang baru. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang akan siap sebelum Sukan Komanwel 1998, pada awalnya akan mempunyai 80 pintu masuk dengan dua landasan selari. Lapangan terbang ini juga akan menjadi pusat logistik bersepadu dengan kepakaran IT terkini untuk memudahkan perjalanan orang ramai dan pengangkutan barangan. Bandar raya pintar yang pertama, Putrajaya, akan menjadi pusat pentadbiran baru yang akan menamatkan semula kebanyakan kementerian, bermula dengan pemindahan pejabat Perdana Menteri pada 1998. Putrajaya ialah pusat pentadbiran kerajaan elektronik baru Malaysia. Bandar raya ini akan menyediakan persekitaran bandar yang seimbang kepada 250,000 orang, yang dilengkapi sistem komunikasi dan pengangkutan terkini. Bersebelahan pula ialah Cyberjaya, bandar raya yang direkabentuk untuk menyediakan ruang fizikal dan psikologi yang diperlukan untuk merangsang pertimbangan dan kreativiti yang produktif dalam suasana tenang. Bandar raya ini akan dibangunkan di sekitar Universiti Multimedia yang baru, dengan fasa pertamanya akan dibuka pada 1999. Cyberjaya akan dilengkapi bangunan pintar, taman perusahaan multimedia, tempat kediaman, kemudahan bersantai dan beriadah serta prasarana sokongan terkini yang berkualiti tinggi. Bandar ini

akan menampung warga kerja seramai kira-kira 150,000 orang dan warga huni melebihi 100,000 orang.

Kedua, MSC akan mempunyai prasarana bukan fizikal yang terbaik di dunia dalam bentuk sokongan undang-undang, dasar dan amalan. Ini termasuklah rangka kerja menyeluruh bagi undang-undang siber kemasyarakatan dan undang-undang siber yang membolehkan perdagangan dilakukan, bagi harta intelektual, tandatangan digital, jenayah komputer, pembelajaran jarak jauh, teleperubatan, dan kerajaan elektronik. Contohnya, Akta Tandatangan Digital kami yang baru mewujudkan rangka kerja kawal selia untuk penentusahan dan pengesahan oleh pihak berkuasa dan hukuman berat bagi penipuan siber. Kami akan menguatkuasakan undang-undang harta intelektual dan anticetak rompak dengan lebih tegas. Undang-undang siber akan digubal oleh Parlimen dalam beberapa bulan akan datang. Di samping itu, kami sedang membentuk Akta Penumpuan Multimedia yang akan menggabungkan dan mengemaskinikan undang-undang telekomunikasi, penyiaran dan maklumat kami bagi mencerminkan penumpuan pesat teknologi masa kini. Kami berharap agar dapat menggubal undang-undang baru ini sebelum akhir tahun 1997. Akhir sekali, kami sedia maklum akan kepentingan pekerja ilmu yang mahir, lalu mewujudkan rangkaian pendidikan dan latihan di seluruh negara. Semua sekolah akan dirangkaikan kepada Internet menjelang tahun 2000 dan Universiti Multimedia dijadualkan akan beroperasi melalui perkongsian dengan syarikat MSC, bagi memastikan lulusannya memenuhi syarat kemahiran yang ditetapkan.

Ketiga, MSC akan membangunkan prasarana maklumat sedia ada secara berperingkat-peringkat dengan Rangkaian Multimedia Terbuka berkeupayaan 2.5-10 gigabait, yang akan menggunakan suis ATM terkini dalam membekalkan gentian kepada bangunan. Rangkaian ini akan mempunyai getaluan antarabangsa 5 gigabait, dengan hubungan terus ke Amerika Syarikat, Jepun, Eropah dan negara Asean lain. Rangkaian ini akan mula beroperasi menjelang tahun 1998. Penyedia khidmat nilai tambah bebas bersaing melalui rangkaian ini tanpa sebarang sekatan terhadap pemilihan asing dan tarif saling hubung asas-kos. Telekom Malaysia komited untuk menawarkan tarif berdaya saing yang setanding atau lebih baik daripada tarif pemberi khidmat global lain, dan akan menyediakan piawaian prestasi rangkaian bertaraf dunia.

Keempat, pusat khidmat lengkap yang diberi kuasa penuh, iaitu Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), ditubuhkan untuk menguruskan dan memasarkan MSC. Misi MDC adalah mewujudkan persekitaran terbaik di dunia untuk syarikat swasta menjalankan perniagaan multimedia. MDC akan membuka sepuluh buah pejabat di seluruh dunia dalam tempoh dua tahun, supaya berada hampir dengan syarikat yang akan menjadi pelanggannya. Selain itu, MDC juga telah diperbadankan di bawah Akta

Syarikat 1965, agar ia dapat bertindak sewajarnya dan tidak terikat dengan amalan birokrasi. MDC bebas menggaji pekerja terbaik dunia dan mempunyai rancangan perniagaan yang dapat memenuhi keperluan syarikat yang dipindahkan ke MSC, sebelum dan selepas syarikat ini memutuskan untuk beroperasi di Malaysia. Saya dan Timbalan Perdana Menteri sendiri akan mengawal selia aktiviti MDC dan akan menangani isu yang dikemukakan kepada kami.

Ringkasnya, Malaysia dan kerajaannya menerapkan pendekatan sepenuh hati untuk membangunkan negara dengan menggunakan alat baru yang disediakan oleh Era Digital. MSC merupakan projek perintis untuk mengharmonikan seluruh negara kami dengan daya global yang membentuk Era Maklumat. Fasa I termasuklah menjayakan MSC dengan belajar daripada rakan niaga kami dan memanfaatkan pengalaman yang diperolehi; fasa II akan menghubungkan gugusan kecemerlangan lain dalam Malaysia; dan fasa III termasuklah menjadikan seluruh Malaysia sebagai Koridor Raya Multimedia yang dihubungkan dengan rantau pintar lain di seluruh dunia. Saya menjangka Malaysia akan melaksanakan fasa terakhir menjelang tahun 2020, yang pada ketika itu kami berharap kami menjadi sebuah negara maju.

Untuk memenuhi keperluan syarikat multimedia dan hiburan yang terkemuka, Malaysia menyediakan sepuluh perkara dalam Akta Jaminan Multimedia. Kerajaan Malaysia dengan rasminya berjanji akan melaksanakan perkara berikut terhadap semua syarikat yang mendapat status MSC daripada MDC:

- Malaysia akan menyediakan prasarana fizikal dan maklumat bertaraf dunia;
- Malaysia tidak akan mengenakan apa-apa sekatan pekerjaan terhadap pengambilan dan kemasukan pekerja ilmu MSC dari luar;
- Malaysia akan memastikan kebebasan pemilikan bagi syarikat IT yang bertempat di MSC;
- Malaysia akan memberikan kebebasan mendapatkan modal secara global bagi prasarana MSC dan kebebasan untuk meminjam dana di mana sahaja;
- Malaysia akan memberikan insentif kewangan berdaya saing, termasuk pelepasan cukai pendapatan atau elaun cukai pelaburan sehingga sepuluh tahun, dan tiada duti import bagi peralatan multimedia;
- MSC akan menjadi pemimpin bagi perlindungan harta intelektual dan undang-undang siber di rantau ini;

- Malaysia akan memastikan tiada tapisan terhadap internet;
- MSC akan menyediakan tarif telekomunikasi berdaya saing secara global;
- Malaysia akan menawarkan kontrak prasarana MSC yang utama kepada syarikat terkemuka yang bersedia menggunakan MSC sebagai pusat serantau mereka; dan
- Malaysia akan menubuhkan agensi pelaksanaan yang dinamik selaku 'pusat khidmat lengkap' yang berkesan bagi memastikan MSC memenuhi keperluan syarikat.

MDC sedang mendaftarkan syarikat yang berminat dan akan menerima permohonan rasmi bagi syarikat yang ingin mendapatkan 'status MSC' dalam bulan Mac 1997. Ini akan melayakkan syarikat mendapat insentif kewangan dan dilindungi Akta Jaminan Multimedia yang dihuraikan di atas, jika operasi baru syarikat tersebut terletak di bandar tertentu seperti Cyberjaya.

Saya berharap anda akan memberi pertimbangan untuk menjadi rakan niaga kami dalam usaha yang menggalakkan ini bagi membina persekitaran multimedia dan hiburan digital yang terbaik di dunia. Tidak dinafikan, Hollywood sememangnya ibu kota filem bagi seluruh dunia. Melalui kerjasama, kita mungkin dapat mengembangkannya kepada alam lain seperti permainan atau hiburan interaktif. Walaupun teknologi dan maklumat akan menjadi semakin bebas dalam dekad akan datang, tetapi kreativiti tetap menjadi sumber yang sukar diperoleh. Memandangkan anda memiliki banyak kreativiti, saya berharap kami dapat berhubung dengannya dan menggunakan sebahagian daripadanya untuk menentukan sempadan ciptaan kandungan berbilang budaya dalam Era Digital.

Bab 16

MEWUJUDKAN KOMUNITI APEC

IZINKAN saya memulakan bicara dengan menyentuh tentang APEC agar kita memahami dengan jelas apa sebenarnya APEC. Ada beberapa perkara utama tentang APEC yang mesti diingati. APEC ialah: (i) proses sukarela yang bergantung pada sumbangan satu hala negara anggota; (ii) ia beroperasi atas dasar kesepakatan dengan prasarana institusi yang minimum; (iii) ia percaya bahawa liberalisasi dapat dilaksanakan dengan sangat berkesan apabila disokong dan dibantu oleh kerjasama ekonomi dan teknologi; (iv) ia hasil daripada cara unik yang lebih menitikberatkan perundingan dan pujukan moral daripada kontrak dan litigasi undang-undang; (v) ia diasaskan melalui interaksi terbuka dan pelengkap dalam organisasi itu sendiri, dan dengan negara lain di dunia; dan (vi) ia merupakan penyatuan negara yang memiliki perbezaan besar dari segi saiz dan tahap pembangunan.

Beberapa dekad yang lalu, ekonomi Asia-Pasifik terutamanya Asia Timur, walaupun berbeza dari segi tahap pembangunan, mencatatkan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi daripada rantau lain. Ada banyak sebab di sebalik kejayaan ini, tetapi semua negara yakin pembangunan ekonomi menjadi mercu tanda yang amat penting yang membawa kepada jati diri dan kebebasan negara mereka.

Anggota APEC, secara puratanya mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.6 peratus setahun; jauh melebihi purata dunia. Purata ini tentunya bermakna ada antaranya yang berkembang lebih cepat. Akan tetapi, kerana kami tidak

Kertas kerja yang dibentangkan di Majlis Penutup Forum Perniagaan APEC di Manila, Filipina, pada 23 November 1996.

bermula dari asas yang sama, pertumbuhan mutlak tidak boleh diukur daripada angka yang saya sebutkan tadi. Prestasi ekonomi hanya boleh dibandingkan berdasarkan keseimbangan kuasa beli kerana ia memberikan gambaran yang lebih tepat mengenai kekayaan sebenar sesebuah negara dan rakyatnya. Fakta ini mestilah sentiasa diambil kira.

Dagangan dalam rantau ini berkembang secara mendadak sebanyak kira-kira 87 peratus dalam tempoh lima tahun lepas. Rantau ini menghasilkan 44 peratus eksport dunia. Pertumbuhan pelaburan juga melonjak naik. Pertumbuhan pelaburan yang pesat dipengaruhi beberapa faktor seperti strategi globalisasi syarikat multinasional dan pembatalan kawal selia serta penyusunan semula satu hala untuk memudahkan aliran modal oleh negara APEC.

Perkara yang mendasari pembangunan ini ialah pergerakan ketara ke arah liberalisasi dan langkah pembukaan pasaran yang diterima pakai oleh sebahagian besar daripada negara anggota. Walaupun berlainan tahap kejayaan dan kesungguhan, namun wujud pergerakan meluas ke arah liberalisasi satu hala merentasi ekonomi, yang bermula lebih awal di negara APEC yang membangun, begitu juga di Australia dan New Zealand, daripada negara lain di dunia. Liberalisasi satu hala berlaku sehingga dan setelah selesai Rundingan Pusingan Uruguay bagi Perbincangan Berbilang Hala (*Uruguay Round of Multilateral Talks*) dan sesi perbincangan dagangan subrantau lain di rantau Asia-Pasifik. Bahkan, interaksi dan sinergi yang dinamik merupakan ciri liberalisasi barisan sehalu, serantau dan pelbagai hala. Bagaimanapun, tidak wajar untuk mengharapkan satu piawai kadar liberalisasi bagi semua negara anggota, tanpa mengambil kira tahap pembangunan mereka.

Pada tahun-tahun kebelakangan ini, program kerja APEC lebih tertumpu kepada liberalisasi dan pemudahan dagangan serta pelaburan. Perisytiharan Seattle pada 1993, Perisytiharan Bogor pada 1994 dan Perisytiharan Osaka pada 1995 masing-masing dibuat semata-mata bertujuan untuk liberalisasi dan pemudahan. Saya tidak mempunyai masalah dengan liberalisasi dagangan sedemikian. Malah, di Malaysia, kami komited terhadap liberalisasi dan pembatalan kawal selia, dan sedang menuju ke arah ini pada kadar yang sesuai dengan tahap pembangunan kami. Kami juga sentiasa mengamalkan pasaran yang amat terbuka, yang membuka laluan kepada barangan dari semua negara, termasuk negara yang membeza-bezakan kami. Walaupun demikian, apa yang membimbangkan saya ialah kaedah dan tahap bagaimana langkah liberalisasi pasaran dijalankan dalam proses APEC.

APEC, seperti yang saya katakan tadi, terdiri daripada negara yang berbeza-beza tahap pembangunan ekonomi dan skala pendapatannya. Ada antaranya ialah negara anggota yang paling maju di dunia di satu pihak, dan negara yang baru membangun di pihak yang satu lagi, dengan jurang pendapatan yang amat besar antara mereka, apatah lagi kedudukan eko-

nominya jika dilihat dari segi bilangan penduduk. Dalam keadaan tersebut, tidak wajar dan amat tidak adil untuk memaksa mereka, terutamanya negara anggota yang kurang maju ekonominya, mengambil langkah liberalisasi mengikut kadar dan cara yang di luar kemampuan mereka. Walaupun kita akui pelaksanaan liberalisasi akan memanfaatkan kita semua, tetapi pendekatannya hendaklah dilakukan secara berhati-hati supaya tidak menyebabkan penyingkiran atau perpecahan industri yang berada pada tahap pembangunan yang berbeza-beza. Pendekatan berdasarkan liberalisasi dan kefleksibelan yang progresif akan membantu memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan, lalu membolehkan ekonomi ini menyumbang secara positif ke arah proses liberalisasi. Tambahan pula, program dan projek untuk meningkatkan tahap pembangunan serta memulihkan ketidakseimbangan ekonomi negara yang kurang maju di rantau ini, juga penting. APEC tidak boleh sama sekali mengakibatkan negara anggota yang miskin semakin bergantung pada negara anggota yang lebih kaya. Malah, APEC seharusnya, mengayakan negara yang miskin dan membolehkan mereka menyumbang ke arah pengayaan kelompok tersebut melalui usaha sama.

Apabila memikirkan perkara ini, saya khuatir kerjasama pembangunan yang merupakan tonggak utama bagi kerjasama dalam APEC, tidak diberikan perhatian yang sewajarnya. Malah kerjasama pembangunan selalunya kurang menonjol berbanding liberalisasi pasaran dan kemudahan bagi FDI milik penuh dan langsung. Ini tanggapan yang tidak sihat dan mesti dibetulkan. Pertamanya, liberalisasi sahaja tidak akan berjaya jika tidak diiringi kerjasama pembangunan kerana kedua-duanya saling bergantung dan memperkukuh. Untuk membolehkan negara membangun terus mengamalkan liberalisasi, maka rakan niaga negara maju perlu membantu anggota yang kurang maju meningkatkan kebolehan dan keupayaan ekonomi mereka; dengan kata lain, membolehkan mereka mengayakan negara mereka melalui usaha mereka sendiri.

Gambaran 'Komuniti APEC' hanya akan menjadi kenyataan jika anggotanya menunjukkan kesanggupan dan kesediaan untuk meningkatkan kerjasama pembangunan. Kepelbagaian rantau APEC menandakan tentang perlunya ada rasa tanggungjawab dan kebijaksanaan untuk mencapai kerjasama pembangunan yang hebat. Tiada gunanya membuka pasaran negara kaya kepada negara miskin jika negara miskin tiada apa-apa untuk dijual. Sebaliknya, membuka pasaran negara miskin kepada negara kaya, walaupun pasaran yang kecil, lebih bermakna dari segi ekonomi. Oleh itu, Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang dapat membantu mengayakan negara membangun, patut memulakan langkah membuka pasaran dan memberikan status nasional kepada syarikat asing. Hanya apabila negara yang lebih miskin mencapai taraf pengeksporn barangan dan perkhidmatan serta dapat

memanfaatkan bahan mentah, barulah mereka boleh dianggap bersedia untuk meliberalisasikan pasaran mereka.

Bagi liberalisasi, yang melaluinya kita mempunyai pelan tindakan individu dan bersama, begitu juga dalam kerjasama pembangunan, kita perlu mempunyai pelan induk terperinci yang menggariskan pelan tindakan yang mantap. Dalam pelan induk ini, kita perlu memperincikan pelan tindakan bagi kerjasama pembangunan yang merangkumi perusahaan kecil dan sederhana, sains dan teknologi, aliran kewangan dan prasarana, serta telekomunikasi dan pembangunan sumber manusia. Jika pelan tindakan untuk kerjasama pembangunan ini dapat dilaksanakan dengan cara dan semangat yang sama seperti pelaksanaan pelan tindakan bagi liberalisasi pasaran dan pelaburan, maka kita dapat mewujudkan 'Komuniti APEC', dalam masa terdekat, yang bukan sahaja makmur tetapi juga yang mengagih-agihkan kekayaan dengan lebih saksama.

Peranan sektor perniagaan dalam mengekalkan kedinamikan ekonomi rantau telah lama diiktiraf. Dalam perjumpaan di Osaka pada November lalu, pemimpin APEC menubuhkan Majlis Penasihat Perdagangan APEC (ABAC atau *APEC Business Advisory Council*) sebagai bahagian tetap dan penting dalam proses APEC. Majlis ini berperanan menasihati pemimpin dan memberikan sumbangan kepada proses APEC.

Kita memahami mengapa eksekutif perniagaan dari negara APEC menjadi begitu tidak sabar melihatkan betapa lembapnya kadar kemajuan liberalisasi, keharmonian dan kerjasama, dan mereka mahu pemimpin politik berkongsi komitmen untuk menyegerakan keadaan.

Namun begitu, pemimpin perniagaan mesti memahami bahawa pemimpin politik pasti akan melakukan yang terbaik untuk ekonomi masing-masing secara keseluruhannya. Walaupun perniagaan dan ekonomi amat penting, pemimpin politik tidak seharusnya mengabaikan faktor sosial dan politik. Dengan tahap pembangunan ekonomi dan politik yang berbeza bagi negara anggota APEC, maka dipercayai bahawa kadar liberalisasi dan pembatalan kawal selia dalam setiap negara anggota APEC, khususnya negara membangun, akan bergantung pada hakikat ini. Namun begitu, pemimpin politik sememangnya menyedari bahawa dasar dalam negeri perlu disemak semula untuk memudahkan dagangan dan pelaburan yang merentasi sempadan silang.

Bagi kerajaan, sektor perniagaan turut mempunyai tanggungjawab penting untuk dipikul dalam memulihkan ketidakseimbangan ekonomi yang dialami di kalangan anggota APEC. Sektor ini juga memainkan peranan penting dalam mewujudkan 'Komuniti APEC' seperti yang disebutkan lebih awal. Negara anggota perlu ingat bahawa mereka tidak sahaja perlu menjalankan tanggungjawab korporat mereka, tetapi juga mengambil kira kepentingan

dan kesejahteraan jangka panjang mereka. Malah, kepentingan jangka panjang mereka sendiri menghendaki mereka menyumbang ke arah kestabilan dan perkembangan negara tuan rumah mereka.

Di bawah naungan kerjasama pembangunan, sektor perniagaan dalam APEC boleh mewujudkan perikatan strategik di kalangan mereka, untuk membangunkan keupayaan yang amat banyak di rantau tersebut. Contohnya, antara negara APEC yang membangun, mana-mana negara yang paling kurang membangun boleh disasarkan, dan sumber daripada sektor awam dan swastanya digerakkan untuk pembangunan prasarana dan penggunaan tenaga kerja. Matlamatnya adalah untuk mempercepat pembangunan ekonomi negara anggota APEC yang kurang membangun.

Walaupun perkara ini mungkin merupakan pendekatan baru bagi APEC, tetapi ia tidak asing langsung kepada kelompok serantau yang lain. Pada Mesyuarat Negara-negara Asia-Eropah (ASEM), contohnya, kerajaan Kesatuan Eropah dan negara Asia mewujudkan perkongsian untuk membangunkan kawasan Lembangan Mekong dari segi prasarana dan industri. Pelaburan kecil daripada negara dan perniagaan dalam prasarana tersebut akan mempercepat pembangunan lembangan itu dan juga penduduknya.

APEC menyediakan peluang kepada kerajaan negara APEC untuk bekerjasama antara satu dengan lain, dan dengan sektor swasta untuk membekalkan barangan awam serantau yang diperlukan bagi menyokong usaha dan semangat sektor swasta. Antara barangan awam ini termasuk: (i) inisiatif bersama untuk meningkatkan kecekapan dan kesesuaian prasarana pengangkutan dan komunikasi; (ii) pengiktirafan bersama terhadap pelbagai prosedur piawaian produk, peraturan dan pentadbiran, termasuk memperkemas peraturan kastam dan syarat perjalanan perniagaan; (iii) berusaha ke arah pemudahan dan pemiawaian serta pengurangan sekatan sempadan terhadap barangan dan perkhidmatan yang bersesuaian dengan tahap pembangunan setiap negara; dan (iv) kerjasama dalam prasarana tenaga, perusahaan kecil dan sederhana serta pemindahan teknologi.

APEC beruntung kerana dapat mengambil iktibar daripada pengalaman Asean. Asean telah menjalani proses pembelajaran daripada kesilapan dan juga strategi kejayaan masing-masing. Pengalaman Asean memberi keyakinan bahawa APEC sendiri boleh terus berkembang pesat tanpa struktur yang terperinci atau berdasarkan undang-undang. Pengalaman Asean menunjukkan bahawa sebarang bentuk kerjasama yang berjaya di rantau Asia-Pasifik, perlu didasari prinsip pedoman tentang sikap keterbukaan, kesaksamaan dan evolusi. Sebarang cubaan menggunakan kekuatan ekonomi atau pengaruh politik semasa, malah kuasa majoriti sekalipun untuk bertindak sewenang-wenangnya terhadap ketetapan yang sah dan wajar, pasti akan memusnahkan sebarang usaha serius untuk membina sebuah komuniti ekonomi terbuka

Asia-Pasifik yang utuh.

Pemimpin perniagaan dari negara APEC yang maju mesti memahami ketetapan ini, dan tidak sepatutnya melobi kerajaan mereka untuk menggunakan pengaruh mereka bagi mengetepikan halangan sebenar atau yang dapat dilihat, terhadap operasi perniagaan syarikat mereka di negara lain, terutamanya negara APEC yang membangun. APEC bukannya suatu pengelompokan ideologi pelbagai negara. Perhatian utamanya ialah kesejahteraan ekonomi anggotanya. Jika terdapat kesan sampingan sosial dan politik daripada proses APEC, maka hal ini hendaklah dianggap sebagai bonus. Saya pasti perkara ini akan berlaku. Cabaran terbesar yang dihadapi pemimpin perniagaan APEC dan sesetengah kerajaan adalah sikap sabar demi memupuk keupayaan hebat rantau ini dalam kerjasama dan pembangunan.

Kesimpulannya, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa pembinaan sebuah komuniti terbuka Asia-Pasifik bukan menjadi tanggungjawab birokrat dan kerajaan sahaja. Sektor perniagaan juga perlu memainkan peranan penting, iaitu peranan yang tidak kurang pentingnya berbanding mesyuarat pemimpin kerajaan. Saya yakin, dengan bekerjasama, kita semua akan memperoleh manfaat daripada kedinamikan Pasifik ini. Melalui proses APEC, Asia dan Amerika Latin mesti dinaikkan tahapnya, setanding dengan Eropah dan Amerika Utara, bukan sahaja dari segi amalan demokrasi, tetapi juga dari segi kekayaan dan statusnya. Dan para peniaga pula, boleh membantu menjayakannya melalui aktiviti transnasional mereka.

Bab 17

KORIDOR RAYA MULTIMEDIA: MEREALISASIKAN SEBUAH WAWASAN

Saya ingin mengalu-alukan anda semua ke Multimedia Asia—kepada mereka yang hadir di sini di Kuala Lumpur dan juga mereka yang dapat bersama-sama kita menerusi keajaiban Internet. Saya gembira kerana berpeluang menggunakan media baru ini untuk siaran langsung yang tidak lama lagi, dapat disaksikan di laman web MSC sebagai rujukan.

Matlamat kami dalam persidangan ini adalah untuk melancarkan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan menjelaskan kepada dunia, semua perkara yang kami lakukan untuk merealisasikannya. Saya berharap anda akan meninggalkan tempat ini dengan kefahaman yang jelas tentang apa yang pada pandangan kami, benar-benar merupakan yang pertama di dunia—penemuan rapi bagi sebuah rantau dengan persekitaran yang secara khususnya direka untuk memenuhi keperluan syarikat unggul, yang cuba mengaut ganjaran daripada Era Maklumat di Asia.

Tiada satu negara lain pun yang terfikir untuk berbuat demikian. Saya melihat MSC sebagai pemudah cara global dalam Era Maklumat, iaitu mekanisme yang dibentuk dengan teliti bagi membolehkan pengayaan bersama dilaksanakan oleh syarikat dan negara yang menggunakan teknologi terkini dan dunia tanpa sempadan. Rancangan lain mungkin serupa bunyinya kerana kesemuanya menggunakan 'IT', 'Siber', atau 'Multimedia' untuk memasarkan satu produk atau yang lain. Akan tetapi, kami tidak menambah kemudahan baru kepada kemudahan sedia ada; kami membina dan memasang

Ucapan yang disampaikan di Majlis Pembukaan Multimedia Asia 1996 tentang Koridor Raya Multimedia di Kuala Lumpur, Malaysia, pada 1 Ogos 1996.

kemudahan terkini di atas hamparan hijau yang amat luas berukuran 15 km kali 50 km. Kami tidak sekadar menaikkan tarafnya semata-mata.

Di sini, kami bercakap tentang sesuatu yang amat luas pengaruhnya. Kami berbicara tentang mengubah cara kami hidup dan bekerja di MSC. Kawasan istimewa ini akan menjadi 'tapak ujian' global bagi peranan baru kerajaan, undang-undang siber dan jaminan baru, kerjasama antara kerajaan dengan syarikat, dan syarikat dengan syarikat, penyiaran baru dan jenis hiburan, pendidikan, pemberian khidmat kesihatan, serta penerapan teknologi baru. Kami mengambil pendekatan sehalu untuk membangunkan negara dengan menggunakan alat baru yang disediakan oleh Era Maklumat. MSC akan menjadi pusat R&D bagi industri asas-maklumat, mewujudkan tataetika baru dalam dunia yang kian mengecil ini dengan setiap orang berjiran dengan orang lain, dan kita terpaksa hidup dengan orang lain tanpa ketegangan dan sengketa yang sia-sia.

Malaysia menjadi negara perindustrian dengan cepat sekali sehinggakan suatu masa dahulu, komoditi merupakan 100 peratus eksport kami, tetapi kini barangan pembuatan merupakan 78 peratus daripada eksport kami yang bernilai AS\$75 bilion. Sungguhpun begitu, kami bukanlah sebuah negara maju. Untuk menjadi sebuah negara maju menurut Wawasan 2020 kami, kami tidak boleh terus bergantung pada industri pembuatan biasa. Kami perlu beralih kepada Industri Maklumat. Kami perlu memanfaatkan kepakaran yang ada di seluruh dunia untuk berbuat demikian. Seperti pada masa lalu, mereka yang menerima undangan kami untuk melabur di Malaysia akan mengaut pulangan yang lumayan.

Seperti biasa, di Malaysia kami bergerak pantas. Dalam Era Maklumat dan komunikasi segera, ada sahaja orang yang bekerja, pada bila-bila masa dalam sehari, yang memerlukan perkhidmatan. Malaysia memandang serius perkara ini. Bukan sahaja kami bekerja 24 jam sehari untuk pembinaan dan pembuatan, tetapi kami juga berharap dapat memberikan perkhidmatan maklumat 24 jam sehari menerusi MSC. Oleh itu, kami menyediakan pelan induk bagi tapak seluas 750 kilometer persegi. Kami hampir selesai menyiapkan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Pusat Bandar Kuala Lumpur yang terletak di kedua-dua hujung koridor dan mula mengusahakan pusat pentadbiran pintar yang baru dan berteknologi tinggi, yang dilengkapi rangkaian jalan raya dan landasan tertuju khas. Untuk melindungi hak harta intelektual, undang-undang siber baru sedang digubal dan Akta Jaminan sedang dibuat bagi memastikan pengendalian syarikat asing dan tempatan yang beroperasi di luar MSC, tidak menghadapi sebarang kesulitan.

MSC merupakan kawasan fizikal dan paradigma baru bagi mewujudkan nilai dalam Era Maklumat. Secara fizikalnya, MSC akan merangkumi kawasan

seluas 15 km x 50 km persegi yang terbentang ke selatan Kuala Lumpur. Kawasan ini bermula dari Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur di sebelah utara hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang di sebelah selatan. Kawasan ini disempadani Lebuhraya Utara-Selatan di sebelah timur dan Lebuhraya Lingkaran Pantai yang baru di sebelah barat. MSC merangkumi dua projek mega lain di tengah-tengahnya, iaitu Putrajaya, pusat pentadbiran baru, dan sebuah bandar raya IT, pembinaan bangunan pintar dengan prasarana maklumat terkini yang dibina khusus untuk memenuhi keperluan hidup dan keperluan perniagaan pekerja ilmu. Sebahagian besar projek ini sedang dijalankan, dan setiap satunya mempunyai tarikan yang tersendiri:

KLCC ialah pintu masuk sebelah utara ke MSC dan diserikan dengan menara tertinggi di dunia. Menara ini menguasai latar langit kami dengan ketinggian 450 meter setiap satu dan membentuk bandar raya dalam bandar raya.

KLIA akan disiapkan sebelum Sukan Komanwel 1998 dan pada mulanya, akan mempunyai 80 pintu masuk dengan dua landasan selari. KLIA akan menjadi lapangan terbang dalam rimba untuk memastikan ia menjadi pintu masuk antarabangsa yang sesuai ke MSC yang indah persekitarannya. KLIA juga akan menjadi pusat logistik bersepadu yang dilengkapi prasarana IT terkini, untuk memudahkan pergerakan orang ramai dan barangan.

Putrajaya ialah pusat pentadbiran kerajaan elektronik Malaysia yang baru dan akan dibangunkan menjadi bandar raya 'pintar'. Putrajaya akan menyediakan persekitaran bandar yang seimbang untuk 250,000 orang dan dilengkapi sistem komunikasi dan pengangkutan terkini.

Bandar raya IT terletak di Putrajaya Barat dan menyediakan kemudahan perniagaan berkualiti tinggi, tempat kediaman, kemudahan bersantai dan beriadah serta prasarana sokongan terkini. Bandar ini akan menampung warga kerja seramai kira-kira 150,000 orang dan warga huni melebihi 100,000 orang. Di celah-celah projek mega ini, terdapat tanah yang cukup luas untuk dibangunkan, khususnya bagi industri multimedia dan syarikat lain yang menggunakan prasarana maklumat yang unggul, untuk menyediakan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan mereka. Seluruh kawasan itu akan dilengkapi rangkaian gentian optik digital 100 peratus berkeupayaan 2.5-10 gigabit, yang akan merangkaikan MSC terus ke negara-negara Asean, Jepun, Amerika Syarikat, dan Eropah. Rangkaian jalan dan landasan berkelajuan tinggi juga akan disediakan. Lokasinya di antara lapangan terbang dengan Kuala Lumpur menjadikan MSC lokasi paling sesuai untuk pencipta pembaruan dan pekerja ilmu dalam industri IT.

Begitulah gambaran MSC dari aspek fizikal, tetapi kami bercakap tentang membina sesuatu yang lebih hebat. Cara terbaik untuk menghuraikan MSC sejelas-jelasnya adalah dengan memberikan gambaran tentang harapannya menjelang tahun 2020.

Semakin kita mendekati abad ke-21, perubahan hebat berlaku dan ini menyebabkan apa yang mustahil dapat dilakukan dalam ekonomi lama Era Industri suatu ketika dahulu, kini tiba-tiba sahaja boleh dilakukan dalam Era Maklumat. Sempadan semakin lenyap disebabkan kemudahan komunikasi global, aliran modal, pergerakan barangan dan manusia serta lokasi ibu pejabat operasi. Jika sebelum ini sesebuah negara bersaing dengan lebih dagangan negara lain lalu mengakibatkan defisit dagangan negara tersebut, tetapi pada masa akan datang kedua-dua negara dapat memperoleh manfaat kerana rangkaian syarikat bekerjasama merentasi sempadan untuk memberikan nilai kepada pelanggan dengan cara yang paling menjimatkan dan wajar.

Ringkasnya, Era Maklumat mewujudkan keadaan yang buat pertama kali dalam sejarah, membolehkan negara dan syarikat saling mengayakan antara satu dengan lain—ia bukan lagi permainan kalah menang yang menyebabkan ada pihak yang menang dan ada pula yang kalah. Saya yakin negara berjiran akan lebih makmur apabila mereka saling membantu antara satu dengan lain, dan bukannya bersikap mementingkan diri sendiri atau dengki-mendengki. Kadang kala negara berjiran memerlukan idea dan alat baru untuk membantu mereka mengatasi pertelingkahan kecil masa lalu. Perkara ini mungkin menakutkan pada awalnya—kerana ia memerlukan perubahan sikap yang asas—tetapi setelah menerimanya, mereka akan melupakan sikap iri hati mereka, hanya kerana bangsa atau negara mereka berbeza. Jika kita dapat bayangkan bagaimana perasaan datuk nenek kita terhadap kebebasan bergerak apabila kereta mula diperkenalkan, maka kita dapat menghargai kebebasan yang dibawa Internet, contohnya, dalam Era Maklumat ini. Bagaimanapun, sebilangan besar daripada kita masih takut untuk mencuba.

Saya berharap MSC akan mengubah sikap ini di Malaysia. MSC ialah tempat pertama di dunia yang mempertemukan semua unsur yang diperlukan untuk mewujudkan persekitaran yang menyebabkan pengayaan bersama ini. Saya membayangkan MSC pada tahun 2020 sebagai 'jaringan' pelbagai budaya bagi syarikat antarabangsa dan Malaysia yang saling bergantung dan bekerjasama untuk menyediakan produk dan perkhidmatan baru kepada pelanggan merentasi Asia dan dunia yang mansang ekonominya. Saya benar-benar berharap 'jaringan' ini akan melepaskan sempadan Malaysia dan merentasi pautan pelbagai budaya Malaysia hingga sampai ke negara jiran kami. Pembuatan komponen pada ketika itu boleh dibuat di China, dengan mesin yang diaturcarakan di Jepun, perisian yang dicipta di India, dan pembiayaan dari IOFC Labuan. Produk tersebut boleh dipasang di Pulau Pinang dan dihantar terus kepada pelanggan global dari lapangan terbang baru kami di Sepang.

Syarikat Malaysia telahpun bekerjasama dengan syarikat antarabangsa

bertaraf dunia dan pemindahan teknologi sedang berlaku kerana setiap syarikat sudah pasti akan berusaha menambah nilai pada produk mereka. Tambahan pula, syarikat dan negara jiran juga mendapat manfaat kerana bahagian produk tersebut dikeluarkan di tempat lain. Penggunalah yang paling beruntung kerana mereka memperoleh produk berkualiti pada harga yang sangat berpatutan. Pendek kata, semua pihak yang terlibat dalam 'jaringan' ini akan mendapat manfaat dan menjadi lebih kaya melalui sumbangan mereka kepadanya.

Menjelang 2020, saya membayangkan MSC mempunyai ratusan syarikat besar dan kecil yang bekerjasama antara satu dengan lain, dan dengan rakan niaga di seluruh Asia. Sesetengah daripada syarikat ini pastinya akan menjadi syarikat peneraju masa kini. Syarikat lain pula menjadi syarikat kecil yang menganggotai setiap 'jaringan' syarikat ini. Saya berharap, ada pemimpin masa depan yang datang dari Malaysia dengan produk dan perkhidmatan baru di MSC. Saya berharap MSC tidak hanya berkembang dalam pembangunan perniagaan semata-mata menjelang 2020. Saya membayangkan sebuah masyarakat global yang hidup dalam masyarakat maklumat yang unggul. Rumah pintar mereka akan disambungkan ke rangkaian yang membolehkan mereka membeli-belah, menerima maklumat, berhibur, berinteraksi antara satu dengan lain dan belajar sendiri. Tentu sekali apabila sudah jemu dengan semua benda baru ini, mereka boleh menikmati kesegaran alam sekitar yang masih terpelihara di Malaysia.

Menjelang tahun 2000, saya mahu saksikan tujuh aplikasi perdana dibangunkan dalam MSC melalui 'jaringan' syarikat antarabangsa dan Malaysia:

Pertama, Malaysia akan menjadi perintis kerajaan elektronik. Kerajaan ini adalah pentadbiran tanpa kertas dengan rangkaian multimedia yang menghubungkan Putrajaya dengan pusat kerajaan di seluruh negara untuk memudahkan kerjasama antara kerajaan dan membolehkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan kerajaan.

Kedua, Malaysia akan menjadi pusat serantau bagi teleperubatan. Dengan ilmu perubatan Cina, India dan Barat yang dimiliki, kami merupakan pusat perubatan semula jadi. Klinik desa dapat dihubungkan kepada pakar perubatan dalam Malaysia dan klinik terkemuka di seluruh dunia dengan menggunakan teleperalatan untuk diagnosis jarak jauh. Doktor tidak perlu lagi berada di bilik yang sama dengan pesakit. Maklumat penting dapat dikumpulkan dengan menggunakan peralatan baru seperti 'stetoskop elektronik' yang dikendalikan oleh jururawat atau juruteknik. Maklumat ini dapat diperiksa dan dibandingkan dengan maklumat pesakit lain oleh doktor terbaik di dunia dan pastinya data bagi jutaan pesakit telah tersimpan dalam komputer dunia.

Ketiga, saya berharap MSC akan menjadi gugusan kerjasama universiti

dan pusat R&D korporat, melalui pembelajaran jarak jauh untuk melahirkan lulusan bertaraf dunia dan pembaharuan generasi akan datang.

Keempat, saya berharap MSC akan menjadi pusat penyelarasan pembuatan jarak jauh dan pusat sokongan kejuruteraan yang membolehkan syarikat di negara kos tinggi menghubungi kilang di Malaysia dan Asia secara elektronik sebagai sambungan maya, bagi operasi domestik mereka.

Kelima, MSC sepatutnya menjadi pusat khidmat pelanggan multimedia yang mempengaruhi hubungan pelbagai budaya yang unik di Malaysia, untuk menyediakan khidmat penerbitan elektronik, pengesanan kandungan, telepemasaran, dan khidmat pelanggan jarak jauh kepada pasaran seramai 2.5 bilion orang. Contohnya, katalog sebuah syarikat Jepun dapat diterjemahkan ke dalam bahasa Cina, Tamil atau Hindi oleh syarikat yang mengambil pesanan melalui sistem yang secara automatik mengesan ketepatan ukuran dan mata wang.

Keenam, MSC akan menjadi syurga kewangan yang indah persekitarannya dan sangat selesa dengan rangkaian multimedia terus ke Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan dan pusat kewangan dunia. Tempat ini akan membolehkan 'pelaburan berbalik' ke luar Malaysia dan akan memanfaatkan jiran kami.

Akhir sekali, Malaysia akan memiliki kad pintar nasional pelbagai guna yang pertama di dunia. Kad tunggal ini akan mengandungi pengenalan diri dan tandatangan elektronik seseorang, serta boleh mencapai perkhidmatan kerajaan, perbankan, kredit, telefon, pengangkutan dan kelab. Sudah tentu, keselamatan amat penting tetapi teknologi ini sudahpun ada di sini untuk memastikan semua khidmat ini terjamin selamat. Bayangkan keselesaan apabila kita tidak perlu lagi membawa banyak kad plastik yang membebankan dan memilih kad tertentu setiap kali kita perlu menggunakannya.

MSC ialah pendekatan utama strategi negara yang baru bagi Malaysia untuk mencapai matlamat yang digambarkan dalam Wawasan 2020. Saya benar-benar berharap dapat melihat beberapa syarikat bertaraf dunia di Malaysia muncul dari MSC. MSC akan mempercepat pembangunan sektor perkhidmatan yang mantap untuk mengimbangi sektor pembuatan kami yang sememangnya kukuh, di samping membantu meningkatkan produktiviti negara dan taraf hidup. Sama pentingnya, MSC menyediakan wadah untuk menyatukan kita semua dan menghormati budaya kita sambil mendidik kita melalui kaedah yang baru dan berbeza-beza. MSC akan mendedahkan kita kepada dunia ilmu dan perhubungan pelbagai budaya yang akan mengayakan rakan niaga, jiran dan kita sendiri.

Apa yang saya gambarkan tadi mungkin belum pernah dicuba di mana jua di dunia ini. Anda mungkin tertanya-tanya, "Mengapa Malaysia?"

Pertama, kedudukan fizikal Malaysia di tengah-tengah negara Asean dan

hubungan pelbagai budayanya dengan pasaran terbesar Asia dianggap istimewa. Kami memiliki kemahiran berbahasa dan ilmu tentang budaya yang dapat membantu. Sebahagian besar penduduk bertutur dalam bahasa Inggeris dan satu bahasa lain atau lebih, seperti dialek Cina atau India yang berbeza-beza, atau bahasa Melayu. Dengan pembinaan lapangan terbang dan prasarana komunikasi baru, Malaysia akan menjadi pusat yang sangat cekap dan berkesan di rantau ini.

Kedua, Malaysia masih mempunyai kelebihan kos berbanding negara NIE lain di rantau ini. Ketiga, multimedia yang baru bagi Malaysia memberikan kelebihan penting—tiada sistem yang kami warisi atau kepentingan yang berakar umbi untuk mempertahankan keadaan semasa. Kami mempunyai pengaruh politik dan kuasa untuk mengubah dengan pantas, mana-mana undang-undang atau dasar sedia ada yang menghalang keupayaan syarikat untuk memanfaatkan kelebihan yang diberikan oleh Era Maklumat. Kami tidak akan ditewaskan oleh permainan politik yang keterlaluan di Malaysia.

Akhir sekali, kami begitu komited untuk menjayakan MSC dan kami mempunyai rekod yang baik dalam memenuhi komitmen kami. Kami kerajaan pragmatik yang sentiasa dapat membuktikan kritikan terhadap kami tidak benar, walaupun ketika kami menerima pakai dasar dan strategi yang luar biasa. Sejarah Malaysia sejak kemerdekaannya, menunjukkan ketekalan dan tepat ramalnya, agar pelaburan jangka panjang tidak akan diancam pergolakan politik tempatan. Kerajaan Malaysia menganggap multimedia sebagai sektor strategik untuk mencapai Wawasan 2020, iaitu pencapaian status negara maju melalui pertumbuhan jurus-produktiviti, dengan MSC sebagai pelopor sektor utama ini. Kami sedang giat berbincang dengan syarikat untuk memahami keperluan mereka, dan mewujudkan panel penasihat untuk memastikan kami yang mewakili kerajaan, benar-benar faham segala yang diperlukan bagi menyediakan persekitaran kawal selia, pentadbiran dan sosial yang sempurna dalam MSC.

Kami sangat sibuk sepanjang beberapa bulan lalu kerana ingin memahami keperluan anda dan memenuhinya, dengan membuat perubahan yang dikehendaki dalam MSC. Pada tahun lepas, kami menjalankan kajian menyeluruh dan pada tahun ini pula kajian susulan dilakukan selain mengenal pasti beberapa faktor utama kejayaan. Semua ini merupakan capaian kepada sumber pekerja mahir yang mencukupi dan kefleksibelan dalam pengambilan pekerja; capaian kepada prasarana telekomunikasi dan maklumat bertaraf dunia; persekitaran kewangan terbuka tanpa keperluan kandungan/pemilikan/perkongsi tempatan; kualiti hidup sebaik di negara asal mereka dengan segala kemudahan dan keselesaan mengurus niaga.

Untuk menangani perkara ini, kami mengambil beberapa inisiatif utama.

Pertama, Pejabat Perdana Menteri akan menjadi teladan kepada seluruh negara. Pejabat ini akan beroperasi tanpa kertas menjelang 1998 apabila pejabat tersebut berpindah ke Putrajaya. Kementerian perlu berinteraksi dengan Jabatan Perdana Menteri secara elektronik, dengan harapan dapat menggalakkan mereka beroperasi tanpa kertas.

Kedua, semua sekolah dalam MSC akan dihubungkan ke Internet menjelang 1998, disusuli oleh sekolah lain di seluruh negara. Kementerian Pendidikan menerajui beberapa inisiatif bagi meningkatkan peranan multimedia dalam pendidikan. Kami merancang untuk meningkatkan bilangan lulusan kejuruteraan setiap tahun secara mendadak. Guru perlu mengubah peranan mereka di dalam kelas elektronik, daripada pemberi maklumat kepada kaunselor untuk membantu pelajar memilih sumber maklumat, menimbangkan maklumat yang patut mereka muat turun. Ringkasnya, teknologi tinggi memerlukan kepakaran kerana kunci kejayaan dalam Era Maklumat ialah membuat keputusan yang tepat daripada pelbagai pilihan yang hebat-hebat. Kami sedang menilai sistem pendidikan kami untuk mencipta kurikulum yang mengajar pelajar cara belajar supaya mereka dapat terus belajar sepanjang hayat. Ukuran kejayaan kami pada tahun 2020 ialah bilangan dan kualiti rakyat kami yang dapat menambah nilai dalam maklumat. Untuk mencapai matlamat tersebut, kami akan menubuhkan Universiti Multimedia dan sekolah teknologi dalam MSC.

Ketiga, meskipun penyelesaian jangka panjang ini penting, tetapi kami juga perlu segera merapatkan jurang yang ada untuk memastikan kejayaan MSC. Hal ini menyebabkan kami perlu menjalankan eksperimen dan membenarkan syarikat MSC membawa masuk pekerja ilmu, tanpa sekatan untuk tempoh sepuluh tahun akan datang. Di samping itu, tidak akan ada sekatan guna tenaga terhadap syarikat MSC dan tiada sekatan terhadap pemilikan asing dalam MSC.

Komitmen ini, selain beberapa komitmen yang lain, akan menjadi sebahagian daripada Akta Jaminan Multimedia bagi syarikat MSC:

- Multimedia atau IT merupakan sektor utama dalam mencapai Wawasan 2020 dan MSC akan menjadi tuan rumah kepada pembangunan multimedia terunggul di Malaysia.
- MSC akan mempunyai persekitaran terbaik di Asia melalui pembentukan undang-undang, dasar dan amalan MSC yang khusus.
- MSC akan mempunyai prasarana fizikal dan maklumat bertaraf dunia.
- Syarikat MSC akan mempunyai capaian kepada bilangan dan kemahiran tenaga kerja yang mencukupi.

- MSC akan menjadi pusat kecemerlangan serantau dalam aplikasi pendidikan, penyelidikan dan penggunaan terunggul multimedia.
- Tidak akan ada sekatan dalam guna tenaga atau pemilikan bagi syarikat MSC.
- MSC akan menjadi pemimpin peraturan multimedia; 'undang-undang siber' kerana menggunakan IT untuk memberikan nilai dengan cara baru (contohnya teleperubatan, pembelajaran jarak jauh, tandatangan elektronik) dan perlindungan harta intelektual akan digubal.
- MSC akan menawarkan insentif mengikut keperluan dan persekitaran kewangan atau modal usaha niaga yang terbaik.
- Kontrak prasarana MSC yang utama akan ditawarkan kepada syarikat yang sanggup menggunakan MSC sebagai pusat serantau mereka.
- MDC akan diberi kuasa untuk bertindak sebagai 'pusat khidmat lengkap' untuk memastikan MSC memenuhi keperluan syarikat.
- Insentif yang akan disediakan kepada syarikat MSC sedang diperincikan tetapi akan meliputi pengecualian cukai korporat selama 5-10 tahun, bergantung pada cadangan permohonan yang akan dilaksanakan dalam MSC, bagi syarikat yang terlibat dengan MSC dalam tahun akan datang.
- Kontrak prasarana juga akan diberikan mengikut keutamaan kepada syarikat MSC.
- Peluang untuk menganggotai panel penasihat untuk memberikan sumbangan secara terus kepada Perdana Menteri, atau Timbalan Perdana Menteri tentang persekitaran yang disediakan dalam MSC.

Kami mempelawa pakar multimedia dan CEO dari negara asing untuk menganggotai Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) yang terkenal itu. Saya akan mempengerusikan IAP dan sentiasa memberikan nasihat tentang kualiti persekitaran MSC yang menyeluruh. Saya menganggap anggota panel ini sebagai rakan niaga dalam memastikan kejayaan MSC.

Tambahan pula, kabinet menubuhkan MDC dengan misi untuk memastikan syarikat MSC memiliki persekitaran terbaik di dunia untuk memanfaatkan perkhidmatan multimedia. MDC diberi mandat sebagai 'pusat khidmat lengkap' untuk menguruskan dan memasarkan MSC. MDC akan mempunyai kuasa kerajaan tetapi akan beroperasi seperti badan swasta

yang berkhidmat untuk syarikat MSC sebagai pelanggannya.

Perbadanan Pembangunan Multimedia akan menerima permohonan daripada syarikat yang inginkan status MSC. Status ini melayakkan syarikat tersebut mendapat insentif dan dilindungi di bawah Akta Jaminan Multimedia yang diterangkan di atas. Anda boleh memfailkan permohonan tersebut secara elektronik menerusi laman web MSC.

Kami berharap anda akan menjadi rakan niaga kami dalam usaha yang mencabar ini. MSC tidak akan berjaya secara bersendirian. Kuasanya diperolehi dengan memanfaatkan tenaga, kebolehan dan wawasan kebanyakan syarikat ulung yang bersedia untuk bekerjasama dalam persekitaran baru. Dengan mendekati syarikat perintis ini dengan syarikat Malaysia dan Asia, kami percaya kami dapat menjalin jaringan yang akan saling mengayakan semua syarikat yang terlibat, atau yang berhubungan dengannya. Pada masa yang sama, lingkaran ini akan berfungsi sebagai rangkaian yang lebih baik bagi perkampungan global dan menjadikan dunia tempat untuk meneroka sepenuhnya potensi Era Maklumat tanpa sebarang sekat buatan manusia.

Bab 18

KORIDOR RAYA MULTIMEDIA: PELUANG BAGI INDUSTRI JEPUN

SEMAKIN kita menghampiri permulaan abad ke-21, dunia mengalami perubahan yang belum pernah dilaluinya, terutamanya dalam bidang ekonomi dan teknologi. Dalam dunia ekonomi tradisi, sempadan negara menentukan lokasi bahan mentah, sumber tenaga, prasarana pengangkutan, dan pasaran. Dalam dunia ekonomi baru pula, jarak dan sempadan lenyap sedikit demi sedikit. Dengan kemunculan teknologi telekomunikasi baru, jejak satelit, iaitu kawasan yang dijangkau isyarat radio dan media elektronik serta maklumat dan berita yang tidak terbatas menjadi semakin penting. Cita rasa, norma sosial, nilai, malah kecenderungan politik yang lama berubah kerana capaian maklumat. Lingkaran dalam ekonomi antarabangsa ini membuka jalan dan membawa kepada kerjasama transnasional yang sebenar, lantas menjadikan Kesatuan Eropah (EC atau *European Community*), Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta atau *North America Free Trade Agreement*) dan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC atau *Asia-Pacific Economic Cooperation*) tampak lebih nyata daripada sebelumnya. Produk pembuatan tidak lagi dibuat di sesebuah negara sahaja. Produk tersebut mungkin direka bentuk di Jepun, komponennya dibekalkan dari Taiwan, dipasang di Malaysia, dan akhirnya dibungkus di Thailand untuk pasaran dunia.

Rantau Asia-Pasifik sebahagian besarnya terangkum dalam senario ekonomi baru ini. Apabila ekonomi dunia mencari tempat yang lebih meng-

Ucapan yang disampaikan di perhimpunan Pemimpin Perniagaan Jepun tentang Koridor Raya Multimedia di Tokyo, Jepun, pada 15 Mei 1996.

untungkan untuk pembuatan dan pengeluaran, maka kilang perah peluh yang lama, padat buruh tidak mahir dan padat sumber di rantau Asia-Pasifik mula berubah menjadi ekonomi industri yang padat pekerja mahir dan padat modal. Negara perindustrian baru di rantau Asia-Pasifik terus-menerus mencatatkan kadar pertumbuhan yang positif. *World Competitiveness Report* 1995 melaporkan bahawa KDNK bagi rantau Asia-Pasifik (tidak termasuk China) telahpun mencapai 80 peratus daripada KDNK Nafta dan mengatasi Kesatuan Eropah sebanyak 20 peratus. *World Development Report* menganggarkan saiz ekonomi Asia di rantau Pasifik akan mengatasi Amerika Syarikat. Oleh sebab kedudukan yang strategik dan ekonomi industri mereka yang agak baru, maka kelompok yang dikatakan harimau Asia ini akan menikmati pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh, iaitu antara 7 hingga 10 peratus setahun, berbanding negara lain di rantau Pasifik.

Malaysia merupakan anggota negara Asean yang unggul dari segi pertumbuhan ekonomi. Berpandukan Wawasan 2020 Malaysia, semua sektor industri di Malaysia sedang mengalami pertumbuhan pesat. Industri pembuatan meningkat sebanyak 15 peratus pada 1995, sementara industri perkhidmatan meningkat sebanyak 9 peratus. Kini, Malaysia melancarkan strategi dan program baru untuk beralih kepada industri berteknologi tinggi dan padat modal dengan penumpuan khusus kepada industri asas-maklumat dan telekomunikasi, yang merangkumi rancangan hebat yang kami namai Koridor Raya Multimedia (MSC).

MSC terletak di bahagian selatan ibu negara Malaysia, iaitu Kuala Lumpur. MSC terdiri daripada dua projek mega yang sedang dalam pembinaan dan satu projek mega untuk dilaksanakan, iaitu Kompleks Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur dan Putrajaya, iaitu pusat pentadbiran baru di Malaysia serta Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur diserikan dengan menara tertinggi di dunia, yang setiap satunya mencecah 450 meter, lebih tinggi daripada Menara Sears di Amerika Syarikat. Menara ini direka bentuk sebagai bandar raya dalam bandar raya bersepadu, serba lengkap dan mempunyai menara berganda. Menara ini bakal mempunyai prasarana telekomunikasi terkini dan akan dibina sebagai kompleks bangunan pintar yang dikelilingi taman berlandskap indah. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang baru akan menjadi lapangan terbang hijau dalam rimba kerana ditaburi banyak pokok, pokok bunga dan pokok renek. Lapangan terbang ini akan beroperasi sebelum Sukan Komanwel pada tahun 1998. Sebagai permulaan, lapangan terbang ini akan dilengkapi 80 pintu masuk dan 2 landasan selari. Putrajaya ialah pusat pentadbiran kerajaan elektronik baru di Malaysia dan akan dibangunkan sebagai bandar raya yang dilengkapi ciri 'pintar'. Putrajaya akan menyediakan persekitaran bandar raya yang seimbang untuk 250,000 orang dan dilengkapi sistem komuni-

kasi serta pengangkutan terkini. Ketiga-tiga projek mega ini akan menjadi teras MSC.

Di antara ketiga-tiga pusat ini, masih banyak kawasan yang boleh dibangunkan khususnya bagi industri multimedia, dari segi perkakasan dan perisian, dan juga lokasi ibu pejabat untuk reka bentuk dan pengurusan industri multinasional, yang menggunakan rangkaian komunikasi yang akan dibina nanti. Malah, sudah ada syarikat telegraf dan telefon terkenal yang merancang untuk menempatkan ibu pejabat mereka di MSC bagi operasi antarabangsa.

MSC sememangnya sesuatu yang baru. Maka, sumbangan anda pada peringkat reka bentuk ini dan penyertaan anda sangat dialu-alukan. MSC akan menempatkan industri padat ilmu dan padat maklumat, iaitu industri yang akan mendorong rantau Asia Pasifik ke dalam Era Maklumat. Industri multimedia masa depan yang akan tumbuh pesat seperti pembuatan dan pemrosesan operasi jarak jauh, pembangunan semikonduktor, pembelajaran jarak jauh, teleperubatan, pengkomputeran bersepadu, dan penyelesaian komunikasi boleh ditempatkan di MSC serta dapat berfungsi sebagai pusat penghasilan dan penyelarasan pelbagai budaya.

Dengan menyokong ketiga-tiga projek mega semasa yang sedang dilaksanakan, MSC akan mempunyai capaian kepada salah satu lapangan terbang termoden di dunia yang berkemungkinan besar menjadi pusat penting di Asia Tenggara. MSC akan berhubung rapat dengan kerajaan tanpa kertas yang termoden, dan seterusnya membantu aktiviti kewangan dan pelaburan. MSC terletak berdekatan dengan kediaman pekerja ilmu, lantas mewujudkan suasana kerja yang sangat selesa. Dengan semua prasarana maju ini serta bantuan teknologi maklumat dan multimedia, MSC dapat meningkatkan produktiviti organisasi anda dan mencapai pertumbuhan ekonomi yang terpertantas di Asia Timur, malah di dunia.

Malaysia mempunyai banyak kekuatan lain yang akan menjadikan MSC sebagai pusat pemangkin multimedia yang terkemuka.

Malaysia masih memiliki kelebihan kos berbanding negara NIE lain di rantau ini. Malaysia mempunyai kumpulan jurutera mahir yang semakin bertambah bilangannya, dan boleh bekerjasama dengan pelabur asing dalam membangunkan kandungan multimedia setempat dan serantau. Malaysia mempunyai rangkaian budaya dengan semua negara utama NIE di rantau Asia-Pasifik. Penduduk Malaysia juga bertutur dalam bahasa Melayu, Indonesia, pelbagai dialek Cina seperti Mandarin dan Kantonis, serta pelbagai dialek benua Indo-Pak. Kebanyakannya fasih berbahasa Inggeris manakala para pekerja mempunyai pengetahuan bekerja dalam bahasa tersebut. Oleh yang demikian, Malaysia dapat memberikan khidmat MSC kepada benua Timur dan Barat. Sebagai contoh, MSC boleh menjadi pusat multimedia yang

menjual produk multimedia yang direka bentuk dan dihasilkan di rantau Asia-Pasifik di bahagian hemisfera barat. Ini dapat dilakukan dengan menggunakan sumber pelbagai budaya dalam MSC untuk menterjemah pelbagai bahasa rantau Asia-Pasifik ke dalam bahasa Inggeris.

Sistem perundangan dan kerajaan Malaysia berasaskan sistem di United Kingdom. Di samping itu, Malaysia mempunyai pengaruh politik untuk mengubah mana-mana undang-undang sedia ada yang mungkin menghalang kepantasan dan kebolehcapaian Era Maklumat yang baru ini. Kemunculan multimedia menghendaki kita memikirkan dan menyemak semula undang-undang tradisional yang mengawal komunikasi. Keperluan menggunakan tandatangan elektronik, penerimaan dokumen elektronik di mahkamah, dan undang-undang harta intelektual perlu diubah untuk disesuaikan dengan persekitaran multimedia yang baru. Kestabilan arena politik Malaysia akan memastikan perubahan perundangan dan perubahan lain tidak ditewaskan oleh permainan politik yang keterlaluan. Sejarah Malaysia sejak kemerdekaannya telah menunjukkan ketekalan dan tepat ramalnya supaya pelaburan serta pembangunan jangka panjang tidak akan diancam pergolakan politik tempatan.

Komitmen kami terhadap pembangunan teknologi maklumat dan multimedia di negara ini terbukti dengan kewujudan Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) pada 1994. Majlis ini terdiri daripada wakil dari sektor awam dan swasta. Majlis ini membentuk strategi bagi penggunaan dan pembangunan IT, termasuk MSC. Antara saranan NITC ialah penubuhan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) yang akan bertanggungjawab terhadap operasi MSC sebaik sahaja ditubuhkan. MDC telah diluluskan oleh Kabinet Malaysia dengan belanjawan awal sebanyak RM30 juta dan diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965, menjadikannya bebas daripada hambatan kerena birokrasi. Peranan MDC adalah untuk berkhidmat kepada pelanggan yang terdapat di MSC dan menyediakan penyelesaian berkesan kepada mereka. Kami sedang mengkaji kemungkinan menempatkan pejabat MDC di seluruh dunia untuk memasarkan MSC, dan menubuhkan pusat hubungan tunggal kepada industri yang berminat untuk melabur dan berpindah ke MSC.

Selain MSC, NITC telah membentuk panel penasihat antarabangsa untuk memberikan nasihat pakar dan membimbing Malaysia untuk bersiap sedia dengan semua prasarana yang perlu. Panel ini akan dianggotai oleh penggiat antarabangsa dalam bidang hiburan, berita, multimedia, teknologi maklumat dan bidang penting lain. Panel yang terdiri daripada pakar antarabangsa ini diundang ke Malaysia untuk menyertai Pameran Multimedia Asia yang pertama yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 1 Ogos 1996. Multimedia Asia '96, dengan ribuan maaf kepada jiran kami, merupakan pameran dan

persidangan multimedia utama di Asia. Matlamat acara gemilang ini adalah untuk menyerlahkan MSC di mata dunia. Anda semua amat dialu-alukan untuk menyertai pameran ini.

Sebagai sebahagian daripada program untuk menarik pelabur asing berpindah ke MSC, kerajaan Malaysia berusaha menyediakan pakej insentif yang disasarkan khususnya kepada MSC. Pakej insentif ini termasuklah pengecualian cukai selama lima hingga sepuluh tahun dan insentif lain. Di samping perunggu insentif biasa ini, disebabkan sifat multimedia, kerajaan sedang mengkaji jaminan bagi memastikan pelabur asing akan dapat memaksimumkan pelaburan mereka dalam MSC. 'Akta' jaminan ini boleh merangkumi peruntukan bagi memastikan adanya prasarana fizikal dan maklumat bertaraf dunia, supaya segala kebolehan dan khidmat sokongan yang diperlukan boleh digunakan oleh pelabur. Kerajaan berusaha menyediakan capaian kepada sumber manusia yang mencukupi, dengan kemahiran yang diperlukan, melalui pengembangan program pendidikan dan latihan untuk mengajar kemahiran multimedia dan IT. Kemasukan tanpa sekatan boleh diberikan kepada pakar asing dan pekerja ilmu yang ditempatkan di MSC, dengan mencepatkan prosedur imigrasi dan menghapuskan halangannya. Sekatan guna tenaga dalam MSC boleh dilonggarkan, agar pelabur dapat mengambil dan memecat pekerja tanpa mengambil kira etnik, bangsa dan agama. Kerajaan Malaysia akan menguatkuasakan undang-undang yang melindungi harta intelektual untuk menggalakkan kreativiti dan lebih banyak pelaburan. Semua insentif ini bertujuan menjadikan MSC tempat bekerja paling menarik dari segi fizikal, persekitaran dan budaya yang melibatkan multimedia.

MSC ialah peluang keemasan yang tidak akan berulang bagi industri Jepun untuk terus mengungguli persaingan dunia. Semakin lama, peluang bagi projek ini semakin berkurangan. Malah, ketika kita masih membincangkannya, organisasi lain di Amerika Syarikat dan Eropah sudahpun merancang taman multimedia dan bandar raya pintar mereka sendiri. Malaysia boleh menerajui usaha ini di rantau Asia-Pasifik dan menawarkan kepada industri Jepun, peluang untuk mengembangkan perusahaannya sambil meningkatkan keuntungan dan produktiviti. Oleh itu, saya ingin mempelawa anda semua untuk meninjau peluang ini bagi mengembangkan capaian organisasi anda ke seluruh dunia melalui MSC di Malaysia.

Bab 19

EVOLUSI MASYARAKAT MAKLUMAT GLOBAL

EVOLUSI dalam masyarakat kita sama sekali tidak hanya dipengaruhi oleh proses semula jadi. Evolusi juga berlaku disebabkan reaksi manusia terhadap persekitaran dan cubaannya untuk mempengaruhi proses tersebut. Oleh itu, keperluan mempertahankan diri sejak berkurun dahulu menghasilkan penciptaan senjata yang kemudiannya digunakan untuk keamanan. Tentu sekali, perkara sebaliknya juga boleh berlaku. Proses ini masih belum selesai. Sebahagian besar teknologi hari ini berpunca daripada usaha mencipta senjata perang yang lebih berkesan. Akan tetapi, perang dan pertahanan tidak semestinya menjadi penyebabnya. Oleh yang demikian, pencarian makanan dan pakaian membawa kepada dagangan yang pada mulanya dilakukan melalui sistem barter, diikuti oleh pertukaran logam berharga, dan kini dagangan tanpa kertas.

Sebelum ini, masyarakat manusia benar-benar boleh hidup terasing dan berdikari, tetapi kini kita bukan sahaja melihat masyarakat yang saling bergantung, malah timbul pula masyarakat global tanpa sempadan. Penulis cereka sains dan futuris selalunya memberikan gambaran yang betul tentang masa akan datang. Akan tetapi, kenyataan mungkin agak berbeza daripada apa yang digambarkan atau diramalkan. Oleh itu, mikrocip dan pengaruhnya terhadap masyarakat, dan cara kita berkomunikasi tidak pernah diramalkan atau difikirkan secara serius. Atas sebab itu, kita tidak begitu bersedia menghadapi ledakan maklumat dan kemunculan masyarakat kaya maklumat.

Ucapan yang disampaikan di Persidangan Teleport 1996 di Tokyo, Jepun, pada 13 Mei 1996.

Persidangan ini diharapkan dapat menyumbang sesuatu ke arah pemahaman kita tentang Era Maklumat yang baru dan menunjukkan haluan serta kegunaan maklumat yang banyak, serta cara menguruskan limpahan maklumat ini yang kadang kala boleh melemaskan kita.

Perkembangan industri telekomunikasi dan maklumat memberikan takrifan baru kepada apa yang dikatakan negara kaya atau miskin. Kini, ciri yang menentukan sama ada negara itu kaya atau miskin terletak pada kekayaan ekonomi dan keadaan perindustriannya. Pada masa depan, ciri penentu bagi negara kaya atau miskin mungkin berdasarkan capaiannya kepada sumber maklumat dan penggunaannya. Melalui maklumat, negara dapat memanfaatkan kekayaan dan aktiviti ekonomi negara lain, atau menghasilkan barangan serta perkhidmatan daripada bahan dan kemudahan yang tidak diperolehi di tempat mereka.

Globalisasi dagangan dan industri akan menyaingi kepantasan kemajuan teknologi maklumat. Syarikat kini semakin berupaya untuk melihat lebih jauh merentasi sempadan negara mereka, untuk memanfaatkan sumber, kemahiran dan ilmu yang lebih murah bagi penyelidikan, pengeluaran dan pemasaran. Syarikat perniagaan siber atau pejabat maya mula bercambah. Instrumen dasar yang lazim bagi pengurusan dan pengawalan dagangan dan industri semakin kurang berkesan. Kerajaan perlu mengkaji instrumen pengawalaturan yang baru bagi menangani bentuk baru entiti perniagaan ini, malah menangani penyebaran maklumat itu sendiri.

Dalam arena politik, sempadan negara menjadi tidak begitu sesuai lagi dalam Era Maklumat. Apabila lambakan maklumat ini disebarkan melalui rangkaian komunikasi global yang muncul dengan pantas, maka kerajaan lebih sukar mengawal interaksi sosial, ekonomi dan politik rentas sempadan. Mengawal capaian maklumat dalam sempadan negara itu sendiri juga sukar dilakukan. Apabila rakyat bebas mendapatkan maklumat, peranan kerajaan dan urus tadbir perlu ditakrif semula. Memandangkan ilmu melambangkan kuasa, maka ilmu yang dapat dicapai oleh sesiapa sahaja itu mesti mengagih-agihkan kuasa dan kemunculan pusat kuasa. Pusat kuasa yang baru ini akan menjejaskan kewibawaan kerajaan dan juga badan pengawal atur antarabangsa.

Dengan kemunculan masyarakat dan organisasi berangkaian, maka perkongsian, dalam erti yang sebenarnya, akan ditingkatkan. Tanpa mengira status sosial, kepelbagaian ekonomi dan jarak, manusia dari semua lapisan masyarakat akan dapat berkongsi ilmu dan pengalaman melalui kemudahan yang belum pernah wujud. Rangkaian multimedia membolehkan pertukaran ini dilakukan dengan menggunakan hakikat maya agar menjadi lebih sah. Oleh itu, proses pembelajaran akan menjadi lebih berkesan kerana pengalaman maya dapat diulangi sehingga apa yang diajar dapat

digarap dalam erti kata yang sebenar.

Kini, dunia kita menjadi sangat kecil disebabkan jaringan rangkaian maklumat yang saling berhubungungan seperti internet. Dengan lebih 35 juta orang pengguna yang semakin meningkat bilangannya, di samping penambahan rangkaian baru di seluruh dunia kepada 35.000 rangkaian sedia ada, maka jumlah dan kekayaan maklumat yang keluar dan masuk memang luar biasa dan sukar dibayangkan. Kepelbagaian cara untuk memperoleh maklumat mencetuskan revolusi yang banyak mempengaruhi kita, lebih daripada kesan yang diakibatkan oleh enjin wap dalam Revolusi Perindustrian abad ke-19 dahulu. Sebagaimana Revolusi Perindustrian mengubah struktur sosioekonomi masa lalu, Revolusi Maklumat juga akan mengubah sepenuhnya landskap sosial dan ekonomi kita. Kesan tersebut mencabar imaginasi serta keupayaan manusia untuk membayangkan dan membentuk masa depan. Dalam masa terdekat ini, saya yakin proses mendapatkan maklumat akan memberikan gambaran yang lebih baik tentang pembangunan sesebuah negara, berbanding dengan perindustrian.

Pembangunan dan kepantasan rangkaian maklumat moden membantu pertumbuhan ekonomi global. Dagangan dalam rantau dan antara rantau berkembang dengan pergerakan pantas barangan, modal, pekerja, dan teknologi. Dengan sokongan daripada sektor perkhidmatan pengangkutan, perbankan dan kewangan, semua yang menggunakan telekomunikasi dan data komersil baru, pengaliran barangan dan perkhidmatan akan meningkat ke tahap yang lebih tinggi. Keupayaan mencapai pasaran baru telah menggalakkan penubuhan syarikat antarabangsa yang baru, walaupun di negara membangun. Dengan keupayaan menghantar maklumat yang lengkap dan terperinci, pembuatan tidak lagi terbatas di negara yang memiliki teknologi dan sumber tersebut. Oleh itu, pembuatan kini benar-benar bersifat global, dengan reka bentuk dibuat di sebuah negara, pembinaan di negara lain, bahagian atau komponen diperoleh dari seluruh dunia, dan pengeluaran dilakukan di negara paling berdaya saing. Maklumat teknikal dapat diambil daripada karya seluruh dunia melalui pelbagai perpustakaan dalam rangkaian.

Malah dalam bidang aktiviti sosial dan budaya, revolusi maklumat dapat membawa kepada persefahaman antarabangsa yang lebih mendalam. Orang ramai dapat mempelajari budaya dan nilai orang lain, yang diharap dapat menghapuskan kecenderungan berfikir sempit, dengan menganggap orang lain tidak normal. Hal ini dapat memberi hidup kita satu dimensi baru, mengurangkan semangat kebangsaan yang sempit dan melahirkan warga dunia yang berorientasikan global.

Era maklumat yang baru tidak hanya membuka peluang tetapi juga membawa banyak cabaran kepada masyarakat global. Pembangunan baharu menghendaki perubahan dilakukan dalam struktur keluarga, sosial, ekonomi,

politik, dan kerajaan. Komunikasi yang lebih mudah berkemungkinan untuk mewujudkan dan menyokong nilai baru—terutamanya kebebasan bersuara, saling bertukar pendapat dan kesejagatan capaian. Kuasa media untuk menonjolkan hanya berita yang dipilihnya dan mengetepikan hujah balas atau pendapat yang bertentangan, akan dikurangkan kerana semua orang boleh memberi maklum balas melalui internet tanpa disemak oleh editor.

Kebebasan ini terletak pada teras sistem politik liberal demokrasi dan sistem pasaran bebas yang kini diamalkan oleh kebanyakan negara. Dengan kesejagatan capaian, menyusul pula keperluan bagi dasar awam sejagat, khususnya untuk mencegah penyalahgunaan capaian maklumat yang bebas. Tidak ada satu negara pun yang mampu mencegah penyalahgunaan ini secara bersendirian. Perlu diingatkan bahawa capaian untuk semua orang, juga bermakna capaian untuk pegganas dan penjenayah, yang beranggapan maklumat ini boleh menjadikan aktiviti mereka yang tidak diingini lebih canggih dan licik.

Tentu sekali, jika dilihat kelebihannya, ketersediaan prasarana bagi memindahkan dan mencapai maklumat secara elektronik amat penting dalam merealisasikan matlamat ekonomi, sosial dan budaya yang lebih besar. Bagi negara membangun dan kurang maju, ketersediaan prasarana maklumat adalah satu-satunya cara untuk memajukan proses pembangunan secara berperingkat-peringkat dan menyaingi negara lain. Capaian secukupnya kepada kemudahan telekomunikasi akan menggalakkan perindustrian, mengurangkan kadar pengangguran dan membendung perhijrahan beramai-ramai dari desa ke bandar, dari negara miskin ke negara kaya. Oleh itu, pengatur cara yang sebelum ini tidak digaji sepenuhnya di negara membangun, kini boleh bekerja dan memperoleh pendapatan lumayan dengan bekerja untuk industri di banyak negara, tanpa perlu meninggalkan negara mereka untuk mencari pekerjaan.

Saya betul-betul yakin bahawa negara membangun dan kurang maju pasti menganggap penglibatan dalam usaha global untuk membentuk masyarakat maklumat, adalah penting kerana ia akan membuka peluang kepada lonjakan lejang dalam pembangunan teknologi. Ketersediaan prasarana global bagi komunikasi akan membantu merealisasikan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta mengurangkan penerajuan negara maju. Pada tahap ini, negara membangun dan negara yang tidak maju hendaklah menilai semula paradigma mereka dan berani terlibat secara giat dalam pembentukan masyarakat yang kaya maklumat. Laluan ke arah perubahan mendadak, untuk anjakan paradigma, tidak terlepas daripada kesukaran. Akan ada banyak kekangan: antaranya ialah kewangan, tenaga kerja terlatih, dan capaian kepada teknologi maju. Bantuan daripada negara kaya memang penting. Jika kita berpegang pada pendapat bahawa membantu memakmurkan negara

lain akhirnya akan memanfaatkan kita sendiri, maka negara kaya sepatutnya tidak keberatan untuk membantu negara yang lebih miskin untuk menyertai masyarakat maklumat.

Walaupun ada banyak manfaatnya, ketidakseimbangan sosial sebenarnya boleh menjadi bertambah serius disebabkan teknologi maklumat, lantas meluaskan jurang antara golongan kaya dengan golongan miskin. Syarikat telekomunikasi gergasi di negara maju telahpun merebut sebahagian besar rangkaian telekomunikasi seluruh dunia. Negara miskin mungkin terlepas peluang untuk turut serta, walaupun dalam negara mereka sendiri. Dalam proses ini, mereka juga mungkin hilang kawalan terhadap ekonomi sendiri.

Arah aliran tidak sihat seperti penyebaran bahan lucah, jenayah kolar putih dan pendedahan perkara sulit serta keselamatan maklumat yang berleluasa dan sukar dikesan, masih berlaku dan akan terus berleluasa.

Akan tetapi, bagi masyarakat global, manfaat daripada teknologi baru ini menjanjikan harapan untuk mengatasi penyalahgunaan ini. Pembebasan manusia daripada kewajiban berfikir yang lebih rutin dan biasa, yang membolehkannya menumpukan fikiran, masa dan tenaganya kepada kerja yang lebih bersifat ilmu nilai tambah melalui teknologi maklumat itu sendiri merupakan ganjaran yang memadai. Dengan itu, sumbangan intelektual manusia kepada pembangunan masyarakat dapat ditingkatkan.

Teknologi maklumat pasti akan membolehkan perkongsian maklumat dan ilmu dengan lebih mendalam. Sehubungan itu, tahap yang lebih saksama akan wujud. Teknologi maklumat dapat menghasilkan tahap sinergi yang tinggi antara masyarakat global untuk menangani masalah serta isu negara dan global, yang diharap dapat membantu mewujudkan kehidupan yang lebih aman dan lebih berkualiti kepada penduduk dunia.

Paradoks teknologi maklumat menunjukkan bahawa walaupun arah aliran semasa boleh meluaskan jurang antara golongan kaya dengan golongan miskin, tetapi ia boleh, jika dipandu sewajarnya, merapatkan jurang tersebut. Khidmat sosial asas-teknologi maklumat seperti teleperubatan, pembelajaran jarak jauh dan peruntukan perkhidmatan melalui rangkaian dapat digunakan untuk membawa masyarakat yang kurang istimewa dan lebih terencil mengikuti haluan utama pembangunan sosial dan ekonomi.

Teknologi maklumat berkemampuan untuk memaksimumkan potensi global. Pengguna di serata dunia dapat memanfaatkan kos penyelidikan dan pengeluaran yang lebih rendah melalui usaha mendapatkan ilmu, bahan dan barangan daripada sumber yang terbaik dan termurah. Ekonomi negara kurang maju sepatutnya mendapat keuntungan daripada keadaan ini. Bagaimanapun, perkongsian tersebut hanya akan terjadi jika tidak wujud halangan yang dibuat-buat, sama ada oleh kerajaan atau sektor swasta untuk menyekat aliran bebas maklumat atau mengaitkan maklumat tersebut dengan

isu politik dan ekonomi luar.

Keupayaan besar masyarakat global berangkaian hendaklah digunakan dalam mewujudkan masyarakat sedunia yang mengutamakan kualiti hidup untuk semua orang. Perkara ini hanya boleh berlaku jika Era Maklumat dan konsep perkongsian, didasari nilai bersama dan prinsip kesaksamaan, kejujuran dan keadilan. Ketika ini, modal besar yang diperlukan untuk membina prasarana hanya akan menyebabkan segelintir syarikat gergasi memonopoli manfaat perdagangan dengan mengorbankan negara yang miskin modal dan miskin teknologi. Keadaan ini diburukkan lagi oleh permintaan melalui WTO untuk membuka pasaran. Walaupun negara membangun dan kurang maju mesti bersedia untuk membantu merealisasikan wawasan ini, mereka juga mesti dibantu untuk membangunkan sumber manusia dan kewangan bersama-sama kemahiran pengurusan dan teknologi mereka. Tanpa beberapa tindakan awal atau positif, keupayaan tenaga kerja di negara ini untuk menyumbang ke arah Prasarana Maklumat Global akan menjadi sia-sia.

Bagi pihak kami, Malaysia komited terhadap evolusi masyarakat maklumat global. Sebagai negara membangun, kami sedar kami perlu mengubah paradigma sedia ada, jika ingin terlibat dalam proses perubahan yang sedang berlaku. Walau apa pun kekangannya, kami bersedia untuk meletakkan asas bagi masyarakat kaya maklumat. Sehubungan itu, kami membentuk Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) untuk membimbing kerajaan dan negara mara ke arah peranan yang penuh bermakna dalam masyarakat maklumat global yang pantas kemajuannya. Sebagai projek usaha sama antara kerajaan dengan sektor swasta, NITC akan menyelaras dan menyatukan fungsi kedua-dua pihak. Tugas utamanya adalah menilai keperluan serta usaha kerajaan dan sektor swasta dalam pembangunan teknologi maklumat dan industri berkaitan yang lain. Majlis ini juga akan mengesyorkan dasar awam berperaturan yang merangsang pemusatan industri telekomunikasi dan penyiaran. Sehingga kini, kami telah memulakan program hebat untuk membina prasarana teknologi maklumat yang canggih di antara Kuala Lumpur dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang baru, iaitu Koridor Raya Multimedia (MSC). Putrajaya, pusat pentadbiran baru Malaysia yang dicadangkan, akan dibina di tengah-tengahnya. Berdasarkan perkakasan dan perisian teknologi maklumat yang maju dan terkini, MSC bakal menjadi teleport yang akan membolehkan pemerolehan semula dan penyebaran maklumat masa nyata. MSC akan menjadi nadi yang memandu dan memimpin negara menghadapi cabaran masyarakat kaya maklumat. Diharapkan MSC akan menerajui pendekatan berstruktur untuk menerima teknologi terkini dalam mencapai maklumat, yang menghubungkan Malaysia dengan sumber dan kepakaran maklumat global, lantas menghulurkan bantuan yang tidak ternilai kepada sektor awam dan swasta untuk membuat keputusan strategik,

dan mengoptimalkan produktiviti serta kecekapan di peringkat dunia. Industri komputer, penyiaran dan komunikasi serta multimedia akan bersatu di sepanjang koridor ini. Bahkan, MSC akan menjadi penggalak penting kepada pelabur asing dan tempatan dalam industri ini, memanfaatkan teknologi terkini untuk membangunkan produk multimedia serta produk berkaitan dan khidmat nilai tambah, dan dengan demikian mempercepat langkah Malaysia untuk mara menjadi masyarakat kaya maklumat. Dengan kedudukan MSC yang mantap, pelabur asing dan tempatan juga dapat menjadikan Malaysia sebagai batu loncatan untuk mengembangkan sayap mereka dalam pasaran terkenal di rantau Asia-Pasifik. Kami sememangnya sedar bahawa usaha bersepadu diperlukan untuk melaksanakan MSC dengan jayanya. Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) akan memudahkan pelaburan langsung dalam projek ini.

Meramal masa depan bukannya mudah. Namun demikian, dalam hal ini, saya tidak pernah ragu-ragu tentang kemungkinan wujudnya masyarakat maklumat. Kejayaan wawasan ini memerlukan usaha bersepadu daripada semua pihak. Akan tetapi usaha ini lebih daripada berbaloi kerana gajarnya yang amat besar menanti semua pihak. Kita perlu bersatu hati dan bekerjasama di peringkat global untuk merealisasikan wawasan bersama ini. Saya gembira menyaksikan anggota G7 telahpun mengorak langkah berani dan bijak dalam memberikan bantuan yang diperlukan kepada negara membangun dan kurang maju untuk sama-sama memperoleh capaian maklumat, dan akhirnya berjaya membentuk masyarakat maklumat yang betul-betul global.

Bab 20

MEMBINA RANTAU MAKMUR YANG KURANG BERMASALAH DAN LEBIH BEKERJASAMA

SEMASA saya berucap dalam Dialog Pasifik yang pertama di Pulau Pinang pada 13 November 1994, saya berbicara tentang beberapa pencapaian dan hasrat Malaysia, serta sumbangan berterusan yang kami cari daripada rakan di luar negara, bagi merealisasikan impian kami untuk menjadi negara maju. Saya juga menyeru kepada usaha bersama untuk memupuk satu-satunya gabungan negara global yang diasaskan menurut prinsip kemakmuran bersama. Semua orang perlu bekerjasama untuk saling memakmurkan diri. Marilah kita menolak dasar 'memiskinkan jiran anda' dan menerima pakai dasar 'memakmurkan jiran anda'.

Saya juga merayu penyertaan penuh daripada negara Amerika dan Eropah, bahkan seluruh dunia, dalam pembangunan luar biasa yang kini melanda Asia Timur. Kami mahu seluruh dunia datang ke Asia Timur agar mereka dapat menikmati kemakmuran, begitu juga kita.

Akhir sekali, saya menyeru agar kita semua lebih bersikap saling memahami, saling menghargai dan saling menghormati tamadun, budaya dan rakyat kita. Banyak yang perlu kita pelajari antara satu dengan lain. Kita mesti mengambil yang terbaik daripada apa yang ditawarkan oleh sesuatu pihak kepada pihak yang lain. Daripada mewujudkan pertembungan tamadun yang sia-sia, kita sepatutnya menikmati dan menghargai serta mewujudkan kepelbagaian tamadun yang tidak terhingga banyaknya.

Hari ini, saya akan bercakap panjang lebar tentang satu tema umum:

Ucapan yang disampaikan di Dialog Pasifik ke-2 di Kuala Lumpur, Malaysia, pada 8 Januari 1996.

bagaimana kita dapat bersama-sama membina rantau makmur yang kurang bermasalah dan lebih bekerjasama? Pemilihan tema tersebut, pada sesetengah orang, mungkin agak pelik dan tidak kena pada tempatnya. Sebenarnya, tidak sampaipun seratus tahun rantau Pasifik mengecapi keamanan, dan belum pernah dalam sejarahnya, rantau ini menikmati kemakmuran sebegini hebat.

Kita menghabiskan sebahagian besar abad ini dan juga abad lalu, dengan berperang dan bersengketa. Jika bukan sesama kita, mungkin dalam sempadan kita sendiri. Ada antara kita yang dijajah berkurun-kurun lamanya. Sehubungan itu, kita dianggap tidak layak untuk mengamalkan demokrasi pada ketika itu. Amalan autoritarianisme dan totalitarianisme dipaksa ke atas kebanyakan kita oleh negara demokrasi yang jauh lebih bertamadun. Mungkin, senarionya lebih kurang sama dengan cara pemikir ulung, Thomas Jefferson (1743-1826), yang bersungguh-sungguh menegakkan 'hak asasi manusia' dalam kajiannya—tetapi kemudian pergi ke laman depan untuk menikmati hidangan teh dan kuih krumpet yang disajikan oleh orang gaji yang tiada hak asasi tersebut, berpuas hati melihat, dan mungkin mengagumi, kerajinan luar biasa yang ditunjukkan oleh hamba abdi di ladang.

Antara negara yang lebih maju di dunia terletak di rantau ini, tetapi sebahagian besar daripada kita hidup miskin, iaitu miskin yang teramat sangat.

Kini, bunyi senapang sudah tidak kedengaran lagi di kebanyakan tempat. Tiada bunyi tembakan merentasi sempadan. Semua negara, pada dasarnya, aman makmur. Konflik gencatan senjata hanya melibatkan empat negara di rantau kita ini.

Kemajuan dalam kekayaan kebendaan kita menjadi semakin dramatik. Pada tahun 1990, negara Asia Timur hanya mencatatkan 180 juta penduduk paling miskin, iaitu jumlah yang amat rendah berbanding 400 juta pada dua dekad sebelum itu; sungguhpun terdapat pertambahan penduduk sebanyak 425 juta dalam tempoh tersebut. Pendapatan sebenar kebanyakan daripada kita meningkat tiga hingga empat kali ganda bagi tempoh tiga puluh tahun yang lepas, kejayaan yang belum pernah dicapai dan tidak dapat ditandingi oleh mana-mana rantau lain di dunia, atau oleh mana-mana peristiwa lain dalam sejarah. Beberapa negara lagi di rantau ini, yang baru-baru ini memulakan langkah ke arah perubahan ekonomi yang produktif, kini bersedia untuk mengembangkan sayap mereka.

Asia Timur secara keseluruhannya mencatatkan pertumbuhan tahunan pada kadar purata 7.5 peratus dalam dekad ini; Amerika Utara, secara perbandingan, mencatatkan pertumbuhan 2.7 peratus, menyamai purata global. Tiga negara terbesar di dunia dari segi kesamaan kuasa beli—iaitu Amerika Syarikat, Jepun dan China—terletak di Pasifik. Kita di Pasifik menghasilkan lebih separuh daripada keluaran barangan dan perkhidmatan dunia.

Ada sesetengah pihak berpendapat bahawa kedinamikan Asia Timur tidak akan kekal lama. Walau bagaimanapun, ramai yang meramalkan Asia Timur akan terus pesat membangun walaupun pertumbuhan menjadi kurang pantas kerana satu demi satu ekonominya semakin matang. Saya salah seorang daripada mereka yang optimis ini.

Jutaan manusia lagi akan diselamatkan daripada kancah kemiskinan, malah kehidupan berbilion manusia akan meningkat secara mendadak dari segi ekonomi. Dalam tempoh dua puluh lima tahun akan datang, melainkan jika berlaku sesuatu yang tidak dapat dielakkan, kemungkinan besar tujuh daripada sepuluh negara terbaik akan datang dari rantau ini.

Keadaan di rantau kita tampak baik. Jadi, mengapa saya rasa kita perlu memikirkan tentang keperluan mewujudkan suasana makmur yang kurang menimbulkan perbalahan dan lebih bekerjasama di rantau ini? Sebabnya sudah tentu kerana apa yang baik boleh menjadi lebih baik, dan bukan semuanya berjalan lancar di Pasifik.

Saya percaya, keamanan yang disertai keselamatan, keamanan yang sejati, mesti menjadi matlamat utama kita di rantau ini. Ia mestilah keamanan yang terjamin dan bersemadi dalam diri setiap insan, menyelubungi setiap rumah dan masyarakat, serta tersebar hingga ke segenap negara di rantau Pasifik. Wawasan tentang keamanan dan keselamatan beginilah, iaitu yang menyeluruh dan lengkap, dapat bertahan dan tidak mudah luntur, yang mesti menjadi panduan kita.

Usaha menggalakkan keamanan ini tidak mudah bagi segelintir daripada kita. Inilah keamanan yang perlu diwujudkan melalui kerjasama banyak pihak dan ada antaranya yang lebih kuat dan lebih berkemampuan daripada yang lain. Keamanan ini mestilah dipupuk dalam pelbagai suasana politik, sosial, ekonomi, dan budaya, yang antaranya agak membimbangkan. Dan lazimnya, beban ini terasa paling berat bagi mereka yang paling tidak berupaya menanggungnya.

Untuk menguatkan semangat kita yang tidak mudah luntur, kita perlu terus membanteras kemiskinan. Kita mesti membanyakkan peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan dan mengagih-agihkan kekayaan kita dengan lebih saksama. Kita mestilah menanganikan rungutan terhadap politik dan memulihkan penyakit sosial. Kestabilan perlu disandarkan pada sesuatu yang lebih kukuh dan kurang menakutkan berbanding ancaman muncung senapang.

Kita di rantau Pasifik dikenali sebagai pengeluar dan pengguna narkotik terbesar di dunia. Pada 1993, kita menyumbang separuh daripada keluaran globalnya. Di mana-mana sahaja, masalah bertambah buruk, bukannya semakin baik. Kita mesti membanteras dadah—dan penyakit—daripada menular ke dalam jiwa masyarakat kita. Kita juga mesti membebaskan jalan-jalan di bandar raya kita daripada jenayah yang berleluasa, dan menjamin

keselamatan kawasan kejiranan kita.

Seperti yang saya katakan pada awal tadi, tanggungjawab untuk menangani perkara ini sebahagian besarnya dipikul oleh kerajaan dan rakyat. Tidak munasabah bagi sesiapa sahaja untuk mempercayai bahawa negara yang menghadapi kesusahan, tidak mahu atau kurang komited untuk mencari penyelesaian berbanding negara yang mengharap negara lain turut makmur. Akan tetapi, dalam dunia yang pesat mengalami globalisasi dan saling bergantung ini, banyak yang boleh dan mesti kita lakukan untuk membantu satu sama lain.

Negara yang lebih kaya di rantau ini dan negara perindustrian di mana-mana sahaja, cenderung melihat pertumbuhan ekonomi Asia Timur dengan sedikit rasa gementar dan bimbang. Mereka khuatir akan kehilangan kelebihan untuk bersaing dan penghakisan keutamaan ekonomi. Anjakan dalamimbangan kuasa amat ditakuti.

Keadaan tersebut menyebabkan kebimbangan lama dirasai kembali dan ini menyemarakkan prasangka perkauman dan budaya serta konflik masa lalu. Maka, timbul kemahuan untuk memikirkan pelbagai rancangan bagi mengekang atau merumitkan pertumbuhan ekonomi negara tersebut. Kita telah mengenal pasti segala hal yang membuatkan negara ini kononnya dikatakan bersaing dengan kita secara tidak adil. Kita menuntut agar semua langkah perlindungan dimansuhkan dengan segera. Kita tidak mengendahkan hakikat bahawa walaupun dagangan terbuka dan bebas mungkin merupakan kepentingan terbaik kepada semua, tetapi dalam tempoh terdekat ini, negara yang lemah dan baru hendak muncul perlu melindungi sesetengah daripada industri utama mereka kerana keupayaan untuk bersaing, walaupun di tempat mereka sendiri, sememangnya lemah. Kita mengenakan tekanan dan pelbagai jenis sekatan apabila mereka tidak berupaya mematuhi.

Jika kita ditanya, apakah isu utama keselamatan luar yang dihadapi rantau ini buat masa sekarang, tanpa teragak-agak kita akan menuding jari pada semenanjung Korea, isu Selat, dan Laut China Selatan sebagai antara isu terpenting. Pada hemat saya, tidak ramai yang tidak bersetuju dengan perkara ini. Akan tetapi, jika kita renungkan isu utama yang membangkitkan ketegangan di Pasifik, kita tidak dapat mengelak daripada menuding jari pada pertelagahan disebabkan kemasukan dagangan dan pasaran, serta tekanan yang dikenakan atas nama hak asasi manusia dan persekitaran, dan melalui fasal sosial. Dalam dua kejadian sepanjang dua belas bulan lepas, dunia melihat dengan nafas tertahan apabila perang dagangan yang melibatkan beberapa negara paling berkuasa di dunia, seolah-olah akan berlaku dan tidak dapat dielakkan.

Yang pastinya, terang-terang kita dapat melihat bahawa cara menangani ekonomi dan perhubungan keselamatan begini di rantau ini tidak mengun-

tungkan sesiapa pun, malah menyusahkan semua yang terlibat. Jaminan terbaik untuk keselamatan yang mampan di Asia Timur yang membangun ini dan di rantau Pasifik amnya, ialah pertumbuhan ekonomi yang sihat.

Kejayaan Malaysia contohnya, bukan lagi rahsia dalam mengatasi pemberontakan dan memelihara keharmonian yang sebahagian besarnya disebabkan oleh pembangunan yang pesat dan mampan, serta pengagihan kekayaannya yang lebih saksama. Kemiskinan menimbulkan rasa tidak puas hati dan kegelisahan, dan negara yang tidak stabil menjejaskan kesejahteraan kita dalam pelbagai cara.

Oleh yang demikian, menjadi kepentingan kita untuk menggalakkan asas keselamatan ekonomi di rantau ini. Malah, manfaat yang diperoleh juga lebih daripada itu. Jika pembebasan sebahagian besar kemanusiaan benar-benar menjadi matlamat kita, maka kita sepatutnya mahu melihat setiap negara, terutamanya yang lebih miskin, menjadi makmur. Jika demokrasi dan hak asasi manusia benar-benar penting kepada kita, maka kita akan menggalakkan pembangunan dalam setiap masyarakat kerana demokrasi dan hak asasi manusia berkembang paling maju apabila keadaan ekonomi paling memberangsangkan.

Walau bagaimanapun, alasan paling kuat dan meyakinkan untuk memakmurkan rakan rantau kita adalah kepentingan ekonomi kita sendiri. Kita sedang menyaksikan perubahan paling hebat dalam sejarah di Asia Timur pada masa kini. Kemajuan dan pembaharuan ekonomi di Pasifik memberikan peluang perniagaan dan pelaburan yang tiada tandingannya, jauh sekali daripada menjadi ancaman dan cabaran. Antara pasaran terbesar dan paling pesat membangun di dunia bagi produk negara perindustrian terdapat di Asia Timur.

Apabila jutaan warga Asia meningkat kuasa belinya, permintaan mereka terhadap barangan dan perkhidmatan pengguna akan berlipat ganda. Dalam keadaan ini, negara yang mempunyai peluang terbaik untuk memperoleh keuntungan terbanyak sebenarnya ialah negara maju. Mereka mempunyai sumber dan teknologi. Menjadi kesalahan besar jika kita tidak menyedari hakikat ini, malah memilih untuk tidak menghiraukan Asia. Lebih teruk lagi, jika kita memilih untuk bertindak menentang dan mengawal keadaan tersebut.

Ekonomi mengubah banyak perkara. Perubahan sistemik dalam cara kita melindungi kebaikan negara dan mengeluarkan barangan dan perkhidmatan kita dari semasa ke semasa menyebabkan perubahan dalam cara kita membentuk masyarakat, mengendalikan politik dan mengatur hubungan antara komuniti dengan negeri. Sehubungan itu, apabila dahulu kita kurang bergantung pada dagangan dan pasaran luar, ekonomi kita kini semakin terjalin dan keadaan ini tidak dapat diubah lagi. Di rantau Pasifik ini, 70 peratus daripada jumlah dagangan kita adalah antara satu dengan lain.

Dagangan antara negara Asia Timur tumbuh dengan amat pesat dan mencatatkan 49 peratus dagangan global kita pada 1995 berbanding 37 peratus hanya pada lima tahun lepas.

Kedadaan ini memerlukan pendekatan baru bagi keselamatan. Pendekatan ini mestilah yang tidak mewujudkan musuh, sebaliknya hanya rakan kongsi, dalam usaha ke arah keamanan dan kemakmuran bersama. Apabila kita melengkapi diri dengan senjata, tujuannya mestilah hanya sebagai pertahanan yang sah dan penguatkuasaan undang-undang semata-mata, itupun seminimum yang diperlukan untuk pencegahan yang berkesan.

Dalam hal ini, pada hemat saya, kita yang berada di Pasifik mestilah menangani isu kawalan senjata dengan lebih serius. Kita membelanjakan tidak kurang daripada ASS470 bilion untuk senjata api pada 1993. Kos ini hampir sama dengan seluruh KDNK ketujuh-tujuh negara Asean dari segi kesamaan kuasa beli. Kita memiliki kuasa tentera terbesar di dunia dan berbelanja paling banyak untuk ketenteraan di kalangan kita. Tanpa menjejaskan kepentingan keselamatan mereka yang sah di peringkat negara, rantau atau global, pastinya banyak yang dapat dilakukan untuk mengurangkan pemilikan senjata mereka. Dan banyak lagi yang dapat dilakukan untuk membataskan ciptaan, pembangunan dan penyempurnaan senjata pemusnah yang lebih canggih.

Demikian juga, kita perlu menyedari bahawa terdapat negara di rantau ini yang keupayaan ketenteraannya agak rendah dan tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan keselamatan mereka yang sah. Kita tidak boleh menghalang hak negara ini untuk mempertingkatkan keupayaan mereka. Akan tetapi, penjualan berleluasa senjata yang semakin canggih kepada satu pihak hanya akan menyebabkan pihak lain mahukan kelengkapan yang serupa. Mereka kemudiannya dituduh terlalu menurut kemahuan dalam persaingan senjata, manakala kegiatan negara yang menjual beli senjata tidak dianggap salah.

Saya rasa saya perlu menyentuh, walaupun secara ringkas dan dengan perasaan kurang selesa, tentang senjata nuklear. Tiga daripada lima kuasa nuklear yang diketahui umum terletak di Pasifik. Negara yang keempat membuat ujiannya di sini. Mungkin juga ada antara negara di rantau ini yang berhasrat menggunakan senjata nuklear. Oleh itu, rantau ini khususnya, perlu melaksanakan peruntukan dalam Perjanjian Pengawalan Senjata Nuklear dengan lebih bersungguh-sungguh. Di samping itu, rantau ini mesti mematuhi larangan ujian dan seterusnya mengharamkan sepenuhnya senjata nuklear. Teknologi masa kini sepatutnya membolehkan kita memantau dengan berkesan. Kita telahpun mengharamkan senjata kimia, yang pembuatannya lebih sukar dikesan.

Namun, kini kita telah mencapai beberapa kemajuan yang ketara. Dua daripada rantau kecil kita—Pasifik Selatan dan Asia Tenggara—kini berada

di bawah rejim zon bebas senjata nuklear, walaupun rejim ini sederhana sahaja.

Izinkan saya membuat kesimpulan dengan menekankan beberapa dasar yang saya rasa amat penting jika kita berusaha untuk mengukuhkan asas keamanan dan kemakmuran bersama di rantau Pasifik.

Antara dasar ini, yang pertama, pada pandangan saya, ialah kesejahteraan masyarakat manusia dan anggotanya. Walau apa pun orang kata, perkara inilah yang diambil berat oleh negara, masyarakat dan agama.

Kedua ialah saling menghormati; menghormati nilai, budaya, hasrat, dan keupayaan sesama kita. Perkara ini tidak menjadi kurang penting semata-mata kerana ia bukan milik kita. Saya juga patut menyebut tentang persamaan; iaitu persamaan negara besar dan kecil, kuat dan lemah. Sungguh menghairankan betapa cepatnya kita mengetepikan prinsip demokrasi yang paling asas ini, apabila kita beralih daripada masyarakat domestik dan bergiat dalam masyarakat berbilang bangsa.

Komitmen terhadap keamanan dan cara yang aman sudah pastinya menyangga usaha kita dalam membina keselamatan dan menangani perbezaan antara kita.

Memandangkan sikap kita yang saling bergantung, maka kerjasama dan semangat saling membantu juga akan dibariskan sebagai salah satu prinsip yang penting. Sikap sepihak menjadi pilihan yang kurang produktif, walaupun untuk negara yang lebih kuat.

Akhir sekali ialah prinsip jati diri; jati diri untuk mematuhi nilai, norma dan prinsip yang kita taati dan akui, serta yang kita harap orang lain akan amalkan.

Marilah kita bersikap ikhlas pada diri sendiri dan tradisi terbaik masyarakat kita. Saya berdoa agar kita tidak akan kecundang dalam menyahut cabaran hebat masa depan.

Bab 21

ASEAN: MEMBENTUK ORDE SERANTAU

ASEAN sebenarnya dibentuk di Thailand pada tahun 1967. Abad yang menyaksikan kelahiran Asean kini hampir melabuhkan tirainya. Oleh itu, memandangkan kita mula merencana haluan Asean dalam abad ke-21, pertemuan kita sekali lagi di bandar Bangkok yang penuh keseronokan ini, iaitu tempat bermulanya sejarah 28 tahun yang lalu, memang amat simbolik.

Saya gembira kerana semua negara Asia Tenggara mempunyai wakil dalam perhimpunan ini. Inilah sebenarnya wawasan impian bapa pengasas Asean apabila mereka menandatangani Perisytiharan Bangkok (juga dikenali sebagai Perisytiharan Asean) pada 1967. Malaysia juga ingin mengalu-alukan pemimpin Kemboja, Laos dan Myanmar yang hadir bersama-sama kita untuk mengorak langkah menjadi anggota tetap Asean secepat mungkin.

Pada abad ke-21, Asean, yang kita harap dapat meningkatkan bilangan anggotanya kepada sepuluh negara pada ketika itu, hendaklah menuntut secara sah dan memainkan peranan dalam pengurusan hal-ehwal serantau Asia-Pasifik. Kita memang patut berbuat demikian.

Sehingga kini, jumlah keseluruhan penduduk Asean melebihi 411 juta orang. Sumbangan Asean dalam dagangan global melebihi RM498 bilion, iaitu suatu angka yang menggalakkan berbanding sumbangan China, Jepun dan Korea. KDNK negara anggota Asean melebihi AS\$448 bilion, sekali lagi menunjukkan angka di luar dugaan berbanding negara besar Asia yang lain.

Memang kita mempunyai pengaruh yang diperlukan sebagai sebuah

Kertas kerja yang dibentangkan di Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Asean ke-5 di Bangkok, Thailand, pada 14 Disember 1995.

kumpulan dan jika kita terus bersatu padu, kita akan menjadi kuasa besar yang disegani negara lain.

Atas dasar semangat keserantau terbuka, negara lain di luar rantau ini cuba menentukan kadar kemajuan dan hala tuju hal-ehwal Asia-Pasifik—sama ada dalam Forum Serantau Asean (ARF atau *Asean Regional Forum*), atau dalam pembangunan APEC, malah dalam perjumpaan yang dirancang oleh negara Asia untuk diadakan dengan negara Eropah sekalipun. Asean tidak sepatutnya membiarkan hal ini berlaku.

Asia-Pasifik merupakan persekitaran luar Asean yang terdekat. Oleh itu, kita mesti menuntut bahagian kita yang wajar dalam pengurusan hal-ehwal di rantau ini.

Pertama-tama, negara Asean mestilah bersatu padu untuk menghalang kuasa luar daripada memecahbelahkan negara Asia di rantau Pasifik.

Kita, kumpulan negara Asia di rantau Pasifik berjiran untuk selamalamanya. Pastinya, jiran sendiri sepatutnya lebih berhak daripada negara lain untuk menentukan cara mereka ingin berhubung antara satu dengan lain dari segi ekonomi, keselamatan dan politik, untuk masa kini dan akan datang.

Oleh itu, kita hendaklah berjaga-jaga agar tidak dijadikan alat politik global yang kononnya untuk kepentingan keselamatan serantau.

Kita tidak sepatutnya mendengar nasihat luar tentang keperluan keselamatan kita. Bagaimanapun, saya percaya tiada gunanya kita membincangkan keselamatan serantau berdasarkan sikap sedar atau bawah sedar, kerana mahu membendung atau menyekat mereka yang berpotensi menjadi musuh. Hal ini akan menyebabkan kita percaya bahawa bertindak balas untuk menghadapi ancaman yang dapat dikesan itu memang perlu. Itu cara paling pasti untuk menjadikan musuh yang kita gambarkan itu bertukar menjadi kenyataan.

Saya benar-benar yakin bahawa negara Asia di rantau Pasifik, dengan mengambil kira bahawa mereka hidup berjiran selamalamanya, akan saling membantu jika anasir luar tidak campur tangan.

ARF hendaklah benar-benar menjadi forum yang membolehkan negara Asia Pasifik memupuk keyakinan dan kerjasama antara mereka, dalam hal politik dan keselamatan. Pihak berkepentingan lain boleh menyumbang secara membina dalam proses tersebut, tetapi mereka tidak seharusnya dibenarkan menggunakannya untuk meluaskan rancangan mereka dengan mengorbankan negara Asia yang menyertainya.

Asean mewujudkan Forum Serantau Asean. Asean mestilah berada pada landasannya untuk memastikan pembangunan ARF tidak dipesongkan ke arah yang tidak mahu diikuti oleh negara Asean.

Begitu juga dalam hubungan ekonomi dan isu dagangan antarabangsa,

Asean tidak sepatutnya membenarkan orang luar dari rantau ini menetapkan langkah kerjasama dalam konteks APEC. Ini bukan disebabkan hak kedaulatan semata-mata. Malah, kita ada kewajaran dari segi ekonomi. Contohnya, laporan terkini Tabung Kewangan Antarabangsa menyimpulkan bahawa negara membangun di Asia akan tetap menjadi enjin pertumbuhan yang terpenting sepanjang 1996. Bahkan, angka terkini yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD atau *Organisation of Economic Cooperation and Development*) menunjukkan bahawa bahagian import barangan OECD negara Asean meningkat dengan mendadak.

Memang diketahui umum bahawa antara ekonomi paling dinamik di dunia sekarang ini adalah dari rantau Asean. Bagi mengekalkan kedinamikan ini, negara Asean perlu mewujudkan peluang dagangan dan pelaburan yang berterusan. Di mana lagi tempat terbaik untuk melakukannya kalau tidak di rantau Asean itu sendiri? Itulah sebabnya mengapa kita tidak boleh menyimpang daripada komitmen kita untuk menjayakan AFTA, selewat-lewatnya pada tarikh sasaran yang telah dipersetujui.

Dalam Mesyuarat Menteri Luar Negara pada bulan Julai tahun ini, Sultan Brunei sendiri mencadangkan agar tarikh sasaran tersebut ditangguhkan ke tahun 2000.

Itulah juga sebabnya mengapa negara Asean tidak sepatutnya melepaskan peluang untuk menjadi peneraju dalam meningkatkan hubungan ekonomi dengan tiga negara lain di Asia Tenggara. Hubungan dagangan dan pelaburan yang bersungguh-sungguh dengan negara jiran terdekat kita, sememangnya memanfaatkan semua negara dalam rantau kecil ini.

Potensi politik dan ekonomi yang akan dimiliki Asean, sebagai sebuah kumpulan yang diperluas, untuk menentukan nasib Asean sendiri dan mempengaruhi kadar kemajuan serta hala tuju hal-ehwal Asia-Pasifik, sememangnya suatu tanggungjawab yang agak besar. Itulah sebabnya mengapa Asean-10 perlu segera direalisasikan tanpa berlengah lagi.

Saya yakin bahawa, dengan azam yang kuat dan gabungan pendapat, kita dapat menggunakan pengaruh untuk melindungi dan menggalakkan kepentingan kita sendiri. Keputusan yang dibuat dalam Mesyuarat Pemimpin APEC di Osaka baru-baru ini merupakan contoh baik yang menunjukkan perpaduan negara Asia Pasifik dan kejayaannya merealisasikan kemajuan yang diingini bagi liberalisasi dagangan dan pelaburan di rantaunya sendiri.

Itulah fungsi, malah satu-satunya fungsi, yang dibayangkan untuk penubuhan EAEC. Saya masih percaya bahawa, dengan sedikit kecekalan di pihak Asean, EAEC masih boleh dijadikan sebagai jawatankuasa rasmi dalam APEC dan sebagai forum perbincangan tentang masalah bersama Asia Timur.

Saya berharap pemimpin di kedua-dua belah benua Pasifik dapat mengekalkan gabungan yang sama seperti yang ditunjukkan di Osaka dalam

perjumpaan pemimpin Kesatuan Eropah (EU atau *European Union*) di Bangkok ini pada Mac 1996. Jika kita sebulat suara, kita sepatutnya boleh menggunakan peluang ini bagi menyambut permulaan era baru dalam hubungan saksama antara negara anggota Eropah dengan Asia.

Banyak yang dapat dimanfaatkan daripada perkembangan hubungan membina dengan kumpulan negara Eropah. Pada Mesyuarat Asia-Eropah yang pertama (ASEM atau *Asia-Europe Meeting*), kita tidak patut melepaskan peluang yang ada. Pada masa yang sama, kita juga perlu menegaskan kepada mereka bahawa hubungan membina dipupuk melalui perundingan dan persepakatan, bukannya melalui apa-apa arahan atau penetapan daripada pihak mereka.

Kita sudah jemu mendengar laungan Eropah tentang demokrasi dan hak asasi manusia. Kita diancam oleh sekatan dagangan, melainkan jika kita mematuhi fasal sosial yang akan ditetapkan menurut piawaian mereka. Mereka pernah berkhutbah kepada kita tentang cara memelihara alam sekitar dan memulihara hutan kita. Saya rasa, sudah tiba masanya kita memberikan pandangan kita sendiri terhadap perkara ini secara terus terang dan jujur.

Kita perlu menegaskan, tanpa teragak-agak, bahawa keamanan, keselamatan dan kemakmuran antarabangsa tidak boleh diwujudkan tanpa keadilan dan kesaksamaan.

Keamanan sejati tidak akan wujud jika kekuatan semata-mata digunakan untuk menegakkan perkara yang dianggap adil, dengan sikap berat sebelah menguasai orde hari ini. Kita telah berkali-kali menyaksikan akibat penggunaan kekuatan, misalnya di Bosnia-Herzegovina.

Kejadian lain yang perlu diketengahkan ialah penerusan ujian senjata oleh negara kuasa nuklear tertentu. Bagaimanakah dunia dapat bebas daripada senjata nuklear jika masih ada negara yang langsung tidak bersetuju untuk menghentikan ujian atau mencanggihkan kualiti senjata ini? Asean hendaklah bersatu tenaga berkempen untuk menghapuskan secara menyeluruh dan sepenuhnya, semua senjata nuklear dan senjata lain yang mengakibatkan kemusnahan besar-besaran. Sebagai permulaan, kita hendaklah segera mencapai kata sepakat untuk mewujudkan zon bebas senjata nuklear di Asia Tenggara menurut perjanjian yang dicadangkan.

Secara sendirian, tidak banyak yang dapat dilakukan oleh negara Asean untuk mengubah dunia. Akan tetapi, apabila bergabung dengan negara dan kelompok negara yang sehaluan, perubahan dapat dilakukan dan banyak kejayaan dapat dicapai.

Bagaimanapun, untuk persekitaran Asia-Pasifik, saya rasa Asean bukan sahaja mempunyai tanggungjawab, tetapi juga hak dan pengaruh yang perlu untuk membentuk orde serantau yang boleh dikatakan sebagai milik kita sendiri. Hal ini mungkin menghendaki kita menggembeng semua kebijak-

sanaan Asean untuk melakukannya. Namun kita mesti melakukannya.

Saya mungkin terlalu beria-ia tentang isu ini. Jika benar, ini adalah kerana komitmen saya dan negara untuk kebaikan Asean dan, sekali lagi saya tegaskan, kerana keyakinan saya terhadap keupayaan Asean.

Bab 22

EKONOMI DIGITAL DAN DUNIA TANPA SEMPADAN

MALAYSIA sungguh bertuah kerana mengalami pertumbuhan pesat dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Kemajuan ekonomi dan sosial kami yang berterusan menyumbang kepada kestabilan dan kemakmuran negara secara menyeluruh.

Memandangkan kini kita berada di ambang Rancangan Malaysia Ke-7, tibalah masanya untuk mengkaji semula strategi kita. Kejutuan dan keberkesanan dalam mencapai matlamat dan sasaran negara mestilah dinilai. Hal ini penting, terutamanya apabila perubahan teknologi yang pesat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa diambil kira.

Memastikan pertumbuhan mampan dalam orde ekonomi dunia yang semakin meningkat daya saingnya merupakan cabaran utama kita. Ini kerana 85 peratus kekayaan dunia masih dikongsi bersama antara 20 peratus negara terkaya. Antara lainnya, ini disebabkan sumber modal dan teknologi pada hakikatnya, masih dikawal oleh negara perindustrian.

Persaingan ekonomi dan penstrukturan semula politik kini dikukuhkan lagi oleh kesan gabungan faktor baru: ekonomi digital dan dunia tanpa sempadan. Teknologi Maklumat atau IT, dengan menyepadukan kuasa komputer dan telekomunikasi, menyediakan capaian mudah kepada maklumat: kepada sesiapa sahaja, pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja, dan dalam apa jua bentuk. Aliran maklumat yang tidak terhalang merentasi sempadan, dalam masa nyata tanpa mengambil kira jarak, membuka peluang baru, tetapi ia

Ucapan yang disampaikan di Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Infotech '95 di Kuala Lumpur, Malaysia, pada 1 November 1995.

juga dapat mengancam kesejahteraan negara dari segi politik, ekonomi dan sosial.

Bagaimanapun, IT bukan sekadar teknologi baru. IT melibatkan anjakan penting dalam cara kita berfikir dan berfungsi. Permintaan terhadap produk dan sistem IT berpunca daripada keperluan untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam dunia yang berdaya saing. Kita sedia maklum bahawa, melalui proses secara automatik pada peringkat awal, dan diikuti oleh perubahan proses kerja, kita dapat membuat lonjakan lejang dalam produktiviti. Dari segi sosial, manusia telah menemui kegunaan komunikasi global segera. Keperluan psikologi asas dipenuhi dan pada masa yang sama, idea untuk meningkatkan pertukaran intelek melimpah-ruah.

Oleh yang demikian, masyarakat ilmu bukan sekadar cerminan baru bagi daya cipta teknologi semata-mata. Sebaliknya, ia menandakan kebangkitan maklumat dan ilmu sebagai parameter baru dalam kemajuan ekonomi dan perkembangan sosial. Inti pati masyarakat ilmu terletak pada kandungannya. Kemahiran utama manusia adalah kognitif, mental dan kecendekiaan. Oleh itu, sumber manusia menjadi sumber asas bagi mana-mana negara.

Penggunaan IT dalam semua bidang penting telah sekian lama digalakkan di negara ini. Sebagai kesimpulan, industri elektronik telah menjadi salah satu aktiviti pembuatan yang utama, dan menyumbang kira-kira 25 peratus kepada KDNK. Penggunaan IT dalam sektor awam dan swasta digalakkan, menyebabkan perbelanjaan per kapita bagi IT adalah antara yang tertinggi di kalangan negara membangun. Pada pertengahan tahun 80-an, kami juga mengurangkan peraturan industri telekomunikasi dengan menswastakan Jabatan Telekom. Kini kami mara selangkah ke depan dengan memulakan persaingan dalam perniagaan telekomunikasi. Apa yang lebih penting, pendidikan dan latihan dalam IT dikembangkan secara meluas dengan menggalakkan institusi tempatan supaya berani menceburi bidang baru, dan dengan mendorong pertumbuhan institusi pendidikan swasta. Sumber tenaga manusia tambahan yang memiliki kemahiran baru dihasilkan, sungguhpun kami masih kekurangannya.

Dahulu, kami menggalakkan pembangunan dan penggunaan IT melalui pendekatan dari bawah. Pendekatan ini merupakan fasa yang penting bagi membolehkan orang ramai menjalankan eksperimen dan meraih pengalaman, untuk belajar dan memperoleh kepakaran. Kebelakangan ini, kami memutuskan bahawa pendekatan dari bawah perlu dilengkapi perancangan dasar dari atas ke bawah, juga rancangan pengurusan. Penubuhan Majlis IT Negara disesuaikan dengan kewujudan penting dasar negara yang akan mendorong kami ke Era Maklumat. Kita perlu mengetahui keutamaannya untuk mengoptimumkan penggunaan sumber yang ada. Industri utama beserta penggerak utamanya dan faktor kejayaan yang berkaitan, hendaklah

difahami. Penggunaan penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial perlu dikenal pasti dan dilaksanakan. Oleh itu, perancangan dasar dan pengurusan dari atas ke bawah membantu mengendalikan program IT negara ke arah mencapai matlamat pembangunan dengan lebih berkesan.

Kita sudahpun memulakan program hebat untuk mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC) di Malaysia. Koridor ini terbentang dari Kuala Lumpur hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang baru di Sepang, dengan keluasan kira-kira 15 kilometer lebar dan 50 kilometer panjang. Dalam koridor ini, bukan sahaja KLIA dengan Sistem Pengurusan Lapangan Terbang Menyeluruh (TAMS) terkini yang akan dibangunkan, tetapi juga pusat kerajaan baru Putrajaya yang dirancang untuk menjadi Bandar Raya Pintar.

Matlamat MSC adalah untuk memperlihatkan pembangunan dan penggunaan multimedia dalam industri dan perniagaan, juga dalam kehidupan dan pekerjaan secara amnya. Syarikat perisian, perkakasan dan sistem dalam industri komputer, telekomunikasi dan penyiaran akan terpacu untuk menempatkan operasi mereka di MSC. Perniagaan yang menyepadukan media cetak dan elektronik, termasuk industri penerbitan, khidmat maklumat, penyiaran dan perfileman, akan diberikan keutamaan. Syarikat bertaraf dunia dalam bidang perniagaan ini akan dipelawa dan syarikat tempatan digalakkan untuk menjadi rakan niaga mereka.

Untuk menarik minat syarikat ini, prasarana terbaik akan disediakan. Rangkaian lebuhraya yang silang-menyilang dalam MSC sedang dalam pembinaan. Untuk melengkapinya lebuhraya ini, Transit Aliran Ringan (LRT) dan juga Lingkaran Rel Ekspres (ERL) akan dibina. Lingkaran ini akan menyediakan sistem pengangkutan yang pantas dan cekap di antara pusat utama seperti lapangan terbang, di antara Putrajaya dengan pelabuhan, dan pastinya, ke seluruh negara. Lebuhraya elektronik juga akan dibangunkan. Telekomunikasi jalur lebar sedang dilaksanakan melalui penghantaran gentian optik, hierarki digital serentak (SDH atau *synchronous digital hierarchy*) dan hubungan satelit.

Bandar raya multimedia akan dibina dalam MSC untuk memenuhi keperluan pelbagai industri. Di sekitar KLIA, Bandar Raya Lapangan Terbang tersebut akan memudahkan dan menggabungkan perjalanan udara. Bandar raya ini tidak sahaja memenuhi keperluan penumpang dan perniagaan pengangkutan udara, tetapi juga menyepadukan pengangkutan penumpang dengan perniagaan perjalanan dan pelancongan secara global.

Keperluan IT dalam kerajaan akan mewujudkan satu lagi kawasan aktiviti perniagaan yang utama. Putrajaya akan memastikan agar perkhidmatan baru kerajaan dapat diwujudkan melalui IT dan multimedia. Tahap kecekapan dan produktiviti yang lebih tinggi akan dapat dicapai dengan menggunakan

IT untuk mengubah operasi dan proses dalaman agensi kerajaan. Perkhidmatan yang ditawarkan kepada orang ramai juga akan disusun semula supaya pelanggan dapat terus berinteraksi dengan pegawai kerajaan secara elektronik, malah dalam sesetengah keadaan, mereka dapat memanfaatkan khidmat tersebut dengan berinteraksi secara langsung melalui sistem IT pintar dan automatik.

MSC akan memenuhi empat matlamat utama. Pertama, MSC akan memperlihatkan keberkesanan multimedia dalam meningkatkan kecekapan dan produktiviti pengeluaran, serta penghantaran barangan dan perkhidmatan untuk sektor awam dan swasta. Kedua, MSC akan memperkenalkan lingkaran pembekalan dan permintaan untuk industri multimedia yang bertempat di Malaysia bagi pasaran dunia. Ketiga, MSC akan menambah nilai kepada prasarana yang sudah bertapak di MSC, termasuk KLIA, Putrajaya, rangkaian pengangkutan, dan lebuhraya elektronik. Keempat, Putrajaya akan merangsang perkembangan urus tadbir elektronik: pentadbiran yang lebih terbuka, telus, responsif dan bersifat keusahawanan; ringkasnya yang lebih sesuai dengan Era Maklumat.

Konsep MSC yang berdaya maju diterima oleh kerajaan dan juga banyak syarikat yang berinteraksi dengan kami. Multimedia, penyelarasan dan pembangunannya, termasuk Perbadanan Pembangunan Multimedia yang dicadangkan itu, akan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Penyelarasan perlu dilakukan kerana multimedia menyentuh banyak jenis prasarana maklumat dan kandungan maklumat. MDC akan menjadi perancang induk dan penyokong strategik bagi pembinaan MSC. MDC juga akan mempromosikan MSC di seluruh dunia untuk menarik syarikat terbaik agar bekerjasama dengan kami.

Inisiatif baru ini tidak akan berjaya tanpa kestabilan ekonomi dan politik yang kukuh. Walaupun kita agak berjaya dalam industri pembuatan, tetapi kini kita hendaklah memberikan perhatian kepada sektor perkhidmatan, terutamanya perkhidmatan yang padat maklumat dengan nilai tambah yang tinggi.

Bagi MSC sendiri, teknologi terkini yang tersedia tidak memberi sebarang makna jika kita tidak bersedia untuk menggunakannya. Pendekatan yang lebih seimbang terhadap pembangunan dan penggunaan IT perlu diwujudkan. Kita tidak sepatutnya melihat IT dan multimedia sekadar sebagai artifak teknologi semata-mata. Sebaliknya, keseimbangan yang harmoni antara kepentingan teknologi dengan keperluan sosial masyarakat perlu wujud.

Akhirnya, lima prinsip utama mestilah dipertimbangkan:

Pertama, desakan teknologi menerusi kemajuan pesat hendaklah diimbangkan oleh pengaruh sosial yang dicerminkan melalui keperluan manusia dari segi ekonomi, sosial dan budaya. Penggunaan IT yang betul memer-

lukan penciptaan sistem sosioteknikal yang mesti memenuhi matlamat sosial.

Kedua, Lebu Raya Maklumat kita hendaklah betul-betul mengimbangi kecanggihan teknologi dengan keberkesanan kandungan maklumat.

Ketiga, walaupun kerajaan menjadi penerajunya dengan membentuk strategi baru dan menyelia pelaksanaannya, sektor swasta juga mesti memainkan perannya. Syarikat di Malaysia mestilah lebih inovatif dan berdaya cipta dengan menceburi industri multimedia.

Keempat, perlu ada tumpuan yang lebih besar dalam perubahan berbanding automasi. Memandangkan IT berpotensi mengubah struktur organisasi, kita perlu menyusun semula proses untuk memperoleh manfaat yang lebih tinggi daripada pelaburan IT.

Kelima, kita perlu terus menekankan peri pentingnya sumber manusia dalam merealisasikan hasrat ini.

Pelbagai jenis keseimbangan mesti dicapai. Orang ramai bukan sahaja perlu cekap dan celik IT, tetapi mereka juga mesti arif dalam bidang kepakaran mereka supaya mereka dapat menyusun semula proses kerja yang perlu. Pada masa yang sama, ilmu dan kemahiran mestilah seimbang dengan nilai dan sikap yang sesuai terhadap maklumat dan ilmu, agar unsur ini dapat mewujudkan budaya yang diperlukan dalam persekitaran kerja.

Malaysia telah tiba di persimpangan dalam kemajuan ekonominya. Pilihan yang ada tampak jelas: keperluan untuk memulakan program penggunaan multimedia dengan lebih meluas dalam perniagaan dan masyarakat amnya. MSC ialah inisiatif utama ke arah ini. Sinergi yang wujud akan benar-benar tertumpu kepada faktor kejayaan utama dan masalah yang mungkin timbul.

Bab 23

KERJASAMA PEMBANGUNAN SERANTAU ASIA DAN PASIFIK

KERJASAMA serantau untuk pembangunan memang munasabah dan baik untuk memberikan sebanyak mungkin manfaat kepada golongan individu yang memerlukan. Bagaimanapun, kerjasama tersebut tidak dapat berkembang dalam rangka hubungan guru-murid. Sebaliknya, ia mestilah didasari sikap saling menghormati kedaulatan dan sensitiviti negara lain. Saya berharap perbincangan dalam mesyuarat ini akan menyumbang kepada usaha yang lebih baik untuk merancang pendekatan dan hala tuju baru bagi pembangunan rantau Asia dan Pasifik.

Rantau Asia-Pasifik, yang meliputi semua negara Asia dan kepulauan yang dipukul ombak Lautan Pasifik, memberikan cabaran unik kepada masyarakat dunia. Disebabkan permintaan modal yang semakin meningkat berikutan perubahan daripada ekonomi kawalan pusat kepada sistem pasaran bebas, aliran dana ke rantau ini dalam masa yang terdekat, berkemungkinan menjadi terhad. Oleh itu, cabaran utama institusi berbilang hala adalah untuk menyediakan bantuan pembangunan yang lebih baik dan lebih cekap kos, untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi negara di rantau ini.

Dengan berakhirnya permusuhan Timur-Barat, dan dengan memuncaknya euforia sepanjang jangkaan Abad Pasifik yang diramalkan oleh pencapaian kebanyakan negara Asia Timur, ramai yang menjangka negara membangun di rantau Asia-Pasifik akan mendapat faedah daripada keamanan tersebut. Namun sebaliknya, mereka dipaksa membayar premium yang tinggi. Negara

Kertas kerja yang dibentangkan di Mesyuarat Kerjasama Pembangunan Serantau Asia dan Pasifik di Kuala Lumpur, Malaysia, pada 28 Mac 1995.

maju di Utara telah mencipta dan mengenakan semua jenis syarat terhadap negara membangun, termasuk syarat yang berhubung dengan hak asasi manusia, hak asasi pekerja, sekatan alam sekitar, capaian pasaran, dan rejim anarki dalam kadar tukaran mata wang. Setiap langkah yang diambil negara Utara untuk melindungi kepentingan mereka, selalunya menyebabkan negara miskin menjadi bertambah miskin. Negara kaya bukan sahaja menyetepikan kepentingan negara miskin tetapi secara terang-terang menolak pandangan mereka sebelum membuat keputusan yang memusnahkan. Apabila Plaza Accord, sebagai contoh, menaikkan nilai yen, maka negara membangun yang berhutang terpaksa membayar tambahan melebihi 100 peratus untuk pinjaman yen mereka. Malah, nilai yen terus melonjak sehingga menjejaskan sebahagian besar negara membangun dengan sebegitu teruk sekali. Senario suram ini akan berpanjangan kecuali jika negara membangun, terutamanya di rantau Asia-Pasifik, sanggup bekerjasama dalam program pembangunan mereka.

Setidak-tidaknya kami mengharapkan Bangsa-Bangsa Bersatu berfungsi sebagai forum untuk mengutarakan pandangan negara membangun. Akan tetapi pada hakikatnya, pandangan mereka ditolak mentah-mentah. Pihak yang kononnya mendakwa diri mereka sebagai akhbar bebas, menapis pandangan negara membangun sehingga tampak seolah-olah mereka, jika tidak bisu, tiada suara. Tanpa ragu-ragu, saya pasti tiada apa yang akan dilaporkan dalam media antarabangsa tentang perjumpaan ini, melainkan yang negatif. Namun begitu, jika ada anggota Majlis Keselamatan yang memandang rendah negara lain, akan terpampang tajuk berita di halaman depan semua akhbar dan wawancara berpanjangan dalam media elektronik dunia berkenaannya. Itulah kononnya yang dikatakan akhbar bebas.

Ini mungkin gejala penyakit yang melanda negara maju kerana semasa Sidang Kemuncak Dunia tentang Pembangunan Sosial di Copenhagen baru-baru ini, ketidakhadiran wakil mereka begitu ketara. Namun, di Persidangan Rio tentang Alam Sekitar dan Pembangunan, semua wakil hadir, mungkin kerana negara membangun patut menyumbang dengan mengorbankan kemajuan mereka sendiri untuk memulihara hutan dan sumber mereka yang kian lenyap oleh bahan cemar dari negara kaya.

Rantau Asia-Pasifik amat luas kawasannya, ramai penduduknya, banyak cabaran yang dihadapinya, dan tidak terkira peluang yang digenggamnya. Dari segi saiz, ia meliputi satu per tiga daripada planet ini. Dari segi bilangan penduduk, ia menempatkan hampir setengah penduduk dunia. Rantau ini mewakili 25 peratus eksport global, 22 peratus import global dan 33 peratus rizab antarabangsa global. Rantau ini juga, pada masa yang sama, mempunyai bilangan penduduk miskin yang terbanyak di dunia.

Lebih daripada 800 juta orang hidup melarat di celah-celah kehidupan

rantau Asia-Pasifik; dengan ketiadaan makanan, air bersih, udara bersih, tempat berteduh, pendidikan, dan kesihatan. Prasarana untuk membangunkan sumber manusia melalui pendidikan, dan latihan tidak mencukupi. Apa yang lebih teruk, bilangan penduduk yang bertambah secara mendadak di samping pambandaran pesat, menyukarkan keadaan dan memberi tekanan yang lebih besar kepada sumber yang lemah di rantau ini.

Keadaan ini sebahagiannya disebabkan kesilapan kita sendiri. Kadang kala kita begitu ghairah dengan keberkesanan demokrasi sehingga kebebasan dan hak kita tidak dibataskan. Kita membuat demonstrasi jalanan, tanpa ber-lengah-lengah, untuk menjatuhkan kerajaan. Kita percaya bahawa pertukaran kerajaan dapat mengubati semua penyakit. Akan tetapi, perubahan dalam kerajaan sering kali mewujudkan kerajaan yang lebih teruk, yang tidak berupaya atau tidak sanggup melakukan perkara yang benar, sama seperti kerajaan sebelumnya. Sekali lagi kita menghasut orang ramai, mengadakan mogok umum dan secara amnya memporak-perandakan negara, tanpa sebarang manfaat untuk kesejahteraan kita sendiri.

Kerajaan yang baik dan kukuh juga tidak terlepas daripada kesilapan. Begitu juga sistem pentadbiran atau pendekatan ke arah pembangunan. Kami akur bahawa semua ini boleh dan pernah menjadi silap. Walaupun kita boleh dan patut menyalahkan orang lain, tetapi mungkin lebih mudah jika kita membetulkan diri sendiri daripada menyuruh orang lain, terutamanya negara kaya, untuk membetulkan diri mereka, supaya kita dapat menikmati pertumbuhan yang sihat dan menyelesaikan masalah sosioekonomi kita.

Dengan andaian kita mampu mengembleng tenaga dan memastikan demokrasi dan pentadbiran kita benar-benar berjalan lancar, kita masih tidak dapat menyelesaikan masalah kemiskinan dan pembangunan jika kita tidak bekerjasama antara satu dengan lain. Ini kerana negara maju semuanya bersepakat dan membentuk pelbagai jenis blok. Walaupun mereka berkeras mengatakan mereka tidak bermaksud mengecualikan yang lain, tetapi pada hakikatnya mereka cenderung untuk bertindak bersama bagi menentang kepentingan ekonomi kita, jika kita tidak mematuhi atau mengikut apa yang disuruh. Telah disebutkan sebelum ini tentang desakan mereka dalam mengaitkan dagangan dengan isu hak asasi manusia, gaji pekerja dan alam sekitar. Memang wajar mengharapkan setiap orang mengambil berat tentang isu ini. Akan tetapi, apa yang membimbangkan ialah perkaitan tersebut sentiasa mempengaruhi daya saing kita. Mereka seolah-olah lebih berm minat menaikkan kos kita daripada melihat rakyat dan pekerja kita hidup bebas dan alam sekitar dipulihara dengan baik. Namun begitu, ketika mereka sedang membangun suatu ketika dahulu, mereka mempergunakan rakyat dan alam sekitar lebih daripada apa yang kita lakukan sekarang. Kita yang pernah menjadi koloni negara maju sebelum ini, mesti ingat bagaimana rakyat kita

ditindas dan hutan asli kita dimusnahkan habis-habisan untuk memberi tempat kepada perladangan dan pengeluaran bahan galian.

Kita tidak patut membantah apa yang wajar dan adil. Akan tetapi, masalah kita adalah kita tidak dapat menyuarakan pandangan kita, apatah lagi meminta agar ia dipertimbangkan. Ini disebabkan kurangnya gandingan dan kerjasama di kalangan kita, sedangkan negara maju bukan sahaja bersatu tenaga, malah bersatu hati mengkritik kita dengan keras.

Sejak sekian lama, negara membangun bergantung pada pengeluaran dan eksport komoditi utama untuk memperoleh tukaran mata wang asing yang diperlukan bagi membeli barangan pembuatan. Malangnya, negara maju mencipta pengganti bagi komoditi kita dan melalui manipulasi pasaran, harga komoditi menjadi bertambah rendah. Syarat perdagangan semakin tidak menyebelahi kita.

Beberapa negara membangun kini beralih kepada pembuatan, terutamanya industri padat buruh dan sumber bagi memperoleh manfaat daripada kos sara hidup dan sumber kita yang lebih rendah. Akan tetapi, sekali lagi kita dihalang oleh syarat yang dikenakan terhadap eksport kita, contohnya, pelabelan ekonomi.

Satu-satunya cara untuk kita menghadapi semua ini, adalah dengan berganding bahu dan bekerjasama. Dengan memperlihatkan barisan hadapan yang bersatu, kita boleh mempengaruhi dasar dagangan dan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO). Memang diakui, pengaruh kita tidaklah sebesar mana, tetapi ia lebih baik daripada tiada pengaruh langsung. Bekerja secara sendirian dan berasingan tidak akan menguntungkan kita.

Berdasarkan pengalaman Malaysia, kemakmuran dan kemajuan yang dicapai oleh negara membangun juga sentiasa memanfaatkan negara lain. Dengan itu, apabila Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong, dan Singapura mencapai pertumbuhan tinggi, mereka bukan sahaja menjadi rakan kongsi dagang yang baik kepada kami, malah turut menjadi pelabur yang baik di negara kami. Sering kali negara ini, sama ada secara sendirian atau bersama, berada di tempat teratas dalam pelaburan asing di Malaysia.

Akhirnya Malaysia mampu beralih kepada pembuatan, iaitu daripada industri padat buruh kepada industri teknologi tinggi. Pengetahuan yang luas dan modal yang terkumpul di Malaysia kini membolehkan Malaysia melabur dalam negara membangun yang lain di rantau ini. Kami benar-benar berharap agar kitaran yang sama, seperti yang telah dan sedang dialami Malaysia, akan turut dirasai di negara membangun lain di rantau Asia Pasifik. Lama-kelamaan, seluruh rantau ini akan makmur. Malah, dagangan antara negara Asia Timur masa kini, setanding dengan dagangan antara negara Eropah atau Amerika. Semua ini membuktikan bahawa kerjasama dan pelaburan silang, berserta pemindahan teknologi, memanfaatkan sesiapa sahaja, tidak kira kaya

atau miskin. Ketiga-tiganya saling mengayakan.

Dunia ini boleh menjadi tempat yang jauh lebih baik jika golongan kaya tidak terlalu taksub untuk mengekalkan status mereka. Tiada untungnya mereka memapakan negara yang sedia papa, dengan menjadikan mereka hamba hutang, atau penerima bantuan untuk selama-lamanya. Dunia yang terdiri daripada negara maju yang seimbang, dengan setiap satunya mengeksploitasikan kelebihan bandingannya, sama ada ilmu, kemahiran, sumber, atau tenaga buruh, dan berdagang serta bersaing dengan adil antara satu dengan lain, adalah jauh lebih baik daripada dunia yang terbahagi kepada Utara dan Selatan, kaya dan miskin, maju dan membangun, kuat dan lemah, serta satu blok dagangan dan satu blok dagangan yang lain. Mungkin bunyinya terlalu idealistik. Akan tetapi, keinsanan tanpa piawai kesempurnaan pasti bermakna berakhirnya sejarah dan tamadun.

Setelah menimbangkan segalanya, matlamat kita tentunya kesejahteraan rakyat. Kami berharap dapat menjadi anggota yang dihormati dalam komuniti pelbagai negara. Tindakan, dan bukannya kata-kata, membibitkan rasa hormat. Dalam kegopohan kita untuk memperbaiki nasib rakyat, dalam usaha memburu status negara maju, kita menghadapi risiko yang terlalu menekan unsur sebenar yang memampakan pembangunan—sumber, institusi dan rakyat. Dengan berbuat demikian, kita sering kali tidak nampak matlamat pembangunan, iaitu kesejahteraan generasi masa kini dan akan datang. Dengan itu, kita mestilah menetapkan keutamaan pada tempatnya, dengan meletakkan pembangunan rakyat sebagai matlamat terakhir terpahat dalam minda sambil kita bergerak maju.

Demi menjayakan pembangunan, kita mestilah mengambil iktibar daripada sejarah—kejayaan yang dapat diteladani dan kesilapan yang perlu dijaui. Bagi kita, pencarian terhadap keseimbangan yang sukar ditemui, antara keperluan untuk membangun dengan keupayaan sumber untuk memampakan pembangunan, mestilah menjadi soal utama. Antara begitu banyak pendekatan yang mungkin ada ke arah pembangunan ialah negara Asia dan Pasifik mesti mengikut jalan pembangunan hakiki, iaitu pembangunan mengikut hati nurani. Dalam hal ini, kita tidak patut tunduk kepada tekanan yang diakibatkan oleh kegemaran dan cita rasa pergerakan alam sekitar dan kumpulan pelobi ekonomi. Kita mesti menentukan keutamaan negara dan rantau berdasarkan keadaan kita sendiri. Kita mestilah sedar bahawa kemampakan ekonomi melalui pembangunan hakiki, bukan sahaja merujuk kepada pemeliharaan alam sekitar. Ia termasuk unsur lain seperti keadilan sosial, hak terhadap pembangunan dan kekayaan serta masyarakat dunia yang saksama. Di samping menekankan gejala eksploitasi sumber kita yang paling produktif, dan memastikan pencemaran tidak membantutkan pertumbuhan ekonomi, kita juga mesti memastikan rakyat diberi layanan

yang adil dan mempunyai hak bersuara tentang keputusan yang melibatkan mereka, dan kekayaan mestilah diagih-agihkan sama rata di kalangan pelbagai lapisan masyarakat. Kita juga mestilah berhati-hati memelihara unsur yang begitu rencam dalam masyarakat kita yang membawa makna tersendiri dalam kehidupan.

Laluan ke arah pembangunan hakiki, penuh dengan masalah dan keadaan yang tidak pasti. Untuk mencapai matlamat ini, institusi pembangunan berbilang hala mesti memainkan peranan sebagai broker jujur yang memadankan prinsip dan keutamaan sejagat dengan suasana tempatan. Apa yang penting, institusi tersebut tidak berpandangan serong terhadap pembangunan seperti yang ditunjukkan oleh pakar dari Barat. Sebaliknya, mereka mesti memperkenalkan pendekatan bersama dengan negara membangun. Bagi kami, konsep pembangunan hakiki memberikan harapan masa depan yang lebih cerah. Masih banyak yang perlu dipelajari.

Saya berharap perjumpaan ini akan mengutarakan wawasan baru berkenaan masalah yang menyekat pertumbuhan serantau dan bakal mencadangkan langkah yang dapat mengenal pasti jalan baru untuk menggalakkan kerjasama serantau.

Bab 24

PERCANGGAHAN DALAM PEMBANGUNAN

MESKIPUN Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu yang berusia 50 tahun itu bermula dengan ungkapan, "Kita, masyarakat Bangsa-Bangsa Bersatu...", namun inilah kali pertama kita berkumpul pada peringkat ini untuk membincangkan masyarakat biasa dan masalah mereka; iaitu pembangunan sosial mereka. Hakikat bahawa 50 tahun diperlukan untuk kita melakukannya merupakan ukuran bagi komitmen kita terhadap masyarakat biasa dan gambaran bagi kegagalan usaha berbilang pihak, tertangguh selama lima dekad disebabkan perang ideologi dalam Perang Dingin. Konfrontasi yang selalunya berlaku di tanah air orang lain; telah menjejaskan kebanyakan daripada pelan tindakan sosial agensi PBB. Usaha pembangunan antarabangsa dirancang mengikut tahap sokongan yang diberikan oleh negara membangun kepada salah satu daripada dua kuasa besar tersebut. Rantau kita menjadi tapak manipulasi dan medan perang bagi kuasa besar. Negara membangun dan rakyatnya pula hanya menjadi boneka.

Kehancuran, penderitaan yang ditanggung dan ketidakadilan yang berlaku, melumpuhkan kebanyakan negara ini menyebabkan mereka tidak mampu membuat penyesuaian yang perlu untuk menghadapi cabaran masa kini dan akan datang. Afghanistan, Somalia dan banyak lagi negara lain adalah antara negara yang rosak binasa; prasarana negaranya musnah dan hidup rakyatnya porak-peranda. Proses peminggiran ini berterusan sehingga kini, meskipun terdapat kemajuan dalam bidang sains dan teknologi.

Ucapan yang disampaikan di Sidang Kemuncak Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pembangunan Sosial di Copenhagen, Denmark, pada 11 Mac 1995.

Bagi masyarakat dunia, sebahagian besarnya bukan sahaja dilanda kemiskinan. Apa yang lebih malang, mereka hilang maruah diri. Kita dapat saksikan lebih daripada satu bilion orang terjebak dalam kancah kemiskinan yang melarat, menyebabkan mereka dilabelkan sebagai makhluk hina untuk selama-lamanya. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sedang menghadapi aliran keluar pelarian antarabangsa yang sangat banyak, iaitu seramai 19.7 juta orang. Diakui bahawa penghijrahan merupakan mimpi ngeri bagi negara maju tetapi penghijrahan juga menyebabkan peralihan tempat dan pengaliran keluar sumber manusia asas yang serius di negara membangun. Lebih malang lagi, negara maju hanya mengalu-alukan kedatangan mereka yang mahir dan berpendidikan.

Walaupun semasa masyarakat antarabangsa mengorak langkah penentuan yang pertama ke alaf baru, kita pasti cemas dengan kemunculan 'negara gencat' akibat perpecahan dan kehancuran negara itu sendiri. Detik dua belas malam menjelang kemerdekaan tidak dapat dikekalkan tuahnya. Pembangunan negara terhalang dan semakin merosot, malah harapan rakyat terus dihampakan. Apa yang menjadi paradoks, ialah ia berlaku ketika kemajuan sains dan teknologi kualitatif sepatutnya paling banyak memanfaatkan mereka yang sangat miskin.

Di kalangan negara maju sekalipun, unsur negara gencat ini dapat dikesan. Percanggahan dan perbezaan timbul, menunjukkan kemungkinan wujudnya kelemahan di peringkat negara. Kita dapat melihat gejala kemiskinan, tunawisma dan pengangguran yang serius, serta jenayah dan dadah menulari kelompok masyarakat ini, walau dalam negara paling maju sekalipun. Negara ini juga patut belajar daripada kesilapan; perubahan dan penyesuaian perlu dilakukan, terutama sekali tentang pendapatan dan penggunaan tinggi yang tidak dikawal dan dibendung, serta keruntuhan dan kemerosotan nilai akhlak masyarakat mereka. Negara ini, yang sepatutnya menjadi penggerak pertumbuhan dunia dan contoh piawai yang sempurna, mungkin akan berjaya melaksanakan perubahan ini dan tidak hanya mendabik dada dan berkhutbah kepada negara lain.

Kita juga melihat aspek perkauman dan isu etnik yang mencabar di negara ini. Kemerosotan ekonomi dan kelesuan masyarakat dalam beberapa kejadian menghamburkan sikap perikemanusiaan masa lalu. Sasaran yang dipersetujui di peringkat antarabangsa, seperti 0.7 peratus bagi ODA yang berulang kali diperkatakan dalam Sidang Kemuncak di Rio pada 1992, sebahagian besarnya telah dilupai. Sikap bertolak ansur semakin berkurangan, ditambah pula dengan desakan keras tentang kesamaan dalam satu kumpulan dan satu perunggu nilai. Contohnya, pemakaian tudung ke sekolah di Eropah baru-baru ini menjadi isu yang menggemparkan. Implikasinya amat membimbangkan. Masa depan manusia mestilah menjurus ke arah globa-

lisasi, kemajmukan dan kepelbagaian budaya, bukannya keistimewaan kepada sesebuah rantau dan blok, serta keunggulan satu perunggu nilai sahaja.

Kita tidak berdaya melakukan apa-apa ketika keganasan berlaku di Bosnia dan Rwanda. Semua pengaruh politik di Eropah tidak dapat menyelamatkan ribuan jiwa yang terkorban di Bosnia. Chechnya adalah masalah dalam negeri. Tetapi bukan Tian An Men. Jentera Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak mampu menentang dan menghalang pembunuhan beramai-ramai di Rwanda. Malah, tindakan pertama mereka adalah berundur daripada masalah.

Sejak berakhir Perang Dingin, masyarakat antarabangsa bertemu di banyak persimpangan dan titik penentuan, tetapi kita gagal mencapai kata sepakat dalam hampir setiap pertemuan. Kita bertemu dalam satu seminar besar ke seminar yang lain, menyatakan hasrat murni untuk mengadakan program tindakan global, tetapi kita tidak pernah mewujudkan kaedah pelaksanaan yang memuaskan. Kita seolah-olah teraba-raba dan keliru untuk memberi makna kepada kesalinghubungan global, tetapi akhirnya kita hanya bersikap retorik, tidak mampu membezakan antara kepentingan diri dengan perlindungan dan kesejahteraan umat serta kebaikan planet ini.

Beberapa tahun kebelakangan ini, konsep pembangunan berubah daripada sasaran ekonomi buatan kepada pendapatan ekonomi sebenar, melindungi keperluan insan dan mengoptimumkan tenaga manusia di pusat pembangunan. Jelas sekali, pasaran bebas dan hak asasi tertentu manusia semata-mata, tidak dapat menyempurnakan tugas ini. Malangnya, kegagalan komunisme dan sosialisme Fabian tidak kita ambil sebagai pengajaran. Walaupun kapitalisme dan pasaran bebas ada kelemahannya, hanya satu model barat dapat dijadikan teladan. Kegagalan utama bagi apa yang dikatakan penggerak pertumbuhan, tidak diketahui. Pada masa yang sama, kejayaan ekonomi Asia dan Amerika Latin tidak dianggap sebagai penggerak berpotensi. Sebaliknya, pertumbuhan pesat di kawasan ini dianggap sebagai ancaman kepada perindustrian di Utara. Ia seolah-olah dasar yang dipersetujui untuk mengkategorikan mereka dan menyekat jalan mereka.

Negara membangun sepatutnya tidak terus dipandang sebagai lubang yang amat dalam untuk dihubungankan dengan sebaran dan program kebajikan barat yang sia-sia. Negara membangun mesti diletakkan di tempat yang sepatutnya, sebagaimana pembentukan G7 yang patut dianggap sebagai benar-benar ketinggalan zaman. Semua ini memerlukan perubahan besar dalam persepsi politik. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu juga sepatutnya tidak lagi dijadikan wadah untuk mendisiplinkan negara membangun atas dasar model barat, iaitu 'satu ukuran untuk semua'.

Teras pembangunan terletak pada isu kerajaan dan masyarakat. Jika kerajaan terus gagal menjalankan tanggungjawab, sudah pasti mereka perlu

menarik diri. Isu urus tadbir dan kebertanggungjawaban yang diberi mandat baru melalui proses demokrasi, terpakai untuk semua, bukan untuk negara membangun sahaja. Pemberian kuasa mesti mengambil kira kumpulan yang lemah, wanita dan kaum minoriti yang wujud dalam semua masyarakat. Dalam hal ini, banyak kemajuan telah dicapai oleh negara membangun. Zaman pemimpin separuh dewa sudah lama berlalu.

Di Asia Tenggara, apabila perubahan ditangani dengan berkesan, banyak penilaian dibuat. Kesilapan besar oleh negara Barat tidak akan diulangi. Kaitan antara kerajaan dan tujuan terfokus negara melalui masyarakat dorong, tetap menjadi prasyarat pembangunan. Kita telah meninggalkan konsep sosialis negara kebajikan untuk membina masyarakat dorong kerja yang terlibat sepenuhnya.

Bagi Malaysia, pertumbuhan akan disemai dengan kesaksamaan dan tanggungjawab sosial. Walaupun kita cuba memanfaatkan unsur positif globalisasi, iaitu semasa pergerakan pantas modal, teknologi dan pasaran sering mendahului kerajaan, kita tetap komited terhadap sekatan pendapatan dan ketaksamaan peluang. Saya yakin, kita akan mencapai sasaran pertumbuhan berkualiti dan memperbaiki taraf hidup setiap warga Malaysia, yang menjadi sumber gabungan dalam suasana kemajmukan dan kepelbagaian budaya.

Dalam tempoh 25 tahun pertama kemerdekaan, semasa kerajaan Malaysia memegang peranan utama dalam usaha membentuk semula masyarakat, sektor swasta bukan sahaja terlibat dalam proses pembentukan semula tersebut, malah diberi tanggungjawab membuka peluang pertumbuhan ekonomi, bagi mencapai matlamat negara sebagai negara ekonomi maju menjelang 2020.

Kami berazam untuk membangunkan negara mengikut acuan kami sendiri di samping semua sudut lain; ekonomi, sosial, politik, semangat, psikologi, dan budaya. Wawasannya adalah membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang demokrasi, bertolak ansur dan prihatin, adil dan saksama dari segi ekonomi, maju dan makmur serta mengawal sepenuhnya ekonomi yang berdaya saing, dinamik, mantap, dan kukuh.

Walaupun kami dan negara jiran cuba mengusahakan kemajuan ekonomi, kami hanya mampu mengeluh terhadap bebanan luar yang mengancam untuk memesongkan kami. Kami prihatin terhadap tekanan dan cara lain yang dilakukan sesetengah negara di sebelah Utara untuk menghakis kelebihan persaingan kami yang terhad, tenaga kerja tertentu dan sumber asli kami. Negara Utara mengeksploitasi sepenuhnya aset ini di negara mereka dan di negara kami apabila mereka menjajah. Kini, mereka cuba menghalang pertumbuhan kami dengan melibatkan hak asasi manusia, fasal sosial dan keadaan alam sekitar. Adakah mereka menitikberatkan hal ini sewaktu mereka berada dalam tahap pembangunan seperti kami?

Bab 25

MALAYSIA DAN CHINA DALAM ABAD KE-21: KEMAKMURAN MELALUI KERJASAMA

SUDAH tiba masanya untuk kita berhenti menganggap China sebagai suatu ancaman, tetapi melihatnya sebagai peluang yang benar-benar terbuka luas. Tanggapan bahawa China merupakan ancaman sememangnya tanggapan yang popular. Malaysia sendiri pernah berpandangan sebegini, tetapi pada ketika itu, Parti Komunis Malaya diilhami dan disokong oleh Parti Komunis China, dan rasa takut terhadap tali barut China di Asia Tenggara cukup kuat.

Jangan sekali-kali kita menjadi bodoh dan bersikap lurus. Kita mesti sentiasa realistik dan bersedia. Akan tetapi, masa begitu cepat berubah. Malaysia adalah salah satu negara yang menyedari perubahan ini. Kita tidak lagi menganggap China sebagai ancaman. Kita tidak percaya kepada permusuhan. Kita tidak boleh membiarkan masa lalu menentukan masa depan kita buat selama-lamanya.

Walau bagaimanapun, kebanyakan negara dan pemikir yang mempunyai corak pemikiran strategik yang berakar umbi semasa Perang Dingin, masih berpegang teguh pada tanggapan tentang China, yang telah sebatik dalam diri mereka. Berakhirnya Perang Dingin tidak melunturkan kepercayaan ini. Sebaliknya, ia mungkin menguatkan lagi prasangka ini. Saya percaya, ramai yang berasa tidak selamat atau senang hati kecuali jika mereka dapat melihat dengan jelas ancaman tersebut. Dunia tanpa ancaman sememangnya suatu kemungkinan yang menakutkan. Dan China dipilih sebagai sasaran kera-

Ucapan yang disampaikan di Persidangan Perdagangan dan Pelaburan Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia, pada 23 Januari 1995.

na saiznya, ideologinya, ekonominya yang berkembang, perbelanjaan ketenteraannya yang meningkat baru-baru ini, sikapnya yang tidak suka menghebahkan hal-ehwal dalam negerinya, dan prasangka yang semakin meningkat terhadapnya semasa Perang Dingin sepanjang setengah abad. Jika kita tidak takut kepada China, kepada siapa pula harus kita takut?

Pada pandangan saya, menganggap China sebagai suatu ancaman dan membentuk hal-ehwal keselamatan kita berasaskan premis ini bukan sahaja dasar yang salah, tetapi juga tidak baik dan berbahaya. Kita perlu, pada asasnya, menilai semula tanggapan kita tentang apa yang dikatakan ancaman oleh China ini.

Hampir setiap hari, kita disogokkan dengan kepercayaan bahawa China merupakan ancaman kerana hasratnya untuk menguasai negara lain dan mengembangkan wilayahnya. Perbelanjaan ketenteraannya yang meningkat sejak kebelakangan ini, yang dipertikaikan, juga menjadi bukti. Setiap hari kita diberitahu bahawa kehadiran Amerika Syarikat yang berkurangan di rantau ini akan mendorong China—dan juga beberapa kuasa serantau lain—untuk menguasai rantau ini. Akhirnya, sesetengah pihak memburukkan lagi keadaan dengan mengatakan bahawa China akan menjadi protagonis utama menentang 'Barat' dalam pertembungan tamadun.

Kini, tiada sesiapa pun benar-benar mempercayai pendapat yang mengatakan China berazam untuk menyebarkan ideologi komunisnya. Oleh itu, kita boleh menguburkan andaian tentang ancaman kegiatan subversif ideologi dan perubahan secara besar-besaran.

Adakah China akhirnya berhasrat menguasai negara lain? Saya tidak pasti. Kuasa besar, tidak dapat tidak, tetap akan membayangi negara jiran mereka. Terang atau gelapnya bayang-bayang itu tidak hanya bergantung pada kuasa tersebut, tetapi juga pada negara yang dibayangkannya. Elok juga kita mengenang kembali betapa negara Melayu, walaupun kecil berbanding jiran mereka, terus bertahan meskipun berjiran dengan banyak negara yang sangat besar dan berkuasa. Mereka menyerah kalah hanya apabila kuasa luar campur tangan.

Adakah China akan menggunakan kuasa tentera untuk meneruskan hasratnya di rantau ini? Untuk menjawab soalan ini, kita mesti mengamati sejarah pengurusan China dan kecenderungannya untuk mencari jalan keluar dengan menggunakan kuasa tentera.

Berapa kalikah pada masa lalu, China menghantar angkatan tenteranya menyeberangi sempadan untuk menyerang dan menduduki negara lain? Sebaliknya, berapa kalikah China diserang dan sebahagian negaranya diduduki? Berapa banyakkah negara yang pernah dijajahinya? Berapa banyakkah pangkalan tentera yang dibina oleh China di luar negara untuk mengekalkan kuasanya? Dan dengan berapa banyak negarakah China mengikat perjanjian

untuk pertahanan atau selainya?

Banyak yang telah dibuat berhubung dengan perbelanjaan pertahanan China yang meningkat. Jika dikira daripada statistik terkini yang terdapat dalam *SIPRI Yearbook* rasmi terbitan kumpulan pemikir Sweden yang sangat terkenal, dengan harga dan kadar tukaran mata wang yang tetap pada 1985, belanjawan ketenteraan China meningkat daripada ASS5,965 juta pada 1985 kepada ASS6,387 juta pada 1993, iaitu peningkatan sebanyak 7.07 peratus. Secara perbandingan, belanjawan ketenteraan Korea Selatan meningkat sebanyak 51.63 peratus sepanjang tempoh yang sama, manakala perbelanjaan ketenteraan Jepun pula meningkat sebanyak 29.76 peratus.

Terlalu memikirkan tentang peningkatan perbelanjaan ketenteraan China juga mengaburkan banyak perkara penting yang lain. Contohnya, ia mengaburkan hakikat bahawa walaupun Jepun mengikat perjanjian pertahanan dengan Amerika Syarikat, ia berbelanja lebih banyak untuk tenteranya berbanding negara China yang lebih besar, yang sepatutnya tidak bergantung sepenuhnya pada negara lain. Jepun berbelanja tiga kali ganda lebih banyak daripada China pada 1994. Malah, Korea Selatan pun berbelanja lebih banyak daripada China.

Isu terkini *The Military Balance* yang diterbitkan di London, menganggarkan perbelanjaan ketenteraan China, dari segi kesamaan kuasa beli, adalah sebanyak ASS27.4 bilion. Peruntukan belanjawan Amerika Syarikat untuk tahun yang sama ialah 10 kali ganda lebih banyak—iaitu ASS276.1 bilion. Jika perbelanjaan ketenteraan yang tinggi bagi Amerika Syarikat dan Jepun boleh dianggap tidak berbahaya dan tidak mengancam, mungkin kita juga boleh tidur lena, tanpa bermimpi yang buruk-buruk, selepas melihat perbelanjaan ketenteraan China sendiri.

Atas sebab ini dan sebab munasabah yang lain, Malaysia tidak akan memandang China sebagai ancaman tentera atau politik. Kami lebih suka menganggapnya sebagai rakan dan rakan niaga dalam usaha mencapai keamanan dan kemakmuran negara dan rantau ini.

Masa depan tentunya boleh berubah. Akan tetapi selagi perkara ini belum berlaku, kami percaya China benar-benar komited untuk mengekalkan persekitaran rantau yang aman dan selamat. China mahukan persekitaran sebegitu untuk kepentingan politik negara dan ekonominya sendiri. China yakin, seperti juga kami, bahawa keamanan ialah prasyarat untuk pembangunan dalamannya sendiri. Keyakinan ini tidak mungkin berubah pada masa depan yang dapat dijangka.

Cukuplah setakat ini tentang China sebagai ancaman tentera dan politik. Bagaimana pula China sebagai ancaman ekonomi? Sekali lagi, keadaan boleh berubah. Namun, saya lebih suka melihat China bukan sebagai ancaman ekonomi tetapi sebagai peluang ekonomi.

Jika kita begitu bodoh untuk menentang China secara bersemuka, iaitu bersaing dengan China dalam bidang yang paling dikuasai olehnya di dunia, maka kita pasti akan kalah teruk. Sesetengah negara mungkin tidak ada pilihan. Mereka mempunyai kelebihan bandingan yang sama seperti China tetapi tidak memiliki saiznya. Akan tetapi, Malaysia mempunyai pilihan. Kami hilang kelebihan bandingan dari segi kos buruh yang murah, contohnya, melalui persaingan.

Kami perlu lebih bersifat padat modal dan teknologi; kami perlu lebihkan nilai tambah dan mengurangkan padat buruh. Kami perlu memanfaatkan sepenuhnya sumber yang dimiliki dari segi bahan, aset tenaga manusia dan pengalaman luas yang terhimpun semasa mentadbir negara dan organisasi lain, khususnya sistem undang-undang dan rangka kerja yang dalam batasnya kami berfungsi.

Walaupun kita boleh maju melalui kerjasama, izinkan saya menyebut secara ringkas, bahawa kita juga boleh saling membantu dan makmur melalui persaingan, iaitu bersaing sesama sendiri.

Kami di Malaysia menerima pakai strategi menyara hidup melalui hubungan dengan seluruh dunia luar. Untuk melakukannya, iaitu menggunakan pasaran antarabangsa, kami mesti mampu bersaing dan mengalahkan semua pesaing jika boleh. Pesaing paling hebat ialah rakan terbaik kami kerana mereka memaksa kami menjadi bertambah baik.

Bayangkan satu perlumbaan yang memaksa kita berlumba dengan orang yang lemah dan tidak layak. Kita tidak akan meningkat ke tahap paling tinggi yang mampu kita capai, sebaliknya apabila tiba masanya kita akan menjadi hampir-hampir selemah dan tidak layak seperti mereka juga.

Dalam hal seumpama inilah, persaingan sengit daripada China menepati maksud dan kepentingan kita. Dan, kita mestilah mampu menyahut cabaran paling hebat antara semua cabaran ekonomi ini.

Walaupun negara sebesar China perlu cemerlang dan berdaya saing dalam banyak acara sukan, tetapi mujurlah negara sekecil Malaysia hanya perlu cemerlang dalam beberapa acara sahaja untuk maju. China tidak boleh menjadi pemain pangsa. Kamilah yang perlu menjadi pemain pangsa. Kami mesti mencari, memperoleh dan terus mencari pangsa kami.

Saya telahpun menjelaskan bahawa Malaysia dan China boleh menjadi rakan serantau dalam mewujudkan keamanan bersama di Asia Timur. Seperti zon keamanan yang kita wujudkan dalam Asean untuk komuniti Asean dan usaha mengembangkannya ke seluruh Asia Tenggara, China bersama-sama negara lain di Asia Timur hendaklah mula membina zon keamanan bersama di kalangan kita.

Keamanan bersama bermula di negara sendiri. Memastikan keamanan dan kedamaian dalam negara sendiri merupakan salah satu sumbangan

terbesar yang dapat diberikan oleh sesebuah negara kepada jiran dan rantau-nya. Ia adalah bentuk asas 'kerjasama'.

Memastikan hubungan persahabatan dua hala antara kita dengan jiran serantau dan membantu mengukuhkan hubungan dua hala yang produktif, juga sama pentingnya. Tindakan ini juga merupakan suatu 'kerjasama'. Membina proses damai dan memupuk keyakinan serta kesejahteraan di peringkat serantau berbilang hala juga merupakan sumbangan asas.

Malaysia dan China boleh dan perlu bekerjasama dalam ketiga-tiga peringkat ini.

Saya percaya bahawa membina rantau kemakmuran bersama di Asia Timur sama pentingnya dengan membina rantau keamanan bersama di situ.

Sekali lagi, kemakmuran bersama bermula di negara sendiri. Kita semua mesti memastikan ekonomi yang mansang dan pertumbuhan yang mampan dalam negeri kita.

Di peringkat kerjasama dua hala, banyak yang boleh dan mesti dilakukan. Oleh sebab idea ini agak baru, izinkan saya mengulangi tentang kepentingan menerima pakai dasar 'memakmurkan jiran anda'.

Dua bulan lalu, dalam mesyuarat antarabangsa di Pulau Pinang, saya menyuarakan kebimbangan tentang dasar 'memiskinkan jiran anda' kerana kini dasar ini lebih popular di kalangan negara terbesar berbanding tahun-tahun sebelum ini sejak 1930-an. Saya berhujah dengan hebat menyokong penggunaan dasar 'memakmurkan jiran anda'. Kami di Asia Timur telah menerima pakai prinsip asas ini, dengan memperoleh hasil paling produktif untuk negara kami sendiri. Sehubungan itu, kami juga amat berminat untuk melihat Eropah, Amerika Utara, malah seluruh dunia makmur.

Berhubung dengan ikatan Malaysia-China, saya ingin menyatakan bahawa batasan wujud hanya kerana kreativiti dan sumber kita. Kedua-duanya, sukacita saya maklumkan, lebih banyak daripada yang kita sangkakan.

Dua hari lagi, anda akan diberitahu tentang peluang yang sangat besar di China. Akan ada statistik dan fakta hebat yang cukup untuk mencabar minda dan imaginasi.

Izinkan saya memberikan beberapa ulasan tentang rantau ini.

Kini, dalam istilah kesamaan kuasa beli, dan tanpa mengambil kira kadar pertumbuhan mampan di Asia Timur yang belum pernah berlaku dalam sejarah manusia, ekonomi Amerika Syarikat, setakat ini, masih lagi yang terbesar di dunia. Jepun, yang kedua terbesar dan China, yang ketiga terbesar, apabila digabungkan kedua-duanya, mencecah 80 peratus saiz ekonomi Amerika Syarikat. India, selepas Jerman dan Perancis, ialah negara keenam terbesar ekonominya. Indonesia berada di tempat yang kedua belas dan Korea Selatan di tempat kelima belas.

Kini, Bank Dunia meramalkan menjelang 2020, iaitu hanya suku abad dari sekarang, China akan menjadi 40 peratus lebih besar daripada Amerika Syarikat. Tempat ketiga ialah Jepun, keempat India, dan kelima Indonesia.

Menurut ramalan, enam daripada ekonomi terbesar dunia adalah dari Asia Timur.

Pada pendapat saya, secara realitinya, perkara ini tidak akan dibiarkan berlaku. Ia hanya akan berlaku jika kita berganding bahu, bekerjasama, berpadu tenaga, dan menggabungkan kuasa kita—tanpa niat buruk terhadap sesiapa. Ia hanya akan berlaku jika—tanpa konfrontasi dan permusuhan—kita bekerjasama untuk kemakmuran bersama. Dalam proses ini, EAEC perlu memainkan peranan. Dan, dalam konteks EAEC, untuk perhatian, izinkan saya sekali lagi merakamkan penghargaan saya ke atas kenegarawanan, sokongan dan kepemimpinan China.

Seperti yang anda sedia maklum, Malaysia telah melancarkan rancangan generasi yang dinamai Wawasan 2020. Sejak 1991, tujuan kami adalah untuk menggandakan Keluaran Dalam Negara Kasar bagi setiap 10 tahun, supaya menjelang tahun 2020, KDNK kami akan bertambah lapan kali ganda dan taraf hidup kami akan meningkat empat kali ganda. Jika rancangan tiga puluh tahun kami berjaya, taraf hidup kami akan hampir setanding dengan taraf hidup di Amerika Syarikat sekarang ini, walaupun diharapkan agihan pendapatan kami lebih baik daripada yang dinikmati masyarakat Amerika hari ini.

Setakat ini, kami mendahului perancangan. Dengan kadar pertumbuhan yang kami capai sejak pelancaran Wawasan 2020, kami akan melangkah ke tahun 2020, pastinya sebelum menjelang 2020. Saya ingin menyatakan bahawa, jelas sekali kadar pertumbuhan kami masih kekal 8 peratus setahun, tahun demi tahun selama satu generasi, melainkan sejarah membuktikan apa yang mampu dilakukan oleh ekonomi negara Asia Timur yang lain.

Malah, sepanjang sejarah, kami memiliki cara yang membolehkan kami mendapat laluan mudah untuk mencapai jauh ke dalam teras ekonomi Indonesia, yang diramalkan menjadi ekonomi kelima terbesar di dunia menjelang 2020.

Kami mempunyai jalan untuk mencapai ekonomi India yang dijangka menjadi ekonomi keempat terbesar di dunia menjelang 2020.

Dengan semangat dan kerja keras, kami berada dalam kedudukan yang baik untuk mencapai ekonomi Jepun, ekonomi yang ketiga terbesar di dunia menjelang 2020.

Melalui hubungan turun-temurun dan pengalaman, kami berada dalam kedudukan yang baik untuk mencapai seluruh ekonomi Amerika yang besar ini, yang akan menjadi ekonomi kedua terbesar di dunia pada 2020.

Kami juga berada dalam kedudukan yang amat baik dan bersedia untuk

mengambil segala peluang yang diberikan kepada kami, oleh negara yang setakat ini akan menjadi ekonomi terbesar di dunia menjelang 2020, iaitu China.

Kami tidak boleh hilang pertimbangan. Kami perlu sentiasa serius, untuk mengekalkan keseimbangan yang sewajarnya, untuk mencapai kematangan. Sementara itu, saya ingin menyeru kepada semua rakyat Malaysia supaya memanfaatkan sepenuhnya hubungan baik yang terjalin antara Malaysia dengan China. Saya ingin menasihati semua warga Malaysia agar merebut pelbagai peluang yang ditawarkan oleh China.

Bab 26

PEMBANGUNAN ASIA TIMUR: PENCAPAIAN DAN CABARAN

DALAM suku abad yang lalu, ekonomi kami berkembang pada kadar purata hampir 7 peratus setahun. Dalam tujuh tahun lalu pula, ekonomi kami berkembang pada kadar 8.4 peratus setahun dengan purata kadar inflasi sebanyak 3.6 peratus. Menjelang 2020, kami berharap untuk berkembang pada kadar purata 7 peratus setahun. Jika kami berjaya mencapainya, kami akan menjadi negara maju menjelang tahun tersebut, dengan taraf hidup yang setanding dengan Amerika Syarikat sekarang.

Kami berbangga dengan hakikat bahawa kami merupakan negara pertama dalam Dunia Bebas yang berjaya menentang pemberontakan komunis. Kami berbangga dengan hakikat bahawa tidak lama lagi, saya tidak dapat menyatakannya bila, kami akan mengadakan pilihan raya umum yang kesepuluh. Kami berbangga kerana sejak 1955, apabila kami mengadakan pilihan raya yang pertama untuk memilih kerajaan pertama yang menyokong kemerdekaan, kami telah mengadakan lapan pilihan raya yang benar-benar bebas: pada 1959, 1964, 1969, 1974, 1978, 1982, 1986, dan 1990 dengan parti pembangkang bukan sahaja memenangi kerusi yang dipertandingkan, malah berjaya mengambil alih kerajaan negeri. Ini merupakan suatu rekod bagi sebuah negara demokrasi yang sedang membangun dan baru merdeka.

Kami adalah sebuah negara demokrasi, walaupun menjadi bahan tawaan dan sindiran. Negara berbilang bangsa dan agama seperti Malaysia, dengan segala cabaran dan masalahnya, tidak akan dapat bertahan dan makmur

Ucapan yang disampaikan di Dialog Pasifik Pertama di Pulau Pinang, Malaysia, pada 13 November 1994.

tanpa demokrasi yang sihat dan mampan. Hanya Tuhan sahaja yang mengetahui apa akan terjadi jika kami menerima pakai bentuk demokrasi Sweden atau Itali mahupun demokrasi Jepun. Saya menyatakan ini tanpa memaksudkan bahawa sistem ini ada celanya, tetapi demokrasi mestilah diterapkan dan disesuaikan mengikut negara dan budaya.

Kami pasti tidak akan berjaya tanpa keamanan, kestabilan politik dan peraturan undang-undang yang terjamin. Kami juga tidak akan berjaya jika kami mengamalkan rasuah seperti yang dilaporkan. Negara yang mengamalkan rasuah tidak akan mencapai pertumbuhan sebanyak 8 peratus dan kestabilan politik. Saya tidak akan menyatakan apa-apa tentang kesahihan kritikan yang pernah dilemparkan berkenaan negara ini.

Kerajaan juga harus diberikan penghargaan. Walau bagaimanapun, biar saya katakan bahawa Malaysia tidak akan mencapai apa yang dicapainya sekarang, jika tidak kerana rakyatnya yang sanggup berkorban dalam memperjuangkan keamanan dan masa depan. Rakyat sanggup berhempas-pulas untuk membina negara ini. Keadaan Malaysia sekarang ini sebahagian besarnya merupakan hasil kecerdikan, ketabahan dan titik peluh rakyat Malaysia.

Saya juga ingin menambah bahawa perjalanan kami tidak akan sampai hingga ke tahap ini tanpa sumbangan rakan kami dari luar negara. Dan rakyat Malaysia tidak mungkin terfikir untuk menuju ke puncak kejayaan pada tahun 2020 yang akan datang, tanpa sumbangan besar rakan kami dari luar negara. Ia sama sekali tidak boleh dilakukan.

Demi merealisasikan wawasan inilah, maka saya ingin menekankan kepada anda betapa pentingnya mendapatkan pelaburan, teknologi dan kemahiran Amerika dengan sebanyak mungkin. Banyak yang telah dilakukan sebelum ini. Namun saya rasa, usaha ini masih belum mencukupi. Banyak lagi yang perlu diusahakan.

Menurut kedutaan AS, Amerika Syarikat kini menjual lebih banyak ke Malaysia daripada ke semua negara Eropah Timur, termasuk Rusia. Ini suatu petanda baik. Sememangnya sesuatu yang baik. Walau bagaimanapun, saya percaya bahawa perdagangan antara Malaysia dengan Amerika Syarikat patut ditingkatkan lagi.

Firma Amerika mempunyai reputasi yang agak baik bagi pemindahan teknologi. Kami ingin melihat reputasi mereka bertambah baik lagi.

Apa yang saya katakan tentang Amerika Syarikat juga ditujukan kepada semua ekonomi negara yang diwakili dalam dewan ini, malah kepada semua ekonomi negara lain. Jepun, yang pasti, memainkan peranan paling penting dalam arus pembangunan Malaysia. Sesetengah negara menganggap Jepun kini sebuah negara masa lampau. Saya yakin ia tetap sebuah negara masa depan.

Izinkan saya beralih kepada isu yang lebih luas.

Benarkan saya memberikan tumpuan kepada tiga perkara sahaja. Pertama, saya akan mengutarakan kes paling kukuh bagi corak pemikiran baru dan perjuangan baru yang harus disertai semua negara yang ada di sini. Saya amat yakin bahawa kita mesti bekerjasama buat pertama kali dalam sejarah manusia, untuk membentuk Komanwel sejagat yang ditubuhkan atas dasar kemakmuran bersama.

Kedua, kita mesti mengalu-alukan, melibatkan, meyakinkan, dan mengheret seluruh dunia dalam usaha mewujudkan kemakmuran Asia Timur pada masa hadapan. Ia bukan sahaja baik untuk Asia Timur. Ia juga baik untuk seluruh dunia.

Ketiga, kita mesti berusaha untuk mewujudkan satu orde baru dunia yang terjamin, bukan sahaja demi kemakmuran bersama tetapi juga kesefahaman bersama dan sikap saling menghormati.

Kebanyakan kita dalam dewan ini amat bimbang tentang tarikan dasar 'memiskinkan jiran anda' yang semakin kuat. Ada rantau yang terlalu asyik dengan hal dalamnya, sehingga tidak sedar negara lain bergerak dengan pantas—dan meninggalkan mereka. Ada juga rantau yang berisiko untuk memandang ke dalam. Terdapat bahaya wujudnya blok perdagangan yang memandang ke dalam.

Saya tidak mengkritik keserantauan. Tidak sama sekali. Setelah suku abad, kita, komuniti Asean, benar-benar maklum akan ganjaran langsung yang hebat dan juga akibat tidak langsung yang luar biasa bagi keseluruhan pengalaman Asean. Kita mewujudkan bukan sahaja masyarakat yang aman dan stabil, tetapi juga masyarakat yang komited melalui tindak tanduk dan tutur kata terhadap keserantauan terbuka.

Selagi komitmen terhadap keserantauan terbuka ini wujud, iaitu pendedahan rantau dipatuhi, saya percaya setiap rantau mempunyai hak untuk pengurusan sendiri dan kerjasama antara mereka. Sesungguhnya, jika wujud komitmen seperti ini untuk keserantauan terbuka dan percubaan seperti ini untuk membuka rantau, maka negara rantau ini mempunyai tanggungjawab untuk bekerjasama, dan oleh itu menyumbang kepada globalisasi terbuka.

Namun begitu, adakah sesiapa di sini yang tidak bimbang akan desakan penyokong dasar perlindungan yang semakin menular pada peringkat rantau dan juga negara, malah desakan daripada penyokong perdagangan bebas yang dahulu?

Apabila tamatnya Perang Dingin, buat pertama kali dalam sejarah manusia, kita berpeluang membangunkan satu-satunya sistem ekonomi global. Dengan masa dan daya globalisasi, perkara ini pasti berlaku. Apa yang harus dipastikan oleh pemimpin yang berpandangan jauh dan penuh kesedaran adalah satu-satunya sistem ekonomi global akan wujud secepat mungkin. Kita perlu memastikan kemakmuran yang maksimum dapat diberikan ke-

pada seberapa ramai orang yang boleh. Kita perlu memastikan bahawa kita membentuk Komanwel global yang makmur.

Pada tahun 1930-an, dasar 'memiskinkan jiran anda' amat berleluasa. Semasa Perang Dingin, dasar 'memakmurkan rakan anda' dan 'memiskinkan musuh anda' mula goyah. Kini, tibalah masanya untuk kita semua menerima pakai dasar 'memakmurkan jiran anda'. Itulah yang cuba dilakukan oleh kami dalam Asean untuk Asia Tenggara yang lebih luas. Kita berusaha keras ke arah itu.

Inilah yang sengaja dilakukan oleh negara di Asia Timur. Usaha ini tidaklah begitu mulia kerana kita melakukannya demi kepentingan kita sendiri, lebih daripada kerana menyayangi jiran atau rantau kita.

Bayangkan apakah kesannya jika semua negara di planet ini berpandangan seperti ini dan melaksanakan dasar ini dengan giat? Bayangkan akibatnya jika dasar 'memakmurkan jiran anda' dan ideologi kemakmuran bersama berleluasa? Abad ke-21 ini akan menjadi abad yang paling mewah dan hebat dalam sejarah manusia.

Dunia bergerak selangkah ke hadapan apabila selesainya Rundingan Pusingan Uruguay dan apabila GATT tidak lagi menjadi bahan jenaka: GATT bermaksud *General Agreement to Talk and Talk* (Perjanjian Am untuk Bercakap dan Terus Bercakap). Hasil rundingan amat perlu diiktiraf dengan segera. Amat penting untuk melaksanakan apa yang telah dipersetujui dan berusaha untuk pergi lebih jauh, ke arah liberalisasi dan kebebasan ekonomi global yang lebih cemerlang.

Saya berbangga Malaysia mengiktiraf perjanjian GATT pada 6 September tahun ini. Kami antara negara pertama di dunia yang berbuat demikian. Selepas pengiktirafan ini, tahap perlindungan purata kami yang berpusatkan dagangan, menurun sehingga 8.5 peratus. Dalam Belanjawan baru-baru ini, kami pergi lebih jauh dengan mengambil langkah paling berani buat pertama kali, iaitu memansuhkan semua duti import sehalah ke atas 2,600 barangan.

Baik jika diperhujahkan bahawa tidak seperti kebanyakan ekonomi negara lain, ekonomi Malaysia berdaya saing dan amat terbuka kepada dunia, dengan pasaran yang memang sedia liberal. Tahap perlindungan kami sangat rendah. Oleh itu, Malaysia tidak rugi apa-apa jika negara lain bersifat terbuka dan taraf perlindungan di Asean, Asia Timur, Pasifik atau dunia turun ke tahap perlindungan seperti di Malaysia. Malaysia tidak akan rugi apa-apa, malah akan mendapat ganjaran yang lebih banyak.

Hujah ini secara dasarnya lemah kerana tujuan utama ekonomi sesebuah negara dibebaskan dan dibuka kepada negara luar, bukanlah untuk merundingkan pendedahan yang sama bagi pihak negara lain. Malah, pengasas agung bagi doktrin pasaran bebas abad ke-19 akan terkejut besar dengan hujah balas ini. Mereka percaya bahawa kebaikan utama membuka ekonomi

sebuah negara, lalu bersaing dengan semua negara luar, terutamanya yang paling berdaya saing, merupakan ganjaran bagi daya saing dan kekuatan negara tersebut. Inilah kewajaran bagi liberalisasi perdagangan. Prinsip mereka sememangnya tepat. Bagaimanakah lagi caranya ekonomi Malaysia boleh berdaya saing?

Tiada negara yang berdaya saing jika ia bergantung pada bantuan, dan dengan mengelak daripada bersaing dengan ekonomi yang terbaik dan paling berdaya saing. Tuhan menolong mereka yang mahu bersembunyi di belakang tembok perlindungan yang tinggi. Inilah formula yang pasti untuk kehancuran dan kelemahan.

Izinkan saya mengemukakan hujah saya yang kedua.

Pada suatu masa, tidak lama dahulu, Asia Timur terdiri daripada negara yang tidak berdaya saing, miskin, lembap, malah, lebih teruk daripada itu. Setiap negara tanpa pengecualian, pada suatu tahap selepas perang, putus harapan akibat kehilangan dan kematian. Janganlah kita lupa bahawa sehingga awal tahun 1950-an, masih terdapat laporan tentang orang Jepun yang mati akibat kekurangan zat makanan dan kebuluran. Kerajaan Jepun yang silih berganti berputus asa tentang kemungkinan Jepun akan menjadi negara yang berdaya saing dan mansang dari segi ekonomi.

Kini, hampir semua negara Asia Timur dipandang dengan penuh kekauguman. 'Keajaiban' adalah perkataan yang sering digunakan. Kita kerap dibandingkan dengan haiwan yang paling ganas dan digeruni. Rantau domino ini sekarang dilihat sebagai rantau dinamo. Jelas sekali, satu jenis revolusi ekonomi mula mengambil tempat.

Boleh dikatakan semua orang menjangkakan revolusi kumulatif ini akan berterusan sehingga abad ke-21. Siapalah saya untuk tidak bersetuju, apabila semua ramalan amat menggembirakan dan menyenangkan hati.

Apa yang kita, warga Asia Timur, harus pastikan adalah kita jangan cepat menyerah kalah. Kita tidak boleh mensia-siakan usaha jerih, titik peluh, dan kerja keras kita. Jangan sekali-kali kita menjadi bongkak. Saya sentiasa percaya bahawa sifat angkuh membawa kepada kejatuhan. Kita mesti sentiasa berpegang teguh pada sifat semula jadi orang Asia yang suka merendah diri.

Kita juga mesti berpegang teguh pada komitmen kita terhadap keserantauan terbuka. Berulang kali telah saya katakan bahawa ini bermakna, dalam apa jua usaha serantau yang kita jalankan, kita mestilah pertamanya meyakini usaha untuk membuka rantau kita secara lebih meluas. Kedua, kita mesti memastikan bahawa niat ditukarkan menjadi kenyataan. Rantau kita mesti dibuka lebih luas lagi. Inilah yang kita lihat berlaku di Asia Timur, terutamanya sepanjang dua dekad terakhir. Itulah sebabnya mengapa pada hari ini kita menjadi sangat dinamik dan berdaya saing.

Pada 1992, ekonomi serantau Asia Timur mengatasi ekonomi serantau Eropah Barat dan ekonomi serantau Amerika Utara dari segi kesamaan kuasa beli. Dari segi dolar AS, hal ini tidak akan terjadi sehingga kira-kira tahun 2000.

Walaupun orang Eropah memperhebat usaha mereka untuk mewujudkan satu-satunya ekonomi Eropah pada pertengahan 1980-an, Asia Timur masih lagi menjadi rantau bersepadu yang paling pantas di dunia. Untuk ini, kita sangat berterima kasih kepada Amerika kerana Plaza Accord. Dengan didorong sebahagian besarnya oleh pelaburan, perdagangan antara negara Asia Timur pada setengah tahun pertama 1990-an meningkat pada kadar 20 peratus setahun. Dengan perdagangan antara negara Asia Timur kekal pada 43 peratus, ekonomi serantau Asia Timur lebih bersepadu berbanding ekonomi serantau Nafta, dan berbeza daripada kes Eropah dan Nafta, penyepaduan serantau kita yang besar dan semakin pantas, didorong sepenuhnya oleh sektor swasta. Inilah kesan daripada kuasa pasaran. Pada tahun-tahun akan datang, keadaan haruslah kekal sebegini.

Ringkasnya, apa yang hendak saya tekankan adalah, kita mesti mengalulakan dengan hati terbuka, melibatkan diri dengan giat, meyakinkan dengan penuh bersemangat dan menarik Amerika Utara dan Eropah Barat, jika perlu, dengan memegang 'tengkuk' mereka, untuk mencorakkan masa depan ekonomi kita. Tanpa mengabaikan walau sesiapa pun, sewaktu menanam modal di mana-mana bahagian dunia, sasaran strategik utama kita sudah tentulah firma di Amerika Utara dan Eropah Barat daripada pelbagai saiz—daripada yang paling besar dan sederhana hinggalah yang kecil.

Kesatuan Eropah dan Bank Dunia pada masa ini, menyatakan bahawa menjelang tahun 2000, akan terdapat 400 juta penduduk Asia Timur dengan pendapatan per kapita yang sama seperti Amerika Utara dan Eropah Barat. Dengan kata lain, akan terdapat lebih ramai pengguna Asia Timur dengan kuasa beli yang tinggi berbanding pengguna Amerika Utara dan Eropah yang mempunyai kuasa beli yang sama. IMF berkata bahawa dari sekarang hingga tahun 2000, jumlah KDNK dunia akan meningkat sebanyak AS\$7.5 trilion. Lebih separuh daripada peningkatan tersebut akan disumbangkan oleh Asia Timur.

Meskipun semua perangkaan ini membingungkan, kebanyakan daripada kita tetap merasakan bahawa bahagian lain dunia kebanyakannya, masih perlu diberikan kesedaran tentang peluang di Asia Timur. Dan tentunya begitu banyak yang berpuas hati untuk menganggap kita hanya sebagai 'ancaman dari Asia Timur'.

Sekarang izinkan saya meneruskan hujah terakhir saya. Saya percaya bahawa kita betul-betul perlu membanyakkan sikap saling memahami dan saling menghormati.

Pada masa ini, ada yang melihat masa depan dari segi 'pertembungan tamadun'. Samuel P. Huntington menutup esainya berjudul *Foreign Affairs*, "The Clash of Civilisations" (1993) dengan menyeru kepada kewujudan bersama tamadun agung dunia. Saya berpendapat, Huntington betul-betul melakukan kesilapan dan haluan konfliknya sangat berbahaya. Akan tetapi, perkara yang ingin saya tekankan, adalah kewujudan bersama tidak memadai. Mengapa tidak kita tetapkan satu objektif yang lebih tinggi? Mengapa tidak saling memahami? Mengapa tidak saling menghargai dan menghormati?

Genap sebulan lepas, pada Sidang Kemuncak Eropah/Asia Timur yang dianjurkan oleh Forum Ekonomi Sedunia, saya mencabar orang Eropah untuk tidak setakat memahami kita, tetapi juga menghargai fahaman kemajmukan.

Urus tadbir yang buruk akan mengundang kutukan daripada seluruh umat manusia. Kekejaman tetap kekejaman walau di mana sahaja ia berlaku. Tiada kekejaman, dengan apa cara sekalipun, yang tidak begitu kejam, semata-mata kerana ia berlaku di Asia.

Akan tetapi saya bertanya kepada orang Eropah, mengapa terlalu ramai orang Eropah yang faham dan menerima hakikat bahawa muzik Asia sepatutnya berkembang mengikut acuannya sendiri dan tidak semata-mata meniru Beatles, Charles Aznavour dan Mozart, tetapi mengapa terlalu ramai yang tidak dapat menerima sebarang bentuk urus tadbir Asia, yang tidak meniru bentuk pentadbiran Eropah? Mengapa terlalu ramai orang Eropah yang faham dan menghargai seni Asia dan memuji kepelbagaian yang sangat besar serta menerima hakikat bahawa ia tidak betul-betul menyerupai seni Eropah, tetapi mereka berkeras mengatakan cara perniagaan dan ekonomi, politik dan pentadbiran orang Asia tidak sah, melainkan jika ia adalah replika cara Eropah. Mengapa muzik, seni dan sastera Asia mempunyai perbezaan yang unik berbanding muzik, seni dan sastera Eropah, tetapi nilai dan cara demokrasi serta ekonomi Asia dipandang amat hina dan dibenci banyak orang Eropah kerana ia berbeza?

Saya memberitahu orang Eropah bahawa kedua-dua belah pihak patut lebih merendah diri dan kurang angkuh.

Sebagai orang Asia, saya sangat berbangga dengan pencapaian Asia Timur akhir-akhir ini. Kita memiliki keamanan yang lebih terjamin berbanding bila-bila masa pun sepanjang satu setengah abad yang lalu. Walau bagaimanapun, perjalanan kita masih terlalu jauh.

Kita telah lihat gerakan pendemokrasian, pemberian kuasa kepada rakyat dan hak asasi manusia yang merangkumi semua aspek, yang jarang dilihat dalam sejarah manusia. Ia tiada tolok bandingnya. Ia tidak dapat dihalang. Jangka hayat meningkat secara mendadak dari Singapura ke Shanghai. Jangka hayat di Shanghai kini mengatasi New York. Akan tetapi, kita masih di garis permulaan untuk perjalanan yang jauh. Dan kita tidak boleh duduk sambil

berpeluk tubuh dan berpuas hati dengan apa yang telah dicapai.

Baru-baru ini Suruhanjaya Eropah mengeluarkan kertas dasar pembuka jalan berjudul 'Ke Arah Strategi Asia Baru' yang membincangkan perkara berikut: "Pengaruh ekonomi Asia yang sedang berkembang pastinya meningkatkan desakan untuk memperoleh peranan yang lebih besar dalam hal-ehwal dunia. Pada masa yang sama, berakhirnya Perang Dingin telah mewujudkan persekitaran serantau bagi perubahan politik yang tidak ada bandingannya. Sehubungan itu, Kesatuan Eropah patut memulakan dialog politiknya dengan Asia dan mencari jalan untuk lebih melibatkan Asia dalam pengurusan hal-ehwal antarabangsa, berusaha ke arah kesamarataan perkongsian, berupaya memainkan peranan membina dan sebagai penstabil di dunia ini."

Saya tidak tahu sama ada kata-kata ini akan menjadi kenyataan. Akan tetapi, Kesatuan Eropah mungkin berada pada landasan yang betul. Pada peringkat ini, saya tidak percaya Asia Timur pernah terfikir tentang kesamarataan. Akan tetapi kita mahu dihormati. Kemungkinan, pada masa akan datang, kita akan memperolehnya, walaupun sedikit.

Bab 27

ERA PASIFIK: WAWASAN MASA DEPAN

PEMIMPIN terkemuka Pasifik bukannya orang penting yang akan membina komuniti Pasifik yang bakal wujud. Bukan pegawai atau birokrat yang akan membangunkan komuniti Pasifik dengan keamanan dan kemakmuran bersama yang saya harap akan berkembang mekar dalam abad ke-21. Bukan cendekiawan agung dan pihak media berpengaruh yang akan membina *Pax Pacifica*, yang memang bercirikan hasrat warga Pasifik. Apa yang pasti, semua orang perlu bangkit menyahut cabaran itu. Pada waktu tertentu, semua orang harus memainkan peranan paling penting.

Namun, benar atau tidak, ini hanya sekadar pandangan saya bahawa pembangun komuniti Pasifik yang paling mampan yang perlu dibina dalam beberapa hari, minggu, tahun, dan dekad akan datang ialah pekerja, pengurus dan usahawan komuniti perniagaan di negara yang terletak dalam Lingkaran Pasifik.

Saya berkata demikian bukan kerana saya berucap di hadapan begitu ramai pengurus besar industri dan perdagangan di rantau yang luas ini, dan juga di hadapan begitu ramai pemimpin perniagaan Pasifik. Telah berulang kali saya tekankan perkara ini dalam mesyuarat pemimpin kerajaan dan mesyuarat lain yang sering menganggap pandangan sedemikian sebagai munafik. Eloklah saya mengulanginya di depan khalayak yang menganggap pandangan tersebut sesuatu yang sudah jelas dan nyata.

Saya pasti kita sebulat suara mengakui bahawa keamanan dan kestabilan

Ucapan yang disampaikan di Mesyuarat Agung Antarabangsa ke-27 Majlis Ekonomi
Lembangan Pasifik (PBEC) di Kuala Lumpur, Malaysia, pada 23 Mei 1994.

merupakan prasyarat utama Era Pasifik. Tanpa keamanan dan kestabilan, semua tanggapan asas tentang kemajuan perlu dirombak semula. Mujurlah bagi kita di Pasifik, mungkin sejak 150 tahun lalu, persekitaran strategik tidak begitu menggalakkan keamanan dan kestabilan seperti ini. Di banyak bahagian Pasifik, keamanan dan kestabilan telah musnah atau sedang diperkukuh.

Saya sedar sengketa yang dahsyat mungkin berlaku di semenanjung Korea, yang boleh mengubah keseluruhan gambaran strategik dan masa depan Pasifik. Saya menyedari akan kemungkinan pembahagian Kanada. Saya memaklumi isu di Mexico dan sesetengah masalah keselamatan dalaman di bahagian utara dan tengah Amerika. Akan tetapi, saya amat yakin China tidak akan berpecah, Jepun tidak akan hilang arah dan tidak akan wujud pertelingkahan maritim yang ganas di rantau Pasifik.

Semua isu ini dan isu keselamatan lain yang akan timbul mengikut peredaran masa tidak boleh diselesaikan melalui konfrontasi, kuasa dan rintangan mengikut cara lama. Ini kerana kaedah ini tidak dapat mewujudkan keamanan bersama yang menggalakkan, sebaliknya hanya boleh menjamin bahawa *status quo* dan langkaran ganas permusuhan, kelengkapan perang, kesangsian dan kebencian tidak akan berubah. Apa yang pasti, memang ada keadaan apabila pilihan yang lebih baik tidak wujud. Akan tetapi, Pasifik masa kini dan masa depan ialah Pasifik dengan pilihan yang lebih baik.

Kini terdapat terlalu banyak jalan yang boleh dipilih untuk bekerjasama dengan mereka yang dengannya kita bercanggah pendapat, dan dengannya kita perlu mencapai kata sepakat. Ada peluang yang melimpah-ruah untuk bekerja dengan mereka yang pandangan serta kepentingannya berbeza daripada kita, namun memungkinkan keharmonian dicipta, atau paling tidak, mewujudkan perjanjian persetujuan tentang perbezaan pendapat, tanpa perasaan tidak senang. Inilah laluan keselamatan bersama bergerak sehaluan, memahami seteru masing-masing dan isu keselamatan pihak lain, cuba menyesuaikan dan menerima pakai, dan menjalin serta mengeratkan persahabatan.

Paradoks utama pendamaian ialah keamanan sejati wujud paling baik pada waktu aman. Jika suasana persengketaan mula terbentuk, segala-galanya sudah terlambat. Bagi menjamin kewujudan Era Pasifik yang kita impikan, kini dan beberapa tahun akan datang, kita mesti bekerjasama dengan mesra dan gigih untuk mewujudkan Keamanan Pasifik yang mengambil sempena nama lautan yang memukul pantai kita.

Seperkara lain yang agak ketara ialah, kita patut membentuk bukan sahaja masyarakat yang memiliki keamanan bersama tetapi juga kemakmuran bersama. Saya yakin terdapat sekurang-kurangnya dua tonggak untuk usaha

ke arah itu, yang patut ditekankan pada waktu ini.

Pertama, untuk menjamin sistem pasaran Pasifik yang membebaskan kuasa perusahaan yang kejam daripada kawalan dan menggerakkan semua potensi sinergi rantau Pasifik. Kedua, untuk menjamin agar pembangunan sistem ekonomi Pasifik bertaut dengan faham keserantau terbuka.

Kita telah menyaksikan bagaimana ekonomi kawalan pusat jatuh bankrap. Kita juga melihat apa yang dapat dilakukan apabila pasaran menjadi terbuka serta bebas, apabila barangan dan perkhidmatan bebas bertindak terhadap kawalan pasaran dan bukannya terhadap sasaran serta perintah tertentu birokrat, pakar perancangan dan ahli politik. Kita telah melihat kemampuan serta kejayaan China dan Vietnam. Kita patut mencari-cari peluang ekonomi peralihan selanjutnya dan penggabungan keseluruhan ekonomi kita ke dalam sistem pasaran.

Apa yang dapat difahami dalam konteks ekonomi domestik juga dapat difahami dalam ekonomi antarabangsa dan Pasifik. Ekonomi kawalan pusat tidak bermakna dalam konteks ekonomi domestik. Ekonomi kawalan pusat juga tidak bermakna dalam konteks ekonomi antarabangsa.

Era Pasifik juga mesti dibangunkan di atas asas kukuh sistem ekonomi Pasifik yang liberal, dan dapat mengurangkan halangan aliran barangan serta perkhidmatan dengan pantas. Saya percaya kita bertanggungjawab terhadap dunia dan diri kita sendiri selain meneruskannya berlandaskan pengurangan halangan perniagaan yang terletak di luar lingkaran Pasifik. Pasifik merkantil juga dapat difahami seperti Kanada merkantil, Jepun merkantil, atau Amerika Syarikat merkantil.

Walau bagaimana hebat sekalipun kita di Pasifik, jangan sekali-kali kita abaikan masyarakat global. Saya percaya, kita mesti membebaskan diri daripada perangkap yang menjadi punca kelemahan Eropah Barat. Sememangnya amat sukar untuk menemui orang Eropah yang percaya bahawa mereka benar-benar berpusat ke Eropah. Saya juga percaya kebanyakan daripada anda pasti bersetuju dengan saya jika saya katakan bahawa sukar untuk menemui warga Eropah yang benar-benar berpusat ke Eropah, sama ada mereka sedar atau tidak.

Kita di Pasifik jangan sekali-kali mengabaikan sudut pandangan global dan rangka kerja global kita. Komuniti Pasifik yang perlu kita bangunkan tidak sepatutnya memandang ke dalam dan membeza-bezakan bahagian lain dunia. Tidak bijak jika kita di Pasifik berhimpun untuk mengelilingi lingkaran kita, membina sekatan dan menyingkirkan orang lain. Komuniti Pasifik mesti bersifat terbuka kepada dunia, eksport dan pelaburan, kemasukan teknologi dan ekonomi yang menyeluruh, dari bahagian lain dunia.

Di samping komited terhadap globalisasi terbuka di peringkat global dan terhadap faham keserantau besar terbuka di peringkat Pasifik, kita perlu

komited terhadap keserantau terbuka dalam pelbagai rancangan yang mula-mula kita laksanakan. Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta) dan kawasan perdagangan bebas di antara Australia dengan New Zealand (Anzcerta) perlu mencari jalan mengurangkan halangan terhadap ekonomi luar, dan mengurangkan halangan terhadap negara anggota yang menyertainya. Perkara yang sama juga perlu dilakukan untuk apa jua rancangan yang cuba dilakukan di Asia Timur. Apa-apa rancangan Asia Timur untuk kerjasama ekonomi, termasuk EAEC, yang menjadi mangsa akibat terlalu banyak salah maklumat yang disengajakan, mesti digabungkan ke dalam idea keserantau terbuka ini.

Saya telah menggariskan apa yang saya maksudkan dengan 'keamanan bersama' dan 'kemakmuran bersama'. Izinkan saya menjelaskan apa yang saya maksudkan dengan 'komuniti Pasifik sebenar'.

Saya percaya komuniti Pasifik sebenar yang perlu dibangunkan dengan sabar, mestilah kukuh dan disemai dengan persahabatan serta semangat kemasyarakatan. Ia mesti saksama dan berdemokrasi serta memanfaatkan semua anggota keluarga Pasifik. Ia mestilah sebuah komuniti yang dapat bertahan lama, dan bukannya binaan Pasifik yang berasaskan keghairahan sementara atau gabungan sementara kemudahan yang mungkin wujud pada hari ini, tetapi tiada lagi pada esok harinya.

Kita perlu memahami, malah mengalu-alukan, kesungguhan mereka yang baru mengenali Pasifik. Namun, membangunkan komuniti Pasifik yang sebenar bukannya tugas yang patut kita laksanakan dengan penuh romantik, idealisme atau ketidaksabaran akibat kehairanan. Tidak ada ruang untuk peri laku romantik, malah kita seharusnya bersikap wajar untuk mempergunakan sepenuhnya pragmatisme. Idealisme kita mestilah bebas daripada khayalan. Perlu ada ketidaksabaran yang membina, tetapi keseriusan dan stamina untuk jangka panjang adalah lebih penting.

Kita mesti bersedia untuk perjalanan yang amat jauh. Bukan kerana adanya manfaat dalam perjalanan yang jauh, tetapi kerana perjalanan ke arah komuniti Pasifik yang sebenar sememangnya jauh. Sungguh malang sekali, tetapi, itulah hakikatnya.

Kedua, saya percaya apa yang mesti kita bangunkan ialah hubungan antara kita berdasarkan semangat kemasyarakatan, 'seperti dalam sebuah keluarga atau di kalangan sahabat'.

Komuniti Pasifik yang sebenar, perkampungan Pasifik atau keluarga atau rakan Pasifik mesti berlandaskan pengetahuan, kemesraan, persefahaman, empati dan sikap saling mengambil berat serta saling menghormati.

Marilah kita hadapi hakikat ini dengan jujur. Kebanyakan kita di sekitar lingkaran Pasifik ini tidak saling mengenali, malah keakraban hubungan antara satu sama lain dapat diukur dari segi bulan dan bukannya tahun. Ramai

antara kita yang tidak saling mengenali, hampir tidak biasa antara satu sama lain. Tidak hairanlah wujud jurang yang amat besar dalam mencapai kesefahaman, malah jurang dalam pengetahuan asas.

Pada masa ini, ketidakseimbangan yang ketara dapat dilihat bukan sahaja dari segi pengetahuan tetapi juga sikap saling menghormati. Kadang kala seseorang itu cenderung untuk percaya bahawa mereka yang paling tidak mengenali orang lain itulah orang yang berkemungkinan besar akan memberitahu apa yang patut dilakukan untuk mengendalikannya hal-ehwal semasa dan perancangan masa depannya.

Sokongan saya terhadap kesaksamaan dan demokrasi bukanlah satu cubaan untuk menentang kenyataan. Dalam hidup ini, ada pihak yang lebih adil daripada pihak lain. Chile bukan Kanada. Kanada bukan China. Hongkong bukan Jepun, dan Jepun bukan Amerika Syarikat. Malah dalam keluarga sekalipun, kita ada abang atau kakak. Namun peranan kuasa, saiz dan kepemimpinan perlu ada dalam rangka kerja yang lebih kurang saksama. Walaupun ada sedikit perbezaan di sana sini, kita semua tahu apabila sesuatu perkara itu benar-benar tidak saksama atau benar-benar saksama. Walau apa jua kejayaan masa lalu, pada masa akan datang kita tidak dapat bergerak ke depan, komuniti Pasifik yang sebenar tidak dapat dibangunkan berasaskan arahan hegemoni dan kemaharajaan.

Kita juga benar-benar komited untuk membangunkan komuniti Pasifik yang mengamalkan demokrasi bersepakat, dan beroperasi atas prinsip demokrasi dan kesepakatan. Kita semua tahu betapa demokrasi boleh menjadi begitu mengecewakan. Namun, setakat ini itulah sistem terbaik yang dihasilkan untuk mengurus tadbir masyarakat. Perkara ini benar bagi urusan tadbir masyarakat madani sesebuah negara seperti mana ia benar bagi urusan tadbir masyarakat madani bagi manusia.

Kita semua tahu betapa sukarnya mencapai kata sepakat, terutamanya jika melibatkan terlalu ramai pihak dengan latar belakang, pandangan dan kepentingan yang berlainan. Akan tetapi, apakah pilihan lain yang ada? Membayangkan perjanjian yang tidak wujud? Ikut sahaja cadangan menerima pakai rumusan perkataan yang terbaik, tanpa keinginan untuk melihat pelaksanaannya dan menyajungkannya dengan semangat dan kata-kata? Menandatangani perjanjian dan kemudian beria-ia mencari helah melepaskan diri sebelum dakwat kering? Apakah cara lain selain membangunkan sebuah komuniti melalui kata sepakat? Paksaan? Gertakan? Buli? Anda boleh membuat undang-undang untuk sesetengah perkara. Namun begitu, anda tidak boleh membuat undang-undang untuk pertemuan minda, perasaan simpati dan kasih sayang antara rakan, serta ikatan yang merapatkan sebuah keluarga. Komuniti Pasifik sebenar hanya boleh dibangunkan melalui kata sepakat yang semakin mendalam dan meluas tentang pelbagai matlamat dan

pandangan mengenai kaedah yang dikongsi bersama.

Apa yang lebih ketara, semua yang terlibat dalam proses membangunkan komuniti Pasifik mestilah benar-benar dapat merasai bahawa mereka memperoleh manfaatnya, mereka mendapat sesuatu yang tidak mungkin diperoleh tanpa proses tersebut.

Ada yang mempercayai bahawa sejarah tidak dapat dielakkan—dan sejarah Pasifik yang tidak dapat dielakkan adalah menjadi pusat ekonomi dunia masa depan. Saya percaya, sesuatu perkara itu tidak dapat dielakkan hanya jika kita yang menjadikannya demikian.

Era Pasifik akan gagal dari awal lagi jika kita bertelagah dan bergaduh sesama kita, memecahbelahkan Pasifik, mendiskriminasikan blok perdagangan, mewujudkan sempadan di Pasifik, tidak sanggup menawarkan kaedah dan peraturan biasa antara satu dengan lain—seperti status Negara Paling Istimewa (MNF atau *Most Favoured Nation*)—yang menjadi norma di kalangan negara ekonomi dagang.

Saya pasti anda juga bersetuju bahawa Era Pasifik tidak akan mampan jika kita tidak berlaku adil, tidak bersifat lebih terbuka sesama kita, dan tidak melonggarkan ekonomi kita.

Saya pasti anda juga bersetuju bahawa Era Pasifik tidak akan berkembang jika kita tidak melibatkan sepenuhnya semua kemungkinan utama untuk bekerjasama; tidak menggunakan sepenuhnya semua peluang yang ada, dengan mengambil kira hakikat bahawa kita semua mempunyai kekuatan yang berlainan dan kelebihan bandingan.

Jelas sekali, kerajaan perlu memainkan peranan utama. Akan tetapi, saya tidak fikir kerajaan akan memegang semua peranan besar untuk tempoh yang terdekat ini. Tuhan akan membantu kita jika kita mahu membentuk Pasifik yang sama seperti Eurokrat yang menjadi pencampur tangan di Eropah.

Usaha membangunkan komuniti Pasifik mengikut corak Kesatuan Eropah akan menghuru-harakan dan memusnahkan pembangunan komuniti Pasifik jangka panjang. Tiada syarat untuk itu. Akibatnya boleh membawa bencana.

Sebagai menggantikan dokumen undang-undang yang bertimbun-timbun, wujudkan benteng birokrasi yang mendorong langkah ke arah penyepaduan; sebagai menggantikan proses buatan secara paksa, apa yang perlu kerajaan lakukan hanyalah membentuk rangka kerja yang dapat menyemarakkan hubungan sesama insan, suasana dan rangka kerja yang membolehkan usahawan menjalankan urusan hariannya dengan memanfaatkan kemanjuran Pasifik, lalu menjalin hubungan pelaburan, perdagangan dan kesalingbergantungan ekonomi yang menyeluruh yang merupakan asas pembentukan komuniti Pasifik.

Benarkan saya mengakhiri ucapan ini sebagaimana saya memulakannya,

dengan menitikberatkan kepentingan dan peranan sektor swasta. Sektor swasta adalah pembangun paling penting. Makmur dari Pasifik. Makmur dengan Pasifik. Bina jaringan sikap saling menghormati, saling bergantung dan kepentingan bersama yang akan bertahan zaman-berzaman. Tidak ada asas kukuh yang lain untuk mewujudkan Era Pasifik yang diharap akan berkembang dan menjangkau abad ke-21.

INDEKS

- AFTA, *lihat* Kawasan Perdagangan Bebas Asean
- AIA, *lihat* Kawasan Pelaburan Asean
- AICS, *lihat* Rancangan Kerjasama Industri Asean
- APEC, *lihat* Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik
- ARF, *lihat* Forum Serantau Asean
- Asean, *lihat* Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara
- Cyberjaya, 31, 65-66, 70-73, 82, 97, 100
- EC, *lihat* Kesatuan Eropah
- Era Maklumat, 11, 13, 27-29, 41, 52-53, 57, 61-64, 67-68, 70, 75-76, 80-82, 84-86, 91, 93, 97, 99, 107-108, 110, 113-114, 116, 119-120, 123-124, 127, 142, 144
- Forum Serantau Asean, 137
- G15, *lihat* Kumpulan 15
- G7, *lihat* Kumpulan 7
- IAP, *lihat* Panel Penasihat Antarabangsa
- Internet, 2-3, 9, 27, 65, 83, 92
- Kawasan Pelaburan Asean, 43
- Kawasan Perdagangan Bebas Asean, 7, 23-24, 42-43, 138
- Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik, 101-106, 117, 137-138
- Kesatuan Eropah, 117-118, 139, 168, 170
- Koridor Raya Multimedia, 9-13, 27-29, 31-36, 41, 48-50, 52, 64-70, 72-73, 76-78, 82-89, 91-93, 97-100, 107-116, 118-121, 127-128, 143-145,
- Kumpulan 7, 8, 30, 128, 154
- Kumpulan 15, 37-41, 80
- MDC, *lihat* Perbadanan Pembangunan Multimedia
- MSC, *lihat* Koridor Raya Multimedia
- Nafta, *lihat* Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara
- Panel Penasihat Antarabangsa, 9, 11, 48, 68, 115
- Perbadanan Pembangunan Multimedia, 65, 68, 83, 92, 98-100, 115, 120, 128, 144
- Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara, 117-118, 168, 174

INDEKS

- Pertubuhan Negara-negara Asia
Tenggara, 5, 7-8, 13-14, 20-23, 25-
26, 42-44, 46-47, 54-60, 63, 91, 98,
105, 118, 136-140
- Pertubuhan Perdagangan Sedunia,
40, 45, 127, 149
- Putrajaya, 31-32, 65-66, 73, 82, 87,
97, 109, 144
- Rancangan Kerjasama Industri Asean,
43
- Wawasan 2020, 3, 91, 108, 112-114,
161
- WTO, *lihat* Pertubuhan Perdagangan
Sedunia

DR. MAHATHIR MOHAMAD, salah seorang tokoh paling lama dan paling lantang bersuara di pentas politik dunia, menjadi perdana menteri Malaysia sejak 16 Julai 1981. Beliau mula terserlah pada 1969 apabila disingkirkan daripada parti pemerintah, UMNO, kerana menulis surat mengkritik perdana menteri Malaysia ketika itu, Tunku Abdul Rahman. Sebelum diterima kembali ke dalam UMNO pada 1972, beliau menulis sebuah karya terkenal yang penuh dengan kontroversi, *The Malay Dilemma* (1970), yang menyingkap kemunduran ekonomi orang Melayu, dan menyarankan campur tangan negara bagi memulihkan ekonomi orang Melayu. Buku itu diharamkan dengan serta-merta di Malaysia. Dalam buku *A New Deal for Asia* (1999), Dr. Mahathir menyentuh perjuangan Malaysia untuk mencapai kemerdekaan dan menyelar mereka yang menyanjung pasaran bebas secara membuta tuli.

Sebagai perdana menteri keempat Malaysia, Dr. Mahathir memainkan peranan utama dalam kemaraan rakyatnya dengan penuh yakin menuju Wawasan 2020, iaitu rangka tindakan beliau berhubung dengan kemaraan Malaysia ke arah status negara maju. Dilahirkan pada 1925, Dr. Mahathir mendapat pendidikan dalam bidang perubatan di Singapura, tempat beliau menemui isterinya Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali. Selepas berkhidmat sebagai doktor dalam perkhidmatan kerajaan, beliau membuka klinik perubatannya sendiri di bandar kelahirannya, Alor Setar. Pada 1974, beliau meninggalkan bidang perubatan untuk bergiat sepenuh masa dalam kerjaya politiknya. Dr. Mahathir dan isterinya dikurniai tujuh orang anak dan sepuluh orang cucu.

Dr. Mahathir merupakan pelopor Wawasan 2020 Malaysia dan Koridor Raya Multimedia.